LAPORAN TAHUNAN 2019

Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

Isi Kandungan

Perutusan Pengarah Kesihatan Negeri

Kata Alu-Aluan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Pengurusan Tertinggi JKNNS

Sidang Pengarang

Carta Organisasi

Visi, Misi, Objektif Kualiti dan Dasar Kualiti

BAHAGIAN PENGURUSAN
1.1 Unit Sumber Manusia
1.2 Unit Pentadbiran
1.3 Unit Perolehan dan Pengurusan Aset
1.4 Unit Kewangan
1.5 Unit Latihan
1.6 Unit Pembangunan
1.7 Unit Teknologi Maklumat
1.8 Unit Psikologi
1.9 Unit Kejururawatan
1.10 Unit Penolong Pegawai Perubatan

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM
2.1 Unit Perkembangan Kesihatan Awam
2.2 Unit Kesihatan Keluarga
2.3 Unit Primer
2.4 Unit Penyakit Berjangkit
2.5 Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor
2.6 Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit
2.7 Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar
2.8 Unit Pencegahan dan Kawalan AIDS / STI dan HEP
2.9 Unit Tibi Kusta
2.10 Unit Pemakanan
2.11 Unit Promosi Kesihatan
2.12 Unit Inspektorat dan Perundangan Negeri

BAHAGIAN PERUBATAN
3.1 Unit Perkembangan dan Amalan Perubatan
3.2 Unit Kualiti Perubatan
3.3 Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta
3.4 Unit Rekod Perubatan

BAHAGIAN KEJURUTERAAN
4.1 Program Bekalan Air Dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS)
4.2 Program Kawalan Mutu Air Minum (KMAM)
4.3 Seksyen Operasi Hospital
4.4. Seksyen Operasi Klinik

BAHAGIAN PERGIGIAN

BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN



Perutusan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana dengan izin-Nya, Laporan Tahunan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus (JKNNS) 2019 dapat dikeluarkan dengan jayanya sepertimana amalan tahun-tahun sebelum ini.

JKNNS komited dalam membantu individu dan keluarga mencapai dan mengekalkan taraf kesihatan yang optima bagi membolehkannya menjalankan kegiatan ekonomi dan sosial yang produktif dengan menyediakan kemudahan asas dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Seiring dengan itu, Hospital Rembau yang berkapasiti 76 katil merupakan projek sambungan yang diluluskan dalam RMK11 (RP4) telah siap pada 10 Oktober 2019. Dengan penyerahan Hospital Rembau ini, maka lengkaplah setiap daerah di Negeri Sembilan mempunyai hospitalnya tersendiri. Hospital Rembau diletakkan di bawah kluster Hospital Tuanku Jaafar bagi perkongsian perkhidmatan kepakaran.

Sejajar dengan Pewartaan pindaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (pindaan 2018) yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019, semua premis makanan adalah tempat larangan merokok. Sepanjang tempoh 2019, JKNNS terlibat secara aktif dalam melaksanakan penguatkuasaan secara pendidikan. Diharap pelaksanaan penguatkuasaan secara pendidikan ini dapat memudahkan penguatkuasaan secara penuh pada tahun 2020.

Selaras dengan inisiatif Kerajaan yang bertujuan untuk menampung keperluan kesihatan golongan berpendapatan rendah, dengan memberi fokus terhadap penyakit tidak berjangkit (NCD), Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) telah diperkenalkan pada tahun 2019. JKNNS telah melalui fasa pengukuhan pada tahun 2019 di mana fokus utama adalah mengoptimumkan sumber sedia ada untuk memastikan perkhidmatan dapat diberikan dengan kualiti yang lebih baik.

Di samping itu, JKNNS juga telah berjaya menganjurkan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia di Negeri Sembilan yang berlangsung pada 19 hingga 21 Julai 2019.

Akhir kata, penghargaan dan terima kasih saya kepada semua warga jabatan ini yang telah memberi kerjasama dan dedikasi mereka dalam melaksana dan menyempurnakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Penghargaan juga kepada semua yang terlibat di dalam penghasilan Laporan Tahunan JKNNS 2019 ini.

Dato' Dr. Zainudin bin Mohd. Ali
Pengarah Kesihatan Negeri



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah dan syabas kepada warga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) di atas daya usaha untuk menerbitkan Buku Laporan Tahunan 2019 ini.

Laporan ini merupakan informasi berguna kepada semua peringkat jabatan, kementerian dan agensi-agensi lain. Di samping itu, laporan ini diharapkan dapat membantu seluruh warga JKNNS menilai usaha-usaha yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 seterusnya memperbaiki dan meningkatkan lagi usaha serta pencapaian pada masa hadapan.

Sepanjang tahun 2019, keseluruhan prestasi setiap program dan aktiviti menunjukkan peningkatan yang membanggakan dengan peningkatan kualiti kerja dan kemudahan fasiliti perkhidmatan yang telah bertambah baik. Dalam melaksanakan tanggungjawab perkhidmatan kepada penduduk Negeri Sembilan dan sekitarnya, pelbagai cabaran telah berjaya ditempohi bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang disediakan berada pada tahap piawaian yang ditetapkan.

Adalah diharapkan tahun 2020, setiap warga kerja JKKNS akan terus komited dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat Negeri Sembilan. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan oleh warga JKNNS agar terus memberi perkhidmatan yang cemerlang, penuh amanah, ikhlas dan bertanggungjawab.

Datin Dr. Harlina binti Abdul Rashid
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

PENGURUSAN TERTINGGI



SIDANG PENGARANG

Penasihat	**Dato' Dr. Zainudin bin Mohd Ali** Pengarah Kesihatan Negeri Negeri Sembilan Darul Khusus
Pengerusi	**Datin Dr. Harlina binti Abdul Rashid** Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
Ahli-ahli Jawatankuasa:	
Bahagian Pengurusan	Pn. Thelagavathy Naidu a/p Ramasamy
Unit Sumber Manusia	Pn. Noraini binti Mohd Awal
Unit Pentadbiran	Pn. Norzarimah binti Mohamed Hussain Al-Bakri
Unit Perolehan Dan Aset	Pn. Mastura binti Maarop
Unit Kewangan	En. Hedzuwan bin Abu Bakar
Unit Pembangunan	En. Azuwan bin Azahar
Unit Latihan Dan Kualiti	Pn. Devamalini a/p Raja Gopalu
Unit ICT	En. Rashdan bin Md Noor
Unit Kejururawatan	Matron Suria binti Aziz
Unit Pen. Pegawai Perubatan	En. Mohd Yusra bin Mohd Yusof
Unit Psikologi	Pn. Sri Hanum binti Othman
Bahagian Kesihatan Awam	Dr. Suriyati binti Abd Aziz
Unit Perkembangan Kesihatan Awam	Dr. Rosmala binti Mohamad
Unit Kesihatan Keluarga	Dr. Noraziah binti Aboo Bakar
Unit Kesihatan Primer	Dr. Noor Azimah binti Hassan
Unit Kawalan Penyakit Berjangkit	Dr. Muhamad bin Ismail
Unit Tibi dan Kusta	Dr. Norliza binti Ahmad
Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit	Datin Seri Dr. Norzakiah binti Mohd Tahir
Unit Kesihatan Pekerjaan Dan Alam Sekitar	Dr. Zuraida binti Mohamed

Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor	Dr. Netty Darwina binti Mohd Dawam
Unit HIV/ STI/ HEP	Dr. Sharifah Nor binti Ahmad
Unit Pemakanan	Pn. Norliza binti Zainal Abidin
Unit Promosi	En. Mohd Fadhil bin Madzlan
Unit Inspektorat dan Perundangan Negeri	En. Shanmugam a/l Kandasamy
Bahagian Perubatan	Dr. Bhawani a/p Thangaratnam
Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta	Dr. Noraziah binti Abd. Rahman
Unit Perkembangan Amalan Perubatan	Dr. Nur Ain binti Rahim
Unit Kualiti Perubatan	Dr. Siti Hanisah binti Zainal
Unit Rekod Perubatan	Pn. Maznah binti Mahat
Bahagian Kejuruteraan	**En. Aminurrahman bin Rashid Ali**
Program Bekalan Air Dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS)	En. Asmalisa bin Rashid Ali
Program Kawalan Mutu Air Minum (KMAM)	Pn. Annur Faizi binti Muhamad Yatim
Seksyen Operasi Hospital	Pn. Norlyana binti Zulkifi
Seksyen Operasi Klinik	En. Mohd Tarmizi Syazwan bin Ab Aziz
Bahagian Pergigian	Dr. Nurul Ain binti Azmi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi	Pn. Adibah Husna binti Ahmad Maher
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan	Pn. Nor Azura binti Ja'afar
Urusetia / Suntingan	Cik Nor Linda binti Mokhtar
	Pn. Maznah binti Mahat
	Pn. Siti Hajar binti Md Yunos

CARTA ORGANISASI



Menjalankan visi selaras dasar Kementerian Kesihatan Malaysia :

Negara menggembeleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik.

MISI


Ibu Pejabat, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus komited dalam merancang, mengurus dan mengawal selia penyampaian perkhidmatan kesihatan melalui promosi, pencegahan, perawatan dan pemulihan secara profesional, berkualiti serta efisien ke arah peningkatan tahap kesihatan masyarakat yang lebih berkualiti.

OBJEKTIF

Membantu individu dan keluarga mencapai dan mengekalkan taraf kesihatan yang optima bagi membolehkannya menjalankan kegiatan ekonomi dan sosial yang produktif dengan menyediakan kemudahan asas dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Tumpuan diberi kepada rakyat yang kurang bernasib baik

DASAR KUALITI

Ibu Pejabat, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus akan memastikan bahawa sistem pengurusan yang diamalkan mematuhi keperluan MS ISO 9001:2015 dan beriltizam ke arah pengurusan, perancangan dan pemantauan program-program yang berkesan melalui promosi kesihatan, pencegahan penyakit, rawatan penyakit, pemulihan dengan berpaksikan pelanggan *(client-centered)* dan penambahbaikan yang berterusan.



BAHAGIAN PENGURUSAN

1.1 UNIT SUMBER MANUSIA

PENGENALAN

Unit Sumber Manusia adalah satu unit di bawah Bahagian Pengurusan, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Unit Sumber Manusia bertanggungjawab memastikan segala urusan dilaksanakan berdasarkan dasar-dasar pengurusan perjawatan dan perkhidmatan personel berlandaskan peraturan-peraturan, pekeliling-pekeliling yang telah ditetapkan dari masa ke masa.

VISI

Memastikan Unit Sumber Manusia menjadi organisasi terbaik dalam pembangunan sumber manusia yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti dalam meningkatkan mutu perkhidmatan yang cemerlang demi kepuasan pelanggan.

MISI

Memastikan Unit Sumber Manusia mempunyai anggota yang cekap, bertanggungjawab, berpengetahuan dan berkemahiran berasaskan budaya kerja yang cemerlang. Memastikan perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi menentukan organisasi mempunyai sumber manusia yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti bagi mencapai objektif bahagian pengurusan.

OBJEKTIF

Untuk memastikan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan khasnya dan Kementerian Kesihatan Malaysia amnya mempunyai sumber dan struktur organisasi yang sempurna dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang kepada semua anggota.

FUNGSI

Melaksanakan dasar-dasar pengurusan perjawatan dan perkhidmatan personel berlandaskan peraturan-peraturan, pekeliling-pekeliling yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa.


Jadual 1 : Kedudukan Perjawatan dan Pengisian Kakitangan JKNNS Mengikut Program, 2019

Bil.	Program	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
1.	Pengurusan	120	115	5
2.	Kesihatan Awam	4,129	3,808	321
3.	Perubatan	6,504	6,162	342
4.	Pergigian	917	867	50
5.	Farmasi	40	39	1
6.	Keselamatan dan Kualiti Makanan	75	70	5
	Jumlah	**11,785**	**11,061**	**724**

Jadual 2 : Ringkasan Kedudukan Perjawatan Mengikut Kumpulan Di JKNNS Tahun 2019

Bil.	Program	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
1.	JUSA	48	43	5
2.	Pengurusan dan Profesional	2,387	2,425	133
3.	Sokongan 1	6,917	6,388	529
4.	Sokongan 2	2,433	2,205	228
	Jumlah	**11,785**	**11,061**	**724**

Rajah 1 : Kedudukan Perjawatan dan Pengisian di JKNNS Tahun 2019



Jadual 3 : Kedudukan Perjawatan Mengikut Kumpulan dan Program di JKNNS Tahun 2019

Bil.	Program	Jumlah					
		Pengurusan	Kesihatan Awam	Perubatan	Pergigian	Farmasi	BKKM
1.	JUSA	1	10	33	4	0	0
2.	Pengurusan dan Profesional	19	852	1,238	237	27	14
3.	Paramedik dan Auksiliari	0	2,220	3,273	425	0	52
4.	Sokongan 1	80	182	638	39	4	4
5.	Sokongan 2	20	865	1,322	212	9	5
	Jumlah	**120**	**4,129**	**6,504**	**917**	**40**	**75**

Jadual 4 : Latihan Unit Sumber Manusia, 2019

Bil.	Kursus	Tarikh	Kumpulan Sasaran	Jumlah Anggota
1.	Bengkel Pengukuhan Data Perjawatan Pegawai Perubatan di Pejabat Kesihatan Daerah	13/06/2019	Anggota Unit Sumber Manusia JKNNS & PKD	10
2.	Bengkel Pemetaan Perjawatan Program Pengurusan dan Kesihatan Awam	16/07/2019 17/07/2019 22/07/2019	Anggota Unit Sumber Manusia JKNNS & Ketua Profesion Program Kesihatan Awam	30
3.	Kursus Persaraan, Cuti dan Gantian Cuti Rehat	9/10/2019 - 10/10/2019	Anggota Sumber Manusia JKNNS & Pusat Tanggungjawab	50
4.	Bengkel Tatatertib (Penyelia)	14/02/2019	Ketua PTJ dan di Ibu Pejabat & Pusat Tanggungjawab	45
	Bengkel Tatatertib (Urusetia)	1-2/04/2019	Urusetia Tatatertib di Ibu Pejabat & Pusat Tanggungjawab	45

Jadual 5 : Pencapaian Aktiviti Unit Sumber Manusia, 2019

Bil.	Aktiviti	Pencapaian
1.	Bilangan Pengesahan Pelantikan Diproses	148
2.	Bilangan Pengesahan Perkhidmatan Diproses	30
3.	Bilangan Urusan Naik Pangkat Diproses	1,254
4.	Bilangan Permohonan Ke Luar Negeri Diproses	1,558
5.	Bilangan Permohonan Pertukaran Diproses	1,184
7.	Bilangan Permohonan Tanggung Kerja Diproses	330
8.	Bilangan Permohonan Persaraan Diproses	44
9.	Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) JKNNS	3 kali
10.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS, KKM	2 kali
11.	Mesyuarat Pertukaran / Penempatan Sumber Manusia	18 kali
12.	Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)	3 kali
13.	Laporan Perjawatan ke KKM	4 kali
14.	Laporan Tatatertib Dihantar ke KKM	4 kali
15.	Naziran Perkhidmatan dan Perjawatan ke PTJ	2 kali

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, Unit Sumber Manusia telah dapat melaksanakan sasaran yang ditetapkan sebagaimana dirancang pada tahun 2019. Usaha penambahbaikan dari masa ke semasa tetap diteruskan bagi memantapkan lagi pengurusan sumber manusia dan juga dalam penyampaian perkhidmatan kepada anggota Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan.

1.2 UNIT PENTADBIRAN

PENGENALAN

Unit Pentadbiran antara komponen utama yang menyokong kepada penyampaian perkhidmatan di Bahagian Pengurusan khasnya dan Ibu Pejabat Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan di bawah Bahagian Pengurusan. Unit ini bertanggungjawab mengurus perjalanan pentadbiran am termasuk merancang, menyelaras dan melaksanakan urusan *housekeeping* seperti urusan surat-menyurat dan pengeposan, kad perakam waktu, pengurusan kenderaan dan pengurusan kontrak perkhidmatan seperti pembersihan, keselamatan, penghawa dingin, kafetaria, mesin fotostat, mesin air minuman, peralatan *hygiene*, penyelenggaraan lif dan rawatan kimia *cooling tower*.

Bagi memberikan perkhidmatan sokongan kepada semua, Unit Pentadbiran juga bertanggungjawab terhadap pengurusan keselamatan bangunan, pengurusan rekod dan fail, pengurusan penyewaan premis, penyelenggaraan bangunan termasuk keperluan utiliti seperti telefon, bekalan elektrik dan air. Di samping itu, Unit Pentadbiran juga bertanggungjawab sebagai urusetia dalam majlis-majlis rasmi Jabatan, mesyuarat-mesyuarat utama seperti Mesyuarat Pagi, Mesyuarat Pengurusan Ketua Jabatan, Mesyuarat TPKN Pengurusan Bersama Pengurusan Pusat Tanggungjawab, Mesyuarat Pemilihan Pencalonan Pingat dan Darjah Kebesaran, Mesyuarat Pemilihan Pasukan Petugas Perubatan Haji, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aduan Awam dan Mesyuarat Ketua Unit Pengurusan.

Sebagai Penyelaras Aduan dan Korporat JKNNS pula, Unit Pentadbiran turut berfungsi sebagai *frontliner* dalam menyelesaikan aduan dan maklum balas yang diterima dari pelbagai sumber sama ada akhbar, media sosial, emel, surat, panggilan telefon atau hadir sendiri bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada *stakeholder* disamping mengekalkan imej Jabatan melalui pelbagai indikator.

VISI

Mewujudkan perkhidmatan pentadbiran yang dinamik, professional dan mesra pelanggan.

MISI

Menyediakan perkhidmatan yang cekap berkesan dan selari dengan keperluan pelanggan.

OBJEKTIF

Menyokong pelaksanaan aktiviti Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan dengan menggunakan segala sumber yang ada berdasarkan pekeliling, peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa.

PELAKSANAAN AKTIVITI TAHUN 2019

Sepanjang tahun 2019, aktiviti utama telah dilaksanakan oleh Unit Pentadbiran mengikut sasaran yang ditetapkan. Terdapat juga tambahan aktiviti yang dijalankan secara kerjasama dengan agensi luar bagi menggalakkan perkongsian idea.

JADUAL 1 : RINGKASAN AKTIVITI PENTADBIRAN TAHUN 2019

Bil.	Aktiviti	Pencapaian
1.	Pengurusan surat menyurat	4,533 surat diterima melalui sistem eSurat, diasing dan diagihkan. Surat-surat yang dihantar melalui perkhidmatan pos : ➢ Pos biasa : 6,412 ➢ Pos berdaftar : 906 ➢ Pos laju : 245
2.	Pengurusan Fail	Pendaftaran Fail Baru ➢ Peribadi : 1,251 ➢ Am : 560 Permohonan pelupusan : 3,601 Jumlah Fail : 28,632
3.	Keselamatan • Pas Keselamatan / Akses	Sejumlah 362 bilangan yang diselenggarakan.
4.	Pemilihan ahli pasukan petugas Haji	Seramai 100 ahli pasukan petugas telah dipilih untuk saringan di peringkat KKM.
5.	Kursus	Kursus Pemanduan Defensif Protokol dan Penyelenggaraan Kenderaan bagi memberi pendedahan kepada semua pemandu Jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) pada 6 hingga 8 April 2019.
6.	Pengurusan Bengkel	➢ Bengkel Pengurusan Aduan telah diadakan pada 22 April 2019 bagi penyelarasan aduan peringkat Negeri dan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ). ➢ Bengkel Pengurusan Rekod Jabatan telah diadakan pada 29 hingga 31 Oktober bagi memberi pendedahan kepada semua pegawai rekod Jabatan dan PTJ.
7.	Taklimat	Taklimat Waktu Bekerja Fleksi dan Penggunaan Sampul Kecil telah diadakan pada 10 September 2019 kepada semua kakitangan Jabatan dan PTJ.
8.	Mesyuarat Yang Diadakan pada tahun 2019	➢ Mesyuarat Pagi 10 kali ➢ Mesyuarat Pengurusan Ketua Jabatan 3 kali ➢ Mesyuarat TPKN Pengurusan Bersama Pengurusan PTJ 10 kali ➢ Mesyuarat Pemilihan Pencalonan Pingat dan Darjah Kebesaran 1 kali ➢ Mesyuarat Pemilihan Pasukan Petugas Perubatan Haji 1 kali ➢ Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aduan Awam 3 kali ➢ Mesyuarat Ketua Unit Pengurusan 10 kali
9.	Inspektorat Keselamatan	Inspektorat Susulan Pengurusan Keselamatan Perlindungan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Negeri Sembilan pada 19 April 2019 bagi mengenalpasti tahap keselamatan perlindungan di Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan.

PRESTASI PENGURUSAN ADUAN

Selaras dengan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia supaya semua agensi kesihatan menggunakan aplikasi Sistem Pemantauan Aduan Awam Bersepadu (SiSPAA) secara atas talian dalam pengurusan aduan, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan telah melaksanakan pemantauan aduan melalui SiSPAA mulai Januari 2014 dan diteruskan pada tahun 2019. Melalui aplikasi tersebut, sebanyak 493 aduan telah diterima pada tahun 2019 dan sebanyak 94.12% aduan telah berjaya diambil tindakan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam KPI Jabatan.

PENGURUSAN MAJLIS RASMI JABATAN

Sepanjang tahun 2019, Unit Pentadbiran diberi tanggungjawab dalam pengurusan Majlis Rasmi Jabatan. Senarai majlis yang berjaya dijalankan sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut:

Jadual 3 : Senarai Majlis Rasmi Jabatan Tahun 2019

Bil.	Program	Tarikh
1.	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 Dan Majlis Jasamu Dikenang 2019 Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan	12.03.2019
2.	Majlis Tilawah Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia di Negeri Sembilan.	19 -21.07.2019
3.	Majlis Berbuka Puasa Peringkat Negeri	21.05.2019
4.	Perhimpunan Khas Merdeka	21.08.2019

AKTIVITI LATIHAN PASUKAN KESELAMATAN KEBAKARAN

Unit Pentadbiran telah berjaya mengadakan Latihan Pasukan Keselamatan Kebakaran di Ibu Pejabat, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan pada 17 Oktober 2019. Latihan ini mendapat kerjasama yang amat baik daripada pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jalan Zaaba, Seremban, Negeri Sembilan.

Latihan ini dirangka selaras dengan keperluan dalam memberi pendedahan kepada semua kakitangan dan orang awam yang berurusan mengenai kesedaran kebakaran di Jabatan ini. Latihan ini melibatkan seramai 370 orang kakitangan termasuk kafeteria di premis bangunan JKNNS dan orang awam yang berurusan di Jabatan ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, Unit Pentadbiran telah dapat melaksanakan sasaran yang ditetapkan sebagaimana dirancang pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, usaha penambahbaikan dari semasa ke semasa tetap diteruskan bagi memantapkan lagi perkhidmatan. Dedikasi pegawai-pegawai Unit Pentadbiran merupakan aset yang amat berharga dalam menjayakan sasaran tersebut.

1.3 UNIT PEROLEHAN DAN PENGURUSAN ASET

PENGENALAN

Unit Perolehan dan Pengurusan Aset diwujudkan pada awal tahun 2012 dan telah ditukar nama menjadi Seksyen Perolehan dan Pengurusan Aset pada tahun 2019. Seksyen ini bertanggungjawab mengendalikan semua urusan yang berkaitan dengan tatacara perolehan, pengurusan aset dan stor secara cekap, berhemah dan telus.

Pada masa ini, Seksyen Perolehan dan Pengurusan Aset mempunyai kekuatan seramai 11 orang yang diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir Dan Diplomatik bagi memantau unit-unit di bawahnya iaitu Perolehan dan Pengurusan Aset. Unit Perolehan diterajui oleh 5 orang pegawai, manakala 4 orang pegawai melaksanakan urusan aset dan stor. Antara tugasan Seksyen ini adalah seperti berikut:

- Melaksanakan urusan perolehan seperti rundingan terus, sebutharga dan tender.
- Menjadi urusetia dalam Mesyuarat Sebutharga dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan. (JKPAK).
- Melaksanakan urusan berkaitan aset seperti penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan dan pelupusan aset.
- Memantau dan menyediakan laporan bagi kes-kes kehilangan dan hapuskira.
- Mengurus perlantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasatan.
- Menyelaras laporan-laporan suku tahun dan tahunan bagi Aset Jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

VISI

Memperkasakan program / aktiviti Perolehan dan Pengurusan Aset yang sistematik, berkualiti, cekap dan penuh integriti dalam memenuhi keperluan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan.

MISI

Mencapai piawaian kualiti yang tinggi dalam pengurusan Perolehan, Aset dan Stor.

OBJEKTIF

Merancang, mengurus dan melaksana aktiviti perolehan, pengurusan aset dan stor bagi memenuhi keperluan jabatan selaras dengan dasar-dasar sedia ada. Memantau dan menilai aktiviti perolehan, pengurusan aset dan stor bagi memastikan kecekapan dalam mematuhi jangka masa dan piawaian.

PENCAPAIAN

PEROLEHAN

Unit ini telah menguruskan perolehan tender dan sebutharga sepanjang tahun 2015 hingga 2019 seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1 : Bilangan Tender dan Sebut Harga yang diuruskan oleh Unit Perolehan dari tahun 2015 - 2019

Perkara	Sebutharga					Tender				
	2015	2016	2017	2018	2019	2015	2016	2017	2018	2019
Bekalan Bahan Mentah Basah	0	1	0	0	0	1	4	2	3	2
Kawalan Keselamatan	12	5	5	4	3	1	4	2	4	3
Kebersihan	1	1	1	1	1	0	0	0	0	0
Peralatan Perubatan	7	8	3	17	13	0	0	0	7	7
Peralatan Bukan Perubatan	11	5	8	14	7	0	1	0	2	1
Kerja-Kerja	12	15	10	13	3	0	0	0	0	0
Reagent	0	2	0	0	1	0	1	2	5	1
Perkhidmatan Sokongan Klinikal	0	0	0	0	4	0	0	0	1	0
Ubat	1	1	1	1	2	0	0	0	0	1
ICT	2	0	1	3	5	0	0	0	0	3
Susu	0	0	0	0	0	1	1	0	0	1
Jumlah	**46**	**37**	**29**	**53**	**39**	**3**	**11**	**6**	**22**	**19**
Jumlah Keseluruhan	**204**					**61**				

PENGURUSAN ASET ALIH DAN STOR KERAJAAN

Kedudukan Aset Alih Kerajaan

Kedudukan keseluruhan Aset Alih Kerajaan (Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah) bagi Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan pada 31 Disember 2019 berjumlah RM523.341 Juta dengan 139,945 butiran perincian seperti **Jadual 2** berikut:

Jadual 2 : Kedudukan Aset Alih Kerajaan sehingga 2019

Jenis Aset Alih	Bilangan Aset	Nilai Perolehan Asal (NPA)
Harta Modal (HM)	31,214	RM 466.958 Juta
Aset Bernilai Rendah (ABR)	108,731	RM 56.383 Juta
Jumlah	**139,945**	**RM 523.341 Juta**

Pelupusan

Pada tahun 2019, jumlah keseluruhan pelupusan aset alih bagi kategori peralatan perubatan, peralatan pergigian, peralatan am, kenderaan dan perabot bagi nilai yang diluluskan oleh Pengarah Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan bagi aset yang nilai perolehan asalnya setiap satu tidak melebihi RM50,000.00 dan nilai agregatnya tidak melebihi RM500,000.00 adalah sebanyak RM1,466,209.88 dengan 157 butiran di mana 105 butiran merupakan harta modal yang bernilai RM1,445,231.88 dan 52 Aset Bernilai Rendah (ABR) bernilai RM20,978.00. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 3**.

Manakala pelupusan aset bagi nilai perolehan tidak melebihi RM200,000.00 setiap satu atau nilai agregatnya tidak melebihi RM 2 juta dan diluluskan oleh Setiausaha Bahagian Perolehan dan Penswastaan KKM adalah sebanyak 9 butiran yang berjumlah RM625,100.00 seperti di **Jadual 4**.

Jadual 3 : Pelupusan Aset yang Diluluskan Oleh Pengarah JKNNS

Jenis Aset	Bilangan Aset Yang Dilupuskan		Nilai (RM)
Alat Perubatan	H	11	620,101.00
	I	0	0.00
Alat Pergigian	H	57	703,091.00
	I	13	5,592.00
Alat Am/ Elektronik/ Elektrikal	H	37	122,039.88
	I	11	8,938.00
Kenderaan	H	0	0.00
Perabot	I	28	6,448.00
Jumlah	**157**		**1,466,209.88**

***H=Harta Modal** ***I=Inventori**

Jadual 4 : Pelupusan Aset yang Diluluskan Oleh Setiausaha Bahagian Perolehan dan Penswastaan KKM

Jenis Aset	Bilangan Aset Yang Dilupuskan		Nilai(RM)
Alat Perubatan	H	5	376,500.00
	I	0	-
Alat Pergigian	H	4	248,600.00
	I	-	-
Alat Am/ Elektronik/ Elektrikal	H	-	-
	I	-	-
Kenderaan	H	-	-
Perabot	I	-	-
Jumlah	**9**		**625,100.00**

***H=Harta Modal** ***I=Inventori**

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pada tahun 2019 Seksyen Perolehan dan Pengurusan Aset telah menujukkan pencapaian yang sangat baik dan berjaya mencapai semua sasaran yang telah ditetapkan pada awal tahun. Walau bagaimanapun, sSeksyen ini sentiasa berusaha memantapkan dan memperkemaskan urusan-urusan yang dilaksanakan bagi mencapai objektif Seksyen ini secara lebih khusus.

1.4 UNIT KEWANGAN

PENGENALAN

Seksyen Kewangan adalah satu seksyen di bawah Bahagian Pengurusan, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Seksyen Kewangan bertanggungjawab memastikan segala urusan berkaitan hal-hal kewangan berjalan dengan sempurna dan mengikut peraturan dan prosedur kewangan yang berkuatkuasa dengan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dalaman dan luaran.

VISI

Peneraju Pengurusan Kewangan yang cemerlang ke arah pencapaian visi Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan.

MISI

- Merancang semua aktiviti di bawah pengurusan kewangan dengan teratur dan efisyen.
- Menggunakan sumber manusia dan lain-lain sumber secara berkesan untuk melaksanakan pengurusan kewangan yang berkesan.
- Membuat kawalan dan pemantauan prestasi perbelanjaan dan kutipan hasil.
- Menguatkuasakan semua peraturan kewangan.

OBJEKTIF

Bertanggungjawab memberikan khidmat sokongan pengurusan kewangan Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi membolehkan semua aktiviti dalam program pengurusan berjalan lancar, sempurna dan berkesan ke arah pencapaian objektif Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan selaras dengan peraturan-peraturan Kewangan yang masih berkuatkuasa.

FUNGSI UTAMA

Fungsi utama Seksyen Kewangan Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan:

- Agihan Peruntukan
- Pengurusan Perbelanjaan
- Pengurusan Perolehan
- Pinjaman Komputer
- Pinjaman Kenderaan
- Pengurusan Gaji dan Elaun-elaun
- Pengurusan Hasil
- Naziran Pengurusan Kewangan
- Pemeriksaan Mengejut Terimaan ke Pemungut Kecil

Bil.	Aktiviti	Bilangan	
		2018	2019
1.	Bilangan Baucar Bayaran	3,617	4,505
2.	Bilangan Pesanan Tempatan	1,175	988
3.	Bilangan Tuntutan Panjar Wang Runcit	174	169
4.	Bilangan Pinjaman Komputer	158	241

KURSUS-KURSUS ANJURAN SEKSYEN KEWANGAN

Sepanjang tahun 2019, Seksyen Kewangan telah menganjurkan kursus-kursus berikut:
1. Kursus *Training of Trainers* (TOT) Pengurusan Hasil Bil. 1/2019 pada 23 April 2019 hingga 24 April 2019.
2. Kursus Pengurusan *Stress* untuk Seksyen Kewangan, Seksyen Pembangunan, dan Seksyen Teknologi Maklumat JKNNS pada 27 September 2019 sehingga 29 September 2019.
3. Kursus *Training of Trainers* (TOT) Pengurusan dan Amalan Terbaik (PAKAR) pada 4 November 2019 sehingga 6 November 2019.

PENCAPAIAN SEKSYEN KEWANGAN

Pada tahun 2019 Sekyen Kewangan telah merima kunjungan daripada beberapa pihak untuk diaudit iaitu:

Bil.	Nama Jabatan / Agensi	Tajuk Naziran	Keputusan
1.	Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan	Pengauditan Interim	Baik
2.	Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Sembilan	Naziran Pengurusan Gaji	Cemerlang
3.	Cawangan Audit Dalam KKM	Pengauditan Pengurusan Kewangan	Baik
4.	Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan	Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan dan Akaun	Baik
5.	Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Putrajaya	Verifikasi Laporan Prestasi Pengurusan Kewangan dan Akaun (LPPKA)	Baik

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS MENGIKUT PROGRAM BAGI TAHUN 2019

Bagi tahun 2019, Seksyen Kewangan telah menguruskan sejumlah RM1,062,555,416 peruntukan Bajet Mengurus yang diagihkan oleh Kementerian Kesihatan seperti berikut :

Bil.	Program	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Perbelanjaan (%)
1.	Pengurusan	9,965,736	11,035,923	110.74
2.	Perubatan	545,570,719	585,837,264	107.38
3.	Kesihatan Awam	279,534,153	300,204,197	107.39
4.	Kesihatan Pergigian	50,268,864	54,519,284	108.46
5.	Farmasi	3,757,720	4,112,244	109.43
6.	Penyelidikan dan Sokongan Teknikal	4,761,253	4,610,289	96.83
7.	Keselamatan dan Kualiti Makanan	2,208,350	2,475,205	112.08

Bil	Program	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Perbelanjaan (%)
8.	Emolumen Kakitangan Kontrak	66,543,266	65,646,376	98.65
9.	Perkhidmatan Sokongan Hospital	76,902,174	74,267,555	96.57
10.	Tuntutan Rawatan Ubat Pesara	5,530,300	5,450,494	98.56
11.	Perkhidmatan Sokongan Klinik	8,690,332	8,560,522	98.51
12.	Pengoperasian Fasiliti Baru	5,568,159	5,426,278	97.45
13.	Aset/Harta Modal/ Kenderaan	3,254,390	3,236,878	99.46
	Jumlah	**1,062,555,416**	**1,125,382,509**	**105.91**

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya Seksyen Kewangan telah berjaya mencapai objektif dalam melaksanakan aktiviti pengurusan kewangan dan khidmat nasihat berkaitan tadbir urus kewangan bagi tahun kewangan 2019.

1.5 UNIT LATIHAN DAN KUALITI

PENGENALAN

Unit Latihan dan Kualiti merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Pengurusan yang bertanggungjawab mengendalikan sepenuhnya aspek pengurusan latihan di Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Fungsi dasar Unit Latihan dan Kualiti adalah menyelaras dan mengendalikan kursus-kursus:

- Latihan Dalam Perkhidmatan (Generik dan Fungsional)
- Latihan Asas Dalam Perkhidmatan

Unit Latihan dan Kualiti menjadi urusetia dan menyelaras mesyuarat peringkat negeri seperti:

- Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Pos-Basik
- Mesyuarat Jawatankuasa CPD
- Mesyuarat Jawatankuasa *Joint Management Committee* (JMC)
- Mesyuarat Jawatankuasa EKSA (DIY)

Unit Latihan dan Kualiti menyelaras sebagai Pentadbir sistem :

- e-Pelatih
- e-Latihan
- e-Tempahan
- myCPD

VISI

Melaksanakan dasar latihan yang berkualiti bagi melahirkan anggota sumber manusia yang berkompetensi dan berteraskan pembangunan insaniah.

MISI

Menghasilkan pegawai dan anggota yang berkemahiran dan cekap serta berkualiti.

OBJEKTIF

Membangunkan modal insan yang cemerlang melalui Pelan Latihan yang strategik serta peningkatan kualiti Jabatan secara keseluruhan.


PENCAPAIAN TAHUN 2019

a) Laporan Prestasi menghadiri kursus sekurang-kurangya satu (1) hari berkursus mengikut Bahagian di Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus

Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam menggalakkan setiap anggota perkhidmatan awam mengikuti kursus sekurang-kurangnya tujuh hari dalam setahun selaras dengan usaha untuk melahirkan anggota sumber manusia yang berkelayakan dan berkebolehan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar tersebut telah ditangguhkan seperti arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, surat Bil.JPA(1)S.175/4/1-1 klt 22 (38) bertarikh 29 Februari 2016 melalui surat edaran KSU KKM.500-5/11/1 (6) bertarikh 31 Mac 2016.

Susulan itu, warga Jabatan diwajibkan untuk menghadiri kursus sekurang-kurangya satu (1) hari dalam setahun sebagai kawalan dalaman untuk menambah pengetahuan dan kemahiran warga bagi memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi.

Rajah 1 : Peratusan warga bahagian yang menghadiri kursus sekurang-kurangnya satu (1) hari dalam tahun 2019




b) Pelaksanaan kursus-kursus tahun 2019

Unit Latihan dan Kualiti telah menyelaraskan kursus Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) dan Program Transformasi Minda (PTM) sepanjang tahun 2019. Kursus dan latihan dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kompetensi anggota perkhidmatan awam supaya berkebolehan dan berkeupayaan melakukan tugas dengan cepat dan menepati standard umum yang ditentukan oleh organisasi.

Manakala PTM dilaksanakan supaya anggota perkhidmatan awam yang baru dilantik diberi pengenalan dan pendedahan kepada budaya kerja dan nilai-nilai positif anggota perkhidmatan awam. Di samping itu, ia bertujuan meningkatkan kemahiran sedia ada dan mendedahkan kemahiran baru bagi meningkatkan kompetensi anggota perkhidmatan awam.

Rajah 2 : Bilangan kursus Latihan Dalam Perkidmatan (LDP) dan Program Transformasi Minda (PTM) yang dilaksanakan tahun 2019 di Bahagian Pengurusan



b) Penyelarasan Mesyuarat Peringkat Negeri Tahun 2019

I. Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Pos Basik
- 19 Jun 2019
- 17 Disember 2019

II. Mesyuarat Jawatan Kuasa Joint Management Committee IPTA / IPTS
- 17 Disember 2019

KESIMPULAN

Kemajuan anggota Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan sememangnya harus disulami dengan pembangunan insaniah dan kompetensi yang tinggi. Unit Latihan dan Kualiti akan sentiasa memberi penekanan terhadap penyediaan latihan dan kursus yang menjurus kepada aspek pembangunan.

1.6. UNIT PEMBANGUNAN

PENGENALAN

Seksyen Pembangunan bertanggungjawab bagi memastikan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian *outcome* semua projek-projek pembangunan jabatan termasuk projek-projek di bawah peruntukan Kerja-Kerja Naiktaraf dan Pembaikan berjalan dengan lancar serta mengikut prosedur yang ditetapkan.

VISI

Untuk menjadikan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan sebuah negeri yang mempunyai individu, keluarga, masyarakat yang sihat dan sejahtera melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan untuk program-program kesihatan, perubatan dan pergigian. Dilaksanakan secara professional, efisien, saksama dan mesra.

MISI

Seksyen Pembangunan akan memberikan komitmen sepenuhnya ke atas pelaksanaan program perkhidmatan kesihatan, perubatan dan pergigian yang merangkumi bidang promosi, pencegahan, perawatan dan pemulihan ke arah peningkatan taraf hidup berkualiti.

OBJEKTIF

Mengurus prestasi fizikal dan kewangan bagi projek-projek pembangunan kesihatan di Negeri Sembilan.

LATAR BELAKANG

Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11, Rolling Plan Ke-4 (RMK-11 RP-4) telah diluluskan peruntukan sebanyak **RM697,865,891.00** iaitu sebanyak **RM677,415,891.00 adalah bagi projek sambungan** manakala **RM30,450,000.00** bagi **Projek Baru.**

Siling perbelanjaan peruntukan pelaksanaan projek-projek tersebut bagi tahun 2019 adalah sebanyak **RM48,515,831.00.** Berdasarkan bilangan jumlah projek, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan diluluskan adalah sebanyak **13 projek** di mana **11 adalah projek sambungan** dan **2 adalah projek baru.** Kedudukan peruntukan dan bilangan projek adalah seperti pada **Jadual 1** dan **Jadual 2**:

Jadual 1 : Bilangan Projek RMK-11

Butir-butir Projek	Projek RMK11 (Rolling Plan Keempat)	
	Projek Sambungan	Baru
BP 00100 Latihan		
00101 Pembinaan Baru		
00102 Naiktaraf		
BP 00200 Kesihatan Awam		
00201 Kesihatan Luar Bandar	3	
00203 Kesihatan Bandar	1	1
BP 00300 Kemudahan Hospital	5	
BP 00400 Hospital Baru	1	
BP 00900 Kemudahan Anggota		
00901 Kuarters Luar Bandar		
00904 Pejabat		
00110 Peralatan	1	1
Jumlah	**11**	**2**

Jadual 2 : Siling Peruntukan RMK-11 Mengikut Butiran Projek

Butir-butir Projek	Projek Sambungan (RM)	Projek Baru (RM)	Jumlah (RM)
BP 00100 Latihan	-	-	-
00101 Pembinaan Baru	-	-	-
00102 N/Taraf	-	-	-
BP 00200 Kesihatan Awam	-	-	-
00201 Kesihatan Luar Bandar	75,789,000.00	-	75,789,000.00
00203 Kesihatan Bandar	34,447,700.00	30,000,000.00	62,447,700.00
BP 00300 Kemudahan Hospital	393,108,000.00	-	393,108,000.00
BP 00400 Hospital Baru	143,711,191.00	-	143,711,191.00
BP 00900 Kemudahan Anggota	-	-	-
00901 Kuarters Luar Bandar	-	-	-
00904 Pejabat	-	-	-
00110 Peralatan	22,360,000.00	450,000.00	22,810,000.00
Jumlah	**667,415,891.00**	**30,450,000.00**	**697,865,891.00**

(a) Latihan (00100)

Tiada Peruntukan yang diluluskan bagi RMK-11 (RP-4) bagi butiran ini.

(b) Kesihatan Awam dan Pergigian (00200)

Peruntukan sebanyak **RM108,236,700.00** di bawah **Kesihatan Awam** bagi 4 projek sambungan dan peruntukan sebanyak **RM30,000,000.00** di bawah **Bahagian Pergigian** bagi 1 projek baru seperti pada **Jadual 3**.

Jadual 3 : Butiran Projek Kesihatan Awam Dan Pergigian

Bil.	Tajuk Projek	Status Projek (Sambungan/ Baru)	Peruntukan RMK-11 (RM)	Penjadualan Pelaksanaan
1.	N/T KK 3 dengan Kuarters Nilai	Sambungan	32,447,700.00	Siap
2.	KK 3 Palong 7 dan 8	Sambungan	35,000,000.00	Dalam Pelaksanaan Jadual : 23% Sebenar : 28%
3.	KK 5 Lenggeng	Sambungan	10,789,000.00	Dalam Pelaksanaan Jadual : 74% Sebenar :67%
4.	KK Rompin (Jenis 4)	Sambungan	30,000,000.00	Dalam Pelaksanaan Jadual : 10% Sebenar :9%
5.	Pusat Pakar Pergigian Seremban	Baru	30,000,000.00	Borang Permulaan Projek (BPP) dari KKM telah di keluarkan pada 19.4.2019. Lawatan tapak pada 12.6.2019 oleh JKR CKK. JKR akan membuat beberapa mesyuarat koordinasi bersama *'end user'* dan Bahagian Perancang bagi mengesahkan *'design'* bangunan.
		Jumlah	**138,236,700.00**	

(c) Kemudahan Hospital (00300)

Jumlah projek yang diluluskan bagi butiran ini adalah 5 projek sambungan dengan peruntukan yang diluluskan bagi RMK-11 (RP4) sebanyak **RM393,108,000.00.** Bagi tahun 2019, sebanyak 2 projek telah siap dibina dan 3 projek dalam perancangan dan dokumentasi. Butiran projek-projek adalah seperti dalam **Jadual 4**.

Jadual 4 : Butiran Projek Kemudahan Hospital

Bil.	Tajuk Projek	Status Projek (Sambungan/ Baru)	Peruntukan RMK 11 (RM)	Penjadualan Pelaksanaan
1.	Naiktaraf Perkhidmatan ICU dan CCU Hospital Tuanku Jaafar	Sambungan	19,000,000.00	Siap
2.	Blok Baru Perkhidmatan Kepakaran Hospital Port Dickson	Sambungan	157,838,000.00	Mesyuarat Pengesahan *'Need Statement'* pada PDA telah diadakan pada 11.12.2019.
3.	Naiktaraf Hospital Tuanku Jaafar	Sambungan	61,200,000.00	Borang Permulaan Projek (BPP): 12.11.2019 • Pengabungan projek naiktaraf penghawa dingin, sistem gas perubatan dan sistem elektrikal. • Mesyuarat Permulaan Projek telah diadakan pada 11.12.2019.

Bil.	Tajuk Projek	Status Projek (Sambungan/ Baru)	Peruntukan RMK 11 (RM)	Penjadualan Pelaksanaan
4.	Blok Bangunan Wad dan Naiktaraf Sistem Bekalan Elektrik, HTAN	Sambungan	200,000,000.00	• Dalam proses lantikan Jawatankuasa Penilaian Teknikal bagi tujuan Wajaran dan penilaian sebelum tender ditutup. • Taklimat Tender dan Lawatan Tapak kepada kontraktor yang telah berjaya diperingkat Pre-Q pada 4.9.2019, Jual Dokumen Tender pada 20.9.2019 dan Tutup Tender 20.12.2019. • Lembaga Pemilihan Tender telah bersidang dan dalam tindakan untuk mengeluarkan Surat Pelawaan kepada kontaktor yang telah berjaya diperingkat saringan Pre-Q.
5.	Naiktaraf Sistem Perpaipan HTJS	Sambungan	3,500,000.00	Siap
		Jumlah	**393,108,000.00**	

(d) Hospital Baru (00400)

Hospital Rembau (76 katil) adalah projek sambungan yang telah diluluskan dalam RMK-11 (RP-4) dengan peruntukan sebanyak **RM143,711,191.00** dan telah siap pada 10 Oktober 2019.

Bil.	Tajuk Projek	Status Projek (Sambungan/ Baru)	Peruntukan RMK 11 (RM)	Penjadualan Pelaksanaan
1.	Hospital Rembau	Sambungan	143,711,191.00	Siap
		Jumlah	**143,711,191.00**	

(e) Kemudahan Anggota (00900)

Tiada Peruntukan yang diluluskan bagi RMK 11 (RP4) bagi butiran ini.

(f) Peralatan (00110)

Jumlah peralatan yang diluluskan dengan peruntukan **RM22,360,000.00** adalah bagi kegunaan Hospital Rembau dan peralatan untuk Pasukan Pergigian Negeri Sembilan dengan peruntukan **RM450,000.00.**

Bil.	Tajuk Projek	Status Projek (Sambungan/ Baru)	Peruntukan RMK-11 (RM)	Penjadualan Pelaksanaan
1.	Peralatan Hospital Rembau	Sambungan	22,360,000.00	Selesai
2.	Peralatan Pasukan Pergigian Negeri Sembilan	Baru	450,000.00	Selesai
		Jumlah	**22,810,000.00**	

Prestasi Kemajuan Fizikal Projek RMK 11, RP4 Sehingga Disember 2019 adalah seperti berikut:

Butir-butir Projek	Siap	Dalam Perancangan	Dalam Pelaksanaan			Jumlah
			IJ	LJ	BM	
BP 00100 Latihan	0	-	-	-	-	0
BP 00200 Kesihatan Awam	1	1	1	2	-	5
BP 00300 Kemudahan Hospital	2	3	-	-	-	5
BP 00400 Hospital Baru	1	-	-	-	-	1
BP 00900 Kemudahan Anggota	0	-	-	-	-	0
BP 00110 Peralatan	2	-	-	-	-	2
Jumlah	**6**	**4**	**1**	**2**	**0**	**13**

Prestasi Kemajuan Kewangan RMK 11, RP4 Sehingga Disember 2019 adalah seperti berikut:

Butir-Butir Projek	Bil. Projek	Peruntukan RMK 11, RP4	Peruntukan Tahun Semasa Kemaskini (2019)	Perbelanjaan Semasa (Sehingga Disember 2019)	% Perbelanjaan (Pindaan)
BP 00100 Latihan	0	0	0	0	0%
BP 00200 Kesihatan Awam dan Pergigian	5	138,236,700.00	17,377,751.00	14,078,180.57	81.01%
BP 00300 Kemudahan Hospital	5	393,108,000.00	7,384,000.00	7,210,890.78	97.66%
BP 00400 Hospital Baru	1	143,711,191.00	11,591,080.00	6,121,371.76	52.81%
BP 01100 Peralatan	2	22,810,000.00	12,163,000.00	9,797,607.55	80.55%
Jumlah	**13**	**697,865,891.000**	**48,515,831.00**	**37,208,050.66**	**76.69%**

Rumusan

Prestasi perbelanjaan bagi Projek RMK 11 Rolling Plan 4 adalah sebanyak 13 projek. 6 projek telah siap (Projek ICU dan CCU HTJS, Perpaipan HTJ, KK Nilai, Hospital Rembau, Peralatan Hospital Rembau dan Peralatan Pasukan Pergigian Negeri Sembilan), 3 projek sedang dalam pembinaan, 4 projek di dalam perancangan dan dokumentasi.

Secara keseluruhan, jumlah siling peruntukan adalah sebanyak RM697,865,891.00. Peruntukan tahun semasa 2019 adalah sebanyak RM48,515,831.00 dan prestasi perbelanjaan sehingga Disember 2019 adalah sebanyak RM37,208,050.66 (76.69%).

** Prestasi Kemajuan Kewangan RMK 11, RP4 adalah mengikut SPPII*

Prestasi Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan di Bawah RMK 11 bagi Tahun 2015 - 2019

BUTIR PROJEK	PERUNTUKAN (2015)	PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (2016)	PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (2017)	PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (2018)	PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (2019)	PERBELANJAAN
BP00100 LATIHAN	1,857,700.00	1,836,437.93	1,933,412.00	1,889,623.31	946,262.00	945,627.15	593,882.10	573,160.96	1,572,761.42	1,571,333.35
BP00200 KESIHATAN AWAM	4,600,000.00	809,329.03	4,200,000.00	849,250.00	12,100,000.00	4,892,081.00	14,000,000.00	9,118,764.00	952,612.00	918,734.20
BP00300 KEMUDAHAN HOSPITAL	10,600,000.00	1,018,600.00	6,400,000.00	6,400,000.00	5,450,000.00	1,014,516.00	9,569,278.00	8,007,584.00	6,236,290.00	6,239,290.00
BP00400 HOSPITAL BARU	32,000,000.00	5,076,532.00	23,732,100.00	15,788,505.00	34,746,493.61	34,746,493.61	35,000,000.00	30,827,489.00	0.00	0.00
BP00500 PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN	294,700.00	294,635.12	323,800.00	293,741.74	243,050.00	243,046.99	32,100.00	31,577.36	18,800.00	18,799.50
BP00900 KEMUDAHAN ANGGOTA	8,892,008.00	8,839,201.81	790,000.00	774,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00	420,000.00	419,466.06
BP01100 PERALATAN & PERGIGIAN	4,664,951.00	4,661,514.77	7,134,013.00	7,005,141.53	9,168,160.00	9,165,876.59	15,000,000.00	13,268,027.36	22,506,296.20	22,380,438.09
JUMLAH	**62,909,359.00**	**22,536,250.66**	**20,781,225.00**	**33,000,261.58**	**62,653,965.61**	**51,007,641.34**	**74,195,261.10**	**61,826,602.68**	**31,706,759.62**	**31,548,061.20**

** Prestasi Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan adalah mengikut IGFMAS*

GAMBAR-GAMBAR PROJEK RMK 11 JABATAN KESIHATAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN

KK3 NILAI





KK3 PALONG 7 dan 8





KK5 LENGGENG





KK4 ROMPIN





ICU & CCU, HOSPITAL TUANKU JA'AFAR SEREMBAN





HOSPITAL REMBAU





1.7 UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

PENGENALAN

Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) telah diwujudkan pada tahun 2003 dengan satu jawatan Juruteknik FT17 dan disusuli dengan jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F32 dan Pegawai Teknologi Maklumat F41 serta Pembantu Tadbir (P/O) N17 pada tahun 2004. Pada tahun 2008 perjawatan baru Pegawai Teknologi Maklumat F44 diwujudkan dan pada awal tahun 2010 pula dua perjawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29 telah ditambah di Unit ICT sehingga kini.

Unit ICT, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan diwujudkan bertujuan untuk mengawasi, menyelaras dan menjalankan tugas-tugas pengurusan teknologi maklumat mengikut arahan dari Kementerian Kesihatan khususnya dan Kerajaan Malaysia secara amnya. Ini memastikan tiada kecacatan atau ketidakupayaan penggunaan teknologi maklumat bagi mencapai taraf negara maju pada 2020 dan TN50, di mana terdapat pelbagai aplikasi dan sistem teknologi, komunikasi dan maklumat digunakan dalam Kementerian Kesihatan.

Justeru itu, kewujudan Unit ICT adalah berperanan sebagai institusi pentadbiran pusat yang juga dikenali sebagai Pusat Tanggungjawab Peringkat 1 (PTJ 1) bagi merangka, melaksana, mengawal dan menyelia perkhidmatan kesihatan di seluruh Negeri Sembilan yang meliputi 3 peringkat penyeliaan iaitu:

Peringkat Negeri : Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
Peringkat Hospital : Hospital-hospital di Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
Peringkat Daerah : Pejabat Kesihatan Daerah dan Pejabat Pergigian Daerah

Sehubungan dengan itu, satu organisasi yang sistematik telah diwujudkan dari aspek pentadbiran bagi memastikan setiap usaha yang dijalankan mendapat perhatian dan kawal selia yang sepatutnya bersama unit-unit di Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan.

VISI

- Memaksimakan fungsi, peranan dan penggunaan teknologi maklumat serta komunikasi di Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan.
- Meningkatkan kualiti dan keselamatan data sistem maklumat serta meningkatkan taraf dan kecekapan perkhidmatan pelanggan dengan penggunaan ICT.

MISI

Memberikan perkhidmatan dan kemudahan ICT untuk memenuhi keperluan Jabatan dan mewujudkan serta menyelenggara sistem maklumat yang berkualiti dan pengautomasian pejabat bagi meningkatkan mutu, produktiviti, kecekapan pengurusan dan pentadbiran kakitangan. Memberi pendedahan dan meningkatkan tahap kesedaran terhadap penggunaan ICT dan memberikan perkhidmatan sokongan kepada kakitangan.

OBJEKTIF

Untuk memberikan sokongan teknikal ICT dan aplikasi kepada Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan bagi memastikan kemudahan dan perkhidmatan ICT dapat digunakan dalam membantu Jabatan menjalankan fungsi-fungsinya dengan cekap dan berkesan.

PENCAPAIAN UNIT ICT SEPANJANG 2019 SEKSYEN PEMBANGUNAN

PENGURUSAN EMEL MyGovUC

Jumlah akaun emel sediada sehingga 31 Disember 2019 = 5781
Pengwujudan emel baru pada tahun 2019 = 1684
Penyahan emel tidak aktif pada tahun 2019 = 843
Bayaran bil MyGovUC pada tahun 2019 = RM 979,613.48

SISTEM IN-HOUSE

Semua sistem seperti senarai di bawah serta sistem-sistem lain yang sediaada diselenggara dari semasa ke semasa bagi memantapkan kestabilan sistem mengikut permohonan 'owner system'.

*Perkongsian pintar : Permohonan *Source Code* secara rasmi telah dibuat oleh agensi berkenaan.

BIL.	SISTEM	KETERANGAN	STATUS TERKINI	PENCAPAIAN
1.	eprestasi.jkn.ns Sistem Maklumat Kakitangan (ePrestasi – 2007)	Mempercepatkan pengurusan persidangan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan penilaian APC	Status : Aktif	Digunakan pada persidangan PPSM tahun 2019. Sistem eprestasi diperluaskan penggunaannya di JKN Melaka.
2.	esurat.jkn.ns (Sistem eSurat – 2009)	Meningkatkan kecekapan dalam pengendalian surat	Status : Aktif	Masih digunakan di Hospital Port Dickson.
3.	epelatih.jkn.ns Sistem Penempatan & Pemantauan Pelatih IPT. (ePelatih – 2010)	Memudahkan urusan penempatan pelatih-pelatih IPT dengan mengurangkan masalah kebanjiran pengambilan pelatih-pelatih IPT.	Status : Aktif	Sebanyak 3561 transaksi telah dilakukan sepanjang tahun 2019.
4.	ekenderaan.jkn.ns (Sistem eKenderaan – 2010)	Pemantauan rekod dan penyelenggaran serta pengendalian tempahan kenderaan	Status : Aktif	Sebanyak 399 transaksi tempahan kenderaan telah dilakukan sepanjang tahun 2019.

BIL.	SISTEM	KETERANGAN	STATUS TERKINI	PENCAPAIAN
5.	emaintenance.jkn.ns Sistem Maklumat Penyelenggaraan Peralatan & Perkakasan ICT (eMaintenance - 2010)	Membantu pengendalian rekod pembaikan peralatan ICT dengan penjanaan laporan dan pengiraan kos pembaikan yang terlibat	Status : aktif	Sebanyak 603 transaksi aduan pengguna telah dilakukan sepanjang tahun 2019.
6.	eknowledge.jkn.ns Sistem e-Knowledge (eKnowledge - 2011)	Memudahkan capaian maklumat yang dimuatnaik seperti dokumen dan perisian.	Status : aktif	Masih digunakan di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban.
7.	etempahan.jkn.ns Sistem Tempahan Fasiliti (eTempahan – 2011))	Memudahkan pengendalian permohonan tempahan makmal ICT, dewan dan bilik seminar.	Status : aktif	Sebanyak 547 transaksi tempahan makmal & bilik mesyuarat JKNNS dan Klinik Kesihatan Rasah telah dilakukan sepanjang tahun 2019.
8.	Latihanv1.jkn.ns Sistem Latihan (elatihan – 2013)	Meningkatkan kaedah pemantauan 7 hari berkursus dan membantu penyediaan laporan kursus bagi semua jawatan.	Status : aktif	Seramai 5135 pengguna menggunakan sistem elatihan untuk mendaftarkan maklumat kursus yang dihadiri sepanjang tahun 2019.
9.	apc.jkn.ns Sistem Penerima Anugerah Perkidmatan Cemerlang (eAPC - 2013)	Sistem persiapan untuk majlis APC – pengeluaran surat jemputan, susunan nombor kerusi, sijil, kehadiran semasa majlis APC dan paparan biodata serta gambar penerima.	Status : Aktif	Digunakan di kaunter pendaftaran di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2020.
10.	ijejak.jkn.ns Sistem iJejak (iJejak - 2014)	Merekodkan maklumat ibu semasa mengandung, maklumat kelahiran anak dan suntikan measles 9 dan 12 bulan bagi tujuan mengurangkan kadar kematian ibu dan home visit selepas bersalin serta menjana pelbagai laporan termasuk laporan remaja hamil.	Status : Aktif	Sebanyak 7,784 transaksi telah dilakukan sepanjang tahun 2019.

BIL.	SISTEM	KETERANGAN	STATUS TERKINI	PENCAPAIAN
11.	eborangv2.jkn.ns Sistem Borang MaklumBalas (eMaklumbalas - 2015)	Pengguna sistem *inhouse* merekod aduan dan maklumbalas. Mempercepatkan proses memberi maklumbalas penyelesaian kepada sebarang permasalahan pengguna sistem.	Status : Aktif	Sebanyak 128 aduan sistem telah dilakukan dan diselesaikan sepanjang tahun 2019.
12.	ethalassemia.jkn.ns Sistem Elektronik Kesihatan *Thalassemia(eThalassemia - 2015)*	Memudahkan untuk membuat analisis bilangan pesakit Thalassemia di Negeri Sembilan.	Status : Aktif	Sebanyak 14721 transaksi telah dilakukan sepanjang tahun 2019.

PENCAPAIAN UNIT ICT SEPANJANG 2019
SEKSYEN OPERASI

BIL.	TAHUN	TUGAS	PENERANGAN	PENGGUNA	PENCAPAIAN
1	2019	Pembaikan Komputer Berpusat	Membuat pembaikan peralatan ICT yang rosak.	603 Pembaikan Peralatan Komputer .	Semua pembaikan dan penyelengaraan peralatan ICT selesai.
2	2019	Rangkaian MyGovNet	Menyelia dan memantau rangkaian dan talian internet rasmi kerajaan untuk penggunaan internet dan ekses kepada sistem-sistem rasmi kerajaan.	Semua pengguna dari 176 fasiliti Kesihatan yang menggunakan perkhidmatan mygovnet.	100% capaian Internet ke semua fasiliti yang di sambung pada mygovnet.
3	2019	Projek KKM	Penyelia projek peringkat negeri untuk semua projek rasmi KKM yang berkaitan peralatan, rangkaian dan sistem ICT	64 Fasiliti Kesihatan PHIS & CPS di Negeri Sembilan 6 Klinik Kesihatan menggunakan sistem TPC 10 Klinik Pergigian menggunakan sistem OHCIS	Sistem telah di gunakan sepenuhnya tanpa gangguan di semua fasiliti kesihatan.

KESIMPULAN

Unit ICT, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan berfungsi bagi memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan di jabatan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat. ICT sebagai *'enabler'* dapat membantu jabatan meningkatkan mutu perkhidmatan yang mana segala urusan dapat dijalankan dengan efektif dan efisien dengan adanya infrastruktur, sistem dan rangkaian yang sistematik.

ICT juga menyediakan kemudahan dan membantu pihak pengurusan memahami sesuatu aspek pengetahuan berkaitan teknologi / sistem yang dapat digunakan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan sesebuah organisasi.

1.8 UNIT PSIKOLOGI

PENGENALAN

Unit Psikologi dan Kaunseling Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan bertanggungjawab memberi perkhidmatan kaunseling secara individu dan kelompok kepada seluruh kakitangan samada secara sukarela mahupun dirujuk oleh Ketua Jabatan. Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk memberi perkembangan positif serta produktif terhadap peribadi, interpersonal, kerjaya dan persekitaran.

VISI

Perkhidmatan Psikologi Penggerak Modal Insan Sejahtera.

MISI

Membangun modal insan melalui aplikasi psikologi pembangunan personel.

OBJEKTIF

- Membantu organisasi untuk mengekalkan suasana kerja yang harmoni dan produktif.
- Membantu penjawat awam untuk mencapai tahap kesihatan fizikal dan psikologi yang optimum.

FUNGSI

Menggunakan Aplikasi Psikologi dalam Intervensi

Perkhidmatan disampaikan dalam bentuk kaunseling bersemuka secara individu atau berkelompok melalui hubungan secara sukarela atau melalui rujukan yang diterima daripada Ketua Jabatan / Ketua PTJ.

Mengaplikasi Pendekatan Psikologi dalam Pembangunan Personel

Perkhidmatan yang disampaikan melalui program, kursus atau bengkel yang dirangka bagi meningkatkan kesedaran dan kemahiran diri bagi membolehkan individu menguruskan emosi, pemikiran dan tingkahlaku, seterusnya menggunakan potensi yang dimiliki demi mencapai kecemerlangan dalam bidang yang diceburi.

Melaksanakan Penilaian Personel

Perkhidmatan yang disediakan adalah untuk membantu dalam mengenalpasti potensi diri, personaliti, tahap kemahiran, keupayaan, minat, nilai dan sikap seseorang yang diukur menggunakan alat-alat ujian psikologi *(psychometric test)* yang berbentuk ujian, inventori, indikator dan indeks.

AKTIVITI 2019

1. **Program Saringan Pengurusan Kewangan *(Profiling)* Terhadap Kakitangan Yang Tersenarai dalam Keterhutangan Serius Siri I dan Siri II**
   Tarikh : Julai 2019 - Jan 2020 (13 Program)
   Tempat : Melibatkan 7 Daerah di fasiliti kesihatan Negeri Sembilan
   Peserta : 108 Peserta
   Sasaran : Kakitangan berpendapatan bersih kurang 40% dari pendapatan kasar dalam penyata gaji

2. **Program Celik Kewangan**
   Tarikh : Julai 2019 & Ogos 2019 (7 daerah)
   Tempat : Melibatkan 7 daerah di fasiliti kesihatan Negeri Sembilan
   Peserta : 200 Peserta
   Sasaran : Kakitangan yang berkhidmat kurang daripada 3 tahun untuk memberi penerangan dan pendidikan tentang pengurusan kredit supaya tidak termasuk dalam senarai keterhutangan kewangan yang serius

3. **Program Ziarah Kasih Ramadhan AKRAB sepanjang bulan Ramadhan**
   Tarikh : 6 Mei 2018 - 30 Mei 2018 (7 Daerah)
   Tempat : 7 daerah yang dijalankan oleh ahli AKRAB setiap daerah Penerima
   Sumbangan : 30 orang kakitangan
   Sasaran : Kakitangan yang mempunyai masalah kesihatan dan kakitangan yang memerlukan bantuan bagi tujuan meringankan beban kewangan.

4. **Program Budaya Korporat**
   Tarikh : 8 - 10 April 2019 (Isnin - Rabu)
   Tempat : Bilik Kiara, JKNNS
   Peserta : 45 peserta
   Sasaran : Ahli AKRAB dan f kakitangan JKNNS

5. **Program Refleksi Diri & Kemahiran Menolong di kalangan ahli AKRAB JKNNS**
   Tarikh : 11 - 13 Oktober 2019 (Jumaat - Ahad)
   Tempat : Ulu Village Camp, Gopeng, Perak
   Peserta : 40 peserta
   Sasaran : Ahli AKRAB JKNNS

STATISTIK PERKHIDMATAN SESI KAUNSELING BAGI TAHUN 2014 - 2019

TAHUN	2014	2015	2016	2017	2018	2019
JUMLAH SESI	896	1,710	2,202	3,233	3,891	3,919

KESIMPULAN

Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling semakin dikenali dan diterima oleh Ketua-ketua Jabatan di setiap PTJ dalam Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Diharapkan perkhidmatan yang disampaikan berjaya membantu kakitangan JKNNS dalam mempertingkatkan potensi diri ke arah yang lebih positif sekaligus mendorong kepada kecemerlangan imej dan pencapaian jabatan masing-masing.

1.9 UNIT KEJURURAWATAN

PENGENALAN

Bahagian Kejururawatan adalah bahagian yang bertanggungjawab dalam perkhidmatan kejururawatan merangkumi perkhidmatan pesakit dalam dan luar di Hospital dan Kesihatan Awam. Berperanan dalam merancang, menyelaras aktiviti, mengawalselia, menilai mutu serta memberi pengukuhan berkaitan keberkesanan penjagaan dan perkhidmatan yang diberi. Menjalankan penilaian dari masa ke semasa untuk mengekalkan mutu serta memastikan kepatuhan kepada piawaian seterusnya membuat penambahbaikan secara berterusan.

VISI

Bersama-sama menggembeleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik melalui kecemerlangan profesionalisma kejururawatan.

MISI

Meningkatkan pengetahuan dan inovasi serta mendidik mentaliti kelas pertama. Memajukan profesyen kejururawatan ke tahap optimum. Mengurus isu kejururawatan secara konstruktif dan produktif. Menambahbaik dan mengekal piawaian kualiti perkhidmatan kejururawatan. Meningkat serta mengukuhkan mekanisma implementasi dan pemantauan perkhidmatan kejururawatan.

OBJEKTIF

Menyediakan Jururawat yang proaktif dan kompeten dalam perawatan pesakit. Meningkatkan kualiti perkhidmatan kejururawatan yang menjurus kepada kepuasan pelanggan dan *Customer's Delight*. Memperkasakan penyeliaan dan pemantauan berkesan ke atas kualiti perkhidmatan kejururawatan.

PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT SEPANJANG TAHUN 2019

1. PENGISIAN SUMBER MANUSIA

Keperluan sumber manusia memainkan peranan yang amat penting dalam mencapai tujuan dan matlamat organisasi. Pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan akan menghasilkan individu yang berkualiti dan produktif. Pengisian sumber manusia juga akan turut menyumbang kearah membentuk organisasi yang berjalan lancar dan berdaya saing.

Jadual 1.1 : Pengisian Sumber Manusia Tahun 2018

Jawatan / Gred	Jumlah Jawatan	Pengisian	% Pengisian
U44	3	3	100.0%
FLEXI U41/42/44	43	31	72.1%
U36	61	51	83.6%
U32	276	268	97.1%
U29	2,346	2,254	96.1%
U26	16	15	93.8%
U24	149	121	81.2%
U19	804	731	90.9%
Semua Kategori	**3,698**	**3,474**	**93.4%**


Jadual 1.2 : Pengisian Sumber Manusia Tahun 2019

Jawatan / Gred	Jumlah Jawatan	Pengisian	% Pengisian
U44	3	3	100.0%
FLEXI U41/42/44	43	39	90.7%
U36	61	57	93.4%
U32	276	275	99.6%
U29	2,346	2,327	99.2%
U26	16	16	100.0%
U24	149	134	89.9%
U19	804	710	88.3%
Semua Kategori	**3,698**	**3,561**	**95.8%**

Jadual 1.3 : Perbandingan Pengisian Sumber Manusia (Kejururawatan) Tahun 2018 dan 2019

Jawatan /Gred	2018	2019
U44	100.0%	100.0%
FLEXI U41/ 42/ 44	72.1%	90.7%
U36	83.6%	93.4%
U32	97.1%	99.6%
U29	96.1%	99.2%
U26	93.8%	100.0%
U24	81.2%	89.9%
U19	90.9%	88.3%

Graf 1 : Bilangan perbandingan pertambahan anggota jururawat bagi tahun 2018 dan 2019



	U44	FLEXI 41/42/44	U36	U32	U29	U26	U24	U19
2018	100	72.1	83.6	97.1	96.1	93.8	81.2	90.6
2019	100	90.7	90.7	99.6	99.2	100	89.9	88.3

Graf di atas menunjukkan perbandingan pengisian sumber manusia bagi anggota kejururawatan bagi tahun 2018 dan 2019 di mana pada tahun 2019 telah menunjukkan peningkatan dari bilangan pertambahan jururawat dari pelbagai kategori. Bagi gred U19 menunjukkan penurunan disebabkan tiada lagi pengambilan bagi jawatan Jururawat Masyarakat buat masa ini.

2. LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Unit kejururawatan telah menilai dan mengenalpasti keperluan kursus untuk semua kategori jururawat dan merancang serta melaksanakan mengikut peruntukan yang telah dipohon seperti yang disenaraikan. Pelbagai latihan dilaksanakan samada di peringkat hospital / daerah dan juga peringkat Jabatan Kesihatan Negeri. Unit Kejururawatan Jabatan Kesihatan Negeri telah berjaya melaksanakan 6 kursus (100%) yang telah dirancang.

Jadual 2 : Kursus Yang Telah Dihadiri Sepanjang Tahun 2019

Bil.	Kursus	Tarikh	Tempat	Peserta
1.	Budaya Korporat Perubatan & Kesihatan	23 – 24 April 2019	Pulakes Tampin	70
2.	Soft Skill	9 - 10 April 2019	Alamanda Latihan	40
3.	Seminar Kejururawatan (Sambutan Hari Jururawat Peringkat Negeri)	22 Jun 2019	Allson Klana	600
4.	Bengkel Pemantapan Pementoran Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan	3 - 4 Oktober 2019	Dewan Sri Merbau	65
5.	Kursus Pemantapan Budaya Korporat Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan	28 - 30 April 2019	Pulakes Tampin	54
6.	Kursus *Training Of Trainers Program Go Fit Don't Quit* Menggunakan Module *Ifiter* Untuk Jururawat Peringkat Negeri, NSDK 2019	20 - 22 Mac 2019	Hospital Tampin	40


PENCAPAIAN POS BASIK

Pos basik merupakan satu pendekatan dalam meningkatkan kompetensi anggota kejururawatan. Sebanyak 23 latihan pos basik ditawarkan kepada anggota kesihatan. Secara keseluruhan pencapaian pos basik di Hospital berpakar dan tanpa pakar termasuk juga pencapaian pos basik kebidanan dan pos basik PHN di Kesihatan Awam juga telah meningkat.

3. PROGRAM PEMENTORAN

Program pementoran telah diperkenalkan pada tahun 2006. Pementoran adalah satu pendekatan dalam memberi bimbingan, sokongan dan bantuan secara professional bagi meningkatkan pembangunan dan kompetensi anggota yang baru dilantik. Program ini telah membantu Jururawat lantikan baru yang ditempatkan di hospital dan kesihatan serta menyediakan Jururawat dari *novice* ke *advance beginner.* Program ini bermula dengan orientasi kepada anggota baru di Jabatan Kesihatan Negeri, di Peringkat Hospital / PKD dan juga di peringkat unit. Sepanjang tahun 2019, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan telah menerima seramai 13 orang Jururawat U29 lantikan baru iaitu antara bulan Januari sehingga Jun 2019, yang telah menamatkan latihan daripada Institusi KKM. Keseluruhan 100% telah berjaya menamatkan program pementoran yang dilaksanakan. Manakala dalam bulan Julai sehingga Disember tiada sebarang kemasukkan mentee lepasan KKM.


Graf 2 : **Bilangan mentee yang telah menamatkan program pementoran bagi tahun 2019**



Graf di atas menunjukkan bilangan mentee yang telah berjaya menamatkan program pementoran hospital-hospital di Negeri Sembilan bagi tahun 2019.

4. PENGURUSAN ADUAN KEJURURAWATAN JKNNS

Graf 3 : Jumlah aduan dari Unit Kejururawatan di fasiliti Perubatan dan Kesihatan



Graf menunjukkan jumlah aduan yang diterima berkaitan dengan kejururawatan bagi sepanjang tahun 2015 – 2019. Prestasi pada tahun 2019 ada menunjukkan pengurangan kes aduan berbanding dengan tahun-tahun yang sebelumnya.

5. PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI KEJURURAWATAN

Jadual 3 : Pencapaian *National Indicator Approach* (NIA) bagi *To Reduce Patient Fall*, Tahun 2019

Bil.	Hospital	Jumlah Kes Jatuh 2018	Jumlah Kes Jatuh 2019	*Reduction*
1.	HTJS	89	118	*No Reduction*
2.	HTAN	14	10	*Reduction*
3.	HPD	10	8	*reduction*
4.	HTAMPIN	2	3	*No Reduction*
5.	HJEMPOL	1	4	*No Reduction*
6	HJELEBU	0	1	*No Reduction*
	Jumlah	**116**	**144**	***No Reduction***

Rajah di atas menunjukkan pencapaian NIA - to reduce patient fall mengikut hospital bagi tahun 2018 dan 2019. Semua hospital tidak menunjukkan reduction kecuali HTAN (28%) dan HPD (20%) jika dibandingkan dengan insiden kes pesakit jatuh pada tahun 2018 dan 2019. Standard yang ditetapkan ialah *10% reduction from last year.*

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya tahun 2019 menunjukkan pencapaian yang positif, namun usaha berterusan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan kejururawatan agar ianya dapat dirasai oleh *stake holder* dan juga masyarakat.

Amalan budaya korporat kerja berpasukan, profesionalisma dan sikap penyayang yang diamalkan oleh setiap jururawat disamping mempunyai tahap pengetahuan yang luas, kompeten, bersikap positif, kreatif dan inovatif merupakan elemen utama peningkatan perkhidmatan kejururawatan.

Diharap dengan perancangan dan usaha pada tahun ini, ianya mampu meningkatkan imej dan profesyen Kejururawatan.

1.10 UNIT PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

PENGENALAN

Unit Penolong Pegawai Perubatan di Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2014, selaras dengan kehendak Kementerian Kesihatan Malaysia melalui surat KKM-87/A5/1/5/0(14) Jld. 2 bertarikh 23 Januari 2014. Unit PPP adalah bertanggungjawab pada Pengurusan dan Perkhidmatan profesion Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan di Negeri Sembilan.

Unit Penolong Pegawai Perubatan ini terdiri dari Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri (Pengurusan) dan Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri (Kesihatan Awam). Asas di dalam pengoperasian unit ini dibantu oleh Bahagian Perubatan dan Bahagian Kesihatan Awam.

OBJEKTIF

- Menguruskan sumber manusia di bawah kawalan dengan cekap, efektif dan mengoptimakan bilangan anggota di sebuah hospital / pejabat daerah mengikut kepentingan perkhidmatan.
- Menyediakan Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan yang kompeten di dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pesakit / pelanggan sepanjang masa.
- Meningkatkan kualiti perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan di dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti sepanjang masa.

MISI

Melestarikan perkhidmatan profesion Penolong Pegawai Perubatan yang berkualiti untuk merealisasikan aspirasi Kementerian Kesihatan Malaysia.

- Meningkatkan peluang pendidikan bertaraf ijazah serta latihan pengkhususan.
- Memantapkan fungsi dalam bidang Perkhidmatan Penjagaan Pra Hospital dan Ambulans, Kecemasan, bidang-bidang pengkhususan serta Kesihatan Primer.
- Meningkatkan imej profesion dengan penerapan konsep 3D *(Discipline, Documentation,Development)*.

VISI

Menjadikan pasukan sokongan perubatan yang kompeten, komited dan berdedikasi dengan sentiasa mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit dan keluarga pesakit secara berterusan.


PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT SEPANJANG TAHUN 2019

1. PERJAWATAN


Jumlah perjawatan Penolong Pegawai Perubatan di Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan adalah seramai 674 orang. Daripada jumlah perjawatan tersebut, sebanyak 627 perjawatan telah diisi iaitu 93 peratus **(Rajah 1)**. Jumlah pencapaian posbasik penolong pegawai perubatan di Negeri Sembilan adalah sebanyak 41.8% di pelbagai disiplin. Daripada jumlah ini, sebanyak 42% adalah di Kesihatan Awam dan 58% di Perubatan **(Rajah 2)**.

Selain pengisian jawatan hakiki, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan juga menerima pengisian jawatan Penolong Pegawai Perubatan Kontrak bagi menampung keperluan di *"Niche Area"* (**Rajah 3)**. Pada tahun 2019, jumlah Penolong Pegawai Perubatan Kontrak adalah seramai 61 orang dibahagikan kepada 2 Fasa. Pada Fasa 1, seramai 22 orang Penolong Pegawai Perubatan melapor diri manakala Fasa 2 seramai 39 Orang **(Rajah 4)**

Rajah 1 : Pengisian Perjawatan Penolong Pegawai Perubatan Mengikut Gred Di Negeri Sembilan




Rajah 2 : Pencapaian Posbasik Penolong Pegawai Perubatan Mengikut Program Di Negeri Sembilan



Rajah 3 : Pengagihan Penolong Pegawai Perubatan Mengikut *"Niche Area"*

PRIORITY 1 (60%)	*PRIORITY 2 (30%)*	*PRIORITY 3 (10%)*
Hospital • *Accident & Emergency* • *Pre Hospital Care* • *Cardiology* • *Cardiothoracic* • *Nephrology* • *Orthopedic* • *Anesthesiology (Perianesthesia)* **Kesihatan Awam** • Klinik Komuniti • KK Type 6 • Perkhidmatan *Domiciliary* • Perkhidmatan Kecemasan & amulan • *Family Doctor Concept (Family Health Care Team)* • Kospen	**Hospital** • *Neurophysiology* • *Psychiatric* • *Opthalmology* • *Otorhinolaryngology* • *Forensic* **Kesihatan Awam** • Klinik Kesihatan Type 1 - 5	**Hospital** • *Neurosurgery* • *Pediatric* • *Gerontology* • *Oncology* • *Gastrointestinal Endoscopy* • *Obstetric & Gynaecology* • *Nuclear Medicine* • *Plastic surgery*

Rajah 4 : Pengisian Jawatan Penolong Pegawai Perubatan Kontrak Mengikut Program Di Negeri Sembilan



	FASA 1	FASA 2
PERUBATAN	13	29
KESIHATAN AWAM	9	10

2. PROGRAM PENEMPATAN WAJIB

Program Penempatan Wajib ini dilaksanakan bagi semua Penolong Pegawai Perubatan lantikan baharu Kementerian Kesihatan Malaysia selama 6 bulan di Jabatan Kecemasan Dan Trauma di hospital berpakar yang telah dikenalpasti. Aktiviti Program Penempatan ini dilaksanakan secara berstruktur seperti garispanduan yang telah ditetapkan. Arahan pelaksanaan Program Penempatan Wajib ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.10/2007 bertarikh 27 Disember 2007. Program ini di letakkan di bawah Ketua


Penolong Pegawai Perubatan Negeri sebagai Penyelaras Negeri dengan dibantu oleh Ketua Penyelia Jabatan Kecemasan dan jawatankuasa program yang telah dilantik. Objektif program ini adalah untuk:

- Memberi pendedahan awal dalam aspek komunikasi yang lebih berkesan supaya mereka dapat menyesuaikan diri sebelum bertugas secara bersendirian.
- Memantapkan kemahiran klinikal bagi menghadapi situasi kritikal dan membuat keputusan dengan bijaksana.
- Memberi pendedahan latihan praktikal yang lebih sistematik mengikut *'standard operating procedure'* yang telah ditetapkan.

Di akhir penempatan, peserta-peserta Program Penempatan Wajib ini akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian yang ditubuhkan untuk memastikan tahap kompetensi dan layak untuk penempatan kedua di fasiliti-fasiliti kesihatan yang akan ditetapkan.

Di Negeri Sembilan, Program Penempatan Wajib Penolong Pegawai Perubatan di jalankan di Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah dan Hospital Port Dickson. 3 buah hospital berpakar ini menjadi nadi penggerak kepada Program Penempatan Wajib yang dijalankan. Sepanjang tahun 2019, seramai 62 orang Penolong Pegawai Perubatan dilatih dan berjaya menamatkan program yang dijalankan (**Rajah 5).**

Rajah 5 : Perlaksanaan Program Penempatan Wajib Penolong Pegawai Perubatan Di Negeri Sembilan



	HOSPITAL TUANKU JAAFAR	HOSPITAL TUANKU AMPUAN NAJIHAH	HOSPITAL PORT DICKSON
PPW20	14	5	3
PPW21	16	14	10

3. *"KEY PERFORMANCE INDICATOR"* (KPI) PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN


Unit Penolong Pegawai Perubatan menjalankan pemantauan pencapaian ke atas KPI yang telah ditetapkan untuk Penolong Pegawai Perubatan iaitu:

3.1 Respon panggilan ambulan kurang 5 minit untuk semua hospital.
KPI ini menjalankan pemantauan ke atas respon panggilan ambulan (Persediaan dan pergerakan ambulan) untuk setiap panggilan ambulan kecemasan *primary*. Pencapaian sepanjang tahun 2019 adalah mencapai 90% **(Rajah 6).**

3.2 *"Inappropriate triaging" (Under Triaging)* – Peratusan Jumlah kes Kritikal (Merah) di triage ke Zon Tidak Kritikal (Hijau).
KPI ini adalah bertujuan untuk menilai keberkesanan prosidur "Triage"yang dilakukan oleh Penolong Pegawai Perubatan di kaunter Triage Jabatan Kecemasan Dan Trauma setiap Hospital didalam Negeri Sembilan. Sasaran yang ditetapkan untuk KPI ini adalah kurang 0.5% daripada jumlah kes yang di triage. Sepanjang tahun 2019 terdapat 16 kes di laporkan daripada jumlah Kedatangan seramai 25,7874 **(Rajah 7).**


3.3 *"Peak Expiratory Flow Rate (PEFR) implementation for Asthma Patients in Asthma Bay By AMO.*
PEFR adalah prosidur utama yang perlu dilakukan keatas pesakit astma sebelum menjalankan rawatan Nebuliser. Prosidur ini dijadikan KPI untuk memastikan semua Penolong Pegawai Perubatan mengikut garispanduan yang telah ditetapkan didalam mengendalikan pesakit asthma di Asthma Bay. Sasaran yang ditetapkan untuk KPI ini adalah 80% kes di Asthma Bay melakukan PEFR sebelum pengambilan Nebuliser. KPI ini juga berjaya dicapai sepanjang tahun 2019 **(Rajah 8).**

Rajah 6 : Pencapaian Dispatch dan Ambulan Preparedness Untuk Panggilan Kecemasan Kurang 5 Minit Bagi Tahun 2019




	Hospital Tuanku Jaafar	Hspital Tuanku Ampuan Najihah	Hospital Port Dickson	Hospital Tampin	Hospital Jelebu	Hospital Jempol
SASARAN	90%	90%	90%	90%	90%	90%
PENCAPAIAN	93.83%	98.55%	98.30%	98.67%	100.00%	93.83%

Rajah 7 : Pencapaian *"Inappropriate Triaging (Under Triaging)"* Bagi Tahun 2019



	Hospital Tuanku Jaafar	Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Hospital Port Dckson	Hospital Tampin	Hospital Jelebu	Hospital Jempol
%	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	0.05%
SASARAN	0.50%	0.50%	0.50%	0.50%	0.50%	0.50%

Rajah 7 : Pencapaian *"Pefr Implementation For Asthma Patients In Asthma Bay By Amo"* Bagi Tahun 2019



	Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah	Hospital Port Dickson	Hospital Tampin	Hospital Jelebu	Hospital Jempol
SASARAN	80%	80%	80%	80%	80%	80%
PENCAPAIAN	92.63%	91.55%	81.61%	81.84%	89.47%	88.23%

PENCAPAIAN PELAN TINDAKAN 2019

Bil.	Aktiviti	Sasaran	Pencapaian
1.	Mesyuarat Pengurusan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Hospital dan Daerah	3 x Setahun	28 Jan 2019 3 Julai 2019 5 Nov 2019
2.	Kursus Pre HOSP Care Level 1 (Bahagian Kesihatan Awam) Peringkat Negeri Sembilan	1 x Setahun	11 - 12 Feb 2019
3.	Program Komuniti sempena sambutan hari PPP	1 x Setahun	23 Mac 2019
4.	Kursus *"Strengthern Modern Wound Care"* di ILKKM (PP) Seremban	1 x Setahun	30 Mac 2019
5.	Sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Negeri Sembilan tahun 2019	1 x Setahun	30 Mac 2019
6.	Kursus PPP Negeri Sembilan Be a Profesional	1 x Setahun	8 April 2019
7.	Kursus Asas *"Soft Skill"* Pembantu Perawatan Kesihatan Peringkat Negeri Tahun 2019	1 x Setahun	13 April 2019
8.	Mesyuarat Teknikal Pembantu Perawatan Kesihatan bersama Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri	2 x Setahun	19 Jun 2019 21 Nov 2019
9.	Kursus Pemantapan Interpretasi ECG untuk PPP di Kesihatan Awam	1 x Setahun	17-18 Julai 2019
10.	Bengkel Pengukuhan Pencapaian Audit Kecemasan di Kesihatan Primer dan *"Update"* untuk Penyelia PPP di Kesihatan Primer	1 x Setahun	28 – 29 Ogos 2019
11.	Sambutan Hari Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) Peringkat Negeri Sembilan	1 x Setahun	22 Nov 2019
12.	Program Khatan Perdana - MOH Sunat Jang 2019	1 x Setahun	29 Nov 2019

KESIMPULAN

Pada tahun 2019, fokus Unit Penolong Pegawai Perubatan Negeri adalah memberikan penumpuan kepada peningkatan peranan penyeliaan klinikal di kalangan Penolong Pegawai Perubatan. Pengurusan sumber manusia dan penyelarasan menjadi agenda utama ke arah memperkemaskan fungsi dan peranan setiap Penolong Pegawai Perubatan dan juga Pembantu Perawatan Kesihatan di Negeri Sembilan. Perancangan dan sasaran sepanjang tahun 2019 telah mencapai seperti mana yang telah dirancangkan.

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

2.1 UNIT PERKEMBANGAN KESIHATAN AWAM

PENGENALAN

Unit Perkembangan Kesihatan Awam merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Kesihatan Awam yang bertanggungjawab dalam merancang, melaksana dan memantau keseluruhan aktiviti di bawah Program Kesihatan Awam. Unit Perkembangan Kesihatan Awam juga merupakan aktiviti penyokong kepada semua aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam Program Kesihatan Awam iaitu Perkembangan Kesihatan Awam, Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kawalan Penyakit, Promosi Kesihatan, Pemakanan dan Kejuruteraan.

OBJEKTIF UNIT

Objektif Unit Perkembangan Kesihatan Awam ialah untuk menyelaras dan memantau aktiviti-aktiviti Bahagian Kesihatan Awam dalam meningkatkan tahap kesihatan yang optima bagi individu, keluarga dan masyarakat.

Merancang, Melaksana Dan Memantau:

- Pengurusan kewangan Program Kesihatan Awam.
- Pengurusan sumber manusia bagi program Kesihatan Awam.
- Pengurusan keperluan latihan bagi program Kesihatan Awam.
- Menggalakan dan memantau inisiatif kualiti dan inovasi dalam program Kesihatan Awam.
- Menggalakkan dan memantau inisiatif penyelidikan saintifik, teknikal dan pembangunan (R&D) di dalam program Kesihatan Awam.
- Merancang pembangunan dan perkembangan kepakaran/ subkepakaran kesihatan awam dan kemahiran semua profesyen dibawah program kesihatan awam.

PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT

Peruntukan Mengurus

Sebanyak **RM73,092,353.00** peruntukan mengurus telah diperuntukkan pada tahun 2019 dan sebanyak **RM74,985,442** telah dibelanjakan.

Jadual 1 : Peruntukan Program Kesihatan Awam Negeri Sembilan

Objek Am	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)	Baki Peruntukan (RM)	Peratus Baki (%)
20000 (Perkhidmatan dan Bekalan)	RM73,092,353.00	RM74,985,442.00	102.58 %	**-RM 1,893,089.00**	2.59 %
30000 (Aset)	TIADA				

Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)

Sepanjang tahun 2019 sebanyak 363 kursus telah dijalankan dengan menggunakan peruntukkan LDP yang berjumlah **RM468,454.42.**

Jadual 2 : Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)

Bahagian/ Jabatan/ JKN/ Hospital/ Institusi	Prestasi LDP								Peratus %
	Jumlah Peruntukan Pembangunan RMK-10 (Tahun 2019)	Bilangan Kursus Yang Dirancang	Bilangan Kursus Yang Dianjurkan	Bilangan Pegawai Kumpulan Sokongan Yang Menghadiri Kursus	Bilangan Pegawai Kumpulan P & P Yang Menghadiri Kursus	Jumlah Pegawai Yang Menghadiri Kursus (Keseluruhan)	Perbelanjaan (RM)	Baki Peruntukan (RM)	
Jabatan Kesihatan Negeri (Dalam Negara)									
Ibu Pejabat	RM185,965.00	99	82	2,578	1,353	3,931	RM185,965.00	-	100%
PTJ	RM282,489.42	299	281	4,924	1,484	6,408	RM282,481.00	RM8.42	100%
Jumlah Keseluruhan	**RM468,454.42**	**398**	**363**	**7,502**	**2,837**	**10,339**	**RM468,446.00**	**RM8.42**	**100%**

Kedudukan Perjawatan Tahun 2019

Perjawatan Kepakaran

Jadual 3.1 : Perjawatan Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Bil.	PTJ	Penjawatan	Pengisian	Kekosongan	
				Bilangan	%
1.	JKN N.Sembilan (Ibu Pejabat)	10	10	0	0%
2.	PKD Seremban	3	3	0	0%
3.	PKD Kuala Pilah	1	1	0	0%
4.	PKD Port Dickson	1	1	0	0%
5.	PKD Jempol	2	2	0	0%
6.	PKD Rembau	1	1	0	0%
7.	PKD Tampin	1	1	0	0%
8.	PKD Jelebu	1	1	0	0%
	Jumlah	**20**	**20**	**0**	**0%**

Jadual 3.2 : Perjawatan Pakar Perubatan Kesihatan Keluarga

Bil.	PTJ	Penjawatan	Pengisian	Kekosongan	
				Bilangan	%
1.	PKD Seremban	9	9	0	0%
2.	PKD Kuala Pilah	1	1	0	0%
3.	PKD Port Dickson	3	3	0	0%
4.	PKD Jempol	2	2	0	0%
5.	PKD Rembau	1	1	0	0%
6.	PKD Tampin	2	2	0	0%
7.	PKD Jelebu	1	1	0	0%
	Jumlah	**19**	**19**	**0**	**0%**

Pengurusan dan Profesional (gred 41 ke atas)

Jadual 4 : Perjawatan Pengurusan dan Profesional

Bil.	PTJ	Penjawatan	Pengisian	Kekosongan	
				Bilangan	%
1.	JKN N.Sembilan	44	40	4	9.09%
2.	PKD Seremban	340	331	9	2.67%
3.	PKD Kuala Pilah	72	63	9	12.5%
4.	PKD Port Dickson	85	78	7	8.2%
5.	PKD Jempol	109	87	22	20%
6.	PKD Rembau	36	43	-7	19.4%
7.	PKD Tampin	97	79	18	18.6%
8.	PKD Jelebu	44	48	-4	9.1%
	Jumlah	**827**	**769**	**-80**	**99.56%**

Sokongan 1 (gred 17 hingga 40)

Bil.	PTJ	Penjawatan	Pengisian	Kekosongan	
				Bilangan	%
1.	JKN N.Sembilan	71	70	1	1.4%
2.	PKD Seremban	747	719	28	3.74%
3.	PKD Kuala Pilah	310	276	34	11%
4.	PKD Port Dickson	303	290	13	4.3%
5.	PKD Jempol	341	317	24	7.0%
6.	PKD Rembau	181	173	8	4.4%
7.	PKD Tampin	285	265	20	5.5%
8.	PKD Jelebu	220	204	16	7.3%
	Jumlah	**2,458**	**2,314**	**144**	**44.64%**

Sokongan II (Gred 1 hingga 16)

Bil.	PTJ	Penjawatan	Pengisian	Kekosongan	
				Bilangan	%
1.	JKN N.Sembilan	12	12	0	0%
2.	PKD Seremban	245	227	18	7.34%
3.	PKD Kuala Pilah	129	120	9	7.00%
4.	PKD Port Dickson	116	113	3	2.60%
5.	PKD Jempol	112	103	9	8.00%
6.	PKD Rembau	65	61	4	6.15%
7.	PKD Tampin	117	108	9	7.70%
8.	PKD Jelebu	80	74	6	7.50%
	Jumlah	**876**	**818**	**58**	**46.29%**

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, Bahagian Kesihatan Awam telah membelanjakan peruntukan Belanja Mengurus dan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang diberikan dengan baik. Pengurusan data perjawatan Bahagian Kesihatan Awam adalah baik.

2.2 UNIT KESIHATAN KELUARGA

PENGENALAN

Program Kesihatan Ibu dan Anak telah bermula sejak dari tahun 1956 serta telah mengalami perubahan dan berkembang menjadi Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga pada tahun 1995. Bagi Cawangan Kesihatan Keluarga, perkhidmatan yang diberi adalah komprehensif meliputi semua peringkat umur iaitu mulai lahir hingga ke akhir hayat (*from womb to tomb*).

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga adalah nadi perkhidmatan kesihatan di peringkat kesihatan primer bagi negara ini. Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga bertanggungjawab menjalankan dan membangunkan strategi dari pelbagai polisi yang diluluskan untuk dilaksanakan sebagai aktiviti di peringkat individu dan keluarga serta masyarakat.

Bagi Cawangan Kesihatan Keluarga, perkhidmatan yang diberi meliputi skop perkhidmatan terdiri dari Kesihatan Ibu, Kesihatan Bayi dan Kanak-kanak, Kesihatan Remaja dan Sekolah, Kesihatan Dewasa (Wanita) dan Warga Emas, Kesihatan Orang Kurang Upaya (OKU) dan Program SaringanTalasemia.

VISI

Untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai negeri yang mempunyai individu, keluarga dan masyarakat yang sihat sejahtera serta menikmati kehidupan berkualiti sepanjang hayat melalui pelaksanaan program kesihatan yang profesional, efisien, saksama dan mesra.

MISI

Unit Kesihatan Keluarga di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan Darul Khusus akan melaksanakan program perkhidmatan kesihatan yang merangkumi bidang promosi, pencegahan, perawatan dan pemulihan ke arah peningkatan taraf hidup berkualiti bagi menghasilkan institusi keluarga yang sihat sejahtera.

OBJEKTIF

Objektif Perkhidmatan Kesihatan Ibu

Memastikan tahap optima kesihatan ibu melalui:

- Perkhidmatan pra kehamilan kepada kehamilan yang dirancang serta penilaian risiko bagi pelbagai keadaan semasa pra kehamilan.
- Perkhidmatan antenatal kepada ibu hamil sama ada bagi kandungan biasa ataupun kandungan berisiko dalam memastikan kelahiran selamat dalam mengurangkan morbiditi dan mortaliti.
- Perkhidmatan post-natal serta mengenalpasti masalah selepas bersalin.

Objektif Perkhidmatan Kesihatan Bayi dan Kanak-Kanak

Memastikan tahap optima kesihatan kanak-kanak melalui Perkhidmatan Kanak-Kanak 0 - 6 tahun melalui:
- Saringan neonatal seperti G6PD dan serum thyroxine dalam mengesan awal keadaan G6PD dan congenital hypothyroidism dalam kalangan bayi.
- Penilaian perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak serta pengesanan kanak-kanak berkeperluan khas bagi tujuan rujukan dan intervensi awal.
- Perkhidmatan imunisasi di bawah Program Imunisasi Kebangsaan.

Objektif Perkhidmatan Kesihatan Remaja dan Kesihatan Sekolah

Menggalakkan cara hidup sihat melalui promosi kesihatan dan perkhidmatan kesihatan yang bersesuaian melalui:
- Perkhidmatan kesihatan remaja di klinik dan pemeriksaan kesihatan di sekolah oleh anggota kejururawatan dan Pegawai Perubatan bagi mengesan morbiditi dan masalah penglihatan dalam kalangan murid sekolah.
- Perkhidmatan imunisasi di peringkat sekolah rendah dan menengah.
- Pemberian imunisasi HPV dalam kalangan murid perempuan Tingkatan 1.
- Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 di sekolah.

Objektif Perkhidmatan Kesihatan Wanita

Menyediakan penjagaan kesihatan terhadap wanita dalam mencapai kehidupan berkualiti melalui:
- Perkhidmatan saringan pap smear dan pemeriksaan sendiri / klinikal payudara bagi pengesanan awal kanser serviks dan kanser payudara.
- Perkhidmatan perancang keluarga.
- Aktiviti promosi kesihatan berkaitan wanita dengan penglibatan pelbagai sektor sama ada agensi kerajaan, swasta atau sukarela.

PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT

I. KESIHATAN IBU

PERKHIDMATAN ANTENATAL

Perkhidmatan pemeriksaan kes antenatal menunjukkan peningkatan kes baru antenatal bagi tahun 2019 berbanding 2018. Purata lawatan ke klinik adalah sebanyak 13 kali sejak dari tahun 2016 (**Jadual 1**).

Jadual 1 : Jumlah Kedatangan Baru, Baru dan Ulangan Dan Purata Lawatan Kes Antenatal Ke Klinik Bagi Tahun 2015 sehingga 2019 di Negeri Sembilan

Aktiviti	2015	2016	2017	2018	2019
Kedatangan baru antenatal	20,328	19,065	19,995	19,557	19,587
Kedatangan baru dan ulangan antenatal	257,136	253,177	261,218	262,122	270,590
Purata lawatan ke klinik	**12.6**	**13.3**	**13.1**	**13.4**	**13.8**

Sumber Data: KIB 201A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan

KELAHIRAN SELAMAT

Peratus kelahiran selamat (tidak termasuk lain-lain dan *BBA - Born Before Arrival*) adalah salah satu indikator yang dipantau di bawah pencapaian indikator BPKK. Sasaran kelahiran selamat (%) adalah pada >95%. Untuk tempoh 2015 sehingga 2019 pencapaian adalah >95%. Pencapaian bagi tahun 2019 adalah pada 99.91 % (**Jadual 2**).

Jadual 2 : Kelahiran Selamat (%) Mengikut Fasiliti Dan BBA/ Lain-lain (%) bagi Tahun 2015 sehingga 2019 di Negeri Sembilan

Kelahiran	2015	2016	2017	2018	2019
Hospital Kerajaan (%)	90.15	91.20	92.10	92.30	91.49
Hospital Swasta (%)	9.30	8.27	7.44	7.32	7.99
Bidan Kerajaan (%)	0.27	0.32	0.22	0.22	0.29
ABC (%)	0.17	0.14	0.16	0.05	0.14
Bidan Kampung (%)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Lain-lain (%)	0.08	0.03	0.07	0.05	0.04
BBA (%)	0.04	0.04	0.02	0.02	0.05
Jumlah Kelahiran	**15,644**	**16,247**	**16,584**	**16,980**	**15,948**

Sumber Data: KIB 202A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan

PENJAGAAN LEPAS BERSALIN (POSTNATAL)

Jumlah lawatan ke rumah selepas bersalin (postnatal) menunjukkan penurunan bagi tahun 2019. Walau bagaimanapun purata lawatan bagi tahun 2016 - 2019 adalah pada jumlah lawatan optima (**Jadual 3**).

Jadual 3 : Bilangan dan Purata Lawatan Postnatal bagi Tahun 2015 - 2019 di Negeri Sembilan

Lawatan Postnatal	2015	2016	2017	2018	2019
Jumlah Lawatan Postnatal	181,996	178,238	179,937	174,091	164,959
Purata lawatan ke rumah	9.4	9.0	9.4	9.3	9.3

Sumber Data: KIB 206A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan

Keperluan bilangan lawatan optima kes sepanjang tempoh postnatal adalah sebanyak 9 kali. Penjagaan postnatal berdasarkan konsep *Personalised Care* sentiasa diperkukuhkan bagi mempastikan liputan perkhidmatan adalah kepada semua ibu *postnatal*.

Purata perbandingan 2018 dan 2019 mengikut daerah menunjukkan semua daerah menunjukkan pencapaian lawatan optima kecuali Daerah Seremban (**Jadual 4**).

Jadual 4 : Bilangan Dan Purata Lawatan Postnatal Mengikut Daerah Bagi Tahun 2015 - 2019 di Negeri Sembilan

Daerah	Jumlah Lawatan					Purata Lawatan				
	2015	2016	2017	2018	2019	2015	2016	2017	2018	2019
Jelebu	9,105	8,522	6,965	7,775	7,023	12.2	11.1	10.9	11.5	11.4
Jempol	33,636	30,551	30,225	27,743	26,487	9.1	8.5	9.2	10.2	10.2
Kuala Pilah	16,729	15,088	15,541	14,056	13,807	11.0	10.8	11.8	10.9	11.7
P.Dickson	18,557	18,048	17,229	18,125	16,009	9.6	10.2	9.4	9.3	9.3
Rembau	8,480	8,797	9,446	9,342	9,120	9.1	9.9	11.5	11.0	11.7
Seremban	78,720	81,335	84,147	80,670	76,512	9.2	8.5	8.8	8.4	8.3
Tampin	16,769	15,897	16,384	16,380	16,001	8.9	8.9	9.9	9.3	10.0
N.Sembilan	**181,996**	**178,238**	**179,937**	**174,091**	**164,959**	**9.4**	**9.0**	**9.4**	**9.3**	**9.3**

Sumber Data: KIB 206A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan

II. KESIHATAN KANAK-KANAK

SARINGAN ENZIM G6PD

Pada tahun 2019 bilangan kes G6PD yang dikesan adalah 139 kes dari 14,525 jumlah bayi yang disaring G6PD berbanding 161 kes pada tahun 2018. Peratusan G6PD dikesan dari kelahiran hidup bagi tahun 2019 adalah 0.9% berbanding 1.0% pada tahun 2018 (**Jadual 5**). Maklumat bilangan disaring G6PD di bawah Sistem HMIS adalah bagi fasiliti kerajaan dan ianya tidak termasuk bilangan yang disaring di bawah fasiliti swasta. Bagi tempoh 2015 - 2019 peratus bayi dikesan G6PD di N.Sembilan adalah pada <2%.

Jadual 5 : Bilangan dan Peratus (%) Disaring dan Dikesan G6PD bagi Tahun 2015 - 2019 di Negeri Sembilan

Tahun	Kelahiran*	Bil. Kelahiran Hidup Fasiliti Kerajaan	Bil. Disaring G6PD**	% Disaring G6PD	Bil. Dikesan G6PD	% G6PD Dikesan
2015	15,644	14,074	14,122	100.3	215	**1.5**
2016	16,247	14,798	14,930	100.9	141	**0.9**
2017	16,584	15,246	15,302	100.4	179	**1.2**
2018	16,980	15,643	15,642	99.9	161	**1.0**
2019	15,948	14,583	14,525	99.6	139	**0.9**

Sumber Data: KIB 202A KIB 203A KIB 205A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan
***Kelahiran di semua fasiliti kerajaan dan swasta **Maklumat bilangan saringan di fasiliti kerajaan sahaja**

SARINGAN *CONGENITAL HYPOTHYROIDISM*

Saringan *Congenital Hypothyroidism* merupakan Program Saringan Neonatal Kebangsaan yang memerlukan saringan dan rawatan dalam tempoh 14 hari apabila bayi baru lahir dikesan dengan abnormal paras TSH. Objektif rawatan awal adalah untuk mengurangkan kesan *mental disability* perkembangan kanak-kanak. Sasaran rawatan adalah 100% di rawat dalam tempoh 14 hari setelah dikesan *Congenital Hypothyroidism* (CH) (**Jadual 6**).

Jadual 6 : Bilangan Congenital Hypothyroidism Dikesan Dan Dirawat Bagi Tahun 2015 - 2019 di Negeri Sembilan

Bilangan Kes	2015	2016	2017	2018	2019
Bil. kes dikesan CH	13	18	9	10	5
Bil. kes dirawat dalam tempoh 14 hari	13	18	9	10	5

Sumber Data: Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan

PEMERIKSAAN KANAK-KANAK 0 – 6 TAHUN

Pemeriksaan kanak-kanak bagi semua kategori umur tidak mencapai bilangan pemeriksaan optima bagi tahun 2019. Walau bagaimanapun liputan (%) pemeriksaan kanak-kanak mengikut kategori umur menunjukkan pencapaian melebihi sasaran bagi kategori 0 - 1 tahun, 1 - 4 tahun dan 5 - 6 tahun liputan masing-masing 90.6%, 58.6% dan 21.8% (Jadual 7).

Purata dan bilangan kedatangan ini boleh ditingkatkan lagi melalui pemeriksaan mengikut kumpulan umur bagi tujuan keperluan imunisasi, penilaian pertumbuhan dan perkembangan serta pengesanan ketidakupayaan sebagai contoh; masalah penglihatan dan autism (pemeriksaan M-CHAT).

Pendekatan *Personalised Care* bagi setiap Klinik Kesihatan dan Klinik Desa di semua daerah sentiasa dipertingkatkan dalam memastikan liputan pemeriksaan dan bilangan lawatan bayi/ kanak-kanak mengikut kategori umur dapat dicapai.

Jadual 7 : Bilangan dan Purata Pemeriksaan Dan Liputan (%) Kedatangan Kanak-kanak Mengikut Kategori Umur Bagi Tahun 2015 – 2019 di Negeri Sembilan

Tahun	Jenis Kedatangan	Kumpulan Umur					
		0 – <1 tahun	Liputan (%) Sasaran : 75%	1 – 4 tahun	Liputan (%) Sasaran : 52%	5 – 6 tahun	Liputan (%) Sasaran : 20%
2015	Baru	20,971	90.0 (20,971/23,301)	27,858	38.5 (27,858/72,400)	4,142	12.5 (4142/33,200)
	Ulangan	121,905		83,355		6,187	
	Jumlah	142,876		111,213		10,329	
	Purata	6.8		4.0		2.5	
2016	Baru	20,068	82.5 (20,068/24,314)	32,142	46.4 (32,142/69,200)	5,184	16.1 (5,184/32,100)
	Ulangan	137,986		93,548		6,519	
	Jumlah	158,054		125,690		11,703	
	Purata	7.9		3.9		2.3	
2017	Baru	19,243	80.5 (19,243/23,895)	33,294	48.9 (33,294/68,100)	5,897	17.0 (5,897/34,600)
	Ulangan	136,985		99,647		6,724	
	Jumlah	156,228		132,941		12,621	
	Purata	8.1		4.0		2.1	
2018	Baru	22,590	95.4 (22,590/23,683)	39,661	56.8 (39,661/69,800)	7,563	22.8 (7,563/33,200)
	Ulangan	140,571		100,209		7,295	
	Jumlah	163,161		139,870		14,858	
	Purata	7.2		3.5		2.0	

Tahun	Jenis Kedatangan	Kumpulan Umur					
		0 – <1 tahun	Liputan (%) Sasaran : 75%	1 – 4 tahun	Liputan (%) Sasaran : 52%	5 – 6 tahun	Liputan (%) Sasaran : 20%
2019	Baru	21,461	90.6 (21,461/23,683)	40,921	58.6 (40,921/69,800)	7,245	21.8 (7,245/33,200)
	Ulangan	147,770		116,045		7,997	
	Jumlah	169,231		156,966		15,242	
	Purata	7.9		3.8		2.1	

Sumber Data: KKK 201A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan
Nota: **Jumlah pemeriksaan 0 - <1 tahun – 9 kali; 1 - 4 tahun – 6 kali; 5 - 6 tahun – 3 kali**

LIPUTAN IMMUNISASI

Pencapaian liputan semua jenis imunisasi bagi tahun 2019 di bawah Program Imunisasi Kebangsaan adalah melebihi sasaran >95% (Jadual 8). Mulai 1 April 2016 jadual imunisasi MMR adalah 2 dos (9 bulan & 12 bulan) bagi kanak-kanak yang lahir pada 1 Julai 2015.

Jadual 8 : Liputan Imunisasi Bagi Tahun 2015 - 2019 di Negeri Sembilan

Imunisasi	2015	2016	2017	2018	2019
BCG*	99.6% (18,244/18,312)	99.6% (18,135/18,203)	99.6% (18,270/18,347)	98.2% (18,072/18,398)	95.9% (16,776/17,495)
DPT/Hib dos 3	100.3% (18,106/18,055)	103.2% (19,023/18,423)	98.1% (18,068/18,423)	103.4% (18,655/18,036)	100.1% (18,096/18,078)
Polio	100.3% (18,106/18,055)	103.2% (19,023/18,423)	98.1% (18,068/18,423)	103.4% (18,655/18,036)	100.1% (18,096/18,078)
Hep B dos 3	98.9% (17,863/18,055)	100.7% (18,545/18,423)	97.8% (18,011/18,423)	101.6% (18,321/18,036)	98.4% (17,783/18,078)
MMR dos 1		65.5% (12,074/18,423)	95.1% (17,520/18,423)	101.7% (18,346/18,036)	99.8% (18,035/18,078)
MMR dos 2	96.5% (17,941/18,600)	98.6% (18,151/18,400)	96.3% (17,727/18,400)	100.1% (17,723/17,700)	106.0% (17,909/16,900)

Sumber Data: KKK 202A & 203A Unit Kesihatan Keluarga & *Unit Tibi/Kusta Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan
Denominator: Anggaran Kelahiran Hidup dan Anggaran Kanak-kanak 1 – 2 tahun, PIK, KKM

Pencapaian liputan (%) imunisasi MMR dos 1 dan dos 2 mengikut daerah bagi tahun 2019 (Jadual 9) yang tidak mencapai 95% adalah Daerah Jelebu dan Jempol. Antara sebab pencapaian rendah ini adalah kerana denominator yang tinggi bagi kedua daerah tersebut.

Aktiviti pengesanan *defaulter* imunisasi MMR sentiasa dipertingkatkan di peringkat Klinik Kesihatan / Klinik Desa dalam memastikan semua kanak-kanak yang layak mendapat imunisasi.

Jadual 9 : Liputan Imunisasi MMR Mengikut Daerah di Negeri Sembilan Bagi Tahun 2019

MMR	Jelebu	Jempol	Kuala Pilah	Port Dickson	Rembau	Seremban	Tampin
Dos 1*	87.1%↓ (642/737)	72.4%↓ (1,937/2,674)	106.7% (1,070/1,003)	106.3% (2,075/1,952)	104.9% (831/792)	103.8% (9,980/9,616)	115.0% (1,500/1,304)
Dos 2**	82.6%↓ (661/800)	72.9%↓ (1,822/2,500)	107.9% (1,079/1,000)	98.9% (2,076/2,100)	108.1% (865/800)	121.0% (9,924/8,200)	98.8% (1,482/1,500)

Sumber Data: KKK 203A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan
***Denominator : anggaran kelahiran hidup; **Denominator : anggaran kanak-kanak berumur 1 tahun**

KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS

Pengesanan awal ketidakupayaan dalam kalangan kanak-kanak 0 - 1 tahun merupakan indikator yang dipantau di bawah KPI Pegawai Kesihatan Daerah dan pencapaian indikator Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga.

- % Pengesanan Awal Ketidakupayaan Dalam Kalangan Kanak-kanak 0 - 1 Tahun
  Sasaran : 0.12% (Denominator - anggaran lahir hidup)

Bilangan kes baru ketidakupayaan bagi kategori umur 0 - 1 tahun yang disahkan pada 2019 adalah 37 kes (34.9%) dari keseluruhan 106 kes (0 - 18 tahun). Pencapaian % pengesanan adalah pada 0.20% berbanding anggaran kelahiran hidup (37/18,036).

Bagi semua kategori umur untuk tahun 2019, bilangan kes baru yang menjalani rehabilitasi adalah lebih tinggi di hospital berbanding klinik kesihatan, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti / Pusat Jagaan Harian dan lain-lain di bawah lain-lain kategori (Jadual 10).

Jadual 10 : Bilangan Bayi / Kanak-kanak Berkeperluan Khas Dikesan Bagi Tahun 2015 - 2019 di Negeri Sembilan

Tahun	Kategori Umur (tahun)	Jumlah Kanak-kanak Bekeperluan Khas Dikesan dan Didaftar	Bilangan Kes Baru Mengikuti Program Rehabilitasi Mengikut Fasiliti			
			Hospital	Klinik Kesihatan	Rumah	*Lain-lain
2015	0 - <1	40	21	11	6	8
	1 - 18	72	31	16	9	21
2016	0 - <1	35	16	13	2	8
	1 - 18	87	20	26	1	47
2017	0 - <1	40	27	5	2	6
	1 - 18	59	27	9	2	21
2018	0 - <1	37	25	5	2	5
	1 - 18	69	21	47	0	1
2019	0 - <1	23	19	3	0	3
	1 - 18	46	20	21	0	1

Sumber Data: KKK 206 Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, N.Sembilan. Setiap kes boleh mempunyai >1 tempat Program Rehabilitasi
Nota: *Lain-lain termasuk PDK, Sekolah Khas/Kelas Khas,Pusat Jagaan Harian, NGO/Swasta/Tiada rehabilitasi

III. KESIHATAN WANITA

AMALAN PERANCANG KELUARGA

Pengambilan perancang keluarga merupakan salah satu indikator yang dipantau di bawah pencapaian indikator Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. Jumlah penerima baru perancang keluarga bagi tahun 2019 (4,269) menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2018 (4,083) (**Jadual 11**).

Jadual 11 : Bilangan Penerima Baru, Ulangan dan Jumlah Perancang Keluarga Mengikut Daerah Di Negeri Sembilan Bagi Tempoh 2015 - 2019

Tahun	Jenis Kedatangan	Daerah							
		Jelebu	Jempol	K.Pilah	P.Dickson	Rembau	Seremban	Tampin	Jumlah
2015	Baru	202	945	365	664	200	1,940	501	4,817
	Ulangan	6,945	14,695	9,089	7,644	3,923	19,874	9,792	71,962
	Jumlah	**7,147**	**15,640**	**9,454**	**8,308**	**4,123**	**21,814**	**10,293**	**76,779**
2016	Baru	169	718	277	585	211	1,869	440	4,269
	Ulangan	6,850	14,690	9,107	7,114	3,746	19,462	9,399	70,368
	Jumlah	**7,019**	**15,408**	**9,384**	**7,699**	**3,957**	**21,331**	**9,839**	**74,637**
2017	Baru	134	747	269	493	172	1,569	353	3,737
	Ulangan	6,411	14,013	8,729	7,088	3,693	17,528	8,438	65,900
	Jumlah	**6,545**	**14,760**	**8,998**	**7,581**	**3,865**	**19,097**	**8,791**	**69,637**
2018	Baru	151	682	341	594	179	1,842	294	4,083
	Ulangan	5,558	13,124	8,048	6,712	3,304	17,096	7,887	61,729
	Jumlah	**5,709**	**13,806**	**8,389**	**7,306**	**3,483**	**18,938**	**8,181**	**65,812**
2019	Baru	115	662	277	591	183	2,122	319	4,269
	Ulangan	5,313	13,317	7,780	6,811	3,137	17,045	8,310	61,713
	Jumlah	**5,428**	**13,979**	**8,057**	**7,402**	**3,320**	**19,167**	**8,629**	**65,982**

Sumber Data: PKW 201A Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

PEMERIKSAAN PAP SMEAR

Jumlah pengambilan *pap smear* di Negeri Sembilan bagi tahun 2019 adalah sebanyak 22,763 dengan slaid dilapor adalah sebanyak 22,438. Peratus *unsatisfactory slaid* (sasaran <2.5%) dari jumlah slaid yang dilapor adalah 0.57% dengan *abnormal smear* 1.27% bagi tahun 2019 berbanding tahun 2018 iaitu 1.06% bagi *unsatisfactory* dan *abnormal smear* 1.08% (**Jadual 12**).

Jadual 12 : Bilangan Pengambilan Dan Keputusan Slaid Pap Smear Bagi Tahun 2015 - 2019 di Negeri Sembilan

Slaid Pap Smear	2015	2016	2017	2018	2019
Bil. slaid diambil	22,592	19,689	21,025	19,587	22,763
Bil. slaid dilapor	22,672	19,471	20,702	19,375	22,438
Bil. slaid *'unsatisfactory'*	22 (0.1%)	24 (0.1%)	45 (0.2%)	206 (1.0%)	128 (0.6%)
Bil. normal smear	22,457 (99.1%)	19,162 (98.4%)	20,415 (98.6%)	18,960 (97.9%)	22,025(98.1%)
Bil. abnormal smear	193 (0.8%)	285 (1.5%)	242 (1.2%)	209 (1.1%)	285 (1.3%)

Sumber Data: PKW 203A Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

PEMERIKSAAN KLINIKAL PAYUDARA (PKP)

Pemeriksaan Klinikal Payudara (PKP) dijalankan sebagai salah satu aktiviti pengesanan awal kanser payudara dalam kalangan wanita. Jumlah PKP yang dijalankan bagi tahun 2019 adalah sebanyak 68,616 berbanding 74,192 pada tahun 2018 (Jadual 13). PKP normal sebanyak 68,452 (99.76%) dengan 0.24% (164 kes) adalah abnormal (Jadual 14).

Jadual 13 : Bilangan Pemeriksaan Klinikal Payudara (PKP) Mengikut Daerah di Negeri Sembilan Bagi Tahun 2015 - 2019

Daerah	2015	2016	2017	2018	2019
Jelebu	2,232	4,144	4,212	4,506	3,609
Jempol	13,157	10,879	9,706	8,098	8,735
Kuala Pilah	11,015	10,752	11,807	10,451	10,795
Port Dickson	5,985	6,140	6,766	6,132	5,719
Rembau	3,457	4,217	3,856	3,345	4,465
Seremban	21,979	29,195	29,752	34,977	28,930
Tampin	6,030	5,730	6,662	6,683	6,363
N.Sembilan	**68,233**	**71,057**	**72,761**	**74,192**	**68,616**

Sumber Data: PKW 206 1/2010 Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

Jadual 14 : Bilangan Pemeriksaan Klinikal Payudara (PKP) Dan Keputusan Mengikut Daerah di Negeri Sembilan Bagi Tahun 2019

Daerah	Pemeriksaan PKP (n = 68,616)			Keputusan PKP	
	<20 thn	20 – 49 thn	≥ 50 thn	Normal	Abnormal
Jelebu	88	2,361	1,160	3,602	7
Jempol	119	7,116	1,500	8,729	6
Kuala Pilah	881	8,076	1,838	10,758	37
Port Dickson	118	4,587	1,014	5,686	33
Rembau	62	2,392	2,011	4,451	14
Seremban	414	23,815	4,701	28,917	13
Tampin	51	4,044	2,268	6,309	54
N.Sembilan	**1,733**	**52,391**	**14,492**	**68,452**	**164 (0.24%)**

Sumber Data: PKW 206 1/2010 Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

IV. PERKHIDMATAN KESIHATAN SEKOLAH

PEMERIKSAAN KESIHATAN MURID SEKOLAH

Peratus pemeriksaan murid-murid (berbanding enrolmen) bagi tahun 2019 oleh Jururawat melebihi 95%. Pemeriksaan oleh Pegawai Perubatan menunjukkan peningkatan dalam kalangan murid Pra-Sekolah, Tahun 1 dan Tahun 6 bagi tahun 2018 berbanding 2017.

Jumlah pemeriksaan murid Pra-Sekolah, Tahun 1, Tahun 6 dan Tingkatan 3 oleh Jururawat bagi tahun 2019 masing-masing adalah seramai 16,109 (98.6%); 18,592 (99.7%); 16,948 (99.4%); dan 17,446 (99.7%). Manakala oleh Pegawai Perubatan adalah seramai 2,929 (17.9%) murid Pra-sekolah; 16,851 (90.4%) murid Tahun 1; 13,952 (81.8%) murid Tahun 6; dan 15,013 (85.8%) murid Tingkatan 3 (Jadual 15).

Jadual 15 : Liputan Pemeriksaan (%) Di Sekolah Mengikut Tahun Oleh Jururawat Dan Pegawai Perubatan di Negeri Sembilan Bagi Tahun 2015 - 2019

Tahun	Pemeriksaan oleh Jururawat (%)					Pemeriksaan oleh Doktor (%)				
	2015	2016	2017	2018	2019	2015	2016	2017	2018	2019
Pra-Sekolah (enrolmen : 16,334)	98.4	98.2	96.0	97.2	98.6	16.4	8.7	13.9	17.2	17.9
Tahun 1 (enrolmen : 18,645)	99.8	99.9	99.6	99.7	99.7	87.8	86.8	86.9	88.6	90.4
Tahun 6 (enrolmen : 17,051)	98.7	99.3	98.6	99.3	99.4	79.9	75.9	75.5	78.5	81.8
Ting. 3 (enrolmen : 17,505)	99.6	99.7	99.5	99.7	99.7	75.5	73.8	76.3	75.9	85.8

Sumber Data: KSK 201A Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

LIPUTAN IMUNISASI MURID SEKOLAH

Pencapaian liputan Program Imunisasi Sekolah bagi tahun 2015 - 2019 adalah ≥ 95.0%. Pencapaian 2019 imunisasi MMR/ DT untuk murid Tahun 1 adalah 99.6% manakala liputan bagi Tetanus Toxoid murid Tingkatan 3 adalah juga pada 99.6%. Pemberhentian vaksin Oral Polio kepada murid sekolah bermula tahun 2016 (Jadual 16).

Jadual 16 : Liputan Imunisasi (%) MMR, Polio, Double Antigen Dan Tetanus Toxoid Murid Sekolah di Negeri Sembilan Bagi Tahun 2015 - 2019

Imunisasi	2015	2016	2017	2018	2019
MMR	99.4% (17,129/17,228)	99.8% (17,470/17,502)	99.8% (17,576/17,607)	99.5% (18,042/18,127)	99.6% (18,574/18,645)
Polio	98.7% (16,998/17,228)				
DT	99.6% (17,159/17,228)	99.8% (17,470/17,502)	99.8% (17,576/17,502)	99.5% (18,042/18,127)	99.6% (18,574/18,645)
Tetanus Toxoid	99.5% (18,891/18,977)	99.5% (17,618/17,709)	99.8% (17,197/17,231)	99.6% (17,311/17,379)	99.6% (17,439/17,505)

Sumber Data: KSK 202A Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

PROGRAM PELALIAN HPV DI SEKOLAH

Di Negeri Sembilan suntikan Pelalian HPV telah dimulakan pada 20 September 2010. Bermula 2015 dos HPV diberikan sebanyak 2 dos berbanding 3 dos pada tahun 2010 - 2014. Bagi tahun 2019 sejumlah 8,547 (99.9%) murid perempuan tingkatan 1 memberikan kebenaran untuk suntikan HPV. Bagi kohort pertama, seramai 8,544 (99.0%) telah menerima suntikan dos pertama, manakala kohort kedua sebanyak 8,516 (99.7%) menerima dos kedua (Jadual 17).

Jadual 17 : Liputan (%) HPV Murid Tingkatan 1 Mengikut Daerah di N.Sembilan Bagi Tahun 2015 - 2019

Tahun	Enrolmen murid perempuan	Murid perempuan yang ada kebenaran	% murid perempuan yang ada kebenaran	Murid yang mendapat suntikan	% Murid mendapat suntikan	Murid yang mendapat suntikan	% Murid mendapat suntikan
				Dos 1		Dos 2	
2015	8,723	8,578	98.3	8,578	100.0	8,568	99.9
2016	9,047	8,916	98.5	8,913	99.9	8,794	98.6
2017	8,926	8,786	98.4	8,769	99.8	8,689	99.1
2018	8,786	8,785	99.9	8,609	98.0	8,560	99.4
2019	8,637	8,547	99.0	8,544	99.9	8,516	99.7

Sumber Data: KSK/201/HPV Pindaan2016 Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

PROGRAM SARINGAN TALASEMIA MURID TINGKATAN 4 DI SEKOLAH

Program Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 bermula pada tahun 2016. Ianya dijalankan secara sukarela dan di bawah Pasukan Kesihatan Sekolah peringkat daerah. Perbandingan saringan Talasemia mengikut daerah bagi tahun 2018 - 2019 seperti di Jadual 18.

Peratus yang memberi kebenaran menjalani ujian meningkat bagi tahun 2019 (95.9%) berbanding 2018 (92.9%). Pencapaian negeri menunjukkan peningkatan peratus menjalani ujian saringan bagi tahun 2019 (98.2%) berbanding 2018 (97.7%).

Pencapaian saringan berbanding enrolmen bagi tahun 2019 untuk semua daerah menunjukkan peratus saringan >60% iaitu pada 93.9% (14,601/15,544) (Sasaran kebangsaan adalah pada >60%).

Jadual 18 : Perbandingan Saringan Talasemia Mengikut Daerah 2018 - 2019

Daerah	2018						2019					
	% Kebenaran Jalani Ujian			% Saringan Ujian			% Kebenaran Jalani Ujian			% Saringan Ujian		
	Bil. kebenaran	Enrolmen	%	Bil. saring	Bil. Kebenaran	%	Bil. kebenaran	Enrolmen	%	Bil. saring	Bil. kebenaran	%
Jelebu	777	801	97.0	757	777	97.4	776	797	97.4	776	776	100.0
Jempol	1,550	1,750	88.6	1,472	1,550	95.0	1,569	1,708	91.9	1,509	1,569	96.2
Kuala Pilah	1,136	1,174	96.8	1,109	1,136	97.6	1,078	1,084	99.4	1,040	1,078	96.5
Port Dickson	1,562	1,733	90.1	1,522	1,562	97.4	1,508	1,626	92.7	1,469	1,508	97.4
Rembau	1,211	1,211	100.0	1,204	1,211	99.4	1,278	1,278	100.0	1,192	1,278	93.3

Daerah	2018						2019					
	% Kebenaran Jalani Ujian			% Saringan Ujian			% Kebenaran Jalani Ujian			% Saringan Ujian		
	Bil. kebenaran	Enrolmen	%	Bil. saring	Bil. Kebenaran	%	Bil. kebenaran	Enrolmen	%	Bil. saring	Bil. kebenaran	%
Seremban	7,284	7,905	92.1	7,124	7,284	97.8	7,399	7,768	95.2	7,354	7,399	99.4
Tampin	1,206	1,270	95.0	1,198	1,206	99.3	1,265	1,283	98.6	1,261	1,265	99.7
N.Sembilan	**14,726**	**15,844**	**92.9**	**14,386**	**14,726**	**97.7**	**14,873**	**15,544**	**95.7**	**14,601**	**14,873**	**98.2**

Sumber Data: Sistem e-thal Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

V. PROGRAM KEPASTIAN KUALITI (*QUALITY ASSURANCE PROGRAMME*)

Indikator QAP yang dipantau di bawah Unit Kesihatan Keluarga adalah Kadar Jaundis Neonatal Teruk - *Severe Neonatal Jaundice* (*SNNJ*).

Pencapaian 2019 bagi kedua-dua kitaran adalah <50/10,000 ELB dan menunjukkan keseluruhan penurunan sejak dari tahun 2015. Pengesanan Murid Tahun 1 dengan masalah ketajaman penglihatan untuk tahun 2019 menunjukkan pengesanan adalah 6.8% iaitu melebihi sasaran >5% (Jadual 19).

Jadual 19 : Pencapaian Indikator QA Kadar Jaundis Neonatal Teruk (SNNJ) dan Peratus Murid Tahun 1 Dikesan Masalah Ketajaman Penglihatan di N.Sembilan Bagi Tahun 2015 - 2019

Indikator QA	2015	2016	2017	2018	2019
	Jan-Dis	Jan-Dis	Jan-Dis	Jan-Dis	Jan-Dis
Kadar Jaundis Neonatal Teruk (*<50/10,000 ELB)	86.3 (152/18,055)	119.4 (220/18,423)	80.9 (146/18,036)	45.4 (82/18,078)	34.3 (62/18,078)
	Jan-Dis	Jan-Dis	Jan-Dis	Jan-Dis	Jan-Dis
Peratus Murid Tahun 1 Dikesan Masalah Ketajaman Penglihatan (>5%)	5.2	4.9	5.9	6.5	6.8

Sumber Data: Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
Denominator: Anggaran Kelahiran Hidup, PIK, KKM

2.3 UNIT KESIHATAN PRIMER

PENGENALAN

Unit Kesihatan Primer adalah salah satu unit di bawah Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Unit ini telah diwujudkan secara berasingan dari Unit Kesihatan Keluarga untuk menambahbaik penyelarasan aktiviti di bawah Kesihatan Primer dan Kesihatan Keluarga dari segi sumber dan perancangan aktiviti. Ini bertujuan agar penumpuan yang lebih fokus dapat diberikan bagi mencapai objektif Jabatan Kesihatan Negeri yang telah ditetapkan. Diperingkat KKM, Cawangan Kesihatan Primer adalah merupakan salah satu dari dua cawangan di bawah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga.

Unit Kesihatan Primer menyediakan perkhidmatan yang komprehensif meliputi semua melalui pelbagai fasiliti kesihatan awam. Skop perkhidmatan terdiri dari:

- Pelaksanaan Polisi Kesihatan Primer
  - Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Primer melalui *Family Doctor Concept* (FDC)
  - Perkhidmatan kesihatan di Peringkat Komuniti/ Institusi
  - Memperkukuhkan Perkhidmatan pada *Underserved Population*
- Kualiti Perkhidmatan Primer
- Perkhidmatan Pra Hospital & Kecemasan Primer
- Penjagaan Perubatan Primer
- Infrastruktur Fasiliti Kesihatan
- Sokongan Klinikal & Teknikal
- Sistem Informatik Primer

Kesemua jenis perkhidmatan diberi melalui pelbagai fasiliti kesihatan statik yang berjumlah 162 buah fasiliti (KK, KD dan KKOM) atau melalui perkhidmatan bergerak yang berjumlah 8 unit yang diberikan oleh pasukan yang dikenalpasti dari klinik kesihatan di kawasan operasi. Sehingga kini purata jumlah kedatangan yang dilihat oleh fasiliti-fasiliti tersebut telah menjangkau 3 juta lebih setahun (sehingga tahun 2019).

VISI

Ke Arah Individu, Keluarga dan Masyarakat Sihat.

MISI

Menerajui perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Primer di Negeri Sembilan yang dinamik dengan memberi penekanan pada penyediaan perkhidmatan kesihatan yang bertahap tinggi, professionalisme dan kecemerlangan sejajar dengan isu dan cabaran kesihatan semasa.

Objektif Umum

Untuk menyampaikan perkhidmatan primer di peringkat temu pertama ke arah pembentukan komuniti sihat dan kehidupan berkualiti dengan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti-aktivitinya bertujuan untuk memberi perkhidmatan jagaan kesihatan yang komprehensif.

Objektif Khusus

- Untuk memberi perkhidmatan pesakit luar, promosi kesihatan, rawatan dan rehabilitasi kepada semua ahli keluarga pada *first point of contact* melalui pelaksanaan Polisi Penjagaan Kesihatan Primer.
- Menyediakan perkhidmatan sokongan klinikal yang komprehensif.
- Memberi respons kepada kes-kes kecemasan dengan cekap dan efisien.
- Memastikan peningkatan kualiti penjagaan Kesihatan Primer.
- Memastikan infrastruktur fasiliti kesihatan yang memenuhi keperluan perkhidmatan.
- Untuk meningkatkan dan mengukuhkan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem perkhidmatan.

PENCAPAIAN UTAMA PERKHIDMATAN KESIHATAN PRIMER

PEMANTAUAN PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR

Perkhidmatan Pesakit luar merupakan aktiviti utama dalam penjagaan Kesihatan Primer yang dikendalikan di 50 buah Klinik Kesihatan sehingga 2019. Jumlah kedatangan pesakit luar di klinik kesihatan di Negeri Sembilan telah meningkat dari tahun ke tahun. Kedatangan tertinggi adalah di KK Seremban dan diikuti dengan KK Senawang. Pada dasarnya pemantauan dari segi beban kedatangan dilakukan setiap bulan di mana proses ini amat penting di dalam menentukan kapasiti keanggotaan untuk menjalankan perkhidmatan tersebut.

Jadual 1 : Kedatangan Pesakit Luar Di Klinik Kesihatan Mengikut Daerah di Negeri Sembilan tahun 2015 - 2019

Jumlah Kedatangan Perkhidmatan Pesakit Luar						
Daerah	**Klinik Kesihatan**	**2015**	**2016**	**2017**	**2018**	**2019**
Seremban	KK Seremban	340,171	332,013	332,576	322,030	306,337
	KK Ampangan	76,622	82,985	107,824	100,334	117,496
	KK Nilai	60,486	59,489	63,114	64,711	83,506
	KK Rantau	38,443	37,734	34,062	35,173	46,562
	KK Mantin	35,033	38,487	41,515	47,456	72,255
	KK KLIA	26,728	24,366	27,073	28,888	35,184
	KK Lenggeng	15,923	19,831	16,693	15,771	21,256
	KK Sendayan	23,068	23,994	23,341	24,169	32,114
	KK Senawang	132,021	146,826	112,352	116,608	169,731
	KK Seremban 2	990,83	104,374	108,759	112,576	151,374
	KK Desa Rhu	178,08	202,83	23,870	27,662	41,448
	KK Sikamat	175,57	481,61	50,089	52,197	68,260
	KK UTC	-	-	4,184	47,433	32,621
	JUMLAH	**882,943**	**938,543**	**945,452**	**995,008**	**1,178,144**
Kuala Pilah	KK Kuala Pilah	84,126	91,951	96,035	89,368	104,341
	KK Juasseh	32,890	31,084	41,855	47,704	50,895
	KK Johol	19,136	20,823	26,860	26,414	32,531
	KK Padang Lebar	6,667	11,057	9,583	7,978	10,906
	KK Sri Menanti	9,564	8,453	8,023	7,252	10,094
	KK Terachi	7,148	7,369	8,056	9,234	11,729
	KK Gunung Pasir	5,254	4,716	5,085	5,005	6,042
	KK Senaling	7,937	7,097	11,161	12,899	17,895
	JUMLAH	**172,722**	**182,550**	**206,658**	**205,854**	**244,433**

Jumlah Kedatangan Perkhidmatan Pesakit Luar						
Daerah	**Klinik Kesihatan**	**2015**	**2016**	**2017**	**2018**	**2019**
Jempol	KK Bahau	80,628	90,524	75,591	58,205	77,672
	KK Bandar Seri Jempol	32,900	33,690	31,024	31,952	32,434
	KK Palong 4, 5, 6	29,384	29,410	31,626	31,784	39,564
	KK Palong 7,8	14,456	15,116	17,076	17,029	21,223
	KK Serting Hilir	17,698	19,431	19,347	22,183	28,689
	KK Palong 9, 10, 11	11,782	14,445	14,390	12,810	17,192
	KK Lui Muda	15,230	15,450	17,107	17,497	20,487
	JUMLAH	**202,078**	**218,066**	**206,161**	**191,460**	**237,261**
Tampin	KK Tampin	117,154	112,468	115,833	112,548	148,479
	KK Gemas	44,280	66,997	71,067	59,468	73,287
	KK Gemencheh	38,401	39,919	71,067	61,459	74,012
	KK Jelai	18,052	20,734	17,348	20,180	22,084
	KK Air Kuning	22,974	19,238	19,336	19,203	21,518
	KKBukit Rokan Utara	7,762	7,343	8,329	5,980	6,995
	JUMLAH	**248,623**	**266,699**	**302,980**	**278,838**	**197,896**
Rembau	KK Rembau	46,974	42,609	43,547	47,496	62,269
	KK Astana Raja	10,550	14,793	14,118	14,406	22,144
	KK Pedas	24,699	29,152	29,877	22,400	30,995
	KK Kota	8,036	9,495	8,058	9,335	9,631
	JUMLAH	**90,259**	**96,049**	**95,600**	**93,637**	**125,039**
Port Dickson	KK Port Dickson	133,089	136,915	134,911	129,661	136,790
	KK Bukit Pelanduk	18,906	31,006	25,376	13,857	14,876
	KK Linggi	24,298	23,890	27,277	26,597	33,166
	KK Pasir Panjang	21,701	25,565	28,739	29,827	41,107
	KK Lukut	43,330	44,206	53,837	56,373	58,318
	KK Bagan Pinang	-	-	-	4,251	16,258
	JUMLAH	**241,324**	**261,582**	**270,140**	**260,568**	**300,515**
Jelebu	KK Jelebu	37,296	34,186	31,073	36,282	53,004
	KK Simpang Durian	27,705	21,208	21,452	21,156	22,311
	KK Pertang	26,779	25,259	24,590	24,518	28,035
	KK Titi	14,960	15,118	14,165	14,413	25,235
	KK Pasoh 1	9,356	8,527	8,209	9,193	11,936
	KK Chennah	-	-	2,315	2,704	4,320
	JUMLAH	**116,096**	**104,298**	**101,804**	**108,266**	**144,841**

Untuk perancangan infrastruktur klinik kesihatan di Negeri Sembilan di bawah Rancangan Malaysia ke 11, 4 projek Klinik Kesihatan telah diluluskan iaitu Klinik Kesihatan Palong 7 dan 8 (Jenis 3) bersama kuarters, Klinik Kesihatan Lenggeng (Jenis 5), Klinik Kesihatan Rompin (Jenis 4) dan KK Tampin (Jenis 2) yang kini dalam pelbagai peringkat pembangunan.

PERKHIDMATAN KLINIK KOMUNITI

Perkhidmatan Klinik Komuniti adalah penjenamaan semula perkhidmatan KIM bermula pada tahun 2018. Bermula dengan 3 buah Klinik Komuniti pada tahun 2010 sehingga 2018, sebanyak 17 Klinik Komuniti telah memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk di Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun pada tahun 2019, sebuah Klinik Komuniti telah ditamatkan operasinya memandangkan isu tidak kos efektik dan bilangan pesakit yang tidak ramai serta kos penyelenggaraan yang tinggi.

Sehingga kini secara keseluruhan, perkhidmatan utama di Klinik Komuniti adalah perkhidmatan kesihatan pesakit luar namun di masa akan datang perkhidmatan Klinik Komuniti disasarkan dapat diperluaskan skop perkhidmatannya terutama kepada pesakit kronik seperti penyakit tidak berjangkit (NCD) yang stabil dan menaiktaraf Klinik Komuniti yang berpotensi dan bersesuaian kepada Klinik Kesihatan.

Jadual 2 : Kedatangan ke Klinik Komuniti Negeri Sembilan Tahun 2015 - 2019

Bil.	Klinik Komuniti Malaysia	Tahun				
		2015	2016	2017	2018	2019
1.	KKOM Taman Seremban Jaya	37,122	35,373	36,399	34,189	31,701
2.	KKOM Rasah Jaya	36,282	35,433	31,200	26,920	23,607
3.	KKOM Taman Semarak, Nilai	21,011	17,499	17,978	19,720	17,273
4.	KKOM Taman Gadong Indah	16,662	16,932	13,429	13,293	10,426
5.	KKOM Jalan Pantai Sikamat	25,506	26,334	27,299	20,722	17,930
6.	KKOM Taman Intan Perdana, Port Dickson	14,805	14,042	11,181	11,983	8,090
7.	KKOM Taman Cempaka, Jempol	19,662	22,162	20,930	18,822	10,851
8.	KKOM Taman Desa Melang, Kuala Pilah	14,898	16,246	15,565	13,287	12,817
9.	KKOM Taman Bukit Mika, Seremban	12,482	13,361	12,503	10,028	14,201
10.	KKOM Kota, Rembau	16,783	13,361	18,309	15,453	12,104
11.	KKOM Gemas, Tampin	12,709	17,895	17,467	12,136	15,873
12.	KKOM Titi, Jelebu	10,503	11,620	9,494	8,603	9,895
13.	KKOM Dataran Segar, Port Dickson	12,553	12,698	10,128	8,382	10,949
14.	KKOM Taman Melor, Rompin	11,174	12,142	12,427	10,630	11,840
15.	KKOM Jasmin Senawang	5,624	12,810	13,206	11,917	10,213
16.	KKOM Kuala Sawah	6,801	10,844	12,280	12,773	2,204
17.	KKOM Jasmin, Nilai	5,501	13,142	13,176	14,969	7,092
	JUMLAH	**265,078**	**301,894**	**292,971**	**263,827**	**227,066**

PERKHIDMATAN KLINIK BERGERAK NEGERI SEMBILAN

Perkhidmatan Pasukan Klinik Bergerak di Negeri Sembilan telah berjaya diwujudkan di seluruh 7 daerah di Negeri Sembilan. Setiap daerah mempunyai sebuah pasukan Klinik Bergerak kecuali daerah Jempol yang mempunyai 2 pasukan Klinik Bergerak.

Perkhidmatan Klinik Bergerak ini telah berjaya mencapai objektif perkhidmatannya iaitu menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada *Underserved Population.* Ini dapat dilihat dari jumlah kedatangan pesakit ke perkhidmatan ini seperti di Jadual 3.

Perkhidmatan Klinik Bergerak di Negeri Sembilan menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat Orang Asli dan masyarakat di kawasan pedalaman. Sehingga kini 49 dari 68 perkampungan Orang Asli telah diliputi oleh perkhidmatan Klinik Bergerak.

Jadual 3 : Kedatangan ke Klinik Bergerak Negeri Sembilan Tahun 2015 - 2019

Bil.	Klinik Bergerak	2015	2016	2017	2018	2019
1.	Klinik Bergerak PKD Seremban	7,211	7,595	9,937	7,355	6,996
2.	Klinik Bergerak PKD Kuala Pilah	3,799	3,973	4,855	4,631	6,331
3.	Klinik Bergerak PKD Jempol	8,881	7,132	7,242	9,143	8,928
4.	Klinik Bergerak PKD Tampin	2,571	3,894	3,779	3,139	3,123
5.	Klinik Bergerak PKD Rembau	5,369	5,370	4,266	6,238	5,391
6.	Klinik Bergerak PKD Port Dickson	2,666	3,167	3,067	3,392	3,933
7.	Klinik Bergerak PKD Jelebu	6,675	7,806	7,806	8,478	8,273
	JUMLAH	**37,172**	**38,937**	**42,286**	**42,376**	**42,975**

PERKHIDMATAN *EXTENDED HOUR*

Pada tahun 2018, pelaksanaan Waktu Bekerja Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan masih diteruskan. Ini berikutan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 8/2018 yang bertarikh 10 Disember 2017 yang telah dikeluarkan.

Arahan ini adalah berikutan pertambahan kes-kes bukan kecemasan (*cold case*) yang diterima oleh unit kecemasan di hospital yang mana menjejaskan tugas- tugas untuk memberi rawatan kepada kes kecemasan.

Jadual 4 : Kedatangan ke Perkhidmatan Extended Hour Negeri Sembilan Tahun 2015 - 2019

Bil.	Klinik Extended Hours	2015	2016	2017	2018	2019
1.	Klinik Kesihatan Seremban	40,522	41,734	42,926	38,167	39,265
2.	Klinik Kesihatan Port Dickson	11,164	12,795	10,847	10,831	11,649
3.	Klinik Kesihatan Bahau	8,255	7,487	8,682	9,079	9,425
	JUMLAH	**65,695**	**59,941**	**62,016**	**58,077**	**60,339**

Di Negeri Sembilan Perkhidmatan *Extended Hour* dijalankan di tiga buah klinik iaitu di KK Seremban, KK Bahau dan KK Port Dickson. Perkhidmatan ini memudahkan pelanggan datang ke Klinik Kesihatan selepas waktu pejabat dan pada hari Sabtu. Perkhidmatan Extended Hour di KK Seremban memberikan impak yang sangat penting terhadap kedatangan kes bukan kecemasan di HTJ.

FAMILY DOCTOR CONCEPT (FDC)

Halatuju Kementerian Kesihatan (KKM) yang selari dengan RMK-11 adalah untuk memperkukuh penjagaan kesihatan primer. Konsep doktor keluarga ini merupakah salah satu daripada 4 langkah bagi merealisasikan halatuju ini di mana konsep doktor keluarga ini akan memastikan individu dan keluarga mendapat rawatan holistik, komprehensif dan berterusan. Ianya mula dilaksanakan pada tahun 2014 di KK Jelebu (klinik pilot) di Negeri Sembilan dan ia telah diperluas ke 10 buah Klinik Kesihatan yang lain (2014 - 2019).

Ianya akan dilaksanakan secara berperingkat untuk semua Klinik Kesihatan. KKM telah membentuk pasukan *Primary Health Care* (PHC) yang terdiri dari 7 kategori jawatan di klinik-klinik dengan perkhidmatan *Family Doctor Concept (FDC)* ini bagi memperkukuh perlaksanaannya.

Jadual 5 : Bilangan Klinik Kesihatan yang Mempunyai Pasukan *Primary Healthcare* Team (PHC)

Bil.	Tahun	
	2014	2015 - 2019
1.	KK Jelebu	KK Bahau
2.		KK Juasseh
3.		KK Air Kunig
4.		KK Rembau
5.		KK Lukut
6.		KK Sikamat
7.		KK Gemas
8.		KK Kuala Pilah
9.		KK Port Dickson
10.		KK Titi

KLINIK BERHENTI MEROKOK (KBM)

Klinik Berhenti Merokok merupakan salah satu pengukuhan aktiviti pencegahan di Klinik Kesihatan dijalankan di Negeri Sembilan. Pencapaian Kadar Berhenti Merokok di Klinik Kesihatan adalah merupakan ***Key Performance Indikator*** **(KPI)** Pengarah Kesihatan Negeri dan KPI utama KKM.

Pencapaian Kadar Berhenti Merokok mengikut daerah bagi tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 6**, ianya telah melebihi sasaran kebangsaan yang ditetapkan iaitu 30% sehingga tahun 2019, di mana Negeri Sembilan telah mencapai indikator ini. Pada tahun 2020, KPI telah dinaikkan sasarannya kepada 35%.

Jadual 6 : Pencapaian Kadar Berhenti Merokok di Klinik Kesihatan Mengikut Daerah 2019

Bil.	PKD	Pencapaian 2019	
1.	Seremban	149 / 270	55.2%
2.	Port Dickson	16 / 34	47.1%
3.	Kuala Pilah	35 / 67	52.2%
4.	Jempol	13 / 26	50.0%

Bil	PKD	Pencapaian 2019	
5.	Jelebu	16 / 32	50.0%
6.	Tampin	28 / 50	56.0%
7.	Rembau	18 / 29	62.1%
	Negeri Sembilan	**275 / 508**	**54.1%**

AKTIVITI PENGUKUHAN KAWALAN INFEKSI

Aktiviti kawalan infeksi telah dapat dilaksanakan di semua fasiliti kesihatan primer. Terdapat tiga aktiviti utama yang digariskan di bawah aktiviti kawalan infeksi di iaitu:

i. Audit kawalan infeksi fasa 1 dan fasa 2

Bagi tahun 2019, bilangan fasiliti yang telah diaudit mengikut kategori fasiliti adalah seperti berikut:

Jenis Fasiliti	Bilangan yang diaudit (%)
Klinik Kesihatan	48 / 50 (96.0%)
Klinik Desa	80 / 96 (83.3%)
Klinik Komuniti	14 / 16 (87.5%)

Daripada 142 fasiliti yang telah diaudit hanya sebuah Klinik Desa yang tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh KKM (markah < 80 %). Kelemahan telah dikenal pasti dan langkah penambahbaikkan telah diambil oleh Klinik Desa yang terlibat.

ii. *Hand Hygiene Compliance Survey (HHC)*

Sebanyak 10 buah klinik telah dipilih untuk menjalankan *Survey HHC* antara bulan Julai hingga September 2019. Terdapat peningkatan markah audit bagi kategori Pegawai Perubatan iaitu 84%, Penolong Pegawai Perubatan 75.8% dan Pembantu Perawatan Kesihatan 83.8%. Manakala bagi kategori Jururawat Masyarakat menunjukkan sedikit penurunan markah kepada 85% berbanding tahun sebelumnya (91%). Markah yang ditetapkan KKM ialah >75%. Penerangan semula kepada anggota terlibat berkaitan kepentingan langkah pencucian tangan *"5 moment"* telah diberi oleh *Link Nurse* untuk penambahbaikan.

TEKNOLOGI MAKLUMAT DI FASILITI KESIHATAN PRIMER

Bagi memastikan perkhidmatan kepada masyarakat berjalan lancar dan berkesan, Unit Kesihatan Primer juga telah memfokuskan untuk menaik taraf sistem teknologi maklumat sebagaimana saranan pihak kementerian. Antaranya membangunkan TPC-OHCIS. Sebanyak 6 buah Klinik Kesihatan (KK) telah terpilih untuk penggunaan sistem ini iaitu KK Seremban, KK Senawang, KK Seremban 2, KK Ampangan, KK Mantin dan KK Sikamat. Sistem ini telah dilaksanakan bermula bulan Mei 2017 dan terus dimantapkan pada tahun 2019 sehingga sekarang. 16 buah Klinik Komuniti kini juga menggunakan Sistem Hi-Data untuk rekod pesakit.

PERKHIDMATAN PENJAGAAN LUKA (*MODERN WOUND DRESSING)*

Pada tahun 2018, perkhidmatan penjagan luka di fasilti kesihatan primer telah diperkukuhkan lagi dengan perlaksanaan perkhidmatan penjagaan luka **(***modern wound dressing*) yang lebih berkesan. Arahan Pelaksanaan Penubuhan Pasukan Luka di Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia ini dikeluarkan pada 23 Oktober 2017 sebagai tambahan kepada pekeliling berkaitan sedia ada.

Pada tahun 2019 sebanyak 18 buah Klinik Kesihatan telah menjalankan pengukuhan program *modern wound dressing* ini, walaupun begitu semua fasiliti kesihatan ada menjalankan perkhidmatan penjagaan luka seperti sedia ada. Klinik Kesihatan tersebut yang menjalankan pengukuhan *modern wound dressing* adalah seperti dalam jadual di bawah:

Daerah	Klinik Kesihatan	
Seremban	1	KK Seremban 2
	2	KK Seremban
	3	KK Senawang
	4	KK Nilai
	5	KK Ampangan
	6	KK Mantin
	7	KK Sikamat
Jempol	8	KK Bahau
	9	KK Palong 4,5,6
Port Dickson	10	KK Port Dickson
	11	KK Lukut
Tampin	12	KK Tampin
	13	KK Gemas
Rembau	14	KK Rembau
	15	KK Astana Raja
Jelebu	16	KK Jelebu
Kuala Pilah	17	KK Johol
	18	KK Juasseh

PANEL PENASIHAT KLINIK KESIHATAN (PPKK) DI NEGERI SEMBILAN

Bagi menyokong perkhidmatan kesihatan di kalangan komuniti peranan Panel Penasihat Klinik Kesihatan adalah penting. PPKK bertindak sebagai sukarelawan perkhidmatan kesihatan dan sebagai penggerak kepada KKM dalam menjalankan perkhidmatan kesihatan di komuniti.

Sehingga kini terdapat 42 PPKK di Negeri Sembilan. Keahlian PPKK bagi sesi 2019-2020 adalah seramai 420 orang yang terdiri daripada 293 ahli komuniti dan 127 ahli klinik kesihatan. Lantikan PPKK baru ini telah diperakui oleh Yang Berhormat Exco Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan (YBMK).

PERKHIDMATAN PAKAR MATA BERGERAK *(KLIP MOBILE)*

Program Kesejahteraan Warga Emas Fasa Pertama telah dijalankan di seluruh Negeri Sembilan pada tahun 2012 secara kerjasama antara Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan dan Universiti Malaya (UM) bagi mendapatkan status kesihatan warga emas di Negeri Sembilan.

Berikutan hasil program ini, satu inisiatif dengan kerjasama Kerajaan Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi penubuhan Klinik Pakar Mata Bergerak *(Klip Mobile)* bagi membantu warga emas di luar bandar menjalani pemeriksaan dan rawatan. Perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan pakar kepada penduduk kawasan luar bandar khususnya warga emas.

Projek ini akan merakyatkan perkhidmatan kesihatan sekaligus meningkatkan kepuasan dan kesejahteraan hidup rakyat terhadap pembangunan dan perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan. Pembiayaan rawatan adalah ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan USIM, manakala bantuan teknikal (keperluan akta, piawaian dan khidmat nasihat) oleh Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan.

Jadual 7 : Perkhidmatan Pakar Mata Bergerak (Klip Mobile) bagi tahun 2019

Bil.	Tarikh	Tempat	Bil. Kedatangan Pesakit
1.	16.05.2019	Masjid Rumah Rakyat Selaru	37
2.	27.06.2019	Bilik Gerakan KRT Taman Senangin, Senawang	74
3.	18.07.2019	Balairaya @ Dewan Kg Jambu 8, Bahau	117
4.	29.08.2019	Kg Parit Gong, Pertang	25
5.	26.09.2019	Kg Pachitan,Bukit Pelanduk	47
6.	14.11.2019	Balairaya Felda Bukit Rokan Utara	58
7.	19.12.2019	Dewan Serbaguna (F) Palong 1	50

Bilangan kes yang dirujuk untuk pembedahan katarak bagi tahun 2019 seramai 44 orang.

PROGRAM BEBAS KESAKITAN (*PAIN FREE PROGRAM*) DI KESIHATAN PRIMER

Program Bebas Kesakitan *(Pain Free Program*) di Klinik Kesihatan Negeri Sembilan telah dimulakan pada Julai 2018 dengan skop *Pain As 5th Vital Sign*. Pada tahun 2018, sebuah klinik kesihatan / daerah telah disasarkan untuk menjalankan program ini. Di Negeri Sembilan klinik kesihatan yang telah terlibat mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Klinik Kesihatan Terlibat
Seremban	KK Mantin
Kuala Pilah	KK Kuala Pilah
Jempol	KK Bandar Seri Jempol
Tampin	KK Tampin
Rembau	KK Rembau
Port Dickson	KK Lukut
Jelebu	KK Jelebu

Bagi mengukuhkan dan mempeluaskan program ini di klinik kesihatan disasarkan semua klinik kesihatan dengan perkhidmatan FMS menjalankan skop *Pain As 5th Vital Sign* untuk tahun 2019. Sehubungan itu, klinik kesihatan tambahan yang akan menjalankan skop *Pain As 5th Vital Sign* bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

Daerah	Klinik Kesihatan Terlibat
Seremban	1. KK Seremban
	2. KK Seremban 2
	3. KK Nilai
	4. KK Ampangan
	5. KK Sikamat
	6. KK Senawang

Daerah	Klinik Kesihatan Terlibat
Kuala Pilah	7. KK Juasseh
Jempol	8. KK Bahau
Tampin	9. KK Gemas
Port Dickson	10. KK Port Dickson
Kuala Pilah	11. KK Juasseh

Bilangan keseluruhan Klinik Kesihatan yang menjalankan perkhidmatan Program Bebas Kesakitan (Pain Free Program) dengan skop Pain As 5th Vital Sign sehingga 2019 adalah 17 Klinik Kesihatan.

SKIM PEDULI KESIHATAN UNTUK KUMPULAN B40 (PEKA B40)

Merupakan inisiatif kerajaan persekutuan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menampung keperluan kesihatan golongan berpendapatan rendah (kumpulan B40). Inisiatif ini bermula pada bulan April 2019. Skim ini memberi fokus terhadap penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis, darah tinggi, kolesterol tinggi, kesihatan mental dan kanser.

Golongan yang layak adalah penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangannya yang berdaftar serta berumur 50 tahun dan ke atas dalam tahun 2019. Bagi tahun 2020, akan diperluaskan kepada kumpulan ini yang berumur 40 tahun dan ke atas.

4 Manfaat PeKa B40 adalah seperti berikut:
i. Saringan kesihatan secara percuma
ii. Bantuan Alat Perubatan
iii. Insentif melengkapkan rawatan kanser
iv. Insentif tambang pengangkutan

Klinik Kesihatan dan Klinik Swasta bertanggungjawab untuk menjalankan saringan bagi Manfaat i, manakala untuk Manfaat ii, iii dan iv dikendalikan di hospital kerajaan.

KESIMPULAN

Perkhidmatan Kesihatan Primer telah melalui fasa pengukuhan pada tahun 2019 di mana fokus utama adalah mengoptimisasikan sumber sedia ada untuk memastikan perkhidmatan dapat diberikan dengan kualiti yang lebih baik.

Di samping itu, terdapat beberapa program-program baru bagi 2019 yang dilaksanakan dan perlu diperkukuhkan di fasiliti kesihatan primer seperti program *Enhanced Primary Healthcare, Antimicrobial Stewardship* (AMS), Sistem Maklumat Rekod Pesakit (SMRP) di Klinik Komuniti dan Saringan PeKa B40.

2.4 UNIT PENYAKIT BERJANGKIT

PENGENALAN

Kawalan dan pencegahan penyakit berjangkit telah bermula di Malaysia sejak tahun 1961 lagi. Ia diwujudkan bagi memastikan setiap kejadian penyakit berjangkit dapat dikesan segera dan disusuli dengan tindakan kawalan dan pencegahan serta merta.

Pemantauan kejadian penyakit berjangkit adalah berdasarkan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Penyakit berjangkit yang perlu dilaporkan adalah seperti yang tersenarai di dalam **Jadual 1** dan **2** akta tersebut. Selain senarai tersebut, terdapat beberapa penyakit yang dikelaskan sebagai *emerging* dan *re-emerging disease* yang perlu dilaporkan jika ia ditemui.

Pemantauan penyakit berjangkit di negara ini dipantau melalui satu sistem survelan yang terdiri daripada *Mandatory Disease Notification* menggunakan sistem e-notifikasi, *Clinical Based Surveillance* (HFMD, AFP), *Laboratory Based Surveillance, Community Based Surveillance* dan Survelan yang dilakukan oleh agensi lain seperti FOMEMA dan Jabatan Veterinar.

VISI

Ke arah melahirkan individu, keluarga dan masyarakat di Negeri Sembilan yang sihat dan sejahtera serta dapat menikmati kehidupan yang bebas dari kejadian penyakit berjangkit.

MISI

Menjalankan program-program kawalan dan pencegahan dengan menyeluruh, bersepadu dan efisyen bersama semua agensi kerajaan dan masyarakat dalam mengekang penularan wabak penyakit berjangkit.

OBJEKTIF

Objektif Umum

Untuk mengurangkan kadar kematian (mortaliti) dan kejadian (morbiditi) yang disebabkan oleh Penyakit Berjangkit.

Objektif Khusus

- Untuk mengurangkan kadar kematian (mortaliti) dan kejadian (morbiditi) yang disebabkan oleh Penyakit Berjangkit.
- Untuk memantau kejadian dan corak epidemiologi Penyakit Berjangkit bagi meramal serta mengesan kejadian awal wabak Penyakit Berjangkit.
- Untuk melaksanakan tindakan pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit.
- Untuk melaksanakan tindakan aktif semasa wabak.
- Untuk mencegah kejadian penyakit berjangkit dari peringkat awal supaya tidak menjadi masalah kepada kesihatan awam.

PENCAPAIAN PROGRAM PENYAKIT CEGAHAN VAKSIN

Program Eradikasi Polio Kebangsaan

Malaysia telah mendapat status bebas penyakit yang disebabkan oleh *Wild Polio Virus* pada 20 Oktober 2000. Bagi mengekalkan status tersebut, setiap negara haruslah memastikan kualiti survelan kes *Acute Flaccid Paralysis* (AFP) pada tahap yang tinggi seperti yang ditunjukkan pada **Jadual 1** dan semua indikator yang dipantau telah dicapai.

Jadual 1 : Indikator Program Eradikasi Polio Kebangsaan

Bil.	Indikator	Sasaran	Pencapaian 2019
1.	Kes AFP bukan polio bagi setiap 100,000 penduduk berumur bawah 15 tahun	1 kes per 100,000 (3 kes)	5/100,00 penduduk 5 kes
2.	Peratusan kes AFP disiasat dalam tempoh 48 jam dari tarikh notifikasi	Lebih daripada 80%	100% (5 kes)
3.	Peratusan kes AFP dengan 2 sampel najis yang *"adequate"* yang diambil selang 24 jam	Lebih daripada 80%	100% (5 sampel)
4.	Peratusan kes AFP lawatan susulan dibuat pada 60 daripada tarikh *onset paralysis*	Lebih daripada 80%	100% (5 kes)
5.	Peratusan kes AFP yang telah diklasifikasikan selepas 90 hari daripada tarikh *onset paralysis*	Lebih daripada 80%	100% (5 kes)

Jumlah Penduduk bawah 15 tahun : 100,200 orang

Program *Eliminasi Measles* Kebangsaan

Pada tahun 2019, sebanyak 432 kes disyaki Measles telah dilaporkan di mana sebanyak 22 kes telah disahkan IgM *Measles Detected*, berbanding 2018 sebanyak 328 kes disyaki Measles telah dilaporkan di mana sebanyak 21 kes disahkan IgM *Measles Detected.*

Jadual 2 : Pencapaian Indikator Program Eliminasi Measles

Bil.	Indikator	Sasaran	Pencapaian
1.	Kes yang disahkan measles	<1/1juta penduduk	19/1 juta penduduk (22 kes)
2.	Kes bukan measles yang disyaki measles dilaporkan	≥ 2/100,000	37/100,000 penduduk (432 kes)
3.	Kes dinotifikasi dalam tempoh 24 jam	≥ 80%	99% (426 kes)
4.	Siasatan kes dilakukan dalam tempoh 48 jam	≥ 80%	98% (424 kes)
5.	Penghantaran sampel darah untuk ujian serologi dalam tempoh 28 hari daripada tarikh ruam	≥ 80%	98 % (423 sampel)

*** Analisa menggunakan database daripada eMeasles (SM2)**
Jumlah Penduduk : 1,158,700 orang

Lain-lain Penyakit Cegahan Vaksin
Penyakit cegahan vaksin yang dilaporkan pada tahun 2019 ialah kes Hepatitis B sebanyak 195 kes dilaporkan dan mencatatkan 2 kes kematian pada tahun tersebut. Selain itu, sebanyak 13 kes Pertussis dilaporkan pada tahun 2019 dengan tiada kematian dicatatkan.

Keracunan Makanan

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 24 episod keracunan makanan telah dilaporkan (melibatkan 6 episod berlaku di sekolah) berbanding 19 episod (6 episod berlaku di sekolah) pada tahun 2018. Semua episod telah dapat dikawal tanpa berlaku sebarang kematian.

Penyakit Penyakit Bawaan Air dan Makanan yang Lain

Penyakit lain yang dilaporkan adalah enam (6) kes Hepatitis A dan tujuh (7) kes Dysentry didaftarkan pada tahun 2019. Tiada kes kolera dilaporkan.

SURVELAN PENYAKIT BERJANGKIT

Penyakit Kaki, Tangan dan Mulut (HFMD)


Jadual 3 : Penyakit Kaki, Tangan dan Mulut (HFMD)

Daerah	Kumulatif hingga minggu 52/ 2019	Kumulatif hingga minggu 52/ 2018	% Penurunan / Peningkatan Kes
Seremban	941	2,169	-56.6%
Port Dickson	56	259	-78.4%
Jempol	135	251	-46.2%
Tampin	122	71	71.8%
Kuala Pilah	91	158	-42.4%
Rembau	85	129	-34.1%
Jelebu	86	91	-5.5%
Jumlah	**1,516**	**3,128**	**-51.5%**

Sepanjang tahun 2019, berlaku penurunan kes HFMD di Negeri Sembilan iaitu sebanyak 1,516 kes didaftarkan pada tahun 2019 berbanding 3,128 kes pada tahun 2018. Penurunan kes sebanyak 51.5%. Penurunan kes telah berlaku di semua daerah kecuali di Daerah Tampin yang menunjukkan peningkatan sebanyak 71.8%.

Survelan Influenza Like Illness (ILI)

Graf 1: Tren Kadar Konsultasi ILI Pada Tahun 2019 dan Tahun 2018



Pada tahun 2019, terdapat sebanyak 1,598 kes ILI dengan 27 kluster penyakit ILI dilaporkan. Tiada kematian dilaporkan. Kes berada dalam julat yang normal kecuali peningkatan kes yang dilaporkan dari minggu epid 27 sehingga minggu epid 33 namun berada dalam keadaan terkawal.

Bilangan kes yang didaftarkan di Negeri Sembilan

Jadual 4 : Bilangan Kes yang didaftarkan di Negeri Sembilan bagi Tahun 2015 - 2019

Diagnosis	2015	2016	2017	2018	2019	Jumlah
HFMD	542	1,382	918	3,128	1,516	7,486
Food Poisoning	549	872	1,059	714	714	3,908
Viral Hepatitis	145	472	532	523	531	2,203
Leptospirosis	296	169	219	308	357	1,349
Pertussis	43	14	8	19	13	97
Typhoid/Paratyphoid	5	2	5	0	2	14
Dysentry	3	1	4	2	7	17
Diphteria	0	5	2	0	0	7
Viral Encephalitis	0	3	1	1	2	7
Tetanus	0	0	1	0	1	2
Typhus	1	0	0	0	0	1
Jumlah	**1,584**	**2,920**	**2,749**	**4,695**	**3,143**	**15,091**

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya keberkesanan pemantauan dan pencapaian aktiviti-aktiviti adalah baik. Tiada sebarang wabak Penyakit Berjangkit tidak terkawal berlaku pada tahun 2019. Fokus akan dipertingkatkan merangkumi aspek pengesanan awal penyakit berjangkit, siasatan yang lengkap, aktiviti kawalan penyakit berjangkit yang efektif serta aktiviti pencegahan jangka pendek dan jangka panjang yang mampan.

Sasaran ini juga telah disokong dengan latihan berterusan untuk semua staff yang terlibat sama ada di peringkat daerah dan Negeri. Selain itu, audit penyeliaan secara berjadual akan terus dilaksanakan bagi memastikan pematuhan kepada semua aktiviti berdasarkan keperluan perundangan dan garis panduan yang sedang berkuatkuasa.

AKTIVITI UNIT SURVELAN DAN KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT

Lawatan Delegasi WHO untuk *Joint External Evaluation (JEE)* di bilik CPRC JKNNS dan PKD Seremban pada 22 Oktober 2019





Program Simulasi Bencana KTMB Gemas Peringkat Kebangsaan di Kem Syed Sirajuddin Gemas, Kompleks KTMB Gemas dan Klinik Kesihatan Gemas pada 24 hingga 25 April 2019





Kursus *Acute Public Health Event (APHE)* di Bayu Beach Resort, Port Dickson pada 26 hingga 28 Jun 2019





Lawatan dari *The Asean Emergency Operation Centre (EOC) Network: Asean Member States EOC Officers* ke Bilik CPRC JKNNS dan PKD Seremban pada 4 Disember 2019





2.5. UNIT KAWALAN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR

PENGENALAN

Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor di Negeri Sembilan bermula sejak tahun 1973 lagi iaitu sebagai Rancangan Pembasmian Malaria (RPM). Ia kemudian merangkumi kawalan penyakit-penyakit lain seperti denggi, filariasis, *Japanese Encephalitis*, hawar, taifus, demam kuning, *Chikungunya* dan *Kala-Azar*. Unit ini bertanggungjawab menyelaras serta memantau semua aktiviti-aktiviti kawalan penyakit bawaan vektor bagi memastikan aktiviti dijalankan dengan lancar, sistematik dan efisien.

VISI

Untuk menjadikan Negeri Sembilan Darul Khusus sebuah negeri yang mempunyai individu, keluarga dan masyarakat yang sihat dan sejahtera melalui pelaksanaan Program-Program Kawalan Penyakit Bawaan Vektor yang profesional, efisien, saksama dan mesra.

MISI

Unit Penyakit Bawaan Vektor akan melaksanakan program-program Kawalan Penyakit Bawaan Vektor yang merangkumi bidang pencegahan dan kawalan dengan anggota yang mahir dan terlatih dengan bantuan peralatan yang lengkap dan berteknologi tinggi.

OBJEKTIF

Objektif Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor adalah seperti berikut :

- Mengurangkan morbidity (kejadian) dan mortality (kematian) Penyakit-Penyakit Bawaan Vektor supaya tidak menjadi masalah kesihatan awam di Semenanjung Malaysia.
- Mencegah kejadian Penyakit-Penyakit Bawaan Vektor di kawasan yang sedia bebas daripada penyakit-penyakit bawaan vector.

* Penyakit-Penyakit Bawaan Vektor yang utama adalah Malaria, Demam Denggi / Demam Denggi Berdarah, Penyakit Filariasis, Penyakit Scrub Typhus, Penyakit Japanese Encephalitis (JE), Penyakit Chikungunya, Penyakit Hawar dan Penyakit Demam Kuning.

1.0 SITUASI PENYAKIT BAWAAN VEKTOR

Jadual 1 : Situasi Penyakit Bawaan Vektor Di Negeri Sembilan

Penyakit	Tahun / Bilangan Kes (Kematian)				
	2015	2016	2017	2018	2019
Denggi	2,399(15)	2,852(23)	3,055(11)	1,863(6)	2,305(11)
Malaria	18	11 (1)	36	41 (1)	37(1)
Jap.Encephalitis	0	3	0	0	3
Filariasis	32	35	73	33	25
Taifus	1	0	0	0	0
Hawar	0	0	0	0	0
Demam Kuning	0	0	0	0	0
Chikungunya	0	6	0	0	8
Kala-Azar	0	0	0	0	0

( ) kematian

Secara amnya, penyakit bawaan vektor di Negeri Sembilan adalah masih dalam keadaan terkawal. Kes denggi menunjukkan peningkatan dari segi kes dan bilangan kematian pada tahun 2019 berbanding tahun 2018. Pada tahun 2019, penyakit Malaria dan Filariasis menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya. Tahun 2019 mencatatkan tiga (3) kes dan lapan (8) kes bagi jangkitan Japanese Ecephalitis dan Chikungunya.

DENGGI

Sebanyak 2,305 kes denggi telah didaftarkan pada tahun 2019 berbanding 1,863 kes denggi pada tahun 2018. Ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 23.7%. Kadar insiden denggi bagi tahun 2019 adalah 199/100,000 penduduk berbanding 163/100,000 penduduk pada tahun 2018. Bilangan kematian denggi yang dilaporkan pada tahun 2019 adalah sebanyak 11 kematian dengan kadar kematian kes (*case fatality rate*) 0.47%.

Jadual 2 : Kadar Insiden Denggi di Negeri Sembilan dari Tahun 2014 - 2019

Tahun	Bil. DD	Bil. DDB	Jumlah	Kadar Insiden
2015	2,436	18	2,454	221.8
2016	2,849	3	2,852	256.0
2017	3,052	3	3,055	270.6
2018	1,860	3	1,863	162.7
2019	2,302	3	2,305	198.7

Jadual 3 : Perbandingan Kes Denggi Mengikut Daerah di Negeri Sembilan Bagi Tahun 2018 dan 2019

Daerah	Bilangan Kes						Peratus % (+/-)
	2018			2019			
	DD	DDB	Jum (M)	DD	DDB	Jum (M)	
Seremban	1,457	3	1,460(5)	1,846	3	1,849(8)	26.6%
Port Dickson	151	0	151(0)	107	0	107(1)	-27.8%
Jempol	67	0	67(0)	82	0	82(1)	21.9%
Tampin	65	0	65(0)	104	0	104(0)	57.8%
Kuala Pilah	34	0	35(1)	51	0	51(0)	45.7%
Rembau	46	0	46(0)	60	0	60(0)	30.4%
Jelebu	40	0	40(0)	52	0	52(1)	30.0%
N.Sembilan	**1,860**	**3**	**1,863(6)**	**2,302**	**3**	**2,305(11)**	**23.7%**

( ) = kematian

Taburan kes Mengikut Etnik

Daripada 2,305 kes denggi yang dilaporkan, 1356 (58.8%) adalah Melayu, 453 (19.7%) Cina, 291 (12.6%) India, 31 (1.3%) dari lain-lain bangsa dan 174 (7.5%) adalah warga asing.

Taburan Kes Mengikut Jantina

Kebanyakan kes denggi iaitu 1,327 kes (57.5%) adalah terdiri daripada golongan lelaki sementara 978 kes (42.4%) adalah golongan perempuan dengan nisbah 2.4:1

Taburan kes Mengikut Umur

Kumpulan umur yang paling banyak dijangkiti penyakit demam denggi adalah di antara 18-59 tahun (1,566 kes). Ini diikuti oleh kumpulan umur 6-17 tahun (347 kes), lebih 60 tahun (228 kes) dan dibawah umur 5 tahun (164 kes). Kes demam denggi yang melibatkan kumpulan umur di alam persekolahan adalah sebanyak 347 kes (15.1%).

Taburan Kes Denggi Mengikut Kawasan

Berdasarkan taburan kes mengikut kawasan, bilangan kes denggi yang dicatatkan di kawasan bandar adalah lebih banyak di kawasan luar bandar iaitu 1,963 kes (85.2%) berbanding 342 kes (14.8%).

Keputusan Serologi

Daripada 2,305 kes yang dilaporkan, sebanyak 2,255 (97.8%) kes didapati mempunyai keputusan serologi yang positif. Terdapat 50 kes (2.2%) juga didaftarkan kerana memenuhi kriteria denggi serta mempunyai *epidemiological link*.

Aktiviti Pencegahan dan Kawalan Denggi


Aktiviti pencegahan dan kawalan denggi dijalankan secara berterusan bagi membendung penularan penyakit ini. Pencapaian aktiviti pada tahun 2019 adalah sebagaimana **Jadual 4**.

Jadual 4 : Aktiviti Pencegahan dan Kawalan Denggi Mengikut Daerah bagi Tahun 2019

Daerah	Bil. Rumah Diperiksa	Bil. Premis Positif *Aedes*	Bil. Premis di sembur kabus	Bil. Notis (sek. 8)	Bil. Kompaun	Bil. Tindakan Mahkamah	Bil. Gotong Royong
Seremban	193,272	4,438	896,237	169	1,767	82	146
Port Dickson	23,375	465	613,721	89	23	4	11
Jempol	10,017	170	29,784	16	116	11	7
Tampin	26,370	201	19,902	76	73	0	12
Kuala Pilah	24,977	195	49,324	33	78	4	14
Rembau	18,873	211	17,571	18	23	0	10
Jelebu	3,339	67	9,415	2	13	0	11
N.Sembilan	**300,223**	**5,747**	**1,635,954**	**403**	**2,093**	**101**	**211**

MALARIA

Pada tahun 2019, sebanyak 37 kes Malaria dilaporkan di Negeri Sembilan berbanding 41 kes pada tahun 2018. Kadar insiden malaria tahun 2019 adalah 0.29/10,000 penduduk dan 1 kematian dilaporkan.



Taburan Kes Mengikut Daerah

Kebanyakan kes Malaria pada tahun 2019 telah berlaku di daerah Seremban iaitu sebanyak 18 kes, diikuti Jelebu 5 kes, Tampin 4 kes, Jempol 3 kes, Kuala Pilah 3 kes, Port Dickson 2 kes dan Rembau 2 kes.

Jadual 5 : Taburan Kes Malaria Mengikut Daerah Di Negeri Sembilan Bagi Tahun 2018 - 2019

DAERAH	HUMAN MALARIA				ZOONOTIK MALARIA				JUMLAH		Peningkatan/ Penurunan (%)
	2018		2019		2018		2019				
	Indigenous	Import	Indigenous	Import	Indigenous	Import	Indigenous	Import	2018	2019	
Seremban	0	5	0	8	13	0	10	0	18	18	0
Port Dickson	0	2	0	2	0	0	0	0	2	2	0
Jempol	0	2	0	1	0	0	2	0	2	3	+ 50.0%
Tampin	0	1	0	0	6	0	4	0	7	4	- 42.8%
Kuala Pilah	0	1	0	0	4	0	3	0	5	3	- 40.0%
Rembau	0	0	0	0	6	0	2	0	6	2	- 66.7%
Jelebu	0	0	0	0	1	0	5	0	1	5	+ 400%
Negeri Sembilan	**0**	**11**	**0**	**11**	**30**	**0**	**26**	**0**	**41**	**37**	**- 9.8%**


Klasifikasi Kes Mengikut Jenis Jangkitan

Berdasarkan klasifikasi kes bagi tahun 2019, tiada kes (0%) diklasifikasikan sebagai jangkitan *human malaria indigenous*, 11 kes (29.7%) Import A (jangkitan kes dari luar negara), 0 kes (0%) *Introduced* dan 26 kes (70.3%) mendapat jangkitan Malaria *Zoonotik Indigenous*. Tiada kes introduced dan *human malaria indigenous* dilaporkan di Negeri Sembilan semenjak tahun 2017. Ini sejajar dengan keperluan bagi mencapai Persijilan Eliminasi Malaria WHO iaitu tiada kes *human malaria indigenous* dilaporkan dalam tempoh sekurang-kurangnya 3 tahun berturut-turut.

Taburan Kes Mengikut Kumpulan Risiko

Berdasarkan kumpulan risiko pula sebanyak 4 kes (10.8%) Orang Asli Pinggiran, tentera 4 kes (10.8%) dan 29 kes (78.4%) dari kumpulan lain-lain.

Rajah 2 : Kes Malaria Mengikut Kumpulan Umur



Taburan Kes Mengikut Umur
Kebanyakan kes malaria yang dilaporkan di Negeri Sembilan pada tahun 2019 tergolong dalam kumpulan umur 20 hingga 30 tahun.

Kejadian Kes Mengikut Jantina dan Etnik
Daripada 37 kes yang dilaporkan, 33 kes (89.2%) adalah terdiri daripada golongan lelaki dan 4 kes (10.8%) daripada golongan perempuan. Kes Malaria kebanyakannya berlaku dalam kalangan etnik Melayu 14 kes (37.8%), Cina 6 kes (16.2%), India 4 kes (10.8%), orang asli 4 kes (10.8) dan diikuti oleh warga asing 9 kes (24.3%).

Kejadian Kes Mengikut Spesies
Kebanyakan kes adalah dari spesies *Plasmodium knowlesi* iaitu 26 kes (70.3%), diikuti oleh spesies *Plasmodium falciparum* iaitu 9 kes (24.3%), spesies *Plasmodium vivax* iaitu 2 kes (5.4%) dan tiada jangkitan *Plasmodium ovale*, *Plasmodium malariae* dan campuran (0%).

Taburan Kes Mengikut Sumber Kes
Terdapat 30 kes yang dilaporkan pada 2019 dikesan melalui *Passive Case Detection* (PCD) dan 7 kes dikesan melalui *Active Case Detection (ACD)*.

LAIN-LAIN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR

Pada tahun 2019, terdapat sebanyak 25 kes Filariasis dilaporkan melibatkan masing-masing 19 kes di daerah Jempol, 3 kes di daerah Port Dickson dan 3 kes di daerah Tampin. Walau bagaimanapun, kesemua kes Filariasis adalah jangkitan import luar negara. Selain itu, 3 kes *Japanese encephalitis* dilaporkan dalam daerah Seremban dan 8 kes Chikungunya dilaporkan melibatkan masing-masing 6 kes di daerah Seremban dan 2 kes dalam daerah Port Dickson. Tiada kes Tifus, Hawar, Demam Kuning dan Kala-Azar yang dilaporkan di negeri ini pada tahun 2019.

PROGRAM KEPASTIAN KUALITI (*QUALITY ASSURANCE*)

Program Kepastian Kualiti atau *Quality Assurance Programme* menetapkan tiga indikator utama iaitu Kematian Malaria, Indeks Masa Notifikasi Denggi (*Dengue Notification Time Index*-DNTI) dan Indeks Kawalan Wabak Denggi (*Dengue Outbreak Control Index*-DOCI)

a) **Kematian Malaria**
Piawai kematian bagi malaria adalah sifar. Namun terdapat 1 kematian malaria zoonotik dilaporkan pada tahun 2019 di Negeri Sembilan.

b) **Indeks Masa Notifikasi Denggi (DNTI)**
Piawai bagi Indeks Masa Notifikasi Denggi ialah 100% kes denggi yang disyaki mesti dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan atau Pihak Berkuasa Tempatan dalam tempoh 24 jam selepas diagnosa. Pada tahun 2019 pencapaian adalah 98.7%. Kes-kes yang tidak mematuhi piawaian DNTI telah dikenal pasti dan telah diambil tindakan sewajarnya.

Jadual 8 : Perbandingan Keseluruhan Indeks Masa Notifikasi Denggi (DNTI) di Negeri Sembilan Bagi Tahun 2014 - 2019

Perkara	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Jumlah kes denggi dilaporkan	3,781	2,176	2,852	3,055	1,864	2,305
Bil. kes dilaporkan dalam masa 24 jam	2,128	2,454	2,851	2,951	1,832	2,275
DNTI (%)	**56.3%**	**88.7%**	**99.9%**	**96.6%**	**98.3%**	**98.7%**

c) Indeks Kawalan Wabak Denggi (DOCI)

Piawai bagi DOCI ialah 100% wabak mesti dikawal dalam tempoh 14 hari. Tahun 2019 mencatatkan peningkatan bilangan wabak yang tidak dapat dikawal dalam masa 14 hari iaitu 35 wabak berbanding 17 wabak pada tahun 2018. Pencapaian keseluruhan pada tahun 2019 adalah 87.3% .

Jadual 9 : Perbandingan Keseluruhan Indeks Kawalan Wabak Denggi (DOCI) di Negeri Sembilan Bagi Tahun 2014 - 2019

Perkara	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Bil. wabak berlaku	358	183	289	319	211	275
Bil. wabak dikawal dalam masa 14 hari	176	172	254	262	194	240
DOCI (%)	**49.2%**	**94.0%**	**87.9%**	**82.1%**	**91.9%**	**87.3%**

PERKHIDMATAN UNIT MAKMAL VEKTOR

Makmal Vektor Negeri di setiap negeri di Malaysia adalah satu unit di bawah Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor yang berperanan penting dalam dalam pemeriksaan slaid untuk diagnosis penyakit Malaria dan Filariasis. Objektif utama unit ini ialah mengeluarkan satu keputusan pemeriksaan slaid darah yang tepat dan berkualiti serta mengikut masa yang ditetapkan.

Aktiviti utama Makmal Vektor Negeri selain daripada mengesahkan kes Malaria dan Filariasis melalui pemeriksaan slaid, ianya berfungsi sebagai:

- Pengumpulan data pemeriksaan slaid darah untuk malaria dan Filariasis yang diterima dari daerah-daerah dalam Negeri Sembilan serta menyediakan laporan makmal.
- Melakukan analisis terhadap kawalan mutu pemeriksaan slaid yang dijalankan di makmal-makmal setiap klinik kesihatan dan hospital setiap daerah dan menyediakan laporan mengenainya.
- Tempat yang bertanggungjawab kepada semua aktiviti dari segi perlaksanaan dan pengawasan perkhidmatan makmal khususnya berkaitan dengan diagnosis kes malaria dan Filariasis di semua Klinik Kesihatan dan Klinik Desa.
- Pusat rujukan dan latihan pengukuhan bacaan slaid BFMP kepada semua Juruteknologi Makmal, Pegawai Sains, Penolong Pegawai Sains dan mikroskopis yang bermasalah dalam pengenalan spesies Malaria.
- Tempat latihan kepada Pelatih-pelatih Separa Perubatan seperti Penolong Pegawai Perubatan, Penguatkuasa Kesihatan Awam, Jururawat ,dan Pembantu Kesihatan Awam serta Pegawai Perubatan yang terlibat dalam prosedur untuk mendiagnosis kes Malaria dan Filariasis.
- Pusat maklumat diagnosis makmal bagi kes Malaria dan Filariasis di Negeri Sembilan.
- Pusat penyelidikan *Drug Resistance Study* dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Universiti tempatan untuk kes Malaria di Negeri Sembilan

Pemeriksaan Slaid Darah di Makmal Vektor Negeri

Malaria

Pada tahun 2019 sebanyak 36,697 slaid darah telah diterima dan diperiksa. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 37 kes telah dikesan positif. Peningkatan jumlah slaid Malaria sebanyak 3,061 slaid (9%) juga telah diperiksa pada tahun 2019 berbanding tahun 2018.

Jadual 10 : Pecahan Slaid ACD, PCD dan lain-lain (INV) yang diterima dari daerah bagi tahun 2019

Daerah	ACD	PCD	PCD(HOSP)	INV	Jumlah	Kes positif
Jelebu	5,193	663	276	348	6,480	4
Kuala Pilah	2,829	883	2,065	48	5,825	3
Tampin	535	334	1,147	4,489	6,505	3
Seremban	176	63	1,877	1,149	3,265	23
Rembau	919	528	0	90	1,537	0
P.Dickson	3,232	964	715	429	5,340	1
Jempol	2,131	1,651	334	3,629	7,745	3
Negeri Sembilan	**15,015**	**5,086**	**6,414**	**10,182**	**36,697**	**37**

Jadual 11: Bilangan Kes Malaria mengikut spesies yang di kesan di Negeri Sembilan dalam tahun 2016 - 2019

Bil.	Spesies Plasmodium	Bil Kes Positif			
		2016	2017	2018	2019
1.	P.falciparum	3	3	7	13
2.	P.vivax	7	5	6	3
3.	P.malariae	0	0	0	1
4.	P.ovale	0	0	1	0
5.	P.knowlesi	3	28	29	20
6.	Jangkitan Campuran	0	0	1	0
	Jumlah	**13**	**36**	**44**	**37**

Jadual 11 menunjukan peningkatan kes malaria daripada spesies *Plasmodium knowlesi* di Negeri Sembilan sehingga tahun 2018. Namun, terdapat penurunan kes *Plasmodium knowlesi* pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 sebanyak 9 kes.

Jadual 12 : Taburan Kes Positif Malaria Mengikut Daerah Dalam Negeri Sembilan Tahun 2017 Sehingga Tahun 2019

Bil.	Daerah	Bilangan Kes Malaria		
		2017	2018	2019
1.	Jelebu (J1)	3	2	4
2.	Kuala Pilah (J2)	4	9	3
3.	Tampin (J3)	3	4	3
4.	Seremban (J4)	14	24	23
5.	Rembau(J5)	1	0	0
6.	Port Dickson(J6)	9	3	1
7.	Jempol(J7)	2	2	3

Berdasarkan **Jadual 12**, kita dapat mengenal pasti daerah "Hot Spot Malaria" di Negeri Sembilan. Bagi kes Malaria, empat daerah iaitu Seremban, Jelebu, Kuala Pilah dan Tampin telah dikenal pasti sebagai daerah yang berisiko dalam peningkatan kes demam Malaria. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak Makmal Vektor Negeri dalam memastikan pengesanan kes Malaria lebih efektif dan berkesan. Pihak makmal telah berusaha meningkatkan lagi kompetensi semua JTMP yang bertugas di Makmal Malaria khususnya di daerah. Usaha-usaha tersebut ialah:

- Memastikan semua JTMP yang baru bertugas menjalani kursus Malaria selama 3 hari di Makmal Vektor Negeri.
- Menjalankan audit setiap bulan di makmal hospital dan klinik kesihatan bagi memastikan kompetensi JTMP bertugas, peralatan yang berfungsi dengan baik, reagen pencelupan dan dokumentasi yang terkini serta mematuhi standard yang ditetapkan.
- Menjalankan *attachment* sebulan sekali selama 3 hari di Makmal Vektor Negeri untuk JTMP yang masih memerlukan pembelajaran mengenal pasti Parasit Malaria.
- Membuat lawatan ke semua Klinik Desa untuk mengajar teknik terbaik dalam penyediaan slaid malaria.

FILARIASIS

Pada tahun 2019 sebanyak 15,027 slaid darah Filariasis telah diambil untuk pemeriksaan berbanding pada tahun 2018 sebanyak 10,883 slaid. Terdapat peningkatan dalam jumlah slaid Filariasis yang diterima dan diperiksa berbanding tahun 2018 sebanyak 4,144 slaid (38%). Sebanyak 27 kes Filariasis telah dikesan pada tahun 2019 berbanding 94 kes Filariasis pada tahun 2018 menunjukkan penurunan sebanyak 67 kes atau 71%.

Jadual 13 : Bilangan Slaid Filariasis Yang Diterima Mengikut Jenis Fasiliti Kesihatan Dari Daerah Bagi Tahun 2019

Daerah	Klinik Kesihatan	Hospital	Pejabat Kesihatan	Jumlah	Bil. Slaid Positif
Jelebu	0	0	748	748	0
Kuala Pilah	0	0	2,269	2,269	0
Tampin	0	0	4,743	4,743	4
Seremban	0	0	541	541	0
Rembau	0	0	666	666	0
Port Dickson	0	0	2,547	2,547	3
Jempol	0	0	3,492	3,492	20
Jumlah	**0**	**0**	**15,027**	**15,027**	**27**

Jadual 14 : Bilangan kes Filariasis mengikut spesies tahun 2019

Bil.	Spesis	Peratusan
1.	Brugia Malayi	0%
2.	Wuchereria Bancrofti	100%

Secara keseluruhannya, kes Filariasis di Negeri Sembilan telah dikesan di asrama pekerja yang terletak di ladang ternakan ayam, kelapa sawit dan asrama pekerja kilang. Asrama-asrama ini kebanyakannya dihuni oleh pekerja warga negara asing seperti dari Bangladesh, Pakistan, Myanmar dan India.

Jadual 15 : Perbandingan Kes Filariasis pada tahun 2014 - 2019

TAHUN	JUMLAH SLAID DIPERIKSA	BIL. SLAID POSITIF		
		KES BARU	ULANGAN	BIL. POSITIF
2014	5,966	5	0	5
2015	11,125	57	47	104
2016	12,596	42	24	66
2017	13,791	76	20	96
2018	10,883	46	48	94
2019	15,027	21	6	27

LATIHAN DAN KRUSUS

Pada 2019 walaupun peruntukan LDP lebih rendah berbanding tahun sebelumnya, aktiviti kursus dan *attachment* tetap dijalankan oleh unit Makmal Vektor. Latihan asas Mikroskopik Malaria adalah penting untuk semua JTMP yang berkhidmat di Klinik Kesihatan dan Hospital di seluruh Negara. Makmal Vektor Negeri Sembilan telah mengadakan 3 siri kursus asas Malaria dan *attachment* seperti mana yang disarankan oleh Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia. Berikut adalah kursus dan latihan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019.

Modul Latihan	Tarikh	Tempat	Kategori dan Bilangan Peserta			
			JTMP	IK/PKA	Jururawat / PPP	Pegawai Sains
1. Attachment Malaria 3 hari	28.01.2019 hingga 30.01.2019	Makmal Vektor Negeri	4 orang	-	-	-
2. Attachment Bulanan Malaria 3 hari	18.02.2019 Hingga 30.02.2019	Makmal Vektor Negeri	4 orang	-	-	-
3. Kursus Asas Mikroskopik Malaria Sessi 1/2019	26.03.2019 hingga 28.03.2019	Makmal Vektor Negeri	25 orang	-	-	-
4. Attachment Bulanan Malaria 3 hari	18.03.2019 hingga 28.03.2019	Makmal Vektor Negeri	5 orang	-	-	-

Modul Latihan	Tarikh	Tempat	Kategori & Bil Peserta			
			JTMP	IK/PKA	Jururawat / PPP	Pegawai Sains
5. Bengkel cara penyediaan slaid malaria anjuran PKD Jelebu	09.04.2019	Makmal Vektor Negeri	3 orang	15 orang	5 orang	-
6. Bengkel cara penyediaan slaid malaria	18.04.2019	Bilik Ixora JKNNS	3 orang	15 orang	5 orang	-
7. Attachment Malaria 3 hari	22.04.2019 hingga 24.04.2019	Makmal Vektor Negeri	4 orang	-	-	-
8. Kursus Asas Mikroskopik Malaria Sessi 2/2019	17.06.2019 hingga 19.06.2019	Bilik Seminar Permaipuri	25 orang	-	-	-
9. Attachment Bulanan Malaria 2 hari	23.07.2019 hingga 24.07.2019	Makmal Vektor Negeri	2 orang dari Klinik Swasta	-	-	-
10. Kursus Asas Mikroskopik Malaria Sessi 3/2019	26.08.2019 hingga 28.08.2019	Bilik Ixora JKNNS	25 orang	-	-	-
11. Bengkel Penyelenggaraan Mikroskop Bersama Sykt Ocean Triangle Sdn. Bhd.	16.10.2019	Maklmal Entomologi, JKNNS	15 orang staf makmal entamologi dan makmal vektor	-	-	-
12. Attachment Bulanan Malaria 3 hari	13.11.2019 hingga 15.11.2019	Makmal Vektor Negeri	Seorang dari Makmal Vektor Melaka	-	-	-

3.0 SIASATAN ENTOMOLOGI (EI) YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2019

Daerah	Bil. lokaliti dijalankan kajian	Bil. lokaliti didapati positif Aedes	Indeks Aedes	Pembiakan Dalam Premis	Pembiakan Luar Premis	*Ae. albopictus*	*Ae. aegypti*	Catatan
Seremban	31	22 (70.9%)	2.6-18.0%	13	28	32	15	WTK/ Hotspot/ Kematian DD
Jelebu	0	0	0	0	0	0	0	
P.Dickson	3	2(66.7%)	0-7.1%	4	2	1	5	Lokaliti wabak terkawal/ kematian
Rembau	0	0	0	0	0	0	0	
Jempol	2	2(100%)	8.3-21.1	2	8	5	5	Lokaliti wabak terkawal/ kematian
K/Pilah	0	0	0	0	0	0	0	
Tampin	1	1(100%)	6.7	2	0	0	2	Lokaliti wabak terkawal
JUMLAH	**37**	**27 (72.9%)**	**0-21.1%**	**21 (35.6%)**	**38 (64.4%)**	**38 (58.5%)**	**27 (41.5%)**	

Sepanjang tahun 2019, Pasukan Entomologi telah menjalankan Siasatan Entomologi (EI) di lokaliti Wabak, Wabak Tidak Terkawal, Hotspot dan Lokaliti Kematian Denggi. Objektif EI dijalankan di lokaliti WTK/ Hotspot adalah bagi memastikan punca sebenar tempat-tempat pembiakan sehingga menyebabkan wabak berlanjutan. Manakala bagi lokaliti kes kematian Denggi lebih bertujuan untuk menentukan samada terdapat pembiakan vektor yang berkemungkinan menjadi punca jangkitan kes dari lokaliti tersebut.

Sebanyak 37 lokaliti telah dijalankan pemeriksaan dan 27 daripadanya didapati positif bagi pembiakan Aedes (72.9%). *Indeks Aedes* tertinggi direkodkan di Daerah Jempol iaitu 21.1%. Lebih banyak pembiakan Aedes dikesan di luar premis (64.4%) berbanding di dalam premis (35.6%) bagi keseluruhan negeri.

Aedes albopictus lebih banyak dikesan (58.5%) berbanding *Ae.aegypti* (41.5%). Kesemua daerah yang dijalankan kajian masih menunjukkan terdapat pembiakan Aedes di lokaliti. Tiada pemeriksaan dijalankan di daerah Rembau, Jelebu dan Kuala Pilah bagi tahun semasa.

KESIMPULAN

Penyakit bawaan vektor adalah agenda sepanjang tahun di Negeri Sembilan terutamanya wabak denggi. Pelbagai kelemahan dan penambahbaikan telah dikenal pasti sepanjang tahun 2019. Pengukuhan fungsi dari segi survelan, kawalan, makmal dan entomologi akan ditingkatkan lagi pada tahun 2020. Selain itu, pemantauan bagi aktiviti pencegahan Malaria turut dipergiatkan lagi bagi mengekalkan sifar kes human malaria indigenous di Negeri Sembilan. Pemantauan terhadap lain-lain penyakit bawaan vektor tetap diteruskan.

2.6 UNIT KAWALAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

PENGENALAN

Program Pencegahan dan Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (PTB) mula dilaksanakan di seluruh Negeri Sembilan mulai tahun 1988. Di peringkat negeri, program ini dirancang, di pantau dan diselia oleh Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (PTB), Jabatan Kesihatan Negeri, manakala di peringkat daerah, program ini adalah di bawah pengurusan dan penyeliaan Pegawai Kesihatan Daerah dan Pengarah Hospital.

Unit ini terbahagi kepada 3 Sub Unit utama, iaitu:
- Sub Unit Kawalan Penyakit Diabetes, Hipertensi dan Kardiovaskular
- Sub Unit Kesihatan Mental, Penyalahgunaan Substans, Keganasan dan Kecederaan (MeSVIPP) dan Kanser
- Sub Unit Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) dan Kawalan Hasil Tembakau

OBJEKTIF UMUM

Untuk mengurangkan kadar penyakit (*morbidity*) dan kematian (*mortality*) yang disebabkan oleh faktor risiko atau penyakit tidak berjangkit yang disebabkan oleh persekitaran dan cara hidup yang tidak sihat, dan seterusnya mewujudkan masyarakat yang sihat di Negeri Sembilan.

OBJEKTIF KHUSUS

- Untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran anggota kesihatan dan masyarakat umum mengenai faktor-faktor risiko PTB akibat keadaan dan cara hidup yang tidak sihat.
- Untuk menyediakan perkhidmatan saringan PTB (seperti saringan kardiovaskular, saringan diabetes) untuk mengesan PTB di peringkat awal.
- Untuk menjalankan perkhidmatan intervensi ke atas kumpulan berisiko tinggi / *premorbid.*
- Untuk mempromosi dan menanam tabiat sentiasa mengamalkan cara hidup yang sihat di kalangan masyarakat.
- Untuk menggalakkan kerjasama dan penglibatan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam mengawal PTB.

PROGRAM PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

Program-program Pencegahan dan Kawalan PTB yang telah dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, dan dilaksanakan di Negeri Sembilan ialah:

- Program Pencegahan dan Kawalan Penyakit Diabetes dan Kebutaan
- Program Pencegahan dan Kawalan Penyakit Kardiovaskular
- Program Pencegahan dan Kawalan Hipertensi dan Strok
- Program Pencegahan dan Kawalan Kesihatan Mental
- Program Pencegahan dan Kawalan Kanser
- Program Pencegahan dan Kawalan Penyalahgunaan Substan
- Program Pencegahan dan Kawalan Keganasan dan Kecederaan
- Program Pencegahan dan Kawalan Hasil Tembakau
- Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN)

Pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan PTB di Negeri Sembilan dijalankan secara integrasi antara beberapa bahagian dan unit di Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan iaitu:

- Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (penggubal dasar & pemantau)
- Unit Penjagaan Kesihatan Primer (pelaksana Bahagian Kesihatan Awam)
- Hospital (pelaksana Bahagian Perubatan)
- Unit Promosi Kesihatan (pelaksana aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan)
- Unit Pemakanan (pelaksana aktiviti pemakanan)
- Unit Inspektorat dan Penguatkuasaan (pelaksana aktiviti penguatkuasaan)

STRATEGI

Berdasarkan Pelan Strategi Penyakit Tidak Berjangkit Kebangsaan (*National Strategic Plan for Non-Communicable Diseases NSPNCD*), pencegahan dan kawalan PTB dilaksanakan melalui pendekatan berikut:

- Pencegahan dan Promosi Kesihatan
- Rawatan Klinikal
- Pemerkasaan pesakit
- Kolaborasi bersama NGO, badan-badan profesional dan lain-lain pihak yang berkaitan
- Pemantauan, penyelidikan dan survelan
- Bina insan (*capacity building*)
- Intervensi polisi dan peraturan-peraturan

Aktiviti promosi, pendidikan kesihatan, pemakanan dan penguatkuasaan PTB dijalankan di semua peringkat fasiliti KKM dan di dalam komuniti oleh pelbagai bahagian, unit dan pusat tanggungjawab. Promosi dan pendidikan kesihatan PTB dijalankan di Pusat Sumber NCD, manakala dalam komuniti dijalankan dalam bentuk sambutan hari-hari khas Kesihatan (Hari Tanpa Tembakau Sedunia, Hari Kesihatan Mental Sedunia, Hari Jantung Sedunia dan Hari Diabetes Sedunia), kem kesihatan, pameran kesihatan, dapur sihat masyarakat dan aktiviti kecergasan.

Aktiviti pembangunan modal insan berkaitan pencegahan dan kawalan PTB juga dijalankan di semua peringkat fasiliti KKM. Antara aktiviti latihan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019 di Peringkat Negeri, termasuklah:

- Taklimat Kesedaran Penggunaan Garam Peringkat Negeri 2019
- Perbincangan Senarai Semak Pemakanan
- Kursus Pemerkasaan Pengurusan Penyakit Tidak Berjangkit Bagi Pegawai Perubatan Peringkat Negeri 2019
- Bengkel Modul Tirume Untuk Pemerkasaan Pesakit NCD di Klinik Kesihatan Peringkat Negeri
- Kursus CPG *Chronic Kidney Disease* dan *Gestational Diabetes Melitus* bagi Pakar Perubatan Keluarga dan Pegawai Perubatan Peringkat Negeri 2019
- Kursus Audit Hipertensi bagi Pakar Perubatan Keluarga dan Pegawai Perubatan Peringkat Negeri 2019.
- Perbincangan SIQ (*Shortfall in Quality*) setiap daerah dalam penambahbaikan Quality Care Diabetes 2019 di Klinik Kesihatan di seluruh Negeri Sembilan
- Kursus Pemantapan Saringan ASSIST (*Alkohol, Smoking, Substance Involvement Screening Test*)
- Kursus *Refresher* PRIS/SMRP Peringkat Negeri Sembilan
- Latihan *Refresher* Pengendalian Mental dan *Psychological First Aid*
- Bengkel *Cognitive Behavioural Therapy*
- Pengurusan *Early Detection of Common Cancers*
- Taklimat Perlaksanaan Penguatkuasaan Pendidikan Pewartaan Tempat Makan Sebagai Kawasan Larangan Merokok
- Taklimat Pensijilan *The Blue Ribbon Campaign* Peringkat Negeri Sembilan
- Taklimat Program KOSPEN kepada Pengerusi MPKK
- Latihan Pasukan Peninjau (*Scouters*) Tinjauan Morbiditi Kebangsaan 2019 Peringkat Negeri Sembilan
- Latihan *Refresher* Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2019

PROGRAM KAWALAN PENYAKIT DIABETES, HIPERTENSI DAN KARDIOVASKULAR

Bagi mengurangkan prevalen *'undiagnosed diabetes'*, perkhidmatan saringan diabetes dilakukan di semua fasiliti Kementerian Kesihatan di Negeri Sembilan dan juga saringan dalam komuniti semasa kem kesihatan. Berikut adalah pencapaian saringan diabetes bagi tahun 2015 sehingga 2019.

Jadual 1 : Pencapaian Aktiviti Saringan Diabetes Negeri Sembilan, 2015 - 2019

TAHUN	BILANGAN FASILITI KKM	BILANGAN DISARING	NORMAL <5.6 mmol/L	RISIKO TINGGI ≥ 5.6 mmol/L
2015	168	114,734	94,131 (82%)	20,603 (18%)
2016	168	121,200	95,944 (79%)	25,256 (21%)
2017	168	99,857	79,521 (80%)	20,336 (20%)
2018	168	105,647	81,995 (78%)	23,652 (22%)
2019	168	123,416	96,343 (78%)	27,073 (22%)

* Data dari Manual Reten DM JKNNS sehingga 31 Dis 2019

Jadual 1 di atas menunjukkan bilangan klien menjalani saringan diabetes dari tahun 2015 sehingga 2019. Pada tahun 2019, sebanyak 22% klien yang disaring didapati mempunyai risiko tinggi **≥ 5.6 mmol/L**. Mereka ini dirujuk untuk ujian pengesahan diabetes dan dicadangkan untuk menyertai intervensi secara *non-pharmacological* dan *pharmacological*.

Penjagaan klinikal pesakit diabetes bermula dengan pendaftaran pesakit bagi menentukan beban diabetes di Negeri Sembilan. Berikut adalah taburan pesakit Diabetes berdaftar di fasiliti kerajaan (Klinik Kesihatan) di Negeri Sembilan sehingga Disember 2019 (**Jadual 2**).

Jadual 2 : Bilangan Diabetes Baru, Berdaftar Dan Aktif Mengikut Daerah 2019

Daerah	Bilangan Kes Diabetes Baru (Fasiliti Kesihatan)	Jumlah Diabetes Kumulatif*	Jumlah Diabetes Aktif (Peratus)*
Seremban	1,418	45,493	22,868 (50.2%)
Kuala Pilah	373	11,249	4,804 (42.7%)
Jempol	499	12,924	6,390 (49.4%)
Rembau	117	5,130	2,579 (50.2%)
Tampin	625	13,308	6,266 (47.0%)
Port Dickson	548	14,440	5,008 (34.6%)
Jelebu	265	6,609	3,196 (48.3%)
NEGERI SEMBILAN	**3,845**	**109,153**	**51,111 (46.8%)**

* Data dari Manual Reten DM JKNNS & *National Diabetes Registry (NDR)* sehingga 31 Dis 2019

Seramai 3,845 kes baru diabetes telah dikesan di Klinik Kesihatan di Negeri Sembilan pada tahun 2019. Daripada jumlah diabetes kumulatif tersebut, sebanyak 46.8% pesakit yang aktif menjalani rawatan di Klinik Kesihatan. Pesakit diabetes aktif bermaksud pesakit hadir sekurang-kurangnya sekali di klinik kesihatan sepanjang setahun yang lepas. Setiap pesakit diabetes akan menjalani ujian HbA1C sekurang-kurangnya sekali setahun sebagai pemantauan kualiti penjagaan diabetes mereka. Purata HbA1C pesakit diabetes 2019 bagi daerah di Negeri Sembilan adalah antara 7.6% hingga 8.4% (**Jadual 3**).

Jadual 3 : Purata Peratus HbA1c Mengikut Daerah Negeri Sembilan, 2015 - 2019

Daerah	2015	2016	2017	2018	2019
Seremban	8.0%	7.8%	7.8%	7.9%	8.0%
Kuala Pilah	7.7%	7.7%	7.9%	7.8%	7.7%
Jempol	8.4%	8.0%	8.1%	8.1%	8.1%
Rembau	8.1%	7.8%	7.8%	7.7%	7.8%
Tampin	7.9%	7.6%	7.7%	7.8%	7.6%
Port Dickson	7.7%	8.1%	8.1%	7.7%	7.6%
Jelebu	7.8%	7.6%	7.8%	7.5%	8.0%
NEGERI SEMBILAN	**7.9%**	**7.8%**	**7.9%**	**7.9%**	**7.9%**

* Sumber Laporan Audit Klinikal Diabetes, NDR

Audit Klinikal Diabetes 2019 telah dijalankan untuk menilai kualiti penjagaan Diabetes serta menentukan pencapaian indikator *Quality Assurance (QA) Diabetes* di Klinik Kesihatan. Pada tahun 2019, audit ini dijalankan di semua Klinik Kesihatan kecuali di KK Seremban 2, KK Sikamat dan KK Mantin. **Jadual 4** menunjukkan pencapaian audit klinikal Diabetes mengikut daerah. Terdapat 4 daerah yang telah mencapai sasaran iaitu daerah Kuala Pilah, Jempol, Rembau dan Tampin. **Jadual 5** pula menunjukkan senarai Klinik Kesihatan yang mencapai sasaran *Quality Assurace (QA) Diabetes* tersebut.

Jadual 4 : Pencapaian Audit Klinikal Diabetes Mengikut Daerah Negeri Sembilan, 2015 - 2019

Daerah	2015	2016	2017	2018	2019
Seremban	22.38%	26.92%	26.28%	26.92%	26.52%
Kuala Pilah	34.76%	35.62%	32.65%	36.35%	36.36%
Jempol	19.38%	26.85%	27.76%	29.38%	34.09%
Rembau	21.17%	27.89%	29.57%	38.63%	33.44%
Tampin	28.43%	29.40%	27.65%	31.96%	36.14%
Port Dickson	30.05%	25.19%	21.25%	30.94%	28.80%
Jelebu	23.85%	32.44%	28.63%	38.00%	28.11%
NEGERI SEMBILAN	**25.23%**	**28.55%**	**27.20%**	**30.93%**	**31.38%**


*Sumber Laporan Audit Klinikal Diabetes, NDR
*Sasaran QA/NIA Diabetes (2015 – 2017) : Peratus sampel diabetes dengan HbA1c $< 6.5\% \geq 30\%$
*Sasaran QA/NIA Diabetes (2018 - 2019) : Peratus sampel diabetes dengan HbA1c $\leq 6.5\% \geq 30\%$

Pemantauan komplikasi diabetes juga dilaksanakan dalam penjagaan pesakit diabetes. Peratus komplikasi diabetes tertinggi adalah nefropati diikuti oleh retinopati dari tahun 2015 - 2019 (**Rajah 1**). Selain daripada itu, sebanyak 3 ko-morbiditi yang dipantau bagi pesakit diabetes, hipertensi, dislipidemia dan status merokok. Data dikemaskini 2015 - 2019 di dalam NDR adalah seperti di **Jadual 6** yang berikut. Hipertensi dan dislipidemia merupakan ko-morbiditi yang tinggi, iaitu 74.32% dan 64.42% pesakit diabetes mempunyai ko-morboditi ini.

Jadual 5 : Senarai Klinik Yang Mencapai Sasaran QA ≥ 30% Bagi HbA1c ≤ 6.5 %

Daerah/ Negeri Sembilan	Klinik Kesihatan	Peratus
Seremban	KK Ampangan	33.39%
	KK Sendayan	30.86%
	KK Seremban	30.75%
Kuala Pilah	KK Padang Lebar	39.17%
	KK Senaling	39.13%
	KK Johol	38.75%
	KK Sri Menanti	38.33%
	KK Gunung Pasir	37.50%
	KK Terachi	37.20%
	KK Kuala Pilah	34.48%
	KK Juasseh	33.92%
Jempol	KK Palong 7 dan 8	40.00%
	KK Bandar Seri Jempol	39.36%
	KK Lui Muda	35.29%
	KK Serting Hilir	32.65%
	KK Bahau	32.46%
	KK Palong 456	31.67%
Tampin	KK Gemas	41.85%
	KK Bukit Rokan Utara	38.00%
	KK Jelai	36.15%
	KK Tampin	35.33%
	KK Air Kuning	35.20%
Rembau	KK Pedas	36.00%
	KK Astana Raja	35.19%
	KK Rembau	32.00%
Port Dickson	KK Port Dickson	37.60%
	KK Pasir Panjang	33.33%
	KK Linggi	33.03%
Jelebu	KK Pasoh 1	31.11%
	KK Jelebu	30.57%

Rajah 1 : Tren Peratus Pesakit Diabetes Aktif Yang Mempunyai Komplikasi Tahun 2015 - 2019



	Retinopati	IHD	CVD	Nefropati	Diabetic Foot Ulcer	Amputation
2015	4.30%	3.60%	1.10%	6.60%	0.70%	0.40%
2016	5.14%	4.44%	1.31%	7.79%	0.86%	0.40%
2017	5.18%	3.81%	1.19%	8.04%	0.81%	0.42%
2018	6.17%	3.98%	1.33%	9.00%	0.85%	0.43%
2019	6.22%	4.07%	1.34%	9.41%	0.86%	0.36%

* Berasaskan jumlah pesakit aktif pada tahun semasa
** Sumber data: National Diabetes Registry

Jadual 6 : Peratus Pesakit Diabetes Yang Mempunyai Ko-Morbid 2015 - 2019

Ko-Morbiditi	2015	2016	2017	2018	2019
Hipertensi	67.3%	66.5%	67.67%	73.65%	74.32%
Dislipidemia	52.7%	52.7%	54.97%	63.27%	64.42%
Status merokok	4.7%	4.84%	5.87%	5.41%	5.43%

*Sumber Data dari Audit Klinikal Diabetes & Data Registri Report (Co-morbid)

Pendaftaran pesakit Hipertensi di Negeri Sembilan dijalankan secara manual dalam Bu ku Daftar Hipertensi seperti **Jadual 7** di bawah. Seramai 4,722 pesakit dikenalpasti mengidap Hipertensi (kes baru) sepanjang tahun 2019, manakala secara keseluruhannya terdapat 96,700 pesakit Hipertensi berdaftar secara kumulatif di Negeri Sembilan sehingga 31 Disember 2019.

Jadual 7 : Bilangan Hipertensi Berdaftar Mengikut Daerah Tahun 2019

Daerah	Bilangan Kes Hipertensi Baru	Jumlah Kumulatif Kes Hipertensi Berdaftar
Seremban	1,646	37,208
Kuala Pilah	607	9,617
Jempol	480	12,351
Rembau	105	5,114
Tampin	839	10,602
Port Dickson	660	14,600
Jelebu	385	6,868
Negeri Sembilan	**4,722**	**96,360**

* Data daripada klinik kesihatan (reten manual Hipertensi NCD JKNNS) sehingga 31 Disember 2019.

PROGRAM PENCEGAHAN DAN KAWALAN KESIHATAN MENTAL


Program Pencegahan dan Kawalan Kesihatan Mental dijalankan melalui perkhidmatan berikut:

- Perkhidmatan Saringan dan Intervensi Minda Sihat di Klinik Kesihatan
- Perkhidmatan Rawatan Pesakit Mental Stabil di Klinik Kesihatan

Perkhidmatan Saringan dan Intervensi Minda Sihat di Klinik Kesihatan

Perkhidmatan Saringan Minda Sihat dilakukan dengan menggunakan Borang Soal Selidik DASS 21. Klien yang mempunyai tanda-tanda stres, anzieti dan kemurungan akan diberi intervensi minda sihat atau dirujuk kepada Pegawai Perubatan, Pakar Perubatan Keluarga atau Pakar Psikiatri untuk rawatan jika perlu, serta kepada Pegawai Pemulihan Perubatan Carakerja. Secara keseluruhan, peratus klien mendapat skor DASS normal bagi setiap kategori stres, anzieti dan kemurungan adalah 93.8%, 90.8% dan 94.0% masing-masing. (**Rajah 2**).

Rajah 2 : Keputusan Saringan Minda Sihat 2019 di Klinik Kesihatan




	Teruk/Sangat Teruk	Sederhana	Ringan	Normal
Kemurungan	249	274	478	15,943
Anzieti	392	378	786	15,388
Stress	206	329	511	15,898


Perkhidmatan Rawatan Pesakit Mental Stabil di Klinik Kesihatan

Perkhidmatan ini adalah untuk pesakit yang sesuai dirawat sebagai pesakit luar di klinik-klinik kesihatan bagi memudahkan rawatan dan pemulihan serta membantu mengurangkan stigma komuniti terhadap pesakit mental.

Rajah 3 : Bilangan Kes Mental Stabil Baru Diagnosa di Klinik Kesihatan dan Hospital



Rajah 4 : Jenis Kes Yang Diagnosa Di Klinik Kesihatan



Rajah 3 menunjukkan terdapat 131 kes mental baru menerima rawatan pada tahun 2019. Terdapat 45 (34%) daripada jumlah ini merupakan kes yang telah didiagnosa di Klinik Kesihatan, Manakala selebihnya 86 (66%) didiagnosa di Hospital. Pecahan jenis kes dapat dilihat pada **Rajah 4** dan majoriti adalah kes *depression*. Jumlah kes semasa bagi rawatan mental stabil di Klinik Kesihatan Negeri Sembilan pada tahun 2019 adalah 767 pesakit.


PROGRAM KAWALAN DAN PENCEGAHAN KEMUDARATAN ALKOHOL

Saringan dan pendidikan kemudaratan alkohol dijalankan di semua klinik kesihatan serta komuniti yang berisiko tinggi di Negeri Sembilan. Saringan dilakukan sebanyak dua kali di mana saringan kedua ketagihan alkohol dilakukan enam bulan selepas program pendidikan intervensi. Sepanjang 2019, sebanyak 1,212 kes baru disaring di klinik kesihatan, manakala sebanyak 180 kes disaring di komuniti.

PROGRAM KAWALAN DAN PENCEGAHAN KECEDERAAN DAN KEGANASAN


Pemantauan kes kecederaan dan keganasan adalah melalui Khidmat OSCC (*One Stop Crisis Centre*) dan kes SCAN (*Suspected Child Abuse and Neglect)* di hospital kerajaan.

Rajah 5 : Kes OSCC Yang Dilaporkan di Hospital Kerajaan di Negeri Sembilan Pada Tahun 2019




	Deraan Kanak-Kanak 0-9 tahun	Deraan Kanak-Kanak 10-17 tahun	Deraan Remaja 18-19 tahun	Deraan Dewasa
Fizikal	2	5	6	32
Seksual	5	13	9	3
Psikologi	0	0	0	0

Rajah 6 : Jenis Deraan Yang Melibatkan Kanak-Kanak dan Remaja di Negeri Sembilan Pada 2019



Khidmat OSCC terdapat di semua hospital kerajaan di Negeri Sembilan bagi membantu mangsa-mangsa penderaan seksual (rogol, cabul, liwat), penderaan fizikal, domestik, psikologi dan sebagainya dalam memberi pemeriksaan dan rawatan kesihatan, kaunseling, perlindungan serta bantuan undang- undang. Pada tahun 2019, terdapat 62 kes penderaan melibatkan mangsa dewasa manakala 40 kes penderaan kanak-kanak dan remaja dilaporkan oleh hospital kerajaan di Negeri Sembilan (**Rajah 5** dan **Rajah 6**). Definisi kes kanak- kanak dan remaja adalah bagi mangsa yang berumur bawah 19 tahun. Bagi kes SCAN pula, 7 (28%) daripada 25 kes disyaki penderaan dan pengabaian kanak-kanak melibatkan kecederaan tisu lembut, manakala 7 (28%) melibatkan kes rogol (**Rajah 7**).

Rajah 7 : Jenis Kes Disyaki Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak di Negeri Sembilan Pada Tahun 2019



PROGRAM PENCEGAHAN DAN KANSER REGISTRI KANSER

Program Pencegahan dan Registri kanser ini dijalankan melalui perkhidmatan berikut:

- Perkhidmatan Saringan Kanser Kolorektal
- Registri Kanser

Perkhidmatan Saringan Kanser Kolorektal

Perkhidmatan saringan kanser kolorektal bermula di Negeri Sembilan sejak Ogos 2010 dan kemudian diperluaskan ke semua klinik kesihatan pada tahun 2012 sehingga kini. Kit iFOBT (*Immunofluorescent Faecal Occult Blood Test*) dibekalkan oleh KKM sebagai alat untuk saringan. Saringan ini dikhaskan untuk klien yang berumur 50 - 75 tahun yang tidak mempunyai sebarang gejala. Klien yang positif iFOBT akan dirujuk ke Jabatan Pembedahan, Hospital Tuanku Jaafar, Seremban dan Hospital Kuala Pilah untuk pengesahan kanser melalui kolonoskopi. Pada tahun 2019, 143 (9.79%) daripada 1,460 klien yang menjalani saringan didapati positif iFOBT. Terdapat 1 kes (0.75%) yang dikesan kanser kolorektal manakala 2 kes (2.27%) dikesan *Colonic Polyps* selepas melakukan ujian Pengesahan kolonoskopi (**Jadual 8**).

Jadual 8 : Saringan Kanser Kolorektal di Klinik Kesihatan di Negeri Sembilan Pada Tahun 2019


Bilangan Saringan	Positif iFOBT	Enggan Hadir Kolonoskopi	Keputusan Kolonoskopi		
			Normal	Colonic Polyps	Diverticulosis
1,460	143 (9.79%)	11 (7.69%)	129 (96.9%)	2 (2.27%)	1 (0.75%)

Registri Kanser Negeri Sembilan

Dari tahun 2017 sehingga 2018, sistem CanReg5 digunakan oleh Unit Kanser Registri Negeri untuk mendaftar kes kanser di Negeri Sembilan. **Rajah 8** menunjukkan bilangan kes kanser di Negeri Sembilan didaftarkan dalam sistem CanReg5 mengikut tahun diagnosa 2007 - 2018. Pada tahun 2019, satu sistem mula digunakan bagi mendaftar kes kanser iaitu sistem MyHDW (Malaysian Health Data Warehouse). MyHDW merupakan satu pusat pengumpulan data kesihatan yang mengumpul data berkenaan kesihatan dari fasiliti kesihatan di seluruh Malaysia melalui Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP) dan Patient Registry Information System (PRIS). Data kanser didaftarkan oleh doktor yang mendiagnosa kes kanser di hospital.

Jadual 9 menunjukkan bilangan kes kanser didaftarkan ke dalam sistem MyHDW pada tahun 2019 oleh hospital kerajaan di Negeri Sembilan. Jumlah keseluruhan kes kanser di Negeri Sembilan diagnosa dari tahun 2007 yang didaftarkan sehingga Disember 2019 ialah 11,993. Rujuk Laporan Registri Kanser Malaysia 2007 - 2011 dan Laporan Registri Kanser Malaysia 2012 - 2016 untuk maklumat terperinci.

Rajah 8 : Bilangan Kes Kanser di Negeri Sembilan Didaftarkan Dalam Sistem CanReg5 Mengikut Tahun Diagnosa 2007 - 2018




Jadual 9 : Bilangan Kes Kanser Didaftarkan Ke Dalam Sistem MyHDW Pada Tahun 2019 Oleh Hospital Kerajaan di Negeri Sembilan

Hospital	Bilangan Kes Kanser Didaftar
Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban	183
Hospital Tampin	28
Hospital Port Dickson	10
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	75
Hospital Jelebu	2
Jumlah	**298**

PROGRAM VERIFIKASI KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN

Program ini telah dimulakan pada Oktober 2017 di seluruh Malaysia. Tujuan utama sistem ini dilaksanakan adalah untuk menambah baik statistik penyebab dan pengesah kematian di Malaysia yang melibatkan kematian-kematian yang berlaku di luar hospital. Pelaksanaan sistem adalah dengan menjalankan temuramah kepada waris terdekat kepada si mati berpandukan soal selidik. Waris terdekat akan ditemuramah bagi mendapatkan maklumat berkaitan penyakit dan keadaan kesihatan si mati sebelum meninggal dunia. Daripada 1,111 kes yang selesai disiasat dari Januari ke Disember 2019, 1,048 kes selesai disiasat, manakala 63 mempunyai status *undertermined cause* (**Rajah 9**).

Rajah 9 : Status Kes Program Verifikasi Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan Bagi Tahun 2019 di Negeri Sembilan




PROGRAM PENCEGAHAN DAN KAWALAN TEMBAKAU

Program Kawalan Tembakau di Negeri Sembilan pada tahun 2019 telah diperkukuhkan di semua peringkat dan melibatkan pelbagai bahagian dan unit. Pelaksanaan program ini yang berteraskan strategi **MPOWER** adalah selaras dengan dasar *Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)* iaitu : ***M****onitor Tobacco use and prevention policies* (Memantau prevalen, tren merokok dan penggunaan tembakau); ***P****rotect people from tobacco smoke (*Pelindungan daripada asap rokok); ***O****ffer help to quit tobacco use* (Perkhidmatan berhenti merokok); ***W****arn about dangers of tobacco* (Amaran kemudaratan dan bahaya rokok); ***E****nforce bans on tobacco advertising, promotion and sponsorship* (Penguatkuasaan ke atas iklan, promosi dan tajaan berkaitan rokok dan syarikat rokok); ***R****aise taxes on tobacco* (Cukai rokok ditingkatkan).

Pada tahun 2019, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mewartakan tempat makan sebagai kawasan larangan merokok di bawah **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004**. Berdasarkan peraturan ini, bermula 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019, aktiviti penguatkuasaan pendidikan telah dijalankan di bawah Peraturan (11), (PPKHT) 2004. Selain itu, penguatkuasaan juga dijalankan di bawah Peraturan 12(1) (a) dan 12(1) (b) PPKHT 2004 iaitu semua pemilik premis hendaklah memastikan tempat makan mereka bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok dengan tidak menyediakan peralatan seperti bekas abu rokok serta lain-lain kemudahan merokok. Penguatkuasaan ini adalah selari dengan Perjanjian *World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)* bagi memastikan kesihatan dan keselesaan segenap lapisan masyarakat di tempat awam.

Sepanjang tempoh penguatkuasaan pendidikan kesihatan bermula Januari sehingga Disember 2019, sebanyak 509 aduan rokok (Seremban - 407 aduan; Port Dickson - 35 aduan; Rembau - 18 aduan; Kuala Pilah - 17 aduan; Tampin - 16 aduan; Jempol - 10 aduan; Jelebu - 6 aduan) diterima melalui *Hotline* Aduan Kementerian Kesihatan Malaysia atas pelbagai kesalahan (**Rajah 10**).

Rajah 10 : Bilangan Aduan Rokok Untuk Tahun 2019 Mengikut Daerah



Daripada jumlah aduan ini, majoriti aduan adalah melibatkan orang merokok di premis makanan (496), pekerja merokok (1), tiada tanda larangan merokok (0), orang merokok di premis dan tiada tanda larangan merokok (2), orang merokok dan menyediakan shisha (6), orang merokok dan menyediakan vape (2) dan 2 lagi aduan dengan tiada maklumat mengenai jenis aduan yang diterima **(Jadual 10).** Aktiviti penguatkuasaan ini telah dijalankan secara berterusan dengan kerjasama Unit Inspektorat dan Penguatkuasaan (UIP), untuk aktiviti Operasi Bersepadu dan Penguatkuasaan di semua daerah di Negeri Sembilan.

Jadual 10 : Jenis Aduan Rokok Yang Diterima

Jenis Aduan	Bilangan
Orang merokok di premis	496
Pekerja merokok	1
Tiada tanda larangan merokok	0
Orang merokok di premis dan tiada tanda larangan merokok	2
Orang merokok dan ada shisha	6
Orang merokok dan ada vape	2
Tiada maklumat jenis aduan	2
Jumlah	**509**

Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) juga menyumbang kepada aktiviti kawalan tembakau melalui program seperti Rumahku Bebas Asap Rokok (RBAR), pemasangan tanda larangan merokok di premis-premis PPKHT, dan majlis rasmi bebas asap rokok di dalam lokaliti KOSPEN. Pada tahun 2019, sebanyak 178 kawasan atau premis yang diwartakan sebagai kawasan larangan merokok di bawah lokaliti KOSPEN telah memasang papan tanda larangan merokok. Di samping itu, sebanyak 590 rumah di bawah lokaliti KOSPEN telah mendapat pengiktirafan “Rumah Bebas Asap Rokok” yang mana menyumbang kepada pencapaian melebih target yang telah ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 10 buah rumah mendapat pengiktirafan "Rumahku Bebas Asap Rokok" di dalam lokaliti KOSPEN.

Aktiviti kawalan tembakau melalui strategi *Protect people from tobacco smoke* (perlindungan dari asap rokok) juga diteruskan melalui program *The Blue Ribbon Campaign (TBRC).* Sesi pengauditan dan penilaian pensijilan *The Blue Ribbon Campaign (TBRC)* untuk tahun 2019 telah dijalankan oleh Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) bersama Unit Kawalan Tembakau & *FCTC*, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 31 Julai 2019 sehingga 01 Ogos 2019. Hasil dapatan audit ini, sebanyak **14 premis** di Negeri Sembilan telah berjaya mendapat pengiktirafan dan pensijilan untuk program *The Blue Ribbon Campaign (TBRC*) bagi tahun 2019. Senarai premis yang berjaya mengikut daerah adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11: Senarai Penerima *The Blue Ribbon Campaign* 2019

Bil.	Premis	Kategori pensijilan	Daerah
1.	Homestay Lonek	Non-PPKHT	Jempol
2.	Homestay Lonek		Jempol
3.	Homestay Kampung Pelegong		Seremban
4.	Homestay Kampung Pelegong		Seremban
5.	Homestay Kampung Pelegong		Seremban
6.	Homestay Kampung Pelegong		Seremban
7.	Homestay Kampung Pelegong		Seremban
8.	Homestay Kampung Pelegong		Seremban
9.	Homestay Kampung Pelegong		Seremban
10.	Dobi Saharah		Seremban
11.	Laman Tamara		Kuala Pilah
12.	Al-Fateh Homestay		Port Dickson
13.	Travolka Trading		Port Dickson
14.	Neo Fitness		Port Dickson

Bagi perlaksanaan strategi perkhidmatan berhenti merokok, terdapat 10 farmasi swasta pada tahun 2019 yang telah diberikan akreditasi untuk menawarkan perkhidmatan mQuit selain dari klinik berhenti merokok di klinik kesihatan dan hospital kerajaan. Senarai farmasi persendirian yang terlibat adalah:

- Caring Pharmacy (Palm Mall, Seremban)
- Alpro Pharmacy (Taipan Senawang)
- Alpro Pharmacy (Ampangan)
- Alpro Pharmacy (Jalan Dato Sheikh Ahmad, Seremban)
- Alpro Pharmacy Seremban Flagship
- Alpro Pharmacy (Regina Mall Port Dickson)
- Alpro Pharmacy (Kuala Pilah)
- Guardian Pharmacy Nilai
- Guardian Pharmacy Seremban 2
- Guardian Pharmacy Seremban

Aktiviti pemantauan pelaksanaan perkhidmatan berhenti merokok di fasiliti swasta yang terlibat telah dijalankan melalui sesi audit perkhidmatan mQuit yang telah dijalankan pada 30 Oktober 2019 di semua fasiliti farmasi swasta yang terlibat. Pemantauan berterusan akan dijalankan bagi menambah baik perkhidmatan berhenti merokok di semua fasiliti yang terlibat dari masa ke semasa.

Pencapaian perlaksanaan bagi setiap strategi aktiviti kawalan tembakau ini dibentangkan oleh setiap unit pelaksana dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Strategik Kawalan Tembakau 2015 - 2020 peringkat Negeri Sembilan. Aktiviti kawalan tembakau akan terus dijalankan secara berterusan dengan kerjasama pelbagai pihak di semua peringkat untuk mencapai matlamat *The End Game* menjelang tahun 2045.

PROGRAM KOMUNITI SIHAT PEMBINA NEGARA (KOSPEN)

Program **"Komuniti Sihat Pembina Negara" (KOSPEN)** telah diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2013. Program ini adalah salah satu inisiatif dalam usaha menangani masalah peningkatan bebanan Penyakit Tidak Berjangkit di negara ini. Program KOSPEN juga merupakan satu transformasi perkhidmatan kesihatan awam dalam mendekatkan dan meluaskan penglibatan masyarakat dalam program kesihatan awam dengan menggabungkan mekanisme kerajaan sedia ada terutamanya di peringkat akar umbi bagi meningkatkan mutu kesihatan rakyat Malaysia.

Pelaksanaan inisiatif ini adalah melalui pendekatan yang agresif dengan penubuhan pasukan sukarelawan GSiM daripada kalangan masyarakat di seluruh negara yang akan bertindak sebagai *"agen penggerak kesihatan"*. Objektif utama program KOSPEN adalah untuk menurunkan atau mengekang peningkatan prevalen penyakit tidak berjangkit melalui usaha yang agresif dan komprehensif ke arah peningkatan pemerkasaan dan penglibatan masyarakat dan individu dalam aktiviti pencegahan dan pengendalian kendiri faktor risiko penyakit tidak berjangkit.

Pada tahun 2019, program KOSPEN kini diteruskan melalui kerjasama Bersama Kementerian Kesihatan Malaysia Bersama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN). Jumlah lokaliti KOSPEN di Negeri Sembilan sehingga kini adalah **79 lokaliti**. Lokaliti KOSPEN KRT yang dipilih untuk tahun 2019 adalah lokaliti yang aktif dan berminat untuk meneruskan program KOSPEN. Sejumlah 53 lokaliti seluruh Negeri Sembilan bersetuju untuk meneruskan program KOSPEN KRT untuk tahun 2019. KOSPEN KEMAS pula diteruskan sebagai KOSPEN KPLB (Kementerian Pembangunan Luar Bandar) dimana Negeri Sembilan dipilih sebagai projek rintis. Sebanyak 25 lokaliti yang telah terpilih pada tahun 2019 di seluruh Negeri Sembilan di samping 1 lokaliti KOSPEN Orang Asli - KOSPEN OA. Bilangan lokaliti yang terlibat mengikut agensi dan daerah adalah seperti **Jadual 12** dan **Jadual 13**.

Jadual 12 : Bilangan Lokaliti KOSPEN di Negeri Sembilan Mengikut Agensi Pada Tahun 2013 - 2019

Tahun / Agensi	Kospen Kemas	Kospen JPNIN	Lain-Lain	Jumlah
2013	23	-	-	23
2014	100	20	-	120
2015	100	20	-	120
2016	67	21	6	94
2017 – 2018	Tiada perubahan lokaliti			94
2019	25	53	1	79

Jadual 13 : Jumlah Keseluruhan Lokaliti KOSPEN pada tahun 2019 di Negeri Sembilan Mengikut Daerah

Daerah	Kospen Kemas	Kospen JPNIN	Lain-Lain	Jumlah
Seremban	8	23	-	31
Kuala Pilah	3	7	-	10
Jempol	4	4	-	8
Rembau	2	6	-	8
Tampin	3	4	-	7
Port Dickson	3	5	1	9
Jelebu	2	4	-	6
Negeri Sembilan	**25**	**53**	**1**	**79**

Perlaksanaan program KOSPEN ini adalah berdasarkan kepada lima skop utama iaitu:

- Hidup yang aktif
- Amalan pemakanan sihat
- Pengurusan berat badan
- Amalan tidak merokok
- Saringan kesihatan faktor risiko NCD


Sehingga 31 Disember 2019, seramai 14,702 penduduk berumur 18 tahun dan ke atas di Negeri Sembilan telah pun disaring berdasarkan modul saringan kesihatan KOSPEN. Daripada jumlah penduduk yang disaring, sebanyak 3,540 orang (24.08%) dikesan mempunyai faktor risiko bacaan tekanan darah >140/90 mmHg, 3,877 orang (26.37%) dikesan mempunyai paras gula dalam darah >5.6mmol/l, 4,118 orang (28.00%) mempunyai BMI >25 kg/m^2 dan 3,451 orang (23.47%) adalah di kalangan yang merokok (Jadual 14).

Jadual 14 : Pencapaian saringan faktor risiko penyakit tidak berjangkit (NCD) Program KOSPEN Negeri Sembilan 2019

Daerah	Bil. Penduduk >18 Tahun Disaring	Bil. Penduduk >18 Tahun Mempunyai Faktor Risiko BMI (>25KG/m^2)	Bil.Penduduk >18 Tahun Mempunyai Faktor Risiko Tekanan Darah Tinggi (>140/90mmHg)
Seremban	7,122	1,641 (23.04%)	1,757 (24.67%)
Kuala Pilah	1,635	804 (49.17%)	301 (18.41%)
Port Dickson	1,093	379 (34.68%)	155 (14.18%)
Jempol	2,623	546 (20.82%)	574 (21.88%)
Jelebu	642	223 (34.74%)	113 (17.60%)
Rembau	1,089	481 (44.17%)	288 (26.45%)
Tampin	498	44 (8.84%)	352 (70.68%)
Negeri Sembilan	**14, 702**	**4,118 (28.00%)**	**3,540 (24.08%)**

Mereka yang dikesan mempunyai faktor risiko ini telah dirujuk ke Klinik Kesihatan oleh sukarelawan GSiM sendiri untuk tindakan lanjut. Sebanyak 1,938 orang (47.06%) yang dikesan mempunyai BMI >25kg/m^2, 2,121 orang (59.92%) yang mempunyai tekanan darah >140/90 mmHg, 2,674 orang (68.97%) dengan paras gula >5.6 mmol/L dan 1,256 (36.40%) perokok dikesan melalui saringan kesihatan telah dirujuk ke klinik kesihatan **(Rajah 11)**. Usaha oleh pasukan sukarelawan GSiM ini adalah terpuji kerana adalah diharapkan pengesanan awal ini dapat mengelakkan komplikasi penyakit tidak berjangkit daripada berlaku dan sekaligus mengurangkan beban penyakit tersebut di Malaysia.

Rajah 11 : Bilangan Rujukan Ke Klinik Kesihatan Melalui Saringan Kesihatan



Di dalam usaha untuk membantu komuniti secara menyeluruh, KOSPEN telah menambah skop aktiviti, iaitu dengan memasukkan modul saringan yang merangkumi:

a. Saringan minda sihat
b. Saringan alkohol
c. Saringan kanser (kolorektal, payudara dan pangkal rahim).

Aktiviti saringan modul tambahan KOSPEN ini akan mula dijalankan di semua lokaliti KOSPEN pada tahun 2020. Pembudayaan amalan hidup sihat melalui pemakanan sihat, gaya hidup aktif dan persekitaran sihat bebas asap rokok telah mula meresap ke dalam budaya sesebuah lokaliti KOSPEN. Hampir kesemua lokaliti KOSPEN yang terlibat mencapai sasaran indikator budaya hidup sihat yang telah ditetapkan. Ini termasuk amalan pemakanan sihat dengan meyediakan buah-buahan dan sayur-sayuran di majlis rasmi, mengasingkan gula daripada minuman panas dan menyediakan air kosong. Pembangunan prasarana seperti papan tanda trek 10,000 langkah di lokaliti KOSPEN juga dijalankan bagi menggalakkan gaya hidup aktif di kalangan masyarakat setempat. Bagi memastikan persekitaran yang sihat bebas asap rokok, kesemua kawasan awam yang telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok telah diletakkan papan tanda larangan merokok di samping penganugerahan rumah bebas asap rokok (RBAR) di kalangan lokaliti KOSPEN yang terlibat **(Jadual 15).**

Jadual 15 : Pencapaian Budaya Hidup Sihat Program KOSPEN Negeri Sembilan 2019

SASARAN INDIKATOR PROSES	KOSPEN KEMAS	KOSPEN JPNIN
50% majlis rasmi menyediakan buah-buahan	35 (89.7%)	69 (93.2%)
50% majlis rasmi mengasingkan gula daripada minuman panas	33 (89.2%)	62 (91.2%)
50% majlis rasmi menyediakan air kosong	40 (100%)	72 (100%)
50% majlis rasmi menyediakan sayur-sayuran (sekiranya ada hidangan berat)	28 (100%)	54 (96.4%)
Sekurang-kurang satu (1) trek 10,000 langkah	28 (100%)	44 (100%)
100% kawasan awam yang diwartakan di bawah PPKHT meletakkan papan tanda larangan merokok	75 (100%)	103 (100%)
Mencapai sasaran 10 rumah RBAR/ lokaliti	210 (84%)	380 (71.7%)

Aktiviti KOSPEN juga melibatkan *smart partnership* antara lokaliti dengan agensi KEMAS, Perpaduan dan Kesihatan. Sehubungan dengan itu, satu Karnival KOSPEN Peringkat Negeri Sembilan telah dijalankan pada 23 November 2019 bertempat di Dewan SJKC Chung Hua, Tampin. Program ini merupakan satu platform penghargaan kepada para sukarelawan KOSPEN selain dapat memberi peluang untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan di antara lokaliti KOSPEN dari semua daerah di Negeri Sembilan.

Pelaksanaan Hari Karnival KOSPEN peringkat Negeri Sembilan pada tahun ini menerapkan elemen modul gaya hidup sihat yang merupakan asas di dalam modul program KOSPEN dengan kepelbagaian aktiviti yang dipertandingkan seperti Pertandingan Senam Sihat, Pertandingan Sukaneka *Indoor and Outdoor*, Pertandingan Explorace dan Pertandingan Teka Kalori Makanan. Pameran aktiviti KOSPEN juga diadakan untuk memberi peluang kepada para peserta berkongsi pengalaman tentang pelaksanaan aktiviti KOSPEN yang telah dijalankan di lokaliti masing-masing.

Perjalanan program KOSPEN di Negeri Sembilan kini telah memasuki tahun kelima penubuhan. Program KOSPEN yang dijalankan secara berterusan ini telah berjaya mengenalpasti dan merujuk penduduk yang mempunyai faktor risiko penyakit tidak berjangkit ke Klinik Kesihatan yang berdekatan agar ujian diagnostik dan rawatan awal dapat diberi. Program ini juga giat mengubah amalan budaya hidup sihat penduduk dari segi pemakanan sihat dan mewujudkan kawasan persekitaran yang menyokong gaya hidup aktif. Pelaksanaan program dan kesan jangka pendeknya telah dapat direliasasikan di semua peringkat. Skop pelaksanaan Program KOSPEN di Negeri Sembilan dijangka akan terus dimantapkan dan diperluaskan pada tahun 2020.

2.7 UNIT KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR

PENGENALAN

Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar menjalankan dua Program utama iaitu Program Kesihatan Pekerjaan dan Program Kesihatan Alam Sekitar.

Di bawah Program Kesihatan Pekerjaan, fungsi utama unit ini adalah bertanggungjawab di dalam hal-hal berkaitan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja khasnya kakitangan-kakitangan kesihatan melalui aktiviti-aktiviti seperti pengesanan serta notifikasi penyakit pekerjaan, kecederaan dan keracunan, latihan-latihan dan promosi berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta menjalankan pengawasan perubatan ke atas pekerja yang berisiko tinggi di klinik kesihatan pekerjaan. Unit ini bekerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan lain terutamanya Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) serta Jabatan Pertanian di dalam menentukan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja-pekerja di industri berkaitan adalah terjamin.

Di bawah Program Kesihatan Alam Sekitar pula, fungsi utama unit ini adalah untuk membantu dalam hal-hal berkaitan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan persekitaran. Unit ini bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memastikan kesejahteraan alam sekitar.

VISI

Ke arah negeri yang sihat dan produktif melalui promosi kesihatan pekerja untuk mencapai kesihatan yang mampan bagi setiap individu.

MISI

Untuk mempromosikan taraf kesihatan yang berkualiti melalui pencegahan dan kawalan penyakit, kecederaan dan ketidakupayaan yang disebabkan oleh interaksi di antara manusia dan pekerjaan.

OBJEKTIF AM

- Untuk memberi perkhidmatan kesihatan komprehensif kepada golongan pekerja dengan penekanan kepada aspek promosi, pencegahan dan penjagaan kesihatan.
- Mewujudkan persekitaran yang sihat dan kondusif untuk kesihatan fizikal dan mental masyarakat.

OBJEKTIF KHUSUS

Program Kesihatan Pekerjaan

- Mempromosi kesihatan pekerjaan kepada anggota kesihatan dan masyarakat.
- Menjalankan survelan kemalangan, keracunan dan penyakit pekerjaan.
- Memberi perkhidmatan kesihatan pekerjaan melalui aktiviti-aktiviti dari peringkat pencegahan hingga ke peringkat penjagaan kesihatan.
- Menyediakan langkah-langkah pencegahan yang berkesan terhadap persekitaran tempat kerja yang berisiko.

Program Kesihatan Alam Sekitar

- Mempromosi persekitaran yang selamat dan sihat kepada masyarakat.
- Menjalankan survelan hazad persekitaran dan menjalankan intervensi yang bersesuaian.

PENCAPAIAN AKTIVITI-AKTIVITI

PROGRAM KESIHATAN PEKERJAAN

Program Survelan Penyakit Pekerjaan


Di bawah program ini, tumpuan utama unit ini adalah mengumpul data mengenai penyakit-penyakit pekerjaan. Aktiviti ini juga adalah sebagai memenuhi kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994) dan Akta Pestisid 1974.

Kemalangan yang paling kerap berlaku di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah kecederaan tercucuk alatan tajam terutamanya jarum. Manakala, di antara penyakit-penyakit pekerjaan yang diberi tumpuan adalah penyakit respiratori pekerjaan, penyakit kulit pekerjaan, keracunan kimia/ penyakit lain-lain, kekerasan anggota KKM dan juga kecederaan di kalangan anggota kesihatan. Borang notifikasi yang digunakan adalah seperti yang disediakan oleh Unit Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Jadual 1 : Bilangan Kes Penyakit Pekerjaan, Kecederaan Termasuk Keracunan Kimia/ Pestisid Di Negeri Sembilan Tahun 2015 Hingga 2019

PENYAKIT PEKERJAAN	2015	2016	2017	2018	2019
Penyakit Kulit	5	9	0	0	2
Penyakit Paru-paru	16	16	6	4	6
Keracunan Kimia/ Penyakit Lain	2	3	5	3	7
Kecederaan Di Fasiliti Kesihatan KKM	130	166	135	161	180
Kekerasan Terhadap Anggota KKM	-	-	16	39	51
Noice Induced Hearing Loss (NIHL)	2	0	0	0	0
Ergonomik	2	0	0	0	0
Jumlah Kes	**157**	**194**	**162**	**207**	**246**

Graf 1: Insiden dan Bilangan Kecederaan Alatan Tajam Di Fasiliti Kesihatan KKM 2015 - 2019



Jadual 2 : Jenis Kecederaan Pekerjaan di Fasiliti Kesihatan KKM Negeri Sembilan Anggota KKM Tahun 2015 - 2019

Tahun	2015	2016	2017	2018	2019
Bil. Tercucuk Jarum 'Hollow bore dan suture needle'	67	69	55	67	55
Bil Tercucuk Alatan Tajam Lain(selain ' Hollow bore dan suture needle')	10	17	20	12	18
Bil. Kecederaan Lain	40	70	47	74	94
Jumlah Kes	**117**	**156**	**122**	**153**	**167**

Jadual 3 : Jenis Kecederaan Pekerjaan di Fasiliti Kesihatan KKM Negeri Sembilan Anggota Bukan KKM Tahun 2019

Jenis Kecederaan	Operator Sinar Jernih	Pelatih Pen. Peg. Perubatan	Pengawal Keselamatan	Jumlah
Bil. Tercucuk Jarum *'Hollow bore dan suture needle'*	10	1	0	11
Bil Tercucuk Alatan Tajam Lain(selain ' *Hollow bore* dan *suture needle'*)	1	0	0	1
Bil. Kecederaan Lain	0	0	1	1
Jumlah	**11**	**1**	**1**	**13**

Jadual 4 : Bilangan Kes-Kes Kecederaan Pekerjaan Anggota Kesihatan Yang Dilaporkan Mengikut Hospital, Kesihatan dan Pergigian Di Negeri Sembilan Tahun 2015 - 2019

Fasiliti	2015		2016		2017		2018		2019	
	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)
Hospital Tuanku Jaafar Seremban	59	45. 4	78	46.9	57	46.0	57	35.4	85	47.2
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	12	9.2	16	9.6	10	8.1	17	10.6	15	8.3
Hospital Port Dickson	8	6.2	10	6.0	8	6.5	7	4.3	18	10.0
Hospital Tampin	1	0.8	0	0	0	0	1	0.6	4	2.2
Hospital Jelebu	1	0.8	0	0	2	1.6	2	1.2	1	0.6
Hospital Jempol	1	0.8	0	0	1	0.8	7	4.3	0	0
PKD Seremban	20	15.4	42	25.3	21	17.0	40	24.8	25	13.9
PKD Kuala Pilah	3	2.3	1	0.6	0	0	1	0.6	2	1.1
PKD Port Dickson	4	3.1	3	1.8	3	2.4	8	5.0	2	1.1
PKD Tampin	3	2.3	2	1.2	4	3.2	6	3.7	7	3.9
PKD Jelebu	3	2.3	3	1.8	4	3.2	0	0	3	1.7
PKD Jempol	2	1.5	0	0	1	0.8	4	2.5	1	0.6
PKD Rembau	0	0	2	1.2	1	0.8	2	1.2	3	1.7
Pergigian Seremban	4	3.1	5	3.0	7	5.6	4	2.5	7	3.9
Pergigian Kuala Pilah	5	3.8	1	0.6	1	0.8	2	1.2	2	1.1
Pergigian Port Dickson	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0.6
Pergigian Tampin	0	0	0	0	0	0	1	0.6	0	0

Fasiliti	2015		2016		2017		2018		2019	
	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)
Pergigian Jelebu	0	0	0	0	3	2.4	1	0.6	3	1.7
Pergigian Jempol	0	0	3	1.8	1	0.8	1	0.6	0	0
Pergigian Rembau	4	3.1	0	0	0	0	0	0	1	0.6
Jumlah	**130**	**100**	**166**	**100**	**135**	**100**	**161**	**100**	**180**	**100**

Jadual 5 : Bilangan Kes-Kes Kecederaan (Bukan Alatan Tajam) Anggota Kesihatan Di Negeri Sembilan Mengikut Mekanisma Tahun 2019

Mekanisma kecederaan	Kecederaan	
	Bil.	%
Splash of blood/body fluid	23	24.2
Motor Vehicle accident	44	46.3
Fall from height	0	0
Fall or slip on same level	10	10.5
Injured while handling, lifting and carrying	12	12.6
Lain-lain	6	6.3
Jumlah	**95**	**100**

Jadual 6 : Bilangan Kes-Kes Keracunan Yang Dilaporkan Mengikut Situasi Kejadian Di Negeri Sembilan Tahun 2019

Situasi Kejadian	Bilangan Kes Keracunan Pestisid / Kimia	Peratus (%)
Occupational	4	100
Suicide	0	0
Accidental(Non-Occupational)	0	0
Homicide	0	0
Jumlah	**4**	**100**

PROGRAM PROMOSI KESIHATAN TEMPAT KERJA

Audit Keselamatan dan Kesihatan

Audit Keselamatan dan Kesihatan telah dimulakan pada tahun 2000. Di antara fasilti-fasilti kesihatan yang telah menjalankan audit pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

Jadual 7: Bilangan Lokasi Audit Keselamatan Dan Kesihatan Yang Telah Dijalankan Mengikut Fasiliti Di Negeri Sembilan Tahun 2019

Fasiliti	Bilangan Lokasi Audit Keselamatan Dijalankan
Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	16
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Pilah	11
Pejabat Kesihatan Daerah Jempol	8
Pejabat Kesihatan Daerah Tampin	5
Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson	9
Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu	6
Pejabat Kesihatan Daerah Rembau	4
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	3
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	18
Hospital Jempol	15
Hospital Tampin	6
Hospital Port Dickson	9
Hospital Jelebu	8
Pergigian Seremban	14
Pergigian Kuala Pilah	6
Pergigian Jempol	4
Pergigian Tampin	2
Pergigian Port Dickson	4
Pergigian Jelebu	2
Pergigian Rembau	5
JUMLAH	**155**

PROGRAM PENJAGAAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Sebanyak 44 Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah ditubuhkan di Pejabat-pejabat Kesihatan Daerah, Pergigian, Hospital-hospital, Klinik Kesihatan dan di Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan.

Jadual 8 : Bilangan Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Mengikut Fasiliti Di Negeri Sembilan Tahun 2019

FASILITI	BILANGAN JKKP
Ibu Pejabat, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan	1
Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	11
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Pilah	4
Pejabat Kesihatan Daerah Jempol	4
Pejabat Kesihatan Daerah Tampin	4
Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson	4
Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu	3
Pejabat Kesihatan Daerah Rembau	1
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	1

FASILITI	BILANGAN JKKP
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	1
Hospital Jempol	1
Hospital Tampin	1
Hospital Port Dickson	1
Hospital Jelebu	1
Pergigian Seremban	1
Pergigian Kuala Pilah	1
Pergigian Jempol	1
Pergigian Tampin	1
Pergigian Port Dickson	1
Pergigian Jelebu	1
Pergigian Rembau	0
JUMLAH	**44**

Program Kepastian Kualiti *("Quality Assuarance Indikator")*

Satu indikator kebangsaan di bawah Program Kepastian Kualiti *("Quality Assurance Programme")* telah dibentuk iaitu indikator bagi tercucuk jarum (needle stick injury) di kalangan kakitangan kesihatan KKM. Jarum yang terlibat adalah dari jenis '*hollow bore'* dan '*suture needle'* sahaja. Indikator ini telah digunapakai oleh KKM sejak Disember 1998. Berikut adalah Pencapaian Program Kepastian Kualiti bagi Negeri Sembilan pada tahun 2019:

Jadual 9 : Pencapaian Indikator Program Kepastian Kualiti ("Kadar Kejadian Tercucuk Jarum Anggota Kesihatan KKM ") Bagi Kitaran 1 (Januari - Jun 2019)

Bil.	Nama Fasiliti	Jumlah kes NSI	Jumlah Kakitangan yang terdedah kepada jarum (HCWs at risk)	Kadar insiden bagi setiap 1000 mengikut kategori "Incidence Rate (Occupation Specific)"
1.	Hospital Tuanku Jaafar Seremban	9	2,884	9/2884 x 1000 = 3.1
2.	Hospital Tuanku Ampuan Najihah	1	1,070	1/1070 x 1000 = 0.9
3.	Hospital Port Dickson	6	483	6/483 x 1000 = 12.4
4.	PKD Seremban	1	992	1/992 x 1000 = 1.0
5.	PKD Jelebu	1	244	1/244 x 1000 = 4.1
6.	Pejabat Pergigian Seremban	1	386	1/386 x 1000 = 2.6
7.	Pejabat Pergigian Jelebu	1	57	1/57 x 1000 = 17.5
NEGERI SEMBILAN		**20**	****8,716**	**20/8716 x 1000 = 2.3**

* merupakan jumlah keseluruhan kakitangan KKM di Negeri Sembilan yang berisiko terdedah kepada jarum pada kitaran berkaitan

Jadual 10 : Pencapaian Indikator Program Kepastian Kualiti ("Kadar Kejadian Tercucuk Jarum Anggota Kesihatan KKM ") Bagi Kitaran 2 (Julai - Disember 2019)

Bil.	Nama Fasiliti	Jumlah kes NSI	Jumlah Kakitangan yang terdedah kepada jarum (HCWs at risk)	Kadar insiden bagi setiap 1000 mengikut kategori "Incidence Rate (Occupation Specific)"
1.	Hospital Tuanku Jaafar Seremban	14	2,972	14/2972 x 1000 = 4.7
2.	Hospital Tuanku Ampuan Najihah	4	1,119	4/1119 x1000 = 3.6
3.	Hospital Tampin	3	308	3/308 x 1000 = 9.7
4.	Hospital Port Dickson	5	470	5/470 x 1000 = 10.6
5.	PKD Seremban	1	1,001	1/1001 x 1000 = 1.0
6.	PKD Jelebu	1	227	1/227 x 1000 = 4.4
7.	PKD Jempol	1	368	1/368 x 1000 = 2.7
8.	PKD Rembau	1	191	1/191 x 1000 = 5.2
9.	Pejabat Pergigian Seremban	2	331	2/331 x 1000 = 6.0
10.	Pejabat Pergigian Kuala Pilah	2	143	2/143 x 1000 = 14.0
NEGERI SEMBILAN		**34**	****8,821**	**34 / 8821 x 1000 = 3.9**

Klinik Kesihatan Pekerjaan

Klinik Kesihatan Pekerjaan telah dimulakan pada tahun 2002. Klinik tersebut terletak di Aras 2, Klinik Kesihatan Seremban dan telah dilengkapi dengan pelbagai peralatan yang diperlukan termasuk spirometri dan audiometri. Beberapa orang Pakar dan Pegawai Perubatan yang telah dilatih didalam bidang Kesihatan Pekerjaan dan seorang Jururawat mengendalikan klinik tersebut.

Jadual 11 : Bilangan Kes-Kes Yang Dikendalikan Oleh Klinik Kesihatan Pekerjaan Tahun 2019

Bil.	Jenis Kes		Jumlah
1.	Pesakit kes penyakit pekerjaan	Penyakit kulit pekerjaan = 0 Penyakit Paru-paru pekerjaan = 1 Penyakit hilang pendengaran akibat pendedahan bunyi bising di tempat kerja= 0 Penyakit lain = 0 Kes rujukan disyaki penyakit pekerjaan= 2	3
2.	Pemeriksaan Kospen Plus anggota KKM	Pejabat Kesihatan Daerah Seremban dan KK Seremban = 1170/1256 93.2%	1,170
3.	Pengawasan Perubatan Bagi Anggota Kesihatan	i) Program Surveilan Perubatan bagi Anggota Vektor *(Foggers)* = 183 ii) Program Surveilan Perubatan bagi Kakitangan Makmal = 0 iii) Program Surveilan Perubatan bagi Kakitangan X-ray = 0	183
	JUMLAH		**1,356**

Program Pengukuhan Imunisasi Hepatitis B Bagi Anggota KKM

Program imunisasi hepatitis B bagi anggota KKM telah bermula sejak tahun 1989. Walaubagaimanapun pada bulan November 2006, pengukuhan program ini telah di laksanakan di bawah tanggungjawab Unit Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar bertujuan untuk meningkatkan liputan imunisasi dan memastikan kesemua anggota di dalam kategori berisiko tinggi di lindungi.
Keseluruhannya, pada tahun 2019, 93.6% anggota yang layak menerima imunisasi Hepatitis B telah menerima imunisasi tersebut.

Jadual 12 : Pencapaian Program Pengukuhan Imunisasi Hepatitis B bagi Anggota KKM Di Negeri Sembilan Tahun 2019

PTJ	Bilangan Anggota Yang Layak Menerima Vaksin	Bilangan Anggota Lengkap Dos Ke 3 / Dos 1 (Booster)	% Anggota Lengkap Dos
HTJ Seremban	97	92	94.8
HTAN Kuala Pilah	54	51	94.4
Hospital Port Dickson	17	17	100
Hospital Tampin	5	5	100
Hospital Jelebu	2	2	100
Hospital Jempol	5	5	100
PKD Seremban	36	28	77.8
PKD Kuala Pilah	24	21	88.0
PKD Port Dickson	6	6	100
PKD Tampin	6	6	100
PKD Jelebu	11	11	100
PKD Jempol	2	2	100
PKD Rembau	1	1	100
PPD Seremban	7	7	100
PPD Kuala Pilah	0	0	0
PPD Port Dickson	1	1	100
PPD Tampin	0	0	0
PPD Jelebu	6	6	100
PPD Jempol	0	0	0
PPD Rembau	15	15	100
NEGERI SEMBILAN	**295**	**276**	**93.6**

Program Saringan Tibi Bagi Anggota Kementerian Kesihatan

Anggota kesihatan adalah berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan Tibi di tempat kerja. Bagi mematuhi Peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994 di mana majikan perlu menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja mereka, maka program saringan Tibi bagi anggota Kementerian Kesihatan telah dimulakan pada bulan Mac 2012.

Keseluruhannya, seramai 992 anggota telah disaring Tibi dengan menjalani ujian Mantoux dan 2,219 anggota disaring dengan menjalani X-ray dada . Kesemua X-ray dada adalah negatif dan terdapat 13 anggota positif ujian Mantoux. Kesemua mereka telah dirujuk bagi menjalani penyiasatan lanjut dan tiada anggota yang dikesan mengidap Tibi melalui saringan ini.

Jadual 13 : Pencapaian Program Saringan Tibi Bagi Anggota KKM Di Negeri Sembilan Tahun 2019

PTJ	Jumlah anggota yg telah disaring ujian Mantoux	Jumlah Mantoux positif	Jumlah anggota yang telah disaring X-ray dada	Jumlah X-ray dada positif
HTJ Seremban	343	27	611	0
HTAN Kuala Pilah	164	3	36	0
Hospital Port Dickson	56	0	126	0
Hospital Tampin	13	0	89	0
Hospital Jelebu	24	0	75	0
Hospital Jempol	4	0	213	0
PKD Seremban	94	9	224	0
PKD Kuala Pilah	9	0	186	0
PKD Port Dickson	7	0	98	0
PKD Tampin	16	0	320	0
PKD Jelebu	19	0	95	0
PKD Jempol	3	0	161	0
PKD Rembau	9	0	99	0
PPD Seremban	60	2	37	0
PPD Kuala Pilah	0	0	0	0
PPD Port Dickson	6	0	35	0
PPD Tampin	0	0	36	0
PPD Jelebu	6	0	41	0
PPD Jempol	11	0	58	0
PPD Rembau	9	0	45	0
NEGERI SEMBILAN	**853**	**41**	**2,585**	**0**

PROGRAM KESIHATAN ALAM SEKITAR

SANITASI ALAM SEKITAR

Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:
Penilaian Kesihatan Persekitaran Institusi Berisiko Tinggi

- Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN)
- Depot Tahanan Imigresen Lenggeng
- Penjara
- Pemeriksaan Sanitari Sekolah
- Perumahan / Ladang / Estet
- Penyiasatan Aduan Alam Sekitar

Jadual 14 : Pencapaian Aktiviti-Aktiviti Kesihatan Alam Sekitar Di Negeri Sembilan Tahun 2015 - 2019

Aktiviti	2015	2016	2017	2018	2019
1. Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran di Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN)**					
Jumlah Kem PLKN diperiksa (%)	6/6 (100%)	6/6 (100%)	6/6 (100%)	6/6 (100%)	1/1 (100%)
2. Penilaian Kesihatan Persekitaran di Depot Tahanan Imigresen					
Jumlah Depot Tahanan diperiksa (%)	1/1 (100%)	1/1 (100%)	1/1 (100%)	1/1 (100%)	1/1 (100%)
3. Penilaian Kesihatan Persekitaran di Penjara					
Jumlah Penjara diperiksa (%)	2/2 (100%)	2/2 (100%)	2/2 (100%)	2/2 (100%)	2/2 (100%)
4. Pengawasan Sanitasi Sekolah					
Bilangan sekolah diperiksa (%)	312 /479 (65.1%)	293 /479 (61.2%)	281/499 (56.3%)	259/479 (54.1%)	234/421 (55.6%)
5. Pemeriksaan Sanitasi Perumahan Ladang					
Ladang diperiksa (%)	39/60 (65%)	37/60 (61.7%)	20/56 (35.7%)	28/60 (45.9%)	51/60 (85%)
6. Aduan Pencemaran Alam Sekitar					
Bilangan Aduan disiasat (%)	28/28 (100%)	26/26 (100%)	24/24 (100%)	17/24 (100%)	20/20 (100%)

** Penilaian Kesihatan Di Kem Bina Negara Bagi Program Malaysia Future Leaders School (MFLS) Pada Tahun 2019

PEMANTAUAN PENYAKIT- PENYAKIT BERKAITAN PENCEMARAN UDARA (KONJUNTIVITIS, URTI DAN ASTHMA) DI KLINIK SENTINEL

Penyakit-penyakit berkaitan pencemaran udara yang di pantau adalah Asma, Konjuntivitis dan URTI. Di Negeri Sembilan, terdapat 6 buah fasiliti kesihatan yang menjalankan survelan bagi penyakit-penyakit berkaitan pencemaran udara.

- Klinik Kesihatan Seremban
- Klinik Kesihatan Ampangan
- Klinik Kesihatan Nilai
- Klinik Kesihatan Port Dickson
- Hospital Tuanku Jaafar Seremban
- Hospital Port Dickson

Pada tahun 2019, tiada kejadian jerebu teruk sehingga memberi impak kepada kesihatan berlaku di Negeri Sembilan

KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI BENCANA BANJIR

Bagi kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir, sebanyak 8 Jawatankuasa Bencana Alam telah ditubuhkan di mana 1 diperingkat Ibu Pejabat Jabatan Kesihatan Negeri dan 7 di peringkat Pejabat Kesihatan Daerah.

Dalam tahun 2019, bilangan pasukan Kesihatan dan Perubatan yang telah ditubuhkan bagi kesiapsiagaan menghadapi banjir adalah seperti dijadual berikut:

Jadual 15 : Bilangan Pasukan Kesihatan & Perubatan Bagi Kesiapsiagaan Menghadapi Bencana Banjir 2019

Pasukan Kesihatan		Pasukan Perubatan		JUMLAH	
Bilangan	Ahli	Bilangan	Ahli	Bilangan	Ahli
108	416	11	41	119	457

LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Bagi meningkatkan pengetahuan mengenai kesihatan pekerjaan dan alam sekitar di kalangan anggota kesihatan, sebanyak 7 latihan/ kursus telah dianjurkan oleh Unit KPAS sepanjang tahun 2019 seperti di **Jadual 16**:

Jadual 16 : Senarai Kursus Yang Telah Dianjurkan Pada Tahun 2019

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh
1.	Kursus Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Peringkat Negeri Sembilan	27-28 Feb 2019
2.	Kursus Kriteria Diagnostik Penyakit Pekerjaan Peringkat Negeri Sembilan	12-13 Mac 2019
3	Latihan Pengendalian Bahan Kimia Selamat Peringkat Negeri Sembilan	30 April 2019
4.	Bengkel Penyediaan Daftar Bahan Kimia Peringkat Negeri Sembilan	6 Ogos 2019
5.	Kursus Asas Penilaian Impak Persekitaran Peringkat Negeri Sembilan	26 September 2019
6.	Seminar Kesedaran Ergonomik Dikalangan Jururawat Negeri Sembilan	5 Oktober 2019
7.	Kursus Pencegahan Kecederaan Tusukan Alatan Tajam Peringkat Negeri Sembilan	7 November 2019

KESIMPULAN

Golongan pekerja terdedah kepada hazad yang ada di tempat kerja dan persekitaran mereka sendiri. Ini boleh menjejaskan kesihatan dan keselamatan mereka seterusnya menjejaskan produktiviti dan perkhidmatan yang diberikan *("service delivery")*. Jumlah anggota kesihatan di Negeri Sembilan pada tahun 2019 adalah dianggarkan seramai 11,069 orang dan mereka ini terdiri daripada anggota hospital, kesihatan dan pergigian dari pelbagai jawatan. Golongan ini seperti mana dengan pekerja-pekerja yang lain juga terdedah kepada berbagai-bagai hazad yang terdapat di semua fasiliti-fasiliti KKM.

Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan dan Alam Sekitar memerlukan penglibatan dan komitmen semua pihak samada intra atau inter agensi. Justeru itu, Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan akan terus bekerja keras dalam memberikan kesedaran kepada semua pihak mengenai kepentingan kesihatan.

2.8 UNIT PENCEGAHAN DAN KAWALAN AIDS / STI DAN HEP

PENGENALAN

Unit HIV/STI dan Hep C telah ditubuhkan di bawah Program Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan sebagai salah satu unit yang bertanggungjawab dalam merancang, melaksana, memantau dan membuat evaluasi terhadap program pencegahan dan kawalan Penyakit HIV, Penyakit Tularan Seks (STI) dan Hepatitis C di peringkat negeri.

VISI UNIT

Untuk membentuk satu masyarakat yang progresif dan bebas daripada wabak HIV dan STI berlandaskan kepada prinsip kesihatan awam dan nilai moral yang tinggi.

MISI UNIT

Untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang dengan semangat profesionalisme dan berkualiti melalui komitmen, dedikasi dan semangat kerja berpasukan.

OBJEKTIF UNIT

Objektif Unit HIV/ STI/ Hep C Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan adalah selari dengan objektif program pencegahan dan kawalan Cawangan HIV/ STI/ Hep C, Kementerian Kesihatan Malaysia. Ia juga adalah selaras dengan saranan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan program UNAIDS. Objektif program ini adalah seperti berikut:

- Untuk mengurangkan risiko penularan jangkitan HIV, STI dan Hep C.
- Untuk mengurangkan morbiditi dan mortaliti berkaitan dengan HIV, STI dan Hep C.
- Untuk menggunakan sumber yang ada dalam mencegah dan mengawal penularan HIV, STI dan Hep C.
- Untuk mempromosi dan meningkatkan kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan di semua peringkat.

STRATEGI PELAKSANAAN

- Pengesanan awal jangkitan HIV dan STI melalui program-program saringan.
- Mengawasi situasi epidemiologi penyakit HIV, STI dan Hepatitis C melalui aktiviti survelan.
- Memastikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang disediakan kepada komuniti adalah mencukupi.
- Menyebarkan maklumat berkenaan HIV dan STI melalui promosi dan pendidikan kesihatan.
- Menggalakkan perubahan tingkahlaku kepada gaya hidup sihat.

PENCAPAIAN PROGRAM UNIT PENYAKIT HIV/ STI/ HEP C DI NEGERI SEMBILAN 2019


Kadar insiden kes HIV yang dilaporkan di Negeri Sembilan

Senario epidemik HIV/AIDS di Negeri Sembilan adalah hampir sama dengan senario epidemik HIV/ AIDS di Malaysia. Secara keseluruhannya, terdapat penurunan sebanyak 62% bilangan kes jangkitan HIV berbanding bilangan yang dilaporkan pada tahun 2002, tetapi tren penurunan ini telah kekal mendatar semenjak tahun 2010 hingga 2013. Tren epidemik ini telah mula menunjukkan peningkatan semula iaitu kepada 160 kes pada tahun 2015, meningkat sebanyak 52% berbanding 105 kes pada tahun 2014. Tahun 2018, bilangan kes HIV dikesan adalah 158 kes manakala berlaku peningkatan bilangan kes HIV tahun 2019 iaitu 163 kes .

Negeri Sembilan mencatatkan penurunan bagi kadar insiden kes HIV baru pada 2019 iaitu dari 11.6 per 100,000 kepada 10.9 per 100,000. Walau bagaimanapun kadar insiden kes HIV baru masih melepasi kadar yang ditetapkan iaitu <10.5 per 100,000.


Berlaku peningkatan untuk kes AIDS dari 35 kes (2018) kepada 47 kes (2019). Bagi kes kematian AIDS pula mencatatkan sedikit penurunan iaitu 37 kes berbanding tahun 2018 iaitu 39 kes. 1 kematian HIV dilaporkan tahun 2019.

Rajah 1 : Bilangan Kes HIV, AIDS dan Kematian di Negeri Sembilan 2014 - 2019




	2014	2015	2016	2017	2018	2019
HIV	105	160	135	135	158	163
AIDS	50	51	34	35	35	47
KAIDS	31	42	38	39	39	37

Rajah 2 : Kadar Insiden Kes HIV Baru Bagi Setiap 100,000 Penduduk di Negeri Sembilan



Rajah 3 menunjukkan taburan kes HIV mengikut daerah dari tahun 2014 hingga 2019. Daerah Seremban kekal sebagai penyumbang terbesar diikuti oleh Jempol, Port Dickson dan Tampin. Bagi lain-lain daerah pula, Kuala Pilah mencatatkan sebanyak 5 kes, Rembau sebanyak 6 kes dan Jelebu mencatatkan 2 kes dalam tahun 2019.

Rajah 3 : Bilangan Kes HIV Mengikut Daerah di Negeri Sembilan 2014 - 2019




	JELEBU	JEMPOL	KUALA PILAH	PORT DICKSON	REMBAU	SEREMBAN	TAMPIN
2014	5	15	3	4.5	4	57	11
2015	10	20	10	2.8	2	93	12
2016	3	13	6	5	3	87	6
2017	2	10	7	15	5	91	5
2018	7	21	7	13	3	99	8
2019	2	16	5	10	6	116	8

Kes jangkitan HIV mengikut jantina

Rajah 4 menunjukkan taburan kes HIV mengikut jantina dari tahun 2014 hingga 2019. Majoriti kes HIV yang dilaporkan setiap tahun adalah lelaki. Dalam tahun 2019, 146 kes (89.6%) adalah lelaki dan dan 17 kes (10.4 %) adalah wanita.


Rajah 4 : Jangkitan HIV Mengikut Jantina di Negeri Sembilan Tahun 2014 - 2019



Kes jangkitan HIV mengikut kumpulan umur

Rajah 5 menunjukkan tren jangkitan HIV mengikut kumpulan umur tahun 2013 sehingga 2019. Jangkitan HIV paling tinggi di kalangan mereka yang berumur di antara 20-29 dan 30-39 tahun.


Rajah 5 : Peratusan kes HIV mengikut kumpulan umur 2013 - 2019



Faktor risiko jangkitan HIV di Negeri Sembilan

Bermula dari tahun 2014 hingga 2019, didapati tren transmisi jangkitan melalui perkongsian jarum suntikan (***IDU***) menunjukkan penurunan sebaliknya tren transmisi jangkitan melalui hubungan seksual semakin meningkat. Dalam tahun 2019, tren transmisi jangkitan melalui hubungan seks adalah sebanyak 92% dan 8% melalui IDU. Memandangkan transmisi jangkitan HIV secara seksual semakin bertambah, adalah dijangkakan bahawa peratusan kes HIV melibatkan wanita mungkin akan meningkat pada tahun-tahun akan datang (**Rajah 6**).

Rajah 6 : Tren transmisi jangkitan HIV di Negeri Sembilan tahun 2014 - 2019



	2014	2015	2016	2017	2018	2019
TIADA DATA	4.8%	2.5%	0.0%	0.0%	3.5%	0.0%
NEEDLE PRICK	1.0%	0.0%	0.0%	0.0%	0.0%	0.0%
BLOOD/ORGAN TRANSFER	0.0%	0.0%	0.0%	0.0%	0.0%	0.0%
VERTICAL	2.8%	0.6%	1.0%	0.0%	0.0%	0.0%
SEKSUAL	62.8%	73.1%	82.9%	84.0%	91.5%	92.0%
IDU	28.6%	23.8%	16.0%	16.0%	5.0%	7.9%


Kes STI/ Hepatitis C yang dilaporkan di Negeri Sembilan

Antara penyakit jangkitan kelamin yang dilaporkan di Negeri Sembilan adalah Gonorrhoea dan Sifilis. Rajah 7 menunjukkan taburan penyakit STI dan Hepatitis C tahun 2014 hingga 2019. Dalam tahun 2018, 91 kes Gonorrhoea telah dilaporkan di mana bilangan ini telah menurun kepada 72 kes pada tahun 2019. Bagi penyakit ***Acquired Syphilis*** pula, bilangan kes terus meningkat daripada 85 kes pada tahun 2018 kepada 87 kes tahun 2019. Walau bagaimanapun tiada kes Sifilis Kongenital (***Congenital Syphilis***) dilaporkan tahun 2019.

Semua kes yang dikesan ini telah mendapat rawatan secara sempurna sama ada di klinik kesihatan atau hospital. Untuk kes Hepatitis C, menunjukkan peningkatan dilaporkan sebanyak 349 kes pada 2019 berbanding 307 pada 2018.


Rajah 8 menunjukkan taburan kes STI /Hep C mengikut daerah bagi tahun 2019. Seremban adalah penyumbang terbesar bagi Gonorrhea , Sifilis (***Acquired Syphilis***) dan Hep C berbanding daerah yang lain.

Rajah 7 : Penyakit STI / Hep C Di Negeri Sembilan tahun 2014 - 2019



	ACQUIRED SYPHILIS	CONGENITAL SYPHILIS	GONORRHOEA	HEPATITIS C
2014	56	1	33	105
2015	62	0	54	84
2016	57	2	80	360
2017	63	0	117	379
2018	85	0	91	307
2019	87	0	72	349

Rajah 8 : Jangkitan STI /Hep C mengikut daerah tahun 2019



	JELEBU	JEMPOL	K.PILAH	P.DICKSON	REMBAU	SEREMBAN	TAMPIN
ACQUIRED SYPHILIS	0	7	4	8	7	55	7
CONGENITAL SYPHILIS	0	0	0	0	0	0	0
GONORRHOEA	2	6	2	4	2	50	6
HEP.C	27	33	28	32	17	190	22

Program Pencegahan Transmisi HIV dan Sifilis daripada Ibu kepada Anak (PMTCT) tahun 2019

Jadual 1 menunjukkan seramai 17,373 ibu mengandung yang datang ke klinik kesihatan telah menjalani saringan HIV iaitu 100% disaring. **Jadual 2** pula menunjukkan dalam tahun 2019, seramai 149,000 yang hadir di dewan bersalin di Negeri Sembilan yang tidak diketahui status HIV telah disaring. Dari jumlah kedatangan ibu mengandung seramai 17,373 orang tersebut, didapati 4 orang ibu mengandung (0.02%) telah dikesan positif HIV (**Jadual 3**). Ke semua ibu mengandung yang dikesan positif HIV telah menerima rawatan Anti-retro viral (ARV) dengan pencapaian 100%. Sehingga Januari 2020, sebanyak 2 kes telah melahirkan anak. Tiada kes menunjukkan transmisi dari ibu kepada anak dilaporkan iaitu menepati sasaran iaitu tiada ***'vertical transmission'*** seperti di **Jadual 3** dan **4**.

Jadual 1 : Bilangan ibu mengandung yang disaring ujian HIV tahun 2018 - 2019

JANUARI - DISEMBER 2018				JANUARI - DISEMBER 2019		
Daerah	Bilangan kedatangan ibu mengandung	Bilangan disaring HIV	% disaring HIV	Bilangan kedatangan ibu mengandung	Bilangan disaring	% disaring HIV
Seremban	10,614	10,614	100	10,193	10,193	100
KPilah	1,028	1,028	100	964	964	100
Tampin	1,348	1,348	100	1,418	1,418	100
Rembau	746	746	100	750	750	100
Jempol	1,673	1,673	100	1,639	1,639	100
Jelebu	574	574	100	542	542	100
P. Dickson	1,758	1,758	100	1,867	1,867	100
Jumlah	**17,741**	**17,741**	**100**	**17,373**	**17,373**	**100**

Jadual 2 : Bilangan ibu yang tidak diketahui status HIV disaring di bilik bersalin tahun 2018 - 2019

JANUARI - DISEMBER 2018					JANUARI - DISEMBER 2019			
HOSPITAL	Bil. ibu bersalin	Bil. Tidak ketahui status HIV	Bil. disaring	Bil. disahkan HIV positif	Bil. Ibu bersalin	Bil. tidak ketahui status HIV	Bil. disaring	Bil. disahkan HIV positif
HTJS	10,443	129	129	0	10,140	122	122	0
HTAN	3,591	30	30	0	2,883	18	18	0
HTAMPIN	133	4	4	0	81	0	0	0
HJEMPOL	129	1	1	0	119	3	3	0
HJELEBU	93	0	0	0	78	0	0	0
HPD	1,203	21	21	0	1,152	6	6	0
N.Sembilan	**15,592**	**185**	**185**	**0**	**14,453**	**149**	**149**	**0**

Jadual 3 : Bilangan ibu mengandung dan anak dikesan HIV positif *via 'vertical transmission'* tahun 2014 - 2019

Perkara	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Bilangan ibu mengandung disaring HIV	17,251	17,894	17,539	18,067	17,741	17,373
Bil ibu mengandung HIV +ve	10	9	9	11	4	4
Bil bayi HIV +ve	0	0	0	0	0	0
% anak HIV +ve	**0%**	**0%**	**0%**	**0%**	**0%**	**0%**

Jadual 4 di bawah menunjukkan bilangan ibu mengandung dikesan TPHA positif pada tahun 2018 - 2019. Terdapat penurunan jumlah kes iaitu dari 13 kes (2018) kepada 11 kes (2019). Daerah Seremban telah mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu seramai 9 dan 7 kes mengikut tahun 2018 dan 2019. Ke semua ibu mengandung yang dikesan TPHA positif ini telah menerima rawatan dan tiada kes *'Congenital Syphilis'* dilaporkan.

Jadual 4 : Bilangan ibu mengandung dikesan TPHA positif dan peratus anak yang mengidap '*Congenital Syphilis*' 2018 - 2019

JANUARI - DISEMBER 2018					JANUARI - DISEMBER 2019			
Daerah	**Ibu TPHA +ve**	**Ibu TPHA +ve & HIV +ve**	**Ibu diberi rawatan**	**(%) Anak *Congenital Syphilis***	**Ibu TPHA +ve**	**Ibu TPHA +ve & HIV +ve**	**Ibu diberi rawatan**	**(%) Anak *Congenital Syphilis***
Seremban	9	0	9	**0%**	7	0	7	**0%**
Kuala Pilah	0	0	0	**0%**	0	0	0	**0%**
Tampin	2	0	2	**0%**	0	0	0	**0%**
Rembau	0	0	0	**0%**	0	0	0	**0%**
Jempol	1	0	1	**0%**	1	0	1	**0%**
Jelebu	0	0	0	**0%**	0	0	0	**0%**
Port Dickson	2	0	2	**0%**	3	0	3	**0%**
Jumlah	**14**	**0**	**14**	**0%**	**11**	**0**	**11**	**0%**

Program Saringan HIV Secara Sukarela (VCT)

Jadual 5 menunjukkan tren saringan HIV sukarela tahun 2014 hingga 2019. Bilangan mereka yang tampil membuat saringan menunjukkan peningkatan dan bilangan yang reaktif juga semakin meningkat. Untuk tahun 2019, kes HIV positif yang dikesan adalah 1.3% meningkat berbanding 1.2% yang dilaporkan pada 2018.

Jadual 5 : Bilangan klien yang menjalani ujian saringan HIV secara sukarela (VCT) dan peratus klien dikesan HIV positif dari tahun 2014 - 2019

Tahun	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Bilangan VCT	2,273	1,315	1,034	711	1,068	2,127
Bilangan HIV +	0	1	10	22	13	28
%HIV +	0	0.08	1.0	3.09	1.2	1.3

Program Terapi Gantian Methadone (MMT)

Sehingga tahun 2019, jumlah kumulatif klien IDU yang mengikuti Program Terapi Gantian Methadone di Negeri Sembilan adalah seramai 3537 orang. Walau bagaimanapun, kadar 'retensi' klien' di dalam program ini menunjukkan tren yang menurun sejak 5 tahun kebelakangan ini (Jadual 6).Keadaan ini ada kemungkinan disebabkan oleh dua keadaan di mana bilangan klien IDU baru yang mengikuti program ini semakin berkurangan dan yang kedua adalah disebabkan oleh peralihan jenis dadah yang digunakan oleh pengguna dadah masa kini iaitu dadah jenis Amphetamine type stimulant (syabu). Walaubagaimanapun, jumlah mereka yang dikesan HIV positif semakin berkurangan. Usaha untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan yang sediaada masih perlu dipertingkatkan kerana sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa adalah sukar untuk membawa penagih dadah IDU tegar untuk menjalani rawatan pemulihan.

Program Saringan Dalam Komuniti (CBT) yang dimulakan pada November 2018 dan terdiri daripada anggota Kelab Sahabat Meta (KSM) Gemas dan Simpang Pertang yang telah dilatih masih giat melakukan saringan RTK kepada klien yang ditemui semasa aktiviti temuseru (outreach) NSEP mereka di kawasan kawasan 'hotspot' terpilih.

Jadual 6 : Bilangan kumulatif klien Program Terapi Gantian Methadone dan kadar retensi di Negeri Sembilan dari tahun 2014 - 2019

Bil klien aktif (A)	1,528	1,554	1,579	1,626	1,534	1,364
Bil klien dalam rawatan susulan (B)	2,053	2,118	,2271	2,341	2,540	3,537
Kadar retensi (A/B)%	**74.40**	**73.4**	**69.50**	**69.50**	**60.39**	**56.64**

Saringan bakal pengantin (praperkahwinan)

Jadual 7 di bawah menunjukkan tren bilangan saringan pra perkahwinan dan bilangan yang positif. Pada 2019 mencatatkan sebanyak 9091 bakal pengantin telah disaring. Sebanyak 4 org didapati HIV positif.

Jadual 7 : Bilangan saringan HIV bakal pengantin dan bilangan yang positif 2014 - 2019

Tahun	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Bil saringan	10,919	5,174	8,441	9,231	10,499	9,091
Bil HIV +	4	1	1	7	9	4
% HIV	0.04	0.02	0.02	0.07	0.09	0.09

Program pengurusan pesakit HIV di Klinik Kesihatan dan Hospital (PPHIV) 2019

Jadual 8 menunjukkan 24 Klinik Kesihatan (FMS/ Visiting FMS) dan 4 klinik pakar yang menjalankan perawatan ARV di Negeri Sembilan .Sebanyak 858 pesakit menerima rawatan ARV di keseluruhan fasiliti. Ini mewakili 321 pesakit dirawat di klinik kesihatan manakala 537 pesakit dirawat di hospital. Secara keseluruhan peratusan pesakit yang menerima ARV di klinik kesihatan adalah 37.4% dan 62.5% lagi di klinik pakar (ID) hospital.

Jadual 8 : Fasiliti kesihatan yang menjalankan perkhidmatan PPHIV 2019

Bil.	Daerah	Klinik	Hospital
1	Seremban	KK Nilai KK Senawang KK Seremban KK Sikamat KK Seremban 2 KK Mantin KK Ampangan	Hosp Tuanku Jaafar (HTJ) –ID clinic - Paed clinic
2	Kuala Pilah	KK Kuala Pilah KK Johol	Hosp Tuanku Ampuan Najihah (HTAN)
3	Jempol	KK Bahau KK Palong 4.5.6 KK palong 9,10 KK Bandar Seri Jempol	
4	Port Dickson	KK Linggi KK Port Dickson KK Lukut KK PasirPanjang	Hosp Port Dickson (HPD)
5	Jelebu	KK Jelebu	
6	Tampin	KK Tampin KK Gemas KK Air Kuning KK Jelai	
7	Rembau	KK Rembau	
	Jumlah	**21 klinik kesihatan**	**4 klinik pakar**

Lain-lain aktiviti saringan

Jadual 10 adalah ringkasan pencapaian dan perbandingan saringan HIV mengikut pelbagai aktiviti yang dirancang dalam tahun 2018 dan 2019. Saringan melalui aktiviti VCT, derma darah dan banduan menyumbang kepada penemuan kes HIV.

Jadual 10 : Ringkasan pencapaian saringan HIV pelbagai aktiviti tahun 2018 - 2019

Program-program saringan	Bil disaring 2019	Bil HIV +ve 2019	% HIV +ve 2019	Bil disaring 2018	Bil HIV +ve 2018	% HIV +ve 2018
Ibu mengandung ANC (PMTCT)	17,373	4	0.02%	17,741	4	0.02%
Suami/pasangan kepada ibu mengandung	7,467	2	0.02%	5,884	1	0.03%
Ibu mengandung disaring di bilik bersalin hospital kerajaan	149	0	0%	185	0	1.2%
Bakal Pengantin (Pre-Marital Screening)	9,091	4	0.04%	10,466	9	0.09%
Tanpanama (VCT)	2,127	28	1.3%	1,068	13	1.2%
Penderma Darah (saringan oleh Pusat Darah Negara)	27,078	7	0.02%	21,999	12	0.05%
Banduan Penjara (Penjara Seremban & Jelebu)	10,095	55	0.54%	7,678	42	0.5%
Pelatih CCRC (CCRC Jelebu)	933	0	0%	610	0	0%
Program saringan HIV dan Tuberculosis	594	8 +ve	1.34%	137	6 +ve	4.4%

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, sebanyak 75,276 saringan telah dijalankan hasil daripada pelbagai aktiviti telah dilaksanakan di Negeri Sembilan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 163 kes HIV positif telah dikesan. Kadar insiden bagi kes HIV baru adalah 10.9 per 100,000 penduduk. Program-program saringan yang sediaada termasuk aktiviti temuseru *(outreach)* akan dipertingkatkan lagi agar lebih ramai golongan yang berisiko tinggi dapat menjalani ujian saringan HIV. Pengesanan awal merupakan salah satu strategi Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membendung penularan HIV. Disamping itu juga, penularan jangkitan penyakit kelamin (STI) yang lain juga akan sentiasa dipantau dan mereka yang dikenalpasti mestilah mendapat rawatan yang berkaitan.

2.9 UNIT TIBI KUSTA

Program Kawalan Tibi Kebangsaan telah dilancarkan pada tahun 1961 sebagai program vertikal. Pada tahun 1995, program ini telah diintegrasikan ke Perkhidmatan Kesihatan Awam (Bahagian Kawalan Penyakit), Kementerian Kesihatan Malaysia. Penekanan adalah diberikan terutamanya di dalam pengesanan kes, mencari kes tercicir rawatan dan memastikan kes tersebut menerima rawatan semula sehingga sembuh sepenuhnya. Malaysia komited bagi melaksanakan *The End TB Strategy* yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi menamatkan Tibi Epidemik menjelang tahun 2035. Strategi ini mensasarkan penurunan kes sebanyak 90% dan penurunan bilangan kematian disebabkan oleh penyakit tibi sebanyak 95% berbanding tahun 2015. Seterusnya mencapai eliminasi tibi pada tahun 2050 dengan kadar insiden satu kes tibi bagi setiap sejuta penduduk.

Unit Tibi / Kusta Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan bertanggungjawab dalam melaksana dan memantau aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit Tibi dan Kusta di Negeri Sembilan.

VISI

Menjadikan Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri yang bebas dari penyakit Tibi dan Kusta.

MISI

- Melakukan pengesanan awal penyakit Tibi dan Kusta melalui saringan yang berterusan.
- Menyediakan perkhidmatan rawatan Tibi dan Kusta yang berkesan serta mesra pelanggan di klinik-klinik dan hospital-hospital kerajaan.
- Melaksanakan pendekatan baru DOTS dan MDT.
- Menyediakan perkhidmatan ujian makmal Tibi dan Kusta yang cepat, tepat dan berkualiti.
- Memastikan setiap rakyat tempatan mendapat imunisasi BCG bermula pada peringkat umur terawal.

OBJEKTIF PROGRAM


- Meningkatkan pengesanan kes melalui pengukuhan aktiviti saringan terutama dikalangan kumpulan berisiko tinggi Tibi.
- Memastikan pengurusan kawalan Tibi yang berkualiti melalui pemantauan kes, pengesanan kes cicir dan memastikan kes sukses rawatan.
- Memberi perlindungan kepada kanak-kanak daripada penyakit Tibi yang teruk melalui pelalian BCG.

PENCAPAIAN PROGRAM KAWALAN TIBI

PROGRAM SURVEILAN TIBI


Bilangan kes Tibi berdaftar di Negeri Sembilan pada tahun 2019 adalah sebanyak 660 kes, peningkatan sebanyak 11.7% berbanding dengan kes Tibi pada tahun 2018. Kadar Notifikasi Tibi juga menunjukkan peningkatan dari 51/100,000 penduduk pada tahun 2018 ke 56.2/100,000 penduduk pada tahun 2019. Kadar Insiden Tibi (Kes Baru dan Berulang) pada tahun 2019 ialah 54.8 per 100,000 penduduk, meningkat berbanding dengan kadar pada tahun 2018 iaitu 5.0 per 100,000 penduduk. Rujuk **Graf 1** dan **Graf 2**.

Graf 1 : Jumlah Kes Tibi dan Kadar Notifikasi Tibi di Negeri Sembilan bagi Tahun 2014 - 2019



	2014	2015	2016	2017	2018	2019
TB CASES	679	666	641	631	591	660
NOTIFIKASI	62.6	60.6	57.6	55.9	51	56.2

Graf 2 : Jumlah Kes Tibi dan kadar Insiden Tibi di Negeri Sembilan bagi Tahun 2012 - 2019



	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
KES TIBI	454	631	679	666	641	631	591	660
KADAR INSIDEN TIBI	41.0	57.8	60.3	58.3	55.6	54.4	49.8	54.8

Jika dilihat dari segi kategori kes, 91.1% (601) dari kes Tibi yang dikesan untuk tahun 2019 adalah merupakan kes baru, 5.2% (34) adalah kes Tibi Berulang, 3.3% (22) Kes Tibi Setelah Terhenti Rawatan dan 0.5% (3) kes Tibi Setelah Gagal Rawatan.

Daerah Seremban mencatatkan bilangan kes Tibi tertinggi di Negeri Sembilan pada tahun 2019 dengan jumlah 378 kes (57.3%), diikuti oleh daerah Jempol 62 kes (9.4%), Port Dickson 61 kes (9.3%), Tampin 49 kes (7.4%), Kuala Pilah 48 kes (7.3%), Jelebu dan Rembau masing-masing 31 kes (4.7% masing-masing).

Berdasarkan sub-diagnosa, di Negeri Sembilan terdapat sebanyak 436 kes Pulmonary Tuberculosis (PTB) Kahak Positif (66.1%), 105 PTB Kahak Negatif (15.9%),114 Extrapulmonary TB (17.3%) dan 5 Drug Resistant TB (0.7%).

Kes Tibi di Negeri Sembilan didominasi oleh golongan warganegara iaitu sebanyak 619 kes (93.8%) dan selebihnya oleh bukan warganegara sebanyak 41 kes (6.2%). Perincian kes Tibi bukan warganegara adalah Indonesia 15 kes (36.6%), Myanmar 10 kes (24.4%), Nepal 5 kes (12.2%), Bangladesh 5 (12.2%), India 2 (7.3%), Singapura 1 (7.3%), Hongkong 1 (7.3%), China 1 (7.3%) dan Cambodia 1 (7.3%).

Kes Tibi Anggota Kementerian Kesihatan Malaysia

Anggota kesihatan adalah antara yang berisiko dijangkiti Tibi di sepanjang perkhidmatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Bilangan kes Tibi dikalangan anggota kesihatan KKM bagi tahun 2019 adalah sebanyak 9 kes (1.4% dari jumlah kes Tibi 2019) di mana ia melibatkan 3 Pegawai Perubatan, 3 Jururawat Terlatih, 1 Jururawat Masyarakat, 2 Pembantu Am. Setelah siasatan lanjut dijalankan, didapati punca jangkitan untuk 6 anggota kesihatan tersebut adalah disebabkan oleh faktor persekitaran pekerjaan.

Kes Tibi Kanak-Kanak

Kes Tibi kanak-kanak didefinasikan sebagai kes Tibi dikalangan kanak-kanak yang baru lahir sehingga ke umur 14 tahun. Bagi tahun 2019 terdapat seramai kes 14 kes Tibi kanak-kanak di Negeri Sembilan. Jika dilihat dari segi subdiagnosa, 8 kes Tibi kanak-kanak tersebut merupakan kes Extra Pulmonary Tibi, 4 Tibi Pulmonari Kahak Negatif dan 2 kes Tibi Pulmonari Kahak Positif.

Kes Tibi Co-Morbid HIV

Terdapat sebanyak 49 Kes Tibi co-morbid HIV pada tahun 2019 yang menyumbang sebanyak 7.4% dari keseluruhan kes Tibi di Negeri Sembilan. Daripada 49 kes, 48 kes merupakan kes yang telah diketahui status HIV sebelum didiagnosa Tibi, manakala 1 kes status HIV diketahui selepas didiagnosa Tibi. Dari 49 kes TB co-morbid HIV, 55.1% dari kes TB co-morbid HIV adalah di daerah Seremban, 14.3% di daerah Port Dickson dan Jempol, 6.1% di daerah Jelebu dan 2% di derah Kuala Pilah dan Rembau.

PROGRAM HASIL RAWATAN TIBI

Pesakit Tibi akan dipantau selama 6 - 12 bulan sepanjang menerima rawatan. Bagi tahun 2019, seramai 410 daripada 458 orang kes Tibi yang berdaftar pada tahun 2018 telah sembuh dan sempurna rawatan. Ini menyumbang kepada Kadar Sukses Rawatan Tibi bagi warganegara untuk tahun 2019 sebanyak 90%. Bagi kes Tibi bukan warganegara, seramai 18 daripada 25 orang telah sembuh dan sempurna rawatan. Ini menyumbang kepada Kadar Sukses rawatan Tibi bagi bukan warganegara sebanyak 72.0%.

Terdapat seramai 59 (8.9%) pesakit Tibi meninggal dunia semasa dalam menerima rawatan Tibi pada tahun 2019. Dari jumlah ini, hanya seramai 16 (27.1%) orang telah disahkan kematian disebabkan Tibi, 21 (45.8%) orang telah disahkan kematian bukan disebabkan Tibi dan selebihnya 16 (27.1%) orang masih belum disahkan sebab kematian yang perlu dijalankan melalui Mesyuarat Kematian Tibi Daerah.

PROGRAM PELALIAN BCG

Pencapaian Pelalian BCG Bagi Bayi Baru Lahir

Pada tahun 2019, seramai 17,496 kelahiran yang melibatkan hospital kerajaan, swasta dan klinik kerajaan. Seramai 16,777 telah diberikan suntikan pelalian BCG mengikut rekod dari TBIS 203 A. Liputan pelalian BCG bagi Negeri Sembilan untuk tahun 2019 adalah 95.9%. Data berkaitan liputan pelalian BCG bayi baru lahir (sehingga umur <3 bulan) 2019 (Januari sehingga Disember) bagi Negeri Sembilan melibatkan semua bayi warganegara dan bukan warganegara.

Jumlah bayi yang tidak diberi pelalian BCG adalah seramai 719 orang (64 orang meninggal dunia, 18 orang enggan dan seramai 637 orang yang perlukan tindakan susulan rawatan seterusnya berikutan kes menerima rawatan lanjut di SCN).

Terdapat seramai 18 (0.1%) orang bayi yang tidak menerima pelalian BCG disebabkan penjaga enggan bayi disuntik vaksin tersebut. Antara alasan yang diberikan untuk keengganan tersebut adalah seperti berikut:

- Meragui kandungan vaksin seramai 9 orang.
- Mengambil rawatan alternatif / homeopathi seramai 6 orang.
- Mempunyai alasan peribadi seramai 3 orang.

PROGRAM SARINGAN TIBI DI NEGERI SEMBILAN

Bagi mengukuhkan program Tibi di Negeri Sembilan, saringan penyakit Tibi dijalankan secara menyeluruh di semua klinik kesihatan dan hospital. Terdapat tiga jenis saringan utama yang dijalankan di Negeri Sembilan iaitu:

- Saringan Tibi di Jabatan Pesakit Luar menggunakan *Direct Smear Sputum Microscopy (DSSM) Acid Fast Bacilli* (AFB) semua klinik kesihatan dengan sasaran 5% dari jumlah kedatangan pesakit luar pada tahun 2018
- Saringan Tibi di hospital menggunakan *Direct Smear Sputum Microscopy (DSSM) Acid Fast Bacilli* (AFB) dengan sasaran 10% dari jumlah kemasukan pesakit baru dan kedatangan klinik pakar pada tahun 2018.
- Saringan golongan berisiko tinggi dijangkiti Tibi di klinik dan hospital dengan menggunakan X-Ray Dada
- Program Saringan dan Kesedaran Tibi di Komuniti

Saringan Tibi di Klinik Kesihatan dan Hospital Kerajaan

Bagi tahun 2019 terdapat sebanyak 15,608 pesakit telah disaring di Jabatan Pesakit Luar menggunakan sampel kahak di semua klinik kesihatan di Negeri Sembilan dan didapati 219 dari pesakit tersebut telah didapati positif Tibi dan menerima rawatan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Saringan Tibi menggunakan sampel kahak juga telah dijalankan di hospital bagi tahun 2019, di mana telah menyaring sebanyak 3585 pesakit dan 507 telah didapati positif Tibi dan menerima rawatan.

Saringan Golongan Berisiko Tinggi Tibi

Terdapat 13 golongan berisiko tinggi dijangkiti Tibi yang perlu disaring di komuniti. Golongan ini adalah seperti senarai seperti berikut:

- Kontak pesakti Tibi
- Pesakit HIV
- Penghuni Penjara
- Penghuni CCRC/ PUSPEN
- Pesakit Warga Emas
- Penghuni Rumah Warga Emas
- Pesakit End Stage Renal Failure yang menjalani Dialysis
- Pesakit Diabetes Melitus
- Pesakit Chronic Obstructive Pulmonary Disease
- Pesakit Klinik Methadone
- Pesakit Klinik Berhenti Merokok
- Pesakit Rheumatoid Arthritis yg menerima rawatan anti TNF
- Anggota KKM

Bagi tahun 2019, seramai 24,319 pesakit berisiko tinggi dijangkiti tibi telah disaring di Negeri Sembilan dan 87 (0.4%) darinya telah dikesan menghidap tibi. Golongan yang mempunyai *yield* tertinggi semasa saringan adalah pesakit HIV di mana 18 orang dari 78 yang disaring adalah positif Tibi. Ini diikuti oleh penghuni penjara dengan *yield* 14.3% dan pelatih CCRC / PUSPEN dengan *yield* 2.9%.

Program Saringan Tibi di Komuniti


Saringan tibi di komuniti juga dijalankan di Negeri Sembilan dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat setempat berkaitan penyakit Tibi dan pergi mendapatkan rawatan awal di mana-mana klinik kesihatan di negeri ini. Terdapat sebanyak 25 aktiviti kesedaran dan saringan tibi telah dijalankan di Negeri Sembilan di sepanjang tahun 2019. Sejumlah 4,525 penduduk telah terlibat di dalam saringan tibi di komuniti ini. Pecahan aktiviti mengikut daerah adalah seperti berikut:

- Seremban : 3 aktiviti
- Port Dickson : 1 aktiviti
- Jempol : 2 aktiviti
- Tampin : 4 aktiviti
- Kuala Pilah : 3 aktiviti
- Rembau : 6 aktiviti
- Jelebu : 6 aktiviti

PENCAPAIAN PROGRAM KAWALAN KUSTA

Pada tahun 2019, sebanyak 3 kes kusta telah dilaporkan iaitu 2 kes adalah di kalangan warganegara manakala 1 kes lagi adalah bukan warganegara. Jenis kusta yang dikesan adalah 3 kes Multibacillary (*Lepromatous*). Tiada kes kecacatan gred 2 dilaporkan bagi kesemua kes kusta tahun 2019. Terdapat 3 kes tersebut dirawat di Klinik Dermatologi, Hospital Tuanku Jaafar.

Rajah 3 : Bilangan Kes Kusta Dan Kadar Insiden Mengikut Daerah di Negeri Sembilan 2014 - 2019



	2014	2015	2016	2017	2018	2019
KES KUSTA BARU	4	2	4	7	5	3
KADAR INSIDEN	0.4	0.2	0.4	0.6	0.4	0.3

Jadual 8 : Pencapaian Program Kawalan Kusta Tahun 2019

Bil.	Perkara	Sasaran	Pencapaian
1.	Kadar Sempurna Rawatan Kusta PB/ Kes Baru/Kohort 2018 = 2 kes MB/ Kes Baru/Kohort 2017= 6 kes	≥80%	**50%** **(4/8)** (4 kes sempurna rawatan, 2 masih dalam rawatan, 1 tukar diagnosis, 1 pindah keluar negara)

LATIHAN DAN KURSUS

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 10 kursus telah dijalankan. **Jadual 9** menunjukkan senarai kursus yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019.

Jadual 9 : Senarai Kursus Yang Dijalankan Pada 2019

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Jumlah Peserta
1.	Kursus Kawalan dan Pengurusan Penyakit Tibi untuk Paramedik Peringkat Negeri Sembilan	11.03.2019	Kolej Kejururawatan Kuala Pilah, Negeri Sembilan	70
2.	Kursus Kawalan dan Pengurusan Penyakit Kusta untuk Pegawai Perubatan dan Paramedik Peringkat Negeri Sembilan	12.03.2019	Kolej Kejururawatan Kuala Pilah, Negeri Sembilan	66
3.	Kursus Pengurusan dan Kawalan Penyakit Kusta Peringkat Negeri Sembilan Di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sg. Buloh Selangor	13.03.2019	Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sg. Buloh, Selangor	44
4.	Kursus Pengurusan dan Kawalan Penyakit Kusta Peringkat Negeri Sembilan Di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sg. Buloh Selangor Siri 2	26.06.2019	Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sg. Buloh, Selangor	39
5.	Kursus Mikroskopi AFB Kaedah FM (1)	27 - 28.07.2018	Klinik Kesihatan Sikamat, Seremban	21
6.	Kursus Teknikal Imunisasi dan TBIS BCG Siri 1/2019 Peringkat Negeri Sembilan	08.08.2019	Dewan Merbau, JKN Negeri Sembilan	60
7.	Kursus Kaunseling Tibi dan Kusta Untuk Pegawai Perubatan dan Paramedik Peringkat Negeri Sembilan	17.09.2019	Dewan Merbau, JKN Negeri Sembilan	57
8.	Kursus Mikroskopi AFB Kaedah FM (2)	21 - 22.09.2019	Klinik Kesihatan Sikamat, Seremban	25
9.	Kursus Mikroskopi AFB Kaedah ZN Peringkat Negeri Sembilan	15 - 17.10.2019	Klinik Kesihatan Rembau, Rembau	22
10.	Kursus Teknikal Imunisasi dan TBIS BCG Siri 1/2019 Peringkat Negeri Sembilan	08.08.2019	Dewan Merbau, JKN Negeri Sembilan	60

LAMPIRAN AKTIVITI YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2019

Mesyuarat Teknikal Program Pencegahan dan Kawalan Tibi/ Kusta Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan Bil. 2/2019 pada 20 Februari 2019 di Bilik Meranti Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan





Kursus Kawalan dan Pengurusan Penyakit Tibi untuk Paramedik Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2019 pada 11 Mac 2019 di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Kejururawatan) Kuala Pilah, Negeri Sembilan





Kursus Kawalan dan Pengurusan Penyakit Kusta untuk Pegawai Perubatan dan Paramedik Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2019 pada 12 Mac 2019 di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Kejururawatan) Kuala Pilah, Negeri Sembilan





Kursus Pengurusan dan Kawalan Penyakit Kusta Peringkat Negeri Sembilan
di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) Sg. Buloh, Selangor pada 13 Mac 2019





Kursus Mikroskopi AFB Kaedah FM (1) di Klinik Kesihatan Sikamat, Seremban pada 27 - 28 Julai 2019





Kursus Mikroskopi AFB Kaedah FM (2) di Klinik Kesihatan Sikamat, Seremban pada 21 - 22 September 2019



Kursus Mikroskopi AFB Kaedah ZN di Klinik Kesihatan Rembau, Rembau pada 15 - 17 Oktober 2019





Mesyuarat Aktiviti Makmal Tibi di Bilik Mesyuarat Meranti, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan pada 4 November 2019





2.10 UNIT PEMAKANAN

PENGENALAN

Unit Pemakanan mempunyai pelbagai aktiviti pemakanan dijalankan sepanjang tahun. Ini bertujuan menyampaikan perkhidmatan pemakanan kepada komuniti. Program Pemakanan menggariskan 2 aspek utama iaitu Pemakanan Keluarga dan Pemakanan Komuniti dan Inter-agensi. Pemakanan keluarga ialah aktiviti pemakanan yang dijalankan dari usia seseorang yang baru lahir sehingga melibatkan usia warga emas. Aktiviti ini meliputi aktiviti merancang, memantau dan menilai serta mempromosi pemakanan sehingga tahap pemakanan mencapai tahap yang optima. Program Komuniti dan Inter-agensi pula dijalankan untuk meningkatkan tahap pengetahuan pemakanan sihat dan seimbang bagi semua golongan di Negeri Sembilan.

VISI

Menjadikan Negeri Sembilan sebuah negeri yang mempunyai individu, keluarga dan masyarakat yang sihat dan sejahtera melalui program pemakanan secara profesional, efisyen, saksama dan mesra.

MISI

Melaksanakan program pemakanan menerusi penglibatan individu, keluarga dan masyarakat ke arah peningkatan taraf hidup yang berkualiti untuk mencapai kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan.

OBJEKTIF

Objektif Umum

Objektif perkhidmatan Unit Pemakanan ialah untuk meningkatkan status kesihatan dan status pemakanan masyarakat. Ia melibatkan bayi baru lahir sehingga warga usia emas.

Objektif Khusus

- Meningkatkan dan mengekalkan tahap kesejahteraan pemakanan penduduk Negeri Sembilan khususnya.
- Memastikan masyarakat menerima perkhidmatan yang berkualiti daripada anggota kesihatan yang terlatih.
- Memantapkan hubungan inter/intra sektor dan agensi di dalam aktiviti pemakanan.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

A. Pengawasan Taraf Pemakanan Kanak-Kanak Bawah 5 Tahun

Menilai saiz komposisi tubuh badan adalah kaedah yang penting dalam penilaian status pemakanan dan menilai pertumbuhan kanak-kanak dan remaja. Melalui pengawasan ini, perkembangan status pemakanan dapat dinilai samada mengalami Kurang Berat Badan, Berat Badan Normal atau Lebih Berat Badan.

Jadual 1 : Taraf Pemakanan Kanak-Kanak Bawah Umur 5 Tahun

Berat Badan Mengikut Umur	Tahun	Jelebu	Jempol	K.Pilah	P.Dickson	Rembau	Seremban	Tampin	Jumlah (%)
KBB Teruk < -3SD	2015	0.1	0.2	0.4	1.9	0.6	0.3	0.2	**0.5**
	2016	1.2	0.5	0.2	0.6	0.7	0.2	0.5	**0.4**
	2017	0.2	0.0	0.5	0.2	0.5	0.4	0.7	**0.4**
	2018	1.26	0.11	0.54	0.34	0.09	0.27	0.43	**0.3**
	2019	1.34	0.72	0.38	0.31	0.38	0.03	0.37	**0.3**
KBB Sederhana -3SD-<-2SD	2015	0.3	2.1	3.9	4.3	1.2	2.8	0.4	**2.5**
	2016	1.7	1.7	1.7	4.0	1.7	3.2	1.1	**2.6**
	2017	2.0	1.0	1.9	2.9	2.2	1.9	1.4	**1.8**
	2018	1.82	2.53	2.53	1.35	3.40	1.96	1.20	**2.1**
	2019	3.01	3.19	1.44	0.69	0.63	0.93	1.92	**1.4**
Normal -2SD hingga < +2SD	2015	99.6	96.8	95.2	91.0	97.9	95.9	99.4	**96.0**
	2016	96.4	97.8	98.1	93.5	93.2	95.5	98.1	**96.1**
	2017	97.6	98.9	97.2	95.9	97.1	97.5	97.6	**97.5**
	2018	96.22	97.07	96.48	98.06	95.37	97.53	98.11	**97.3**
	2019	94.98	95.87	98.08	98.70	98.86	98.98	97.25	**98.2**
Lebih Berat Badan ≥ +2SD	2015	0.0	0.9	0.5	2.8	0.3	1.0	0.0	**1.0**
	2016	0.7	0.0	0.0	1.9	4.4	1.0	0.4	**1.0**
	2017	0.2	0.1	0.4	1.1	0.1	0.3	0.4	**0.3**
	2018	0.70	0.29	0.45	0.25	1.13	0.24	0.26	**0.4**
	2019	0.67	0.22	0.10	0.31	0.13	0.06	0.46	**0.2**

Sumber : KKK 210A

Daripada **Jadual 1**, Kes Kurang Berat Badan Teruk didapati tiada perbezaan peratus jika dibandingkan dengan tahun 2018 iaitu sebanyak 0.3%. Namun begitu, peratusan KBB sederhana didapati menurun berbanding pada tahun 2019 iaitu sebanyak 1.4% berbanding 2.1% pada tahun 2018. Oleh itu, sasaran kanak-kanak kurang berat badan sebanyak >3.5% bawah 5 tahun adalah tercapai pada tahun 2019.

B. Pengawasan Taraf Pemakanan Pelajar Sekolah

Kekurangan zat protein dan tenaga dalam bentuk kekurangan berat badan dan kerencatan pertumbuhan masih wujud terutama di kalangan kanak-kanak. Diet yang tidak seimbang ditambah dengan gaya hidup yang kurang aktif boleh membawa kepada masalah obesiti dan berlebihan berat badan yang menjadi penyumbang peningkatan faktor risiko kepada penyakit-penyakit kronik.

Jadual 2 : Taraf Pemakanan Kanak-Kanak Pra-Sekolah

Status Pemakanan	2015	2016	2017	2018	2019
Kurang Berat Badan	6.8	8.7	8.5	8.1	8.1
Normal	82.2	80.4	79.0	78.5	80.8
Lebih Berat Badan	5.7	5.7	6.2	5.7	5.7
Obes	5.4	5.2	6.3	4.9	4.5

Sumber : KSK201

Jadual 3 : Status Pemakanan Kanak-Kanak Tahun 1

Status Pemakanan	2015	2016	2017	2018	2019
Kurang Berat Badan	7.3	7.9	9.0	8.8	7.6
Normal	77.4	76.3	74.2	76.5	77.3
Lebih Berat Badan	7.0	7.1	8.3	7.4	7.0
Obes	8.4	8.7	8.5	7.0	7.2

Sumber : KSK201

Jadual 4 : Status Pemakanan Kanak-Kanak Tahun 6

Status Pemakanan	2015	2016	2017	2018	2019
Kurang Berat Badan	5.2	6.0	6.5	6.8	6.1
Normal	70.1	67.8	64.9	64.7	67.3
Lebih Berat Badan	11.8	13.1	14.8	15.4	13.3
Obes	12.9	13.2	13.9	12.1	12.7

Sumber : KSK201

Jadual 5 : Status Pemakanan Remaja Tingkatan 3

Status Pemakanan	2015	2016	2017	2018	2019
Kurang Berat Badan	4.3	4.3	5.9	5.7	4.7
Normal	77.1	77.7	74.0	75.9	75.6
Lebih Berat Badan	10.9	10.5	11.9	10.7	10.9
Obes	7.7	7.5	8.7	7.5	8.6

Sumber : KSK201

Jadual 2, 3, 4 dan **5** masing-masing menunjukkan taraf pemakanan kanak-kanak pra sekolah Tahun 1, Tahun 6 dan remaja Tingkatan 3. Secara umumnya, peratusan Lebih Berat Badan dan Obes paling tinggi di kalangan kanak-kanak Tahun 6 telah menurun sebanyak 26.0% pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak 27.5%.

C. Pengawasan Status Hemoglobin Ibu Antenatal Di Klinik Kesihatan

Anemia adalah di antara komplikasi yang dikenalpasti semasa mengandung. Di antara penyebab utama anemia semasa hamil adalah kekurangan zat besi dan asid folik. Di kalangan ibu hamil, zat besi dan asid folik adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan yang meningkat. Kuantiti tambahan zat besi dan asid folik yang diperlukan semasa hamil mungkin boleh dipenuhi dengan pengambilan makanan atau supplementasi.

Pelbagai strategi untuk mengurangkan masalah anemia di kalangan ibu hamil telah dirancang dan dilaksanakan. Status hemoglobin ibu hamil di klinik kesihatan dipantau secara berkala. Pemberian susu tepung penuh krim, demonstrasi masakan, rundingcara pemakanan, ceramah pemakanan anemia dan pemberian haematinik turut diadakan sepanjang tahun.

Jadual 6 : Status Hemoglobin Ibu Antenatal di Klinik Kesihatan

Daerah	Peratus Ibu Antenatal Dengan Hb gm%											
	2017				2018				2019			
	Bil.	<9	9-<11	>11	Bil.	<9	9-<11	>11	Bil.	<9	9-<11	>11
Jelebu	404	0.0	7.2	92.9	438	0.5	14.2	85.4	431	1.2	14.2	84.7
Jempol	1,233	1.1	15.7	83.3	1,295	0.6	12.0	87.3	1,258	0.3	7.2	92.4
K.Pilah	616	1.0	8.3	90.8	818	0.9	10.5	88.6	726	0.3	10.2	89.5
P.Dickson	1,203	0.5	12.0	87.6	1,108	0.1	10.9	89.0	1,183	0.7	13.3	86.1
Rembau	625	0.3	8.7	91.0	636	0.3	11.0	88.7	533	0.9	9.6	89.5
Seremban	5,156	0.2	6.7	93.2	5,553	0.3	11.3	88.5	5,829	0.4	13.4	86.2
Tampin	816	0.4	9.6	90.1	974	0.9	17.2	81.8	894	0.7	11.0	88.4
Jumlah	**10,053**	**0.4**	**8.9**	**90.8**	**10,822**	**0.4**	**11.9**	**87.7**	**10,854**	**0.5**	**12.1**	**87.4**

Sumber : KIB201B

Jadual 6 menunjukkan status hemoglobin ibu antenatal yang diambil pada minggu ke-36 kehamilan. Peratusan dalam data kes anemia bagi Hb<11gm% didapati hampir sama iaitu sebanyak 12.3% pada tahun 2018 dan 12.6% pada tahun 2019.

D. Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM)

Program ini merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan taraf pemakanan kanak-kanak warganegara Malaysia yang berumur di antara 6 bulan hingga 6 tahun yang mengalami masalah kekurangan zat makanan. Keutamaan diberikan kepada mereka yang terdiri di kalangan isi rumah berpendapatan rendah iaitu miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Program ini telah disusun merangkumi beberapa aspek seperti sasaran dan liputan, pengagihan makanan dan perkhidmatan, penggunaan bahan makanan dan pengendalian kes yang dapat memberi lebih manfaat kepada kumpulan sasaran.

Setiap kanak-kanak yang layak akan dibekalkan dengan bakul makanan daripada pilihan 13 Pakej Makanan berpandukan Garis Panduan PPKZM. Di Negeri Sembilan, kanak-kanak yang terlibat telah dibekalkan dengan susu khas dan multivitamin bagi meningkatkan berat badan mereka. Mereka diberi bantuan tersebut setiap bulan, sekurang-kurangnya selama 6 bulan atau sehingga disahkan pulih.

Jadual 7 : Kanak-Kanak KZM Yang Menerima Bantuan Mengikut Daerah

Daerah	Bilangan Kes Januari 2019	Kes Baru	Kes Berhenti			Bilangan Kes Disember 2019
			Pulih	Sekolah	Lain-lain	
Jelebu	14	7	2	0	5	14
Jempol	8	12	3	0	3	14
Kuala Pilah	8	9	9	1	2	5
P.Dickson	5	3	0	1	1	6
Rembau	6	1	1	0	0	6
Seremban	8	5	3	2	2	6
Tampin	6	5	4	1	1	5
JUMLAH	**55**	**42**	**22**	**5**	**14**	**56**

Sumber : KZM 201

Jadual 7 menunjukkan terdapat 42 kes penerima baru bakul makanan sepanjang tahun 2019. Sebanyak 22 kes telah diberhentikan disebabkan pulih, 5 kes sudah bersekolah dan 14 kes adalah faktor lain-lain. Bilangan kes yang masih berada dalam program sehingga Disember 2019 adalah sebanyak 56 kes.

E. Projek Dapur Sihat Masyarakat

Projek Dapur Sihat Masyarakat (DSM) diwujudkan sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan lagi pelaksanaan dan keberkesanan aktiviti promosi pemakanan yang dijalankan oleh anggota kesihatan di klinik-klinik kesihatan. Pelaksanaan projek ini juga adalah untuk memperkembangkan skop promosi pemakanan meliputi aspek penyediaan hidangan makanan keluarga dan ekonomi rumahtangga termasuk perancangan menu, pengubahsuaian resipi, kebersihan dan keselamatan makanan dan pengurusan dapur. Ianya juga adalah satu usaha untuk memperluaskan kumpulan sasaran aktiviti promosi pemakanan kepada suri rumah tangga, ahli-ahli keluarga, murid-murid sekolah, golongan remaja, orang dewasa dan masyarakat keseluruhannya.

Jadual 8 : Aktiviti dan Bilangan Pengunjung Dapur Sihat Masyarakat

Jenis Aktiviti	Bilangan Aktiviti Dapur Sihat Masyarakat 2019		
	Bahau	Linggi	Gemencheh
Ceramah	10	0	21
Kelas masakan	6	0	1
Demo masakan	6	8	9
Uji resepi	6	0	4
Saringan kesihatan	3	1	2
Aktiviti kecergasan	18	4	7
Kursus / Latihan	3	3	5
Program sekolah	1	3	2
Uji Amali	0	0	0
Kraftangan	2	1	0
Lawatan	4	0	0
Pertandingan	7	0	0
Bumi hijau	3	0	0
Kunjungan pelawat	5	0	11
Mesyuarat	8	1	6
Gotong-royong	6	5	5
Lain-lain	10	6	3
JUMLAH	**98**	**32**	**76**
Bilangan peserta	**462**	**429**	**765**

Sumber : Laporan Tahunan Aktiviti Dapur Sihat Masyarakat DSM 2b

Pelbagai aktiviti melalui tunjuk ajar secara interaktif, *participative, hands-on* dan holistik dengan mengutamakan perkongsian bijak (*smart partnership*) dalam kalangan masyarakat, agensi kerajaan dan pihak swasta telah diadakan sepanjang tahun 2019.

Jadual 8 menunjukkan sebanyak 206 aktiviti Dapur Sihat Masyarakat di Bahau, Linggi dan Gemencheh yang melibatkan seramai 1,656 peserta dalam aktiviti-aktiviti DSM.

F. Program Makanan Tambahan Susu Tepung Penuh Krim

Program ini merupakan program jangka pendek untuk membantu memulihkan masalah pemakanan seperti kurang berat badan di kalangan kanak-kanak, ibu hamil dan ibu menyusukan bayi. Objektif program adalah untuk membantu mencegah dan memulihkan masalah pemakanan seperti kurang berat badan dan kekurangan zat besi di kalangan kumpulan sasaran dengan membekalkan 1 kg susu tepung penuh krim selama sekurang-kurangnya 3 bulan.

Jadual 9 : Bilangan Penerima dan Amaun Edaran Susu Tepung Penuh Krim

Daerah	Bilangan penerima susu tepung penuh krim					Amaun susu tepung penuh krim (kg) diedarkan				
	2015	2016	2017	2018	2019	2015	2016	2017	2018	2019
Jelebu	82	65	24	24	36	382	305	83	54	103
Jempol	129	100	74	166	189	384	252	170	256	382
K.Pilah	110	62	19	43	46	372	313	156	204	309
P.Dickson	77	48	31	37	18	300	123	91	81	32
Rembau	40	42	20	15	29	163	137	62	19	84
Seremban	47	65	28	75	102	149	212	86	150	261
Tampin	61	49	14	22	30	234	147	53	85	158
Jumlah	**546**	**431**	**210**	**382**	**450**	**1,984**	**1,489**	**701**	**849**	**1,329**

Sumber : KIB 210 Pind.2/2007

Jadual 9 menunjukkan bilangan penerima susu tepung penuh krim di kalangan komuniti di semua daerah. Pada tahun 2019, sebanyak 1,329 kg susu tepung penuh krim yang telah diedarkan kepada 450 orang penerima.

G. Program Promosi Penyusuan Susu Ibu

Promosi penyusuan susu ibu telah menjadi komponen yang penting dalam perkhidmatan kesihatan di Malaysia sejak tahun 1970-an lagi. Strategi pelbagai penjuru telah digunakan dalam mempromosikan penyusuan susu ibu. Ini termasuk pendidikan melalui media massa, Latihan Pengurusan Laktasi (20 jam), pemantauan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan, pelaksanaan Inisiatif Hospital Rakan Bayi dan pengwujudan kumpulan sokongan penyusuan susu ibu.

Polisi Penyusuan Susu Ibu Malaysia menyatakan “Semua ibu digalakkan menyusui anaknya dengan susu ibu sahaja dari lahir sehingga berumur enam bulan dan meneruskannya sehingga mencapai umur dua tahun. Makanan pelengkap perlu diberikan mulai umur enam bulan”. Sebagai usaha untuk memastikan bahawa setiap bayi yang lahir diberi susu ibu sahaja dari lahir sehingga umurnya mencapai enam bulan, peratus bayi pada umur enam bulan yang menyusu susu ibu secara eksklusif dipantau secara berterusan di klinik kesihatan yang menyediakan perkhidmatan ibu dan anak. Data penyusuan susu ibu mula direkodkan pada setiap bulan Mac, Jun dan September berdasarkan bilangan kedatangan bayi yang berumur 4 bulan dan 6 bulan ke klinik kerajaan.

Jadual 10 : Amalan Penyusuan Susu Ibu di Kalangan Bayi

Daerah	Peratus Amalan Penyusuan Susu Ibu di Kalangan Bayi									
	Bayi 4 Bulan					Bayi 6 Bulan				
	2015	2016	2017	2018	2019	2015	2016	2017	2018	2019
Seremban	57.9	74.9	72.1	67.4	64.8	47.8	61.8	65.9	64.7	65.0
Jelebu	60.1	59.5	54.1	60.3	79.6	49.4	49.1	50.4	60.3	77.8
Jempol	59.1	64.4	75.4	71.7	78.0	45.7	61.2	71.0	69.3	76.7
K.Pilah	55.4	68.9	73.3	70.9	65.5	35.1	59.3	71.8	69.2	67.3
P.Dickson	52.4	61.0	57.9	62.0	70.9	46.4	48.5	53.3	68.0	71.9
Rembau	60.3	62.1	63.7	64.2	76.1	42.2	50.0	58.5	65.4	74.4
Tampin	55.9	46.9	56.4	53.1	60.8	46.8	46.1	57.0	48.7	54.6
JUMLAH	**57.4**	**68.4**	**68.9**	**66.2**	**74.0**	**46.3**	**57.9**	**64.1**	**64.7**	**72.6**

Sumber : PSI 201A/201B

Daripada **Jadual 10**, peratusan penyusuan susu ibu di kalangan bayi berusia 4 bulan telah menunjukkan peratus peningkatan sebanyak 74.0% pada tahun 2019, berbanding data tahun 2018 iaitu sebanyak 66.2%. Peningkatan seratus juga berlaku dikalangan bayi berusia 6 bulan iaitu sebanyak 72.6% pada tahun 2019 berbanding 64.7% pada tahun 2018.

Jadual 11 : Amalan Makanan Pelengkap Bayi 6 Bulan

Daerah	Amalan Makanan Pelengkap Pada Umur 6 Bulan (%)				
	2015	2016	2017	2018	2019
Seremban	85.9	97.5	98.4	98.4	100.0
Jelebu	88.1	92.8	93.3	99.4	98.1
Jempol	89.4	87.4	97.1	96.6	100.0
Kuala Pilah	98.9	93.7	99.0	100.0	98.6
Port Dickson	96.2	87	85.4	98.5	98.1
Rembau	67.9	100	99.5	100.0	99.2
Tampin	70.5	87	94.0	96.5	98.7
Jumlah	**86.9**	**94.3**	**96.5**	**98.3**	**99.0**

Sumber : AMP 201

Jadual 11 menunjukkan amalan makanan pelengkap bayi berusia 6 bulan. Peratusan keseluruhan telah meningkat kepada 99.0% pada tahun 2019 berbanding tahun 2018.

H. Program Latihan Katering Sihat

Latihan Katering Sihat adalah satu latihan yang disasarkan kepada pengusaha restoran, kedai makan, kafeteria, katering, pengusaha restoran makanan segera dan pengusaha kantin sekolah dan tempat kerja. Latihan ini bertujuan meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pengendali makanan mengenai penyediaan hidangan yang sihat dan selamat. Latihan ini meliputi komponen seperti Prinsip Makan Secara Sihat serta Penyediaan Hidangan Sihat dan Selamat.

Seramai 848 orang pengendali makanan di seluruh Negeri Sembilan telah dilatih melalui 15 latihan sepanjang tahun 2019. Sebahagian besar pengendali makanan tersebut (54.5%) adalah terdiri daripada pengusaha/ pengendali makanan di kantin sekolah harian.

Jadual 12 : Latihan Katering Sihat kepada Pengusaha / Pengendali Makanan

Daerah	Bilangan pengusaha/pengendali makanan yang telah dilatih 2019			
	Fasiliti KKM	Kantin Sekolah Berasrama	Kantin Sekolah Harian	Lain-lain
Seremban	7	11	163	139
Jelebu	0	6	45	21
Jempol	7	2	89	0
Kuala Pilah	13	4	61	68
Port Dickson	0	0	32	26
Rembau	0	21	27	3
Tampin	2	0	45	56
JUMLAH	**29**	**44**	**462**	**313**

Sumber : Borang Laporan Katering Sihat

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pencapaian Unit Pemakanan pada tahun 2019 adalah baik. Sebahagian daripada pencapaian tersebut juga merupakan *Key Performance Indicator* (KPI) utama di peringkat Kementerian.

2.11 UNIT PROMOSI KESIHATAN

PENGENALAN

Unit ini bertanggungjawab untuk meningkatkan pengetahuan dan menanam sikap positif kepada kesihatan bagi membolehkan masyarakat mengamalkan cara hidup sihat dan seterusnya menikmati kesihatan yang optima. Unit ini juga memainkan peranan dalam menjalankan aktiviti promosi kesihatan seperti mengadakan pameran kesihatan, memberi ceramah, mengadakan kem-kem kesihatan, karnival kesihatan dan program bersama komuniti seperti Program Tunas Doktor Muda, IMFree, Kelab Doktor Muda, PROSIS dan COMBI.

VISI

Melaksanakan program promosi kesihatan yang berkualiti bagi merangsang perubahan sikap dan amalan individu, keluarga dan masyarakat untuk mengamalkan kehidupan yang sihat.

MISI

Memastikan penyebaran maklumat kesihatan, memberikan pendidikan kesihatan yang berkualiti dan perkhidmatan sokongan yang kukuh untuk setiap program kesihatan.

OBJEKTIF

- Meningkatkan kefahaman, kemahiran kesihatan individu dan capaian maklumat kesihatan melalui pelbagai media dalam menyokong usaha mereka untuk mencapai kesihatan yang optima dan melahirkan masyarakat yang celik kesihatan.
- Mewujudkan persekitaran sosial, ekonomi, budaya dan fizikal yang kondusif bagi memudahkan amalan kesihatan yang baik.
- Menggerakkan kumpulan dan pertubuhan masyarakat supaya berperanan aktif dalam mempengaruhi masyarakat membudayakan amalan kesihatan yang baik.
- Menjalin kerjasama antara pelbagai sektor supaya bertindak secara bersepadu dalam mempromosikan kesihatan melalui pelaksanaan program yang komprehensif.


PENCAPAIAN AKTIVITI 2019

PROGRAM TUNAS DOKTOR MUDA

- Program ini bermula pada tahun 2015 dengan 4 buah pra-sekolah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan 2 buah tabika KEMAS. Bilangan ini terus bertambah sehingga tahun ini iaitu sebanyak 132 buah tabika KEMAS dan pra-sekolah JPN telah melaksanakan program ini.
- Kanak-kanak akan didedahkan dengan 5 skop utama kesihatan iaitu kebersihan diri, pilihan makanan sihat dan selamat, senaman dan aktiviti fizikal, kebersihan persekitaran dan perkembangan emosi dan sosial.
- Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah bengkel pemantapan, sesi *Training of Trainers* (TOT), pertandingan senamrobik, pertandingan inovasi bahan bantu mengajar, sesi pemantauan, pameran dan aktiviti di tabika dan pra-sekolah masing-masing.

Pencapaian keseluruhan penguasaan kemahiran asas yang telah dicapai oleh kanak-kanak tabika dan pra-sekolah JPN di Negeri Sembilan ini telah meningkat dari 60.1% (tahun 2016) ke 92.11 % (tahun 2019). Ini melebihi daripada pencapaian sasaran yang ditetapkan iaitu 80%.

Graf 1 : Pencapaian 5 Tingkah Laku Asas Program Tunas Doktor Muda Peringkat Negeri Sembilan Bagi Tahun 2016 - 2019



PROGRAM PENDIDIKAN DAN PENCEGAHAN AMALAN MEROKOK DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH (IMFREE)


Bagi tahun 2019, IMFREE tidak dilaksanakan ndan aktiviti hanya berfokuskan kepada sekolah yang telah melaksanakan IMFree. Kajian juga telah dilaksanakan pada tahun 2019 dari Bahagian Pendidikan Kesihatan untuk melihat keberkesanan program ini.

PROGRAM DOKTOR MUDA


HePiLI merupakan nama baru bagi semua program yang bernaung di bawah Doktor Muda. HePiLI atau *Health Promotion In Learning Institution* ini merupakan nama terbaru yang bagi semua program atau kelab dari Kementerian Kesihatan yang dijalankan di sekolah ataupun di Pengajian Tinggi Awam. Antaranya IMFree, Tunas Doktor Muda, Kelab Doktor Muda Program Pendidikan Khas dan Integrasi (PPKI), Kelab Doktor Muda Sekolah Orang Asli, Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah, Kelab Doktor Muda Sekolah Menengah dan Program Siswa Sihat (PROSIS).

Tahun 2019 menunjukkan penurunan penubuhan Kelab Doktor Muda bagi Sekolah Menengah dan juga Sekolah Rendah. Bagi Sekolah Rendah, penubuhan Kelab Doktor Muda mencatatkan penurunan sebanyak 3% iaitu sebanyak 189 Kelab Doktor Muda arus perdana dengan jumlah ahli Doktor Muda sebayak 3,064 berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak 195 jumlah Kelab Doktor Muda. Manakala bagi Sekolah Menengah pula sebanyak 43 Kelab Doktor Muda ditubuhkan dengan bilangan ahli Doktor Muda sebanyak 1,245 orang berbanding dengan tahun 2018 sebanyak 34 Kelab Doktor Muda.

Graf 2 : Bilangan Penubuhan Kelab Doktor Muda bagi Sekolah Rendah, 2014 - 2019




Graf 3 : Bilangan Ahli Kelab Doktor Muda bagi Sekolah Rendah, 2014 - 2019



Penubuhan Sekolah Orang Asli pada tahun 2018 memberikan satu (1) input yang sangat bermakna buat Kementerian Kesihatan Malaysia. Melalui Kelab Doktor Muda Sekolah Orang Asli ini, masalah seperti kuku yang panjang dan tidak bersih serta masalah kesihatan gigi dapat dikenalpasti. Bagi tahun 2019, didapati sebanyak 56% (137 orang) murid mempunyai masalah kuku yang tidak bersih dan panjang manakala 78% (187 orang) murid mengalami masalah penjagaan gigi bersih.

Graf 4 : Indikator Pencapaian Kemahiran Amalan Kesihatan Sekolah Murid Orang Asli bagi Sekolah SK Putra Jelebu dan SK Senibai Kuala Pilah



PROGRAM SISWA SIHAT (PROSIS)

Program ini adalah salah satu inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memperkasakan siswa-siswi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam mengamalkan cara hidup sihat. Program ini menjadi kelab di IPT dengan mengadakan aktiviti cara hidup sihat seperti Makan Secara Sihat, Lakukan Aktiviti Fizikal, Tidak Merokok, Pupuk Minda Sihat dan Sihat Tanpa Alkohol.

Program ini bermula pada tahun 2012 dengan 1 IPT iaitu UITM Kuala Pilah dan kini 8 buah IPT telah melaksananya meliputi IPTA , IPTS, Kolej Komuniti dan Kolej Matrikulasi;

- Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Seremban
- Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Kuala Pilah
- Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Rembau
- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Kolej Komuniti Jelebu
- Kolej Komuniti Tampin
- Kolej UNITI Tanjung Agas, Port Dickson
- Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan

Aktiviti-aktiviti PROSIS peringkat negeri yang dijalankan sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut :

- Mesyuarat penyelarasan PROSIS peringkat Negeri Sembilan telah diadakan pada 13 Februari 2019 di Bilik Ixora, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
- Sesi Training of Trainers (TOT) PROSIS telah diadakan pada 30 Mac di UiTM Cawangan Seremban dengan penyertaan seramai 80 orang ahli PROSIS telah menyertai daripada 9 IPT yang telah melaksanakan PROSIS.
- Pelaksanaan IfitER oleh PROSIS Kolej Komuniti Jelebu dan Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan setelah menghadiri Bengkel Pelaksanaan IfitER peringkat Negeri Sembilan.
- Kolej Komuniti Jelebu telah terpilih ke peringkat kebangsaan untuk Simposium *Health Promotion in Learning Institution* (HePiLI) bagi kategori Projek Khas Prosis.

HEALTH PROMOTING CLINIC (HPC)

Pelaksanaan *Health Promoting Clinic (HPC)* merupakan satu inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menyelaras dan mempromosi pendidikan kesihatan di *setting* klinik. Klinik merupakan satu *setting* premis kesihatan yang mana terdapat pelbagai kumpulan sasaran dari kanak-kanak hinggalah kepada warga emas. Justeru itu, pelbagai aktiviti pendidikan kesihatan dapat dilaksanakan bagi memastikan pelanggan di klinik mendapat maklumat kesihatan yang tepat dan sahih mengenai penyakit-penyakit dan isu-isu kesihatan. HPC juga merupakan satu penjenamaan bagi aktiviti pendidikan kesihatan di klinik-klinik supaya program ini kelihatan lebih sempurna dan berjalan dengan lancar.

Program ini bermula pada tahun 2015 dengan 2 buah klinik kesihatan rintis iaitu Klinik Kesihatan Senawang dan Klinik Kesihatan Seremban 2. Hasil daripada audit pematuhan HPC, kedua-dua klinik ini telah diberi pengiktirafan HPC kerana mendapat markah melebihi 80% dan mematuhi aspek HPC. Justeru itu, program ini diperluaskan dengan 10 buah KK akan ditambah setiap tahun dan pada tahun 2018, bilangan KK telah meningkat menjadi 32 buah KK. Sebanyak 26 buah KK telah berjaya mematuhi pemarkahan HPC.

Bagi tahun 2019, tiada perluasan HPC dilaksanakan merujuk kepada surat yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. Walau bagaimanapun, sebanyak 26 buah klinik kesihatan yang mematuhi HPC telah diberi pensijilan HPC.

PROGRAM COMBI

COMBI merupakan persatuan bukan kerajaan yang sentiasa membantu Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan dalam menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan denggi di seluruh daerah. COMBI merupakan persatuan yang dianggotai sukarelawan dalam komuniti yang bertindak sebagai agen penyampai maklumat dalam usaha mendidik masyarakat mengenai kepentingan penjagaan kebersihan rumah bagi mengatasi masalah denggi dan juga masalah kesihatan yang lain.

Penubuhan COMBI di lokaliti adalah berdasarkan kewujudan kes atau wabak yang pernah berlaku di kawasan tersebut. Pendekatan ini adalah salah satu cara untuk membantu Pejabat Kesihatan Daerah dalam mengawal kes denggi dari terus merebak melalui pengaruh warga penduduk yang akan memberikan nasihat kepada penduduk yang lain dalam menjaga kebersihan persekitaran rumah.

Jadual 1 : Bilangan COMBI di Negeri Sembilan, 2019

Daerah	Jumlah Keseluruhan COMBI
Seremban	203
Kuala Pilah	66
Jempol	59
Port Dickson	110
Tampin	60
Rembau	41
Jelebu	41
Jumlah	**580**

Pada tahun 2019 juga telah berlangsung beberapa aktiviti bagi membantu COMBI dalam memantapkan COMBI sedia ada di setiap daerah. Antaranya ialah Kursus Kepimpinan COMBI dalam kalangan pemimpin COMBI. Kursus tersebut telah dijalankan di Pusat Latihan Jurutera Create Alor Gajah, Melaka pada 15-17 Mac 2019. Juga berlangsung pada tahun 2019 adalah Konvensyen COMBI peringkat kebangsaan yang bermatlamat sebagai platform untuk memberikan pengiktirafan kepada semua COMBI di Negeri Sembilan serta sesi perkongsian ilmu dalam bentuk pertandingan.

Bagi pertandingan poster inovasi produk COMBI, Negeri Sembilan telah diwakili oleh COMBI dari Seremban iaitu COMBI Taman Desa Orkid manakala COMBI KRT Dangi dari Kuala Pilah. Walau bagaimanapun, kontinjen Negeri Sembilan gagal membawa pulang trofi kemenangan pada konvensyen COMBI kali ini.

Bagi menghargai jasa dan usahasama yang telah dilakukan oleh sukarelawan COMBI, satu majlis makan malam bertempat di Casa Lagenda telah diadakan dengan mengumpulkan wakil sukarelawan COMBi dari setiap daerah dan juga melibatkan Jawatankuasa COMBI Negeri Sembilan. Majlis tersebut telah dimulakan dengan pembentangan perancangan aktiviti COMBI bagi tahun 2020 dan juga perkongsian pengalaman oleh COMBI Desa Orkid dam COMBI KRT Dangi yang telah mewakili Negeri Sembilan ke Konvensyen COMBI Kebangsaan di Perak.

KEM NAK SIHAT DAN GEGAR MERDEKA 10,000 LANGKAH

Bermula pada tahun 2019, Kem Nak Sihat dan Gegar Merdeka 10,000 Langkah telah digabungkan selari dengan langkah penjimatan yang diarahkan oleh kerajaan. Bagi tahun 2019, kesemua daerah telah berjaya melaksanakan Kem Nak Sihat dan Gegar 10,000 Langkah Merdeka di peringkat daerah masing-masing kecuali daerah Jempol.

Antara aktiviti yang turut dijalankan semasa Kem Nak Sihat adalah Saringan Kesihatan, Aktiviti fizikal seperti Berjalan 10,000 langkah, futsal, sukaneka, pertandingan memasak dan pelbagai lagi. Berikut adalah pelaksanaan Kem Nak Sihat dan Gegar Merdeka 10,000 Langkah di seluruh daerah.

Jadual 2 : Jadual Pelaksanaan Kem Nak Sihat di Semua Daerah

Bil.	Daerah	Tarikh pelaksanaan	Lokasi
1.	Jelebu	14-15 September	Kuala Klawang
2.	Kuala Pilah	21 September	Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan
3.	Tampin	14 September	Dataran PKD Tampin
4.	Seremban	5 Oktober	Pasar Awam, Taman Seremban Jaya
5.	Rembau	28 Ogos	Dataran Agora, Rembau
6.	Jempol	Tidak dilaksanakan	Felda Palong 9
7.	Port Dickson	26 Oktober	Taman Politeknik, Port Dickson

SIMPOSIUM HEPILI PERINGKAT KEBANGSAAN 2019

HePiLi bermaksud *Health Promotion In Learning Institutions* yang mana pelaksanaan semua program di bawah Bahagian Pendidikan Kesihatan melibatkan kerjasama Institusi Pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Tunas Doktor Muda, IMFREE, Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah, Kelab Doktor Muda Sekolah Menengah, Kelab Doktor Muda Program Pendidikan Khas dan Integrasi (PPKI) dan Program Siswa Sihat (PROSIS) di peringkat Institut Pengajian Tinggi. Bagi tahun 2019, Simposium HePiLi telah diadakan sebagai salah satu platform bagi semua Guru Penasihat dan Penyelaras program HePiLi untuk bersama-sama berkongsi pandangan dan idea dalam menjalankan aktiviti di peringkat sekolah atau universiti mahupun di peringkat antarabangsa.

Simposium pada kali ini telah memperlihatkan penyertaan dari Negeri Sembilan yang terlibat dalam membentangkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan. Antara pembentang bagi Negeri Sembilan adalah seperti berikut :

- Aktiviti Pengantarabangsaan Kelab Doktor Muda : Puan Ying Aeishah Binti Zakaria, SK Pasir Panjang Port Dickson
- Projek Khas Prosis - Cik Wan Nor Azlinda, Kolej Komuniti Jelebu.

Pada Simposium HePiLI ini juga, kedua-dua wakil dari Negeri Sembilan ini juga telah dinobatkan dengan beberapa anugerah seperti berikut:

- Anugerah Guru Cemerlang Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah - Puan Ying Aeishah binti Zakaria, SK Pasir Panjang Port Dickson
- Anugerah Khas Penyertaan (Projek Khas) - Cik Wan Nor Azlinda, Kolej Komuniti Jelebu

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN *WALK* : *WHEN ACTIVE LIVING KICKS* PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Kempen Hidup Aktif : *When Active Living Kicks (WALK)* 2018-2025 peringkat kebangsaan telah pun dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia iaitu YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamed pada 3 September 2018 bertempat Oval Lawn, Setia City Park, Setia Alam, Selangor.

Semasa pelancaran kempen ini, YAB Perdana Menteri telah menyarankan agar senaman selama 15 minit dilakukan setiap hari supaya kesemua anggota kerajaan dan swasta dapat memberikan khidmat yang terbaik semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Ekoran dari saranan YAB Perdana Menteri Malaysia, surat arahan pelaksanaan telah dikeluarkan kepada semua fasiliti kesihatan agar melaksanakan X-Break selama 5 minit pada jam 11:00 pagi dan 4:00 petang serta pengumuman promosi X-Break pada jam 8:00 pagi.

Majlis pelancaran dan aktiviti kecergasan bagi menyokong Kempen *WALK* hendaklah dilaksanakan di peringkat negeri agar promosi dan pendidikan sampai ke peringkat akar umbi.

Ekoran itu, Negeri Sembilan telah melancarkan Kempen *WALK* yang telah dirasmikan oleh YAB. Dato' Seri Hj Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan pada 27-28 April 2019 bertempat di Pantai Bagan Pinang, Port Dickson. Antara pengisian aktiviti sepanjang 2 hari majlis berlangsung adalah *Beach Fun Run*, *Health Busker, My Health Segment, My Game Segment, My Fitness Segment, My Expert Segment* dan pelbagai aktiviti khas untuk penduduk di sekitar Port Dickson.

LATIHAN

Sepanjang tahun 2019 bengkel serta latihan yang telah diadakan adalah :

- Kursus Pelaksanaan Program Pengurusan Berat badan *I Fit Eat Right* IFitER peringkat Negeri Sembilan. Kursus ini melibatkan peserta dari Penggerak Aktiviti Fizikal Negeri Sembilan dan juga Kolej Komuniti Jelebu dan Kolej Matrikulasi Negei Sembilan. Kursus telah dijalankan di Pusat Latihan Jurutera CreAte Alor Gajah, Melaka pada 1-3 Mac 2019.
- Kursus Asas Fotografi Peringkat Negeri Sembilan 2019 dengan penglibatan anggota kesihatan di Unit Promosi Kesihatan Daerah dan Unit Pendidikan Pesakit. Antara tujuan kursus ini adalah untuk mendedahkan kepada anggota kesihatan amnya yang terlibat dengan promosi di sosial media mengenai penggunaan gambar yang betul dan cara menghasilkan gambar untuk tujuan pendidikan kesihatan.

KAJIAN DAN TINJAUAN

Satu sesi tinjauan mengenai Pendidikan Pencegahan HIV dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah telah dilaksanakan pada tahun 2017. Tinjauan ini berdasarkan soal selidik UNGGAS iaitu Pengetahuan Asas (*Essential Knowledge*) Berkaitan AIDS/HIV Dalam Kalangan Remaja Berumur 15-19 Tahun. Sebanyak 4 buah sekolah menengah telah dipilih iaitu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina) Chan Wa Seremban (sekolah cina), Sekolah Menengah Kebangsaan Lui Barat, Jempol (luar bandar), Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Besar Tampin (bandar) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Abdullah Rembau (luar bandar). Soal selidik diedarkan pada sebelum dan selepas program dilaksanakan. Kaedah menyampaikan mesej ialah melalui ceramah, pameran dan edaran risalah.

Hasil tinjauan mendapati Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina Chan Wa Seremban telah dapat menjawab 80% dengan betul, Sekolah Menengah Kebangsaan Lui Barat Jempol 70% telah menjawab dengan betul, Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Besar Tampin telah menjawab dengan betul sebanyak 86.6% manakala Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Abdullah Rembau telah menjawab dengan betul sebanyak 73.3%.

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan aktiviti promosi kesihatan di Negeri Sembilan adalah memuaskan dengan penggemblengan daripada pelbagai pihak termasuk komuniti, pelbagai agensi, pemimpin masyarakat, NGO, swasta serta individu.

UNIT INSPEKTORAT DAN PERUNDANGAN NEGERI

PENGENALAN

Unit Inspektorat Dan Perundangan Negeri (UIPN) Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) bertanggungjawab dalam mengkoordinasi, menyelaras dan memantau pelaksanaan dan pencapaian khususnya aktiviti penguatkuasaan undang-undang kesihatan awam supaya selari dengan kehendak dan aspirasi pihak '*stakeholder*' dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan khususnya orang awam di Negeri Sembilan adalah terjamin. Di samping itu, UIPN juga memberi khidmat sokongan dan input teknikal khususnya dari aspek perundangan kepada aktiviti kesihatan persekitaran lain.

Fokus utama pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan di bawah undang-undang kesihatan awam adalah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (APSPP 1975), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (APPPB 1988) dan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT 2004). Selain itu, UIPN turut membantu pihak Bahagian Keselamatan dan Keselamatan Makanan (BKKM), JKNNS dalam pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan secara bersepadu di bawah penguatkuasaan Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (PPM 1985) dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 (PPKM 2009).

Unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Kesihatan Persekitaran U44 dan beliau bertanggungjawab terus kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam). UIPN komited untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan yang teratur, efisyen dan efektif bagi memastikan tahap kualiti dan keberkesanan yang tinggi terhadap penguatkuasaan di bawah undang-undang kesihatan awam di negeri ini.

VISI

Ke arah penguatkuasaan yang efisyen dan efektif dalam pelaksanaan undang-undang kesihatan awam.

MISI

Memastikan setiap pelanggan menerima perkhidmatan kesihatan secara professional dan berkualiti dengan:

- Memantapkan jaringan kerja pegawai penguatkuasa kesihatan awam khususnya di Negeri Sembilan untuk meningkatkan kesedaran dan pematuhan undang-undang kesihatan awam di kalangan masyarakat.
- Memberi bantuan khidmat sokongan dan input berhubung perundangan kepada pegawai penguatkuasa kesihatan awam di Negeri Sembilan agar pelaksanaan penguatkuasaan lebih teratur dan berkesan.

OBJEKTIF

- Menyelaras dan melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang melibatkan undang-undang kesihatan awam dengan lebih fokus, teratur dan mantap.
- Mempertingkatkan kualiti dan keberkesanan penguatkuasaan di bawah undang-undang kesihatan awam.

PENCAPAIAN AKTIVITI UIPN SEPANJANG TAHUN 2019

Pada keseluruhannya, prestasi unit ini di sepanjang tahun 2019 adalah baik berdasarkan pencapaian terhadap sasaran indikator-indikator prestasi yang ditetapkan oleh pihak `*stakeholder*'. Kesemua (100%) arahan operasi yang dikeluarkan oleh pihak Sektor Inspektorat dan Perundangan (SIP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) khususnya operasi bersiri *E-Blast* telah berjaya dikoordinasi dan dilaksanakan di semua peringkat Pejabat

Kesihatan Daerah (PKD) dengan berkesan dan memberi impak yang positif terhadap output yang dihasilkan selepas pelaksanaan operasi. Di samping itu, bilangan pendakwaan terhadap kes juga turut meningkat dan impaknya memberi kesan kepada bebanan kerja terhadap penyediaan kertas siasatan dan urusan di mahkamah. Pelaksanaan operasi khususnya secara bersepadu telah dirancang dengan teliti dan melibatkan aktiviti risikan yang berkesan supaya strategi yang betul dapat dikenalpasti untuk pelaksanaan sesuatu operasi. Pihak UIPN memberi fokus utama dalam merancang dan melaksanakan operasi terhadap penguatkuasan yang melibatkan skop perundangan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 dan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975. Bagi Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, pihak UIPN akan membantu pihak BKKM dalam mengkoordinasi operasi yang dijalankan secara bersepadu dalam skala yang besar. Pengurusan kertas siasatan (IP) bagi kesemua kesalahan yang melibatkan semua skop perundangan kesihatan awam di atas adalah di bawah tanggungjawab pihak UIPN dalam memastikan proses pendakwaan ke atas kes-kes tersebut dijalankan secara telus dan adil.

Pengukuhan aktiviti juga turut dilaksanakan di semua PKD secara Penguatkuasaan Pendidikan *(educational enforcement)* khususnya terhadap penguatkuasaan kawasan larangan merokok yang baru diwartakan di bawah Peraturan 11(1)(d) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

PENGUATKUASAAN PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

Pada tahun 2019, sebanyak 437 operasi penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT 2004) telah dilaksanakan di seluruh Negeri Sembilan dan 17 daripadanya adalah secara operasi bersepadu yang dirancang dan diselaraskan oleh pihak UIPN dengan tema khusus seperti berikut:

TARIKH	TEMA	DAERAH
01/09/2019	Peraturan 11(1), PPKHT 2004	Seremban
29 - 30/01/2019	Harga Jualan Runcit	Semua Daerah
02/07/2019	Peraturan 11(1), PPKHT 2004	Seremban
27 - 28/02/2019	Harga Jualan Runcit	Semua Daerah
03/05/2019	Peraturan 11(1), PPKHT 2004	Seremban
20 - 21/03/2019	Harga Jualan Runcit / Paket rokok telah buka	20/03/2019 - Seremban
		21/03/2019 - Semua Daerah
04/04/2019	Peraturan 11(1), PPKHT 2004	Seremban
17 - 18/04/2019	Harga Jualan Runcit	Semua Daerah
29 - 30/05/2019	Stesyen Minyak	29/05/2019 - Semua Daerah
		30/05/2019 - Seremban
26 - 27/06/2019	Kedai Serbaneka dan Kedai 24 Jam	26/06/2019 - Semua Daerah
		27/06/2019 - Rembau
24 - 25/07/2019	Uptown / Downtown	24/07/2019 - Seremban
		25/07/2019 - Semua Daerah
28 - 29/08/2019	Kedai Makan	28/08/2019 - Semua Daerah
		29/08/2019 - Seremban
24 - 25/09/2019	Pasaraya	24/09/2019 - Tampin
		25/09/2019 - Semua Daerah
21 - 22/10/2019	Kedai Serbaneka dan Kedai 24 Jam	21/10/2019 - Seremban
		22/10/2019 - Semua Daerah
20 - 21/11/2019	Stesyen Minyak	Semua Daerah
4 & 5/12/2019	Kedai Runcit	Semua Daerah

Secara keseluruhan pencapaian aktiviti penguatkuasaan di bawah PPKHT 2004 pada tahun 2019 adalah baik. Walau bagaimanapun merujuk kepada **Rajah 1**, pengeluaran notis seksyen 32B adalah menurun sebanyak 37% berbanding pencapaian bagi tahun 2018. Penurunan ini adalah disebabkan oleh tumpuan UIPN JKNNS yang terarah kepada aktiviti penguatkuasaan pendidikan di bawah peraturan 11(1)(d), 12(1)(a) dan 12(1)(b). Pencapaian bagi aktiviti penguatkuasaan di bawah PPKHT 2004 bagi tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 1** :

Jadual 1 : Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 Mengikut Daerah, 2019

Bil.	Pencapaian	Daerah							Jumlah
		Jelebu	Kuala Pilah	Tampin	Seremban	Rembau	Port Dickson	Jempol	
1.	Bil. operasi dijalankan	62	39	97	48	49	67	75	437
2.	Bil. premis dilawati	308	237	956	188	117	153	748	2,707
3.	Bil. notis Seksyen 32B dikeluarkan	206	435	487	365	307	478	276	2,554
4.	Bil. kompaun dikeluarkan	109	94	206	879	80	171	106	1,645
5.	Jum. amaun kompaun ditawarkan (RM)	25,150	22,450	45,200	236,650	16,600	41,250	25,950	413,250
6.	Bil. kompaun dibayar*	109	94	206	879	82	171	106	1,647
7.	Jum. amaun kompaun dibayar (RM)	21,255	13,300	32,575	164,880	12,975	25,460	14,385	284,830
8.	Bil. kertas siasatan dirujuk ke TPR untuk Izin Dakwa	175	745	378	252	201	258	291	2,300
9.	Bilangan kes NFA oleh TPR **	36	20	2	12	-	-	1	71
10.	Bilangan kes daftar di mahkamah***	210	382	366	72	141	274	230	1,675
11.	Bilangan kes telah selesai***	278	356	307	230	170	400	168	1,909
	11.1 Bilangan didenda	11	35	22	42	43	156	57	366
	11.2 Amaun didenda (RM)	3,950	13,230	7,150	17,050	16,050	60,750	14,570	132,750
	11.3 Bilangan dipenjara	-	-	-	-	-	-	-	-
	11.4 Bilangan A & D	-	-	-	-	-	-	-	-
	11.5 Bilangan DNAA	227	267	243	182	119	208	87	1,333
	11.6 Bilangan kes ditarik balik / batal	40	54	43	6	8	35	24	210

Catatan :-
***Amaun kompaun dibayar adalah selepas pengurangan dari hasil rayuan.**

Aktiviti penguatkuasaan pendidikan yang dijalankan sepanjang tahun 2019, sejumlah 13,316 pemeriksaan ke atas tempat makan telah dijalankan. Sejumlah 3,537 notis amaran telah dikeluarkan yang melibatkan 394 amaran ke atas perokok dan selebihnya notis amaran dikeluarkan ke atas pemilik tempat makan. Pencapaian aktiviti penguatkuasaan pendidikan di bawah peraturan 11(1)(d), 12(1)(a) dan 12(1)(b) adalah seperti berikut :

Daerah	Bil.Pemeriksaan	Kesalahan di bawah Peraturan			Jumlah
		11(1)(d)	12(1)(a)	12(1)(b)	
Jelebu	1,050	124	193	28	345
Kuala Pilah	2,279	24	160	19	203
Tampin	2,165	114	667	20	801
Seremban	2,620	16	857	20	893
Rembau	1,913	18	160	12	190
Port Dickson	1,377	55	500	6	561
Jempol	1,912	43	479	22	544
Negeri Sembilan	**13,316**	**394**	**3,016**	**127**	**3,537**


Nota:

Peraturan 11(1)(d) : Larangan merokok di tempat makan

Peraturan 12(1)(a) : Tanggungjawab tuan punya atau penghuni premis untuk mempamerkan tanda larangan merokok

Peraturan 12(1)(b): Tanggungjawab tuan punya atau penghuni premis memastikan bahawa tiada seorang pun merokok di dalam premis

Rajah 1 : Pencapaian Pengeluaran Notis PPKHT 2004 Mengikut Daerah, 2015 - 2019



Rajah 1 menunjukkan pencapaian pengeluaran notis seksyen 32B bagi tahun 2015 - 2019 yang menunjukkan penurunan berbanding tahun 2018.

PENGUATKUASAAN AKTA PEMUSNAHAN SERANGGA PEMBAWA PENYAKIT 1975 (PINDAAN 2000)

Pada tahun 2019, sebanyak 67 operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (APSPP 1975) telah dilaksanakan oleh tujuh (7) Pejabat Kesihatan Daerah di seluruh Negeri Sembilan. Fokus utama sasaran operasi adalah di premis-premis berisiko tinggi pembiakan aedes khususnya yang terletak di lokaliti wabak denggi. Dari jumlah tersebut, 18 operasi yang telah diselaraskan oleh UIPN berjaya dilaksanakan secara bersepadu. Fokus utama disasarkan kepada premis-premis di lokaliti wabak dan berisiko tinggi terhadap pembiakan nyamuk aedes khususnya premis-premis melibatkan tapak bina, barang lusuh, tapak semaian dan kilang. Operasi bertema tersebut melibatkan kategori premis-premis seperti berikut:

TARIKH	TEMA	DAERAH
15-16/01/2019	Tapak Semaian	Semua PKD
26-27/01/2019	Ops Gempur Aedes 1.0 siri 1	Seremban
09-10/02/2019	Ops Gempur Aedes 1.0 siri 2	Seremban
21/02/2019	Tapak Bina	Seremban
23-24/02/2019	Ops Gempur Aedes 1.0 siri 3	Seremban
09-10/03/2019	Ops Gempur Aedes 1.0 siri 4	Seremban
23-24/03/2019	Ops Gempur Aedes 1.0 siri 5	Seremban
10-11/04/2019	Tapak Komersial	Semua PKD
19-20/06/2019	Premis Tumpuan Awam	Seremban
13-14/07/2019	Ops Gempur Aedes 2.0 siri 1	Seremban
27-28/07/2019	Ops Gempur Aedes 2.0 siri 2	Seremban
03/08/2019	Ops Gempur Aedes 2.0 siri 3	Seremban
17/08/2019	Ops Gempur Aedes 2.0 siri 4	Seremban
27/08/2019	Ops Gempur Aedes 2.0 siri 5	Seremban
18-19/09/2019	Ops Tapak Bina	Semua PKD
15-16/10/2019	Ops Tapak Semaian	Semua PKD
06-07/11/2019	Ops Tapak Komersial	Seremban
18-19/12/2019	Ops Tapak Binaan	Seremban

Secara keseluruhan pencapian aktiviti penguatkuasaan di bawah APSPP 1975 pada tahun 2019 adalah baik. Sepanjang tempoh ini sejumlah 2,409 kompaun telah dikeluarkan dengan 46% peratus peningkatan berbanding tahun 2018. Pencapaian bagi aktiviti penguatkuasaan di bawah APSPP 1975 bagi tahun 2019 berbanding tahun sebelum ini adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2 : Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pin.2000) Bagi Negeri Sembilan, 2015 - 2019

BIL.	PENCAPAIAN	TAHUN				
		2015	2016	2017	2018	2019
1.	Bil. premis diperiksa	206,631	300,288	314,714	281,216	322,208
2.	Bil. premis positif	2,504	5,157	5,866	5,337	6,034
3.	Perintah notis Sek. 8	766	1396	1679	863	345
4.	Bil. kompaun dikeluarkan	513	928	2,202	1,645	2,409
5.	Amaun kompaun (RM)	255,800	462,100	1,101,000	822,500	1,204,500
6.	Bil. kompaun dibayar	346	743	1,506	1,397	1,639
7.	Amaun dibayar (RM)	65,250	129,430	214,850	219,603	248,610

BIL	PENCAPAIAN	TAHUN				
		2015	2016	2017	2018	2019
8.	Peratus kompaun dibayar	67.45%	80.1%	68.4%	84.9%	68.0%
9.	Bil. kes dirujuk ke TPR	34	394	185	359	390

Pencapaian keseluruhan aktiviti penguatkuasaan di bawah APSPP 1975 bagi tahun 2019 adalah seperti di dalam **Jadual 3.**

Jadual 3 : Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pin.2000) Mengikut Daerah Bagi Negeri Sembilan Tahun 2019

BIL.	PENCAPAIAN	DAERAH							
		Jelebu	Kuala Pilah	Tampin	Seremban	Rembau	Port Dickson	Jempol	Negeri Sembilan
1.	Bil. Premis Diperiksa	11,763	25,190	26,370	193,272	22,094	23,507	20,012	**322,208**
2.	Bil. Premis Positif Pembiakan	164	200	199	4,438	211	443	379	**6,034**
3.	Bil. Perintah Notis Sek 8	4	24	76	166	18	7	50	**345**
4.	Bil. Kompaun Dikeluarkan	37	80	73	1,702	23	293	201	**2,409**
5.	Amaun Kompaun Ditawar (RM)	18,500	40,000	36,500	851,000	11,500	146,500	100,500	**1,204,500**
6.	Bil. Kompaun Dibayar	38	70	67	966	22	230	246	**1,639**
7.	Amaun Kompaun Dibayar (RM)	6,400	12,200	15,180	149,820	5,400	33,220	26,390	**248,610**
8.	Bil. Kertas Siasatan Dibuka	37	71	77	1,863	24	335	236	**2,643**
9.	Bil. Kes Dirujuk Ke TPR untuk Izin Dakwa	1	2	0	337	0	19	31	**390**
10.	Bil. kes NFA oleh TPR	0	3	0	0	0	0	2	**5**
11.	Bil. kes daf. Mahkamah	1	2	0	72	0	35	31	**141**
12.	Bil. kes selesai	1	4	0	92	0	19	25	**141**
	12.1 Bilangan didenda	0	2	0	25	0	16	5	**48**
	12.2 Bilangan dipenjara	0	0	0	0	0	0	0	**0**
	12.3 Amaran	0	0	0	0	0	0	1	**1**
	12.4 Amaun didenda (RM)	0	1,350	0	15,000	0	15,300	1,600	**33,250**
	12.5 Bilangan A & D	0	0	0	0	0	0	0	**0**
	12.6 Bilangan DNAA	0	2	0	64	0	3	4	**73**
	12.7 Bilangan kes ditarik balik / batal	1	0	0	3	0	0	15	**19**

PENDAKWAAN KES DI MAHKAMAH

Prosiding kes pendakwaan dilakukan bagi kes-kes yang melanggar peruntukan undang-undang kesihatan awam dengan fokus khusus diberikan kepada kes-kes pelanggaran dan kesalahan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 serta Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

Pada tahun 2019, sebanyak 2,146 kesalahan yang melanggar undang-undang kesihatan awam telah didaftarkan di mahkamah. Dari jumlah tersebut, sebanyak 1,675 kes merupakan kesalahan di bawah PPKHT 2004, 141 kes di bawah APSPP 1975 dan 330 kes di bawah AM 1983/PPM 1985/ PPKP 2009. Sebanyak 552 kes telah selesai dan dikenakan hukuman denda oleh mahkamah dengan jumlah kutipan melibatkan nilai sejumlah RM282,385.00. Pencapaian keseluruhan aktiviti pendakwaan di mahkamah bagi tahun 2019 adalah seperti di dalam **Jadual 4**.

Jadual 4 : Ringkasan Keputusan Mahkamah Bagi Kes-Kes Pendakwaan Yang Selesai Pada Tahun 2019

Akta / Peraturan	Bil. Kes Selesai	Keputusan Kes					
		Bil. Denda	Amaun Didenda (RM)	Amaran	A&D	DNAA	Kes Tarik Balik/batal
AM 1983 / PPM 1985/ PPKM 2009	301	138	116,385.00	1	1	127	34
PPKHT 2004	1,909	366	132,750.00	0	0	1,333	210
APSPP 1975	141	48	33,250.00	1	0	73	19
Keseluruhan	**2,351**	**552**	**282,385.00**	**2**	**1**	**1,533**	**263**

PENGURUSAN AKTIVITI-AKTIVITI LAIN

i. Pemprosesan Kad Perakuan Kuasa, Perwakilan Kuasa dan Keizinan Mendakwa

UIPN, JKNNS bertanggungjawab dalam proses awal penyediaan Kad Perakuan Kuasa, Perwakilan Kuasa dan Keizinan Mendakwa bagi pegawai-pegawai yang baru berkhidmat di Negeri Sembilan bagi dimajukan ke SIP,KKM untuk proses selanjutnya. Sejumlah 100 permohonan yang melibatkan 49 orang pemohon yang terdiri dari Pegawai Perubatan, Pegawai/Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Pembantu Kesihatan Awam telah diproses sepanjang tahun 2019.

ii. Mesyuarat, Bengkel, Latihan dan Kursus

Sebagai satu mekanisma untuk memastikan semua aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan mengikut prosedur-prosedur yang telah disediakan, mesyuarat teknikal inspektorat dan penguatkuasaan diadakan bagi membincang dan menilai keberkesanan, kelemahan-kelemahan serta mengenalpasti penambahbaikan bagi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang telah dilaksanakan.

Pada tahun 2019, sebanyak 4 kursus (LDP) dengan peruntukan sebanyak RM4,800.00 telah dilaksanakan untuk mempertingkat dan memperkukuhkan mutu perkhidmatan khususnyapenguatkuasaan dan pendakwaan di Negeri Sembilan.

iii. Audit Teknikal

Sebanyak 7 audit teknikal melibatkan semua PKD di Negeri Sembilan telah diaudit. Susulan audit menunjukkan terdapat peningkatan dari segi penambahbaikan khususnya terhadap proses dalam pengurusan operasi dan pengendalian data.

KESIMPULAN

Unit Inspektorat Dan Perundangan, Negeri Sembilan telah dapat melaksanakan fungsinya dengan baik dan konsisten terhadap pengurusan aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan di sepanjang tahun 2019. Unit ini telah dapat melaksanakan semua operasi yang dirancang termasuk pencapaian 100% terhadap KPI bagi indikator prestasi untuk pematuhan pelaksanaan operasi yang diarahkan oleh KKM.

Di sepanjang 2019, UIP telah dapat mengkoordinasi aktiviti berkaitan operasi bersepadu dengan jayanya di daerah-daerah menggunakan modus operandi dan strategi hasil dari risikan yang sistematik dan mantap. Pegawai telah dihantar untuk menjalani latihan risikan asas dan seterusnya akan didedahkan kepada latihan lanjutan di peringkat yang lebih tinggi bagi memperlengkapkan unit ini dengan kes-kes yang semakin mencabar dewasa ini.

Bebanan kerja dan cabaran di lapangan yang semakin meningkat memerlukan kekuatan mental dan psikologi anggota yang kuat dan mantap dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan. Sehubungan itu, keperluan logistik dan sumber manusia yang optima perlu ada bagi memastikan aktiviti dapat dilaksanakan dengan sempurna pada tahap kualiti yang tinggi, adil dan telus.

Unit ini akan terus komited dan berusaha meningkatkan prestasi dan peranan dalam melindungi kesihatan orang awam melalui aktiviti penguatkuasaan yang berkesan dan mampan.

BAHAGIAN PERUBATAN

3.1 UNIT PERKEMBANGAN DAN AMALAN PERUBATAN

PENGENALAN

Unit Perkembangan dan Amalan Perubatan, Bahagian Perubatan, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan menjalankan 2 fungsi utama yang meliputi aktiviti Amalan Perubatan dan Perkembangan Perubatan. Diketuai oleh pegawai perubatan bersama-sama 6 orang paramedik. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan merangkumi keseluruhan aspek pengurusan klinikal dan bukan klinikal di 7 buah hospital di Negeri Sembilan iaitu:

- Hospital Tuanku Jaafar, Seremban
- Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah
- Hospital Port Dickson
- Hospital Tampin
- Hospital Jempol
- Hospital Jelebu
- Hospital Rembau *(telah diserahkan kepada pengguna pada Disember 2019)*

VISI

Bersedia untuk memberikan perkhidmatan perawatan yang efisien, cekap, dinamik dan selamat kepada semua pesakit yang memerlukannya.

MISI

Selaras dengan Misi Bahagian Perubatan JKNNS, misi unit ini adalah :
- Menyediakan perkhidmatan perubatan yang berkualiti, komprehensif, efisyen dan selamat.
- Menjalankan latihan yang berterusan kepada setiap anggota bagi memastikan pengetahuan ditahap optimum.

OBJEKTIF

Berusaha memastikan perkhidmatan perubatan yang berkualiti, efisyen, responsif, selamat dan berdaya saing bagi memenuhi ekspektasi masyarakat dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti perawatan perubatan yang holistik sesuai dengan perkembangan teknologi terkini.

Skop perkhidmatan bagi sub Amalan Perubatan adalah:
- Menyelaras pendaftaran, penempatan dan pemerkasaan sumber manusia dikalangan pegawai pengurusan dan professional agar berada ditahap optimum.
- Menyelaras aktiviti berkenaan medikolegal di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri.
- Menyelaras aduan yang diterima oleh hospital-hospital Negeri Sembilan.

Skop perkhidmatan bagi sub Perkembangan Perubatan adalah:

- Pelaksanaan dan Pemantauan Polisi Pengoperasian Hospital
- Pemantauan penyampaian perkhidmatan klinikal di hospital-hospital
- Menyelaras aktiviti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP), Clinical Practice Guideline dan Credentialing and Privileging (C&P) di peringkat Negeri
- Menyelaras aktiviti pembangunan dan belanjawan fasiliti hospital di JKN
- Menyelaras permohonan peralatan perubatan di peringkat JKN
- Pelaksanaan Sistem Casemix
- Pelaksanaan Inisiatif Hospital Kluster
- Menjadi urusetia bagi Mesyuarat-mesyuarat teknikal yang berkaitan di peringkat negeri
- Menyelaras maklumbalas soalan DUN

PENCAPAIAN

Jadual 1 : Maklumat Fasiliti Terkini Hospital-hospital Negeri Sembilan

Hospital	Bilangan Katil	Bilangan Unit Rawatan Rapi	Bilangan Dewan Bedah	Bilangan Hemodialisis Mesin (pesakit kronik)	Kemudahan Radiologi
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban (HTJS)	1,143	ICU: 18 HDW: 12 CCU: 8 SCN: 30 PICU: 8 NICU: 30	16	38	MRI CT scan Ultrasound Mammography Fluoroscopy X-Ray
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah (HTAN)	314	ICU: 8 CCU: 6 OICW: 2 SCN: 20 NICU: 4	3	15	CT scan Ultrasound Mammography X-Ray
Hospital Port Dickson (HPD)	116	ICU/CCU: 4 HDW: 2 SCN: 7	2	20	Ultrasound X-Ray
Hospital Tampin	108	ICU/CCU: 2	2	14	X-Ray
Hospital Jempol	108	-	2	10	X-Ray
Hospital Jelebu	76	-	-	13	X-Ray
Hospital Rembau	76			12	

Jadual 2 : Perkhidmatan kepakaran dan subkepakaran (residen) yang ditawarkan

Perkhidmatan Kepakaran / Subkepakaran	HOSPITAL					
	HTJS	HTAN	HPD	H.TAMPIN	H.JEMPOL	H.JELEBU
Anaesthesia	/	/	/			
Intensive Care	/					
Pain Medicine	/					
Emergency Medicine	/	/	/			
Forensic Medicine	/					
General Medicine	/	/	/			
Dermatology	/					
Infectious Disease	/					
Nephrology	/					
Respiratory Medicine	/					
Endocrinology	/					
Gastroenterology	/					
Geriatrics	/					
Neurology	/					
Rheumatology	/					
Hematology	/					
General Surgery	/	/	/			
Colorectal Surgery	/					
Neurosurgery	/					
Paediatric Surgery	/					
Obstetric& Gynaecology	/	/	/			
Maternal Fetal	/					
Gynaeoncology	/					
Urogynae	/					
Opthalmology	/	/				
Vitreoretinal	/					
Otorhinolaryngology	/	/				
Orthopedics	/	/				
Pathology	/	/	/			
Hematology	/					
Histopathology	/					
Microbiology	/	/				
Chemical Pathology	/					
Paediatric Medicine	/	/	/			
Neonatology	/					
Paediatric Nephrology	/					
Psychiatry	/	/	/			
Sports Medicine	/					
Transfusion Medicine	/					
Radiology	/	/				
Rehabilitation Medicine	/					
Oral Surgery (Adult)	/	/				
Paediatric Dental	/	/				
Jumlah	**43**	**15**	**8**			

Perkembangan Perkhidmatan Perubatan

Inisiatif Hospital Kluster di Negeri Sembilan

Hospital Kluster merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan bagi meningkatkan akses perkhidmatan kepakaran di hospital tanpa pakar di mana pakar-pakar daripada hospital berpakar akan memberi perkhidmatan di hospital tanpa pakar. Terdapat 2 Kluster Hospital di Negeri Sembilan dan perkhidmatan yang dikluster adalah seperti di bawah:


Jadual 3 : Rumusan Pelaksanaan Inisiatif Kluster di Negeri Sembilan tahun 2019

Kluster	Tahun Pelaksanaan	Lead Hospital	Non-Lead Hospital	Perkhidmatan yang diklusterkan
Hospital Kluster Negeri Sembilan 1	2017	Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	i. Hospital Tampin ii. Hospital Jempol	i. Kecemasan dan Trauma ii. Perubatan Am iii. Oftalmologi iv. Ortopedik v. Anaestesiologi
Hospital Kluster 2	2018	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	i. Hospital P. Dickson ii. Hospital Jelebu	i. Kecemasan & Trauma ii. Surgikal iii. Ortopedik iv. Psikiatri

Sistem Casemix di Negeri Sembilan

Sistem Casemix di Negeri Sembilan telah bermula sejak tahun 2010 dan diperluaskan ke hospital lain dari tahun ke tahun. Sehingga kini kesemua hospital di Negeri Sembilan telah melaksanakan Sistem Casemix.

Rajah 1 : Tahun Pelaksanaan Sistem Sasemix di Hospital-hospital Negeri Sembilan




Laporan Perbelanjaan Belanja Mengurus Aktiviti Perubatan, 2019

Sehingga penghujung tahun 2019, sebanyak RM418,321,700.00 telah diperuntukkan bagi aktiviti belanja mengurus di bawah Objek Am 20000 bagi Program Perubatan di Negeri Sembilan. Agihan pecahan adalah seperti berikut:

Jadual 4 : Agihan Peruntukan Belanja Mengurus di Bawah Objek Am 20000 Program Perubatan

PTJ	Peruntukan (RM)
Bahagian Perubatan, JKNNS	3,911,200.00
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	248,458,300.00
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	77,475,700.00
Hospital Port Dickson	35,966,900.00
Hospital Tampin	23,620,400.00
Hospital Jempol	16,200,600.00
Hospital Jelebu	12,688,600.00
Jumlah	**418,321,700.00**

Rajah 2: Pecahan Agihan Peruntukan Belanja Mengurus Mengikut PTJ



Aktiviti Latihan Dalam Perkhidmatan

Sehingga penghujung tahun 2019, sebanyak RM811,607.00 telah diperuntukkan bagi aktiviti Latihan Dalam Perkhidmatan. Sebanyak 509 kursus telah dilaksanakan dan dihadiri yang melibatkan seramai 15,740 anggota di Bahagian Perubatan dan hospital-hospital Negeri Sembilan.

Jadual 5 : Laporan Prestasi Latihan Dalam Perkhidmatan Program Perubatan, JKN Negeri Sembilan

Bil.	Gred / Kumpulan	Bilangan Perjawatan	Bilangan Anggota Di isi	Kursus Pendek			
				Bilangan Anggota Yang Hadir Lebih 7 Hari Setahun (a)	Bilangan Anggota Yang Hadir Kurang 7 Hari Setahun (b)	Bilangan Anggota Yang Tidak Hadir Berkursus (c)	Bilangan Anggota Yang Hadir Kursus Panjang Lebih 3 Bulan (d)
1.	JUSA	35	29	8	3	18	0
2.	PENGURUSAN & PROFESIONAL	1,449	1,422	159	792	462	9
3.	SOKONGAN 1 (GRED 17 - 40)	3,712	3,575	691	2,239	626	17
4.	SOKONGAN 2 (GRED 1 - 16)	1,242	1,103	81	772	249	1
	Jumlah	**6,438**	**6,129**	**939**	**3,806**	**1,355**	**27**

KESIMPULAN

Secara keseluruhan bagi tahun 2019, terdapat perkembangan bagi perkhidmatan kepakaran kluster dan Casemix di Negeri Sembilan. Bagi aktiviti Latihan Dalam Perkhidmatan, terdapat peningkatan jumlah peruntukan yang diterima berbanding tahun sebelumnya. Ini memberi manfaat kepada lebih ramai anggota di bawah Program Perubatan, JKNNS menghadiri latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi mereka dalam menjalankan tugasan seharian. Kesemua pencapaian adalah penting bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik sentiasa diberikan kepada pesakit-pesakit di Negeri Sembilan.

UNIT KEJURURAWATAN, BAHAGIAN PERUBATAN

PENGENALAN

Unit Kejururawatan di Bahagian Perubatan adalah berfungsi untuk menjalankan tugas-tugas kejururawatan dalam Unit Perkembangan dan Amalan Perubatan, Unit Kualiti dan Unit Kawalan dan Amalan Perkhidmatan Swasta dan diketuai oleh seorang Penyelia Jururawat. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan merangkumi keseluruhan aspek yang melibatkan pengoperasian hospital di enam (6) buah hospital di Negeri Sembilan iaitu:

- Hospital Tuanku Jaafar, Seremban
- Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah
- Hospital Port Dickson
- Hospital Tampin
- Hospital Jempol
- Hospital Jelebu

VISI

Selaras dengan Visi Bahagian Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan iaitu bersedia untuk memberikan perkhidmatan perawatan yang efisien, cekap dan dinamik kepada semua pesakit yang memerlukannya.

MISI

Selaras dengan Misi Bahagian Perubatan JKNNS, unit ini mempunyai misi iaitu:
- Menyediakan perkhidmatan perubatan yang berkualiti, komprehensif, efisyen dan selamat.
- Menjalankan latihan yang berterusan kepada setiap anggota bagi memastikan pengetahuan ditahap optimum.

OBJEKTIF

Unit ini berusaha memastikan perkhidmatan perubatan yang berkualiti, efisyen, responsif, selamat dan berdaya saing bagi memenuhi ekspektasi masyarakat dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti perawatan perubatan yang holistik sesuai dengan perkembangan teknologi terkini. Skop perkhidmatan bagi Unit Kejururawatan di Bahagian Perubatan adalah:

i. Unit Perkembangan dan Amalan Perubatan
- Menyelaras keperluan dan pemerkasaan sumber manusia dalam kalangan anggota kejururawatan
- Menyelaras latihan dalam perkhidmatan (LDP) Kejururawatan peringkat negeri
- Menyelaras, memantau aktiviti kualiti KPI/HPIA/NIA Unit Kejururawatan
- Menyelia dan memantau amalan kejururawatan
- Menyelaras Program Kawalan Infeksi peringkat negeri
- Menyelaras Program Penjagaan Luka peringkat negeri
- Mengendalikan mesyuarat-mesyuarat teknikal yang berkaitan di peringkat negeri

ii. Unit Kualiti

- Menyelaras aktiviti dan pemantauan KPI PKN/ TPKN, HPIA, Patient Safety Goals, Lean and Cluster Hospital, Servqual.
- Penyeliaan perlaksanaan aktiviti kualiti peringkat negeri
- Menyelaras aktiviti kajian peringkat negeri
- Menyelaras aktiviti ISO peringkat JKN
- Menyelaras Keselamatan dan Kesihatan, Keganasan dan Kekerasan anggota KKM

iii. Unit Kawalan dan Amalan Perkhidmatan Swasta

- Memproses permohonan pendaftaran Klinik Perubatan Swasta baru
- Memperbaharui lesen bagi perkhidmatan swasta
- Memantau kepatuhan amalan di Pusat Dialisis, Klinik dan Hospital Swasta
- Penguatkuasaan kepatuhan amalan di Klinik dan Hospital swasta
- Mengendalikan kes-kes aduan di Pusat Dialisis, Klinik dan Hospital Swasta

PENCAPAIAN UNIT KEJURURAWATAN BAHAGIAN PERUBATAN

1. Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Jururawat Peringkat Negeri, Negeri Sembilan, 2019

Rajah 1: Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Anjuran Unit Kejururawatan, Bahagian Perubatan, JKNNS

TARIKH	LATIHAN / KURSUS	KATEGORI TERLIBAT
13/2/2019	Bengkel TOT Communicable Disease Response Team (CDRT) dalam kesiapsiagaan menghadapi *communicable diseases*	Pegawai Perubatan, Jururawat Kawalan Infeksi
19/3/2019	Kursus Medication Safety in Nursing	Jururawat pelbagai kategori
27 - 28/4/2019	Kursus Pemantapan Kepimpinan untuk Pengurus Wad	Ketua Jururawat
2 - 3/5/2019	Bengkel Good Practices & Clinical Updates in Nursing	Penyelia, Ketua dan Jururawat
30 - 31/7/2019	Bengkel Nursing Research, Fasa 1	Jururawat pelbagai kategori
15/10/2019	Kursus Infection Prevention and Control, Antimicrobial Resistance	Pakar, Pegawai Perubatan, Jururawat, Pegawai Farmasi, Penolong Pegawai Perubatan Hospital dan Kesihatan Awam
10 - 11/9/2019	Bengkel Pemurnian Nursing Research (Fasa 2)	Jururawat pelbagai kategori

Pada tahun 2019, Unit Kejururawatan Bahagian Perubatan, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan telah menganjurkan sebanyak tujuh (7) hari latihan dalam perkhidmatan yang melibatkan kategori jururawat dan kategori-kategori lain.

2. AKTIVITI KUALITI KEJURURAWATAN

i. Hospital Performance Indicator Approach (HPIA)
- Incidence of Thrombophlebitis among inpatients with intravenous (IV) cannulation

Rajah 2 : Pencapaian *Hospital Performance Indicator Approach* (HPIA) bagi *Incidence of Thrombophlebitis Among Inpatients with Intravenous (IV) Cannulation*, Tahun 2019

BIL.	HOSPITAL	Q1 2019			Q2 2019			Q3 2019			Q4 2019			Q1-Q4 2019		
		N	D	%	N	D	%	N	Deno	%	N	Deno	%	N	Deno	%
1.	HTJS	10	13,808	0.07	10	15,122	0.07	14	14,326	0.1	17	15,634	0.11	51	58,890	0.09
2.	HTAN	2	5,683	0.04	4	5,549	0.07	4	6,060	0.07	2	5,600	0.04	12	22,892	0.05
3.	HPD	0	1,827	0	0	1,899	0	3	2,124	0.1	3	2,004	0.15	6	7,854	0.08
4.	H.Tampin	2	1,524	0.13	1	1,846	0.05	0	1,629	0	0	1,612	0	3	6,611	0.05
5.	H.Jempol	0	1,255	0	0	1,156	0	0	1,178	0	0	1,246	0	0	4,835	0
6.	H.Jelebu	0	561	0	0	550	0	0	607	0	0	734	0	0	2,442	0
	JUMLAH	**14**	**26,648**	**0.06**	**15**	**26,122**	**0.06**	**21**	**25,924**	**0.08**	**22**	**26,830**	**0.08**	**72**	**103,524**	**0.07**

Rajah di atas menunjukkan peratus pencapaian bagi *HPIA-Incidence of Thrombophlebitis among inpatients with Intravenous cannulation* di semua hospital di Negeri Sembilan mengikut hospital, tahun 2019. Semua hospital telah mencapai standard yang ditetapkan iaitu ≤ 0.5%.

ii. *National Indicator Approach* (NIA)
- Peratus *incidence of Healthcare Associated pressure ulcers*

Rajah 3 : Pencapaian National Indicator Approach (NIA) bagi Peratus *Incidence of Healthcare Associated Pressure Ulcer,* 2019

BIL.	HOSPITAL	Q1 2019			Q2 2019			Q3 2019			Q4 2019			Q1-Q4 2019		
		N	D	%	N	D	%	N	D	%	N	D	%	N	D	%
1.	HTJS	17	2,745	0.62	24	2,783	0.86	22	2,482	0.90	10	2,576	0.39	73	10,536	0.16
2.	HTAN	3	421	0.71	6	452	1.77	10	458	2.18	5	521	0.95	24	1,852	1.30
3.	HPD	0	144	0	1	188	0.53	1	244	0.41	0	207	0	2	783	0.26
4.	H.Tampin	0	57	0	0	66	0	0	45	0	0	73	0	0	241	0
5.	H.Jempol	0	39	0	0	45	0	0	59	0	0	62	0	0	205	0
6.	H.Jelebu	0	19	0	0	11	0	0	15	0	0	16	0	0	61	0
	JUMLAH	**20**	**3,425**	**0.58**	**31**	**3,545**	**0.87**	**33**	**3,253**	**1.01**	**15**	**3,455**	**0.43**	**99**	**13,678**	**0.72**

Rajah di atas menunjukkan peratus pencapaian NIA- Peratus *incidence of Healthcare Associated pressure ulcers* bagi tahun 2019 mengikut hospital. Semua hospital telah mencapai standard yang ditetapkan iaitu ≤ 2.1%.

iii. *National Indicator Approach* (NIA)- *To reduce patient fall*

Rajah 4 : Pencapaian *National Indicator Approach (*NIA) bagi *To Reduce Patient Fall*, Tahun 2019


BIL.	HOSPITAL	JUMLAH KES JATUH 2018	JUMLAH KES JATUH 2019	*REDUCTION*
1.	HTJS	**89**	**118**	*No Reduction*
2.	HTAN	**14**	**10**	*Reduction*
3.	HPD	**10**	**8**	*reduction*
4.	H.TAMPIN	**2**	**3**	*No Reduction*
5.	H.JEMPOL	**1**	**4**	*No Reduction*
6.	H.JELEBU	**0**	**1**	*No Reduction*
	JUMLAH	**116**	**144**	***No Reduction***

Rajah di atas menunjukkan pencapaian NIA - To reduce patient fall mengikut hospital bagi tahun 2018 dan 2019. Semua hospital tidak menunjukkan *reduction* kecuali HTAN (28%) dan HPD (20%) jika dibandingkan dengan insiden kes pesakit jatuh pada tahun 2018 dan 2019. Standard yang ditetapkan ialah *10% reduction from last year*.

iv. *National Nursing Audit* (NNA)

a. **Fasa 1 (Mac-April) - *Administration of blood and blood component transfusion, Pain as 5th Vital Sign and Aseptic wound dressing*.**


Graf 5 : Peratus Pencapaian National Nursing Audit bagi Fasa 1, 2019



Graf di atas menunjukkan peratus pencapaian Audit NNS bagi Fasa 1, tahun 2019. Hasil Audit Administration of Blood and Blood product, Pain as 5th Vital Sign dan Aseptic Wound Dressing menunjukkan semua hospital telah mencapai 100% kepatuhan. Standard yang ditetapkan bagi *Administration of blood and blood component transfusion* ialah 100%, *Pain as 5th Vital Sign* - 85%, *Aseptic wound dressing* - 90%. Semua hospital telah mencapai 100% kepatuhan terhadap Audit bagi fasa 1, tahun 2019.

Fasa 2 (Jun-Julai) - *Administration of IV infusion, Administration of oral medication dan Aspetic wound dressing*


Graf 6 : Peratus Pencapaian National Nursing Audit Bagi Fasa 2, 2019



Pencapaian Audit NNA Fasa 2 menunjukkan Audit Administration of IV Infusion, Administration of Oral Medication and *Audit Aseptic Wound Dressing* mencapai 100% kepatuhan di semua hospital yang diaudit. Standard yang ditetapkan bagi *Administration of IV infusion*- 90%, *Administration of Oral Medications*- 100%, *Aseptic wound dressing* - 90%.

c. *National Operating Room Nursing Audit* (NORNA)


Graf 7 : Peratus Pencapaian National Operation Room Nursing Audit, 2019



Graf di atas menunjukkan Audit NORNA pada tahun 2019 adalah tercapai kecuali Audit *Receiving patient at reception area* mencapai 98.4% kepatuhan oleh 3 hospital yang terlibat. Kelemahan telah dikenalpasti dan tindakan penambahbaikan telah dijalankan oleh hospital yang terlibat. Standard yang ditetapkan bagi semua elemen NORNA - 100%.

V - Audit Teknikal Jururawat Masyarakat


Graf 8 : Peratus pencapaian Audit Teknikal Jururawat Masyarakat, Tahun 2019



Graf di atas menunjukkan pencapaian Audit Teknikal Jururawat Masyarakat yang dijalankan 2 fasa bagi tahun 2019 terhadap 5 elemen audit. Fasa 1 ialah Audit Pemeriksaan Palpasi Ibu Hamil, Pemeriksaan fizikal bayi, dan Pemberian Imunisasi BCG yang telah dijalankan pada bulan Februari hingga Mac 2019. Manakala Audit Pemeriksaan Ibu Postnatal dan Vulva Swabbing dijalankan pada bulan Julai hingga Ogos 2019. Graf menunjukkan pencapaian 100% bagi semua hospital.

PENCAPAIAN PELAN TINDAKAN TAHUN 2019 UNIT KEJURURAWATAN BAHAGIAN PERUBATAN

Graf 8 : Peratus Pencapaian Pelan Tindakan Unit Kejururawatan, Bahagian Perubatan, 2019




	HTJS	HTAN	HPD	HTAMPIN	HJEMPOL	HJELEBU
TIDAK TERCAPAI	11.50%	3.80%	11.50%	3.80%	3.80%	3.80%
TERCAPAI	88.50%	96.20%	88.50%	96.20%	96.20%	96.20%

Graf di atas menunjukkan peratus pencapaian Pelan Tindakan Unit Kejururawatan bagi tahun 2019. Unit Kejururawatan, Bahagian Perubatan telah menetapkan 26 elemen sebagai Pelan Tindakan bagi tahun 2019. Graf menunjukkan pencapaian setiap hospital terhadap elemen-elemen tersebut. Bagi elemen yang tidak tercapai pada tahun 2019, ia akan diteruskan untuk Pelan Tindakan Unit Kejururawatan pada tahun 2020.

4. PROGRAM KAWALAN INFEKSI

i. *Point Prevalence Survey- Healthcare associated infections* (HCAI)

Graf 9 : Peratus Pencapaian Point Prevalence Survey- Healthcare Associated Infections, 2015 - 2019




	April 2015	Oct 2015	April 2016	Oct 2016	April 2017	Oct 2017	Nov 2018	Nov 2019
HTJS	0.84%	1.70%	0.52%	0.22%	0.34%	1.34%	4.80%	5.20%
HTAN	2.80%	1.35%	1.62%	1.56%	1.80%	1.89%	4.90%	2.80%
HPD	0%	0%	0%	0%	0%	0%	0%	0%
HTAM	0%	0%	0%	0%	0%	0%	0%	0%
HJEM	0%	0%	0%	0%	0%	0%	0%	0%
HJEL	0%	0%	0%	0%	0%	0%	0%	0%

Graf di atas menunjukkan peratus pencapaian *Point Prevalence Survey* mengikut hospital bagi tahun 2015 hingga 2019 di semua hospital di Negeri Sembilan.*Surveillance* ini telah dijalankan 2 kali setahun iaitu pada bulan April dan Oktober sehingga tahun 2017. Manakala bermula tahun 2018, *surveillance* ini telah dijalankan 1 kali setahun (bulan November) dalam tempoh 2 minggu kajian. Standard yang ditetapkan ialah ≤ 5%. Semua hospital telah mencapai standard yang ditetapkan keculai HTJS melebihi standard iaitu 5.2% pada tahun 2019.

ii. *Period prevalence survey- Healthcare associated blood stream infection* (HA-BSI)


Graf 10 : Peratus Pencapaian *Period Prevalence Survey- Healthcare Associated Blood Stream Infection*, 2015 – 2019



Graf di atas menunjukkan peratus pencapaian *Period Prevalence Survey-Healthcare Associated Blood Stream Infection* bagi tahun 2015 hingga 2019. *Surveillance* ini telah dijalankan dalam tempoh sebulan pada bulan April dan Oktober sehingga tahun 2018. Bermula tahun 2019 hanya 1 kali sahaja kajian dijalankan untuk tempoh sebulan pada bulan April 2019. Standard yang ditetapkan ialan ≤ 0.3%. Semua Hospital telah mencapai standard yang ditetapkan keculai HPD, 0.34% pada April, 2019.

iii. *Hand Hygiene compliance* (Quarter 1- Quarter 4)

Graf 11 : Peratus Pencapaian *Hand Hygiene Compliance* mengikut hospital bagi tahun 2019




	HTJS	HTAN	HPD	HTAM	HJEM	HJEL
Q4	82.3	80.6	89	90	87	91
Q3	81.1	82.3	94	95	86.5	89
Q2	80.1	82.6	94.5	93.5	97	90
Q1	83.7	82	92.5	95	87.5	84

Graf di atas menunjukkan peratus pencapaian Hand Hygiene mengikut hospital bagi tahun 2019. Standard yang ditetapkan ialah ≥ 75%. Semua hospital telah mencapai *Hand Hygiene Compliance* ≥ 75% setiap suku tahun pada tahun 2019.

iv. Central Venous Catheter Compliance Surveillance bagi Tahun 2016 hingga 2019


Graf 12 : Peratus Pencapaian *Central Venous Catheter Complaince Surveillance* bagi tahun 2016 hingga 2019



Graf di atas menunjukkan peratus pencapaian *Central Venous Catheter Compliance Surveillance* bagi tahun 2016 hingga 2019. *Surveillance* ini hanya dijalankan di Hospital Tuanku Jaafar Seremban (HTJS) dan ia melibatkan Jabatan Medikal. Graf menunjukkan HTJS telah mencapai standard ≥ 75% sepanjang tahun 2016 hingga 2019.

5. PROGRAM PENJAGAAN LUKA (WOUND CARE)

Graf 13 : Jumlah kes yang dirujuk ke wound care team mengikut hospital pada tahun 2019



Graf menunjukkan sebanyak 1060 kes telah dirujuk ke wound care team di seluruh hospital di Negeri Sembilan pada tahun 2019.

6. PENYELARASAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERINGKAT NEGERI

MESYUARAT	BILANGAN 1/2019	BILANGAN 2/2019
Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Infeksi & Antibiotik	1 April 2019 @9am	14/11/2019
Mesyuarat Jawatankuasa Wound Care	1 April 2019 @9am	14/11/2019

UNIT PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

PENGENALAN

Unit Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan (Bahagian Perubatan) Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan adalah merupakan unit yang bertanggungjawab untuk merancang, melaksana dan memantau tugasan yang ditetapkan melibatkan semua aktiviti perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan (Bahagian Perubatan) dan Unit Amalan & Perkembangan Perubatan. Unit ini juga bertanggungjawab melaksanakan segala arahan dan pekeliling yang diterima dari Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia dan Ibu pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia.

VISI

Menjalankan visi selaras dasar Kementerian Kesihatan Malaysia: Negara mengembleng tenaga kearah kesihatan yang lebih baik

MISI

Fokus dalam melaksanakan segala perancangan, mengurus dan mengawal selia penyampaian perkhidmatan kesihatan melalui promosi, pencegahan, perawatan dan pemulihan secara profesional, berkualiti serta efisien kearah peningkatan tahap kesihatan masyarakat yang lebih berkualiti.

OBJEKTIF

Unit ini penuh *komited* untuk mencapai segala aktiviti - aktiviti yang disasarkan dengan cara berstrategi dalam memastikan perkhidmatan berkualiti tinggi dapat diberikan.

PENCAPAIAN AKTIVITI – AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019


Aktiviti – Aktiviti Pengurusan

Penyediaan dan memantau Pelan Tindakan Perubatan Unit Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan Tahun 2019 – satu pelan tindakan seragam untuk Penyelia Penolong Pegawai Perubatan (hospital) telah disediakan pada awal tahun.

- Melaksana Mesyuarat Jawatankuasa Kawal Selia Perkhidmata Pra Hospital Peringkat Negeri dan memantau maklumbalas berkaitan. Sebanyak 2 kali mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri telah dilaksanakan iaitu pada 6 Mei 2019 dan 4 November 2019.
- Melaksana Mesyuarat Jawatankuasa Kawal Selia Perkhidmata Pra Hospital Peringkat Negeri dan memantau maklumbalas berkaitan. Sebanyak 2 kali mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri telah dilaksanakan iaitu pada 6 Mei 2019 dan 4 November 2019.
- Melaksana Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perkhidmatan Pra Hospital dan Perkhidmatan Ambulans Peringkat Negeri dan memantau maklumbalas berkaitan. Sebanyak 2 kali mesyuarat telah dilaksanakan iaitu pada 26 Ogos 2019 dan 4 Disember 2019.
- Menyediakan pelaporan KPI Pengarah Kesihatan Negeri (KPI 3.2) *Percentage of Priority One Cases with Ambulance Response Time 15 Minutes or less in Districts or Cities with High Emergency Call Volume through MERS999 System.*

Perkhidmatan Pasukan Perlindungan Perubatan (penyelarasan peringkat JKNNS)

Rajah 1 : Jumlah Perlindungan Perubatan mengikut PTJ / Perkhidmatan



	Sultan/Raja	YDPB N. Sembilan	Undang Luak	Menteri	Menteri Besar	Tetamu Asing	Kejohanan	Orang Awam	Lain-Lain
HTJS	0	7	0	0	33	1	4	0	0
HTAN	0	11	0	0	11	2	2	0	0
HPD	1	0	1	0	24	1	7	0	0
Hosp. Tampin	0	1	0	1	3	0	19	0	0
Hosp. Jelebu	0	0	3	0	1	0	0	0	0
PKD Seremban	0	0	1	0	0	0	8	12	1
PKD Lain-Lain	0	0	0	2	1	0	3	3	1

Rajah 1 di atas menunjukan bahawa sebanyak 165 Perkhidmatan Pasukan Perlindungan Perubatan telah disediakan sepanjang tahun 2019. Pasukan Perlindungan Perubatan dari Hospital Tuanku Ja'afar Seremban telah memberikan perkhidmatan paling banyak iaitu 45 pasukan.

Laporan di atas juga menunjukan bahawa perkhidmatan kepada orang kenamaan dan awam yang paling tinggi disediakan adalah untuk YAB Menteri N. Sembilan iaitu 73 pasukan berbanding dengan yang lain.

AKTIVITI – AKTIVITI LATIHAN

Latihan Peningkatan Pembantu Perawatan Kesihatan Peringkat Negeri

Latihan Peningkatan Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) Kementerian Kesihatan Malaysia Peringkat Negeri. Sebanyak 3 siri latihan telah dilaksanakan iaitu pada 23 April hingga 25 April 2019 bertempat di Dewan Mutiara, Hospital Port Dickson (Tahap 2); 13 September hingga 15 September 2019 bertempat di InstitutLatihan KKM Seremban (Tahap 1); 15 Oktober hingga 17 Oktober 2019 bertempat di Dewan SUKBOM Ibu pejabat JBPM Negeri Sembilan (Tahap 1). Seramai 109 orang Pembantu Perawatan Kesihatan dari seluruh Negeri Sembilan telah hadir dalam kursus yang diadakan.

Jadual 1 : Jumlah Kehadiran Peserta Latihan PPK

TAHAP (Jumlah Calon)	HOSPITAL						PEJABAT KESIHATAN							PEJABAT PERGIGIAN							JUM.
	HTJS	HTAN	HPD	H.Tampin	H. Jempol	H. Jelebu	PKD Seremban	PKD Kuala Pilah	PKD PD	PKD Rembau	PKD Tampin	PKD Jempol	PKD Jelebu	PPD Seremban	PPD Kuala Pilah	PPD PD	PPD Rembau	PPD Tampin	PPD Jempol	PPD Jelebu	
Tahap 1	24	8	6	3	2	4	4	2	2	3	1	2	2	8	2	2	2	1	1	4	83
Tahap 2	7	4	2	3	0	0	5	2	0	1	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0	26

Kursus TOT dan LP Latihan Peningkatan PPK Peringkat Negeri

Kursus Training of Trainers kepada perseptor tempatan telah diadakan pada 17 Jun hingga 19 Jun 2019 bertempat di Institut Latihan KKM Seremban. Seramai 50 orang peserta terdiri dari Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan dari seluruh Negeri Sembilan telah hadir dalam kursus yang diadakan.

Kursus Refresher Pemanduan Ambulans

Kursus khusus untuk pemandu ambulans telah dilaksanakan pada 12 September 2019 bertempat di Dewan Seminar, Klinik Kesihatan Senawang. Seramai 24 orang peserta terdiri dari pemandu ambulans (hospital dan klinik kesihatan) dari seluruh Negeri Sembilan telah hadir dalam kursus yang diadakan.

Kursus Update in GIRN - Respons Panggilan Kecemasan

Kursus untuk responder pasukan ambulans telah diadakan pada 11 Julai 2019 bertempat di Bilik Meranti JKNNS. Seramai 20 orang peserta terdiri dari Penolong Pegawai Perubatan (hospital dan klinik kesihatan) dari seluruh Negeri Sembilan telah hadir dalam kursus yang diadakan.


AKTIVITI – AKTIVITI PENGAUDITAN

Audit Klinikal Penolong Pegawai Perubatan

Audit ini dilaksanakan selaras dengan arahan Lembaga Pembantu Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebanyak 5 disiplin yang mempunyai *Standard Operating Procedures* dan dipraktiskan oleh Penolong Pegawai Perubatan telah diaudit. Sejumlah 320 sampel digunakan daripada 6 buah hospital Kerajaan di Negeri Sembilan dengan menggunakan kaedah telah ditetapkan. Aktiviti dilaksanakan mulai 3 September hingga 15 September 2019. Tahap *conformance rate* yang ditetapkan ialah 85% untuk audit *Triage Care*; 85% untuk audit hemodialisis; 85% untuk audit *Plaster of Paris Care*; 75% untuk audit *Hand Hygiene*; 85% untuk audit *Asthma Care*.

Hasil audit mendapati kesemua hospital telah mencapai sasaran dan melepasi tahap *conformance rate* yang ditetapkan.

Rajah 2 : Pencapaian Audit Teknikal Penolong Pegawai Perubatan




Audit Teknikal Pembantu Perawatan Kesihatan

Audit ini dilaksanakan untuk peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan. Sebanyak 5 prosedur telah diaudit yang menjadi antara tugas utama Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) selaras dengan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 16 Tahun 2002. Tujuan aktiviti adalah bagi memastikan PPK sentiasa berada dalam tahap kompeten yang ditetapkan.

Sejumlah 86 hingga 125 sampel (mengikut prosedur) digunakan daripada 6 buah hospital Kerajaan di Negeri Sembilan dengan menggunakan kaedah yang telah ditetapkan. Aktiviti dilaksanakan mulai 21 Oktober hingga 25 Oktober 2019. Tahap *conformance rate* yang ditetapkan ialah 85% untuk audit kemasukan wad dan orientasi pesakit; 85% untuk audit memposisikan pesakit (teknik Fowler's); 85% untuk audit menyuap makanan pesakit; 75% untuk audit pencucian tangan; 85% untuk audit kemahiran komunikasi.

Hasil audit mendapati tahap kompeten adalah baik bagi prosedur kemasukan wad dan orientasi pesakit, pencucian tangan dan kemahiran komunikasi. Bagaimanapun prosedur memposisi pesakit dan menyuap makan tidak mencapai sasaran ditetapkan. Rajah 3 menunjukkan pencapaian audit yang dilaksanakan.

Rajah 3 : Pencapaian Audit Klinikal Pembantu Perawatan Kesihatan



Audit Prosedur*Triage Case Review*

Audit ini telah dilaksanakan di Unit Kecemasan dan Trauma Hospital Jempol pada 4 Oktober 2019. Sejumlah 0.05% kes*under triage* telah dilaporkan di hospital berkenaan (sasaran oleh pihak KKM tidak boleh melebihi 0.5%).Walaupun kes*under triage* yang dilaporkan masih dalam sasaran yang dibenarkan, namun hasil audit telah mengesyorkan beberapa penambahbaikan untuk tindakan pihak berkaitan.

AKTIVITI - AKTIVITI KUALITI

Key Performance Indicator Bagi Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan

a) Inappropriate Triaging (UNDER – TRIAGING): Percentage of Category Green patients who should have been triaged as category RED

Numerator	*Number of under triage patients (Green patients who should have been Red)*
Denominator	*Total Number MTC Green patients*
Formula	*Numerator x 100%* *Denominator*
Standard	*≤ 0.5%*

Jadual 2 : Pencapaian KPI *Under Triaging*

HOSPITAL	JAN - MAC			APRIL - JUN			JUL - SEPT			OKT - DIS		
	Num	Deno	%	Num	Deno	%	Num	Deno	%	Num	Deno	%
HTJS	0	16,841	0%	0	16,574	0%	0	19,726	0%	0	18,716	0%
HTAN	0	9,076	0%	0	8,844	0%	0	10,009	0%	0	8,149	0%
HPD	0	14,140	0%	0	13,758	0%	0	15,415	0%	0	12,040	0%
H.Tampin	0	10,604	0%	0	11,165	0%	0	12,638	0%	1	10,318	0.009%
H.Jelebu	0	5,364	0%	0	5,384	0%	0	5,946	0%	0	6,582	0%
H.Jempol	8	6,655	0.1%	6	6,455	0.1%	0	6,926	0%	0	5,789	0%
Jumlah	**8**	**62,680**	**0.01%**	**6**	**62,180**	**0.01%**	**0**	**70,660**	**0%**	**1**	**61,594**	**0.002%**

Jadual 2 di atas menunjukkan peratus pencapaian bagi *Inappropriate Traiging (UNDER – TRIAGING): Percentage of Category Green patients who should have been triaged as category RED* di semua hospital di Negeri Sembilan. Semua hospital telah mencapai standard yang ditetapkan iaitu ≤ 0.5%.

b) Dispatch Ambulance Preparednessfor Primary Response Of Less Than 5 Minutes

Numerator	*Number of dispatches with dispatch time of less than 5 minutes*
Denominator	*Total number of ambulance calls*
Formula	*Numerator x 100%* *Denominator*
Standard	*> 90%*

Jadual 3 : Pencapaian KPI *Ambulance Preparedness*

HOSPITAL	JAN - MAC			APRIL - JUN			JUL - SEPT			OKT - DIS		
	Num	Deno	%	Num	Deno	%	Num	Deno	%	Num	Deno	%
HTJS	976	1,012	96.4	954	1,008	94.6	1,149	1,210	94.9	1,148	1,275	90.0
HTAN	220	226	97.3	256	261	98.1	222	225	98.6	253	253	100
HPD	341	346	98.6	326	330	98.8	305	311	98.0	418	427	97.8
H.Tampin	167	169	98.8	188	191	98.4	158	162	97.5	154	154	100
H.Jelebu	84	84	100	88	88	100	85	85	100	108	108	100
H.Jempol	88	94	93.6	100	109	91.7	97	104	93.2	116	119	97.4
Jumlah	**1,876**	**1,931**	**97.1**	**1,912**	**1,987**	**96.2**	**2,016**	**2,097**	**96.1**	**2,197**	**2,336**	**94**

Jadual 3 di atas menunjukkan peratus pencapaian bagi *dispatch ambulance preparedness for primary response of less than 5 minutes* di semua hospital di Negeri Sembilan. Semua hospital telah mencapai *standard* yang ditetapkan iaitu 90%.

c) PEFR Implementation for Asthma Patients in Asthma Bay By AMO

Numerator	*Bilanganpesakit asthma yang dibuatpemeriksaan PEFR*
Denominator	*Jumlahsemuapesakit asthma yang di rawat di Asthma Bay*
Formula	*Numerator x 100%* *Denominator*
Standard	*> 80%*

Jadual 4 : Pencapaian KPI *PEFR Implementation*

HOSPITAL	JAN - MAC			APRIL - JUN			JUL - SEPT			OKT - DIS		
	Num	Deno	%	Num	Deno	%	Num	Deno	%	Num	Deno	%
HTJS	569	606	93.9	404	452	89.4	534	579	92.2	717	734	97.6
HTAN	307	323	95	282	308	91.6	270	296	91.2	200	232	86.2
HPD	455	554	82.1	549	677	81.1	901	1116	80.7	501	607	82.5
H.Tampin	460	543	84.7	412	486	84.8	461	568	81.1	361	490	73.6
H.Jelebu	86	97	88.7	128	148	86.5	124	144	86.1	146	162	90.1
H.Jempol	497	596	83.4	401	483	83	440	473	93	424	445	95.2
Jumlah	**2,374**	**27,19**	**87.3**	**2,176**	**2,554**	**85.1**	**2,730**	**3,176**	**85.9**	**2,349**	**2,670**	**87.9**

Jadual 4 di atas menunjukkan peratus pencapaian bagi *PEFR Implementation by AMO* di semua hospital di Negeri Sembilan. Semua hospital telah mencapai standard yang ditetapkan iaitu > 80%.

KESIMPULAN

Pada akhir tahun 2019 semua aktiviti dan tugasan yang dirancang telah dilaksanakan mengikut jadual. Unit ini akan terus berusaha untuk mengembangkan aktiviti - aktiviti peningkatan kualiti dalam perkhidmatan dari semasa ke semasa seiring dengan keperluan masyarakat dan objektif KKM.

3.2 UNIT KUALITI PERUBATAN

PENGENALAN

Unit Kualiti Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri,Negeri Sembilan berfungsi untuk menyelaraskan dan memantau semua aktiviti inisiatif kualiti di hospital-hospital yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Terdapat 1 Unit Kualiti berdedikasi di setiap hospital yang menjalankan aktiviti-aktiviti inisiatif kualiti bagi memastikan perkhidmatan perubatan yang berkualiti diberikan kepada pesakit-pesakit di Negeri Sembilan.

VISI

Selaras dengan Visi Bahagian Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan iaitu melalui hospital kerajaan di seluruh Negeri Sembilan bersedia untuk memberi perkhidmatan penentuan penyakit , perawatan dan pemulihan yang bermutu tinggi dengan cekap dan berkesan kepada pesakit dalam dan pesakit luar yang memerlukan rawatan menyelamatkan nyawa dan menghilangkan kesakitan bagi mencapai pemulihan yang awal dan maksima.

MISI

Selaras dengan Misi Bahagian Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan iaitu melalui hospital kerajaan di seluruh Negeri Sembilan:

- Menyediakan perkhidmatan penentuan penyakit, perawatan dan pemulihan yang berkualiti, mesra, cekap dan berkesan kepada pesakit-pesakit untuk menyelamatkan nyawa, melegakan kesakitan dan mencapai pemulihan yang awal dan maksima.
- Memberikan latihan yang bermutu dan sempurna kepada pelbagai kategori anggota-anggota kesihatan.

OBJEKTIF

Unit ini berusaha memastikan perkhidmatan perubatan berkualiti, komprehensif, efisyen, berkesan, selamat dan responsive kepada keperluan dan ekspektasi masyarakat dengan hospital kerajaan di seluruh Negeri Sembilan melalui pengumpulan maklumat / data secara berkala serta mengenalpasti kelemahan sistem dan mengambil tindakan penambahbaikan perkhidmatan pelanggan hospital.

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- Memantau dan menyelaras pencapaian indicator *Hospital Performance Indicator for Accountability / Key Performance Index* (HPIA/ KPI) klinikal di hospital-hospital di Negeri Sembilan.
- Pelaksanaan audit pemantauan pencapaian indikator HPIA/KPI.
- Memantau pelaksanaan laporan *Shortfall in Quality/Root Caue Analysis* (SIQ/RCA) untuk HPIA/KPI yang tidak tercapai.
- Memantau dan menyelaras pencapaian KPI PKN dan TPKN dan membuat audit pemantauan di hospital-hospital di Negeri Sembilan.
- Menyelaras laporan *Clinical Departmental Profile* dan *Hospital Parameter* di hospital-hospital di Negeri Sembilan.
- Memantau aktiviti Malaysian Patients Safety Goals (MPSG) di hospital-hospital.
- Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti-aktiviti *Lean Healthcare* di hospital.
- Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti-aktiviti audit organisasi ke atas Sistem Pengurusan ISO 9001:2015 dan Akreditasi MSQH hospital.


- Memantau dan mengkoordinasi pelaksanaan aktiviti program Bebas Kesakitan dan *Pain as 5th Vital Sign*.
- Memantau pelaksanaan pelaporan *virtual* Perioperative Mortality Review (vPOMR) di hospital-hospital berpakar di Negeri Sembilan.
- Merancang, menyelaras dan memantau pelaporan kekerasan & keganasan terhadap anggota-anggota KKM di hospital-hospital di Negeri Sembilan.
- Memantau pelaksanaan dan menganalisa kes-kes pelaporanan insiden *(Incidental Reporting*) serta memantau pelaksanaaan *Root Cause Analysis* (RCA) untuk kes-kes IR yang berkaitan.
- Memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti kawalan infeksi dan antibiotik Negeri Sembilan.
- Bertindak sebagai Penyelaras Kualiti Negeri bagi Konvensyen QA peringkat Kebangsaan dan program bersama IHSR.
- Menyelaras perlaksanaan Konvensyen QA Peringkat Negeri Sembilan setiap tahun.

AKTIVITI

1. PERFORMANCE INDICATOR SURVEILLANCE PROGRAM

Pemantauan Performance Indicator yang digariskan oleh Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia di setiap hospital iaitu *Hospital Performance Indicator for Accountability* (HPIA) dan KPI Perkhidmatan Klinikal. Pengauditan juga dilaksanakan secara *cross audit* sebanyak 2 kali setahun bagi memantau pencapaian dan kepatuhan terhadap perlaksanaan HPIA dan KPI Perkhidmatan Klinikal. Pencapaian audit bagi tahun 2019 seperti di **Rajah 1.**


Rajah 1 : Pencapaian Audit Kepatuhan HPIA dan KPI Klinikal hospital KKM di Negeri Sembilan Tahun 2019




2. KEY PERFORMANCE INDICATORS PENGARAH KESIHATAN NEGERI (PKN)

Unit Kualiti Perubatan adalah merupakan sekretariat KPI PKN di Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan. Bagi tahun 2019, terdapat 42 indikator KPI PKN yang dipantau dan melibatkan 6 Program KKM. Pencapaian indikator yang mencapai sasaran mengikut program adalah seperti di **Rajah 2** dan *trend* pencapaian sejak tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti di **Rajah 3.** Audit dalam secara *cross sectional* antara bahagian di JKN dilaksanakan 2 kali setahun bagi memastikan data pencapaian KPI yang dikemukakan ke KKM adalah disemak dan diperakukan.

Rajah 2 : Jumlah indikator KPI PKN dan pencapaian indikator yang mencapai standar bagi tahun 2019



Rajah 3 : *Trend* bilangan indikator yang dipantau dan pencapaian KPI PKN mengikut tahun 2015 hingga 2019



	2015	2016	2017	2018	2019
Peratus Indikator KPI PKN Mencapai Standard	88.46%	89.29%	93.10%	88.64%	90.50%
Bilangan Indikator yang dipantau mengikut tahun	27	28	29	42	47

3. PEMBUDAYAAN INOVASI DI HOSPITAL

Inovasi iaitu hasil cetusan idea-idea yang kreatif dalam beberapa aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti kepada organisasi. Cetusan idea-idea berkenaan adalah meliputi pelbagai aspek dan boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi. Pada tahun 2019, pelbagai innovasi baru dihasilkan oleh hospital-hospital di Negeri Sembilan seperti di **Jadual 1** manakala hasil inovasi sebelum ini turut direplikasikan dan dibudayakan antara hospital-hospital seperti di **Jadual 2.**

Jadual 1 : Nama projek inovasi yang dibangunkan pada tahun 2019

NAMA HOSPITAL	NAMA PROJEK INOVASI BARU
Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	Carta Saringan penglihatan kanak-kanak
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Transit med kit
Hospital Tampin	1.Kejora body strapping for eye examination (bs fee) 2. Online drug album fonulery (ODAL) 3. Mutiara enhance patient insulation (MEPI) 4. Permata multi foto exercise (PMFE)
Hospital Jempol	Knee extension splint device for post below knee amputation
Hospital Jelebu	1. TIH 2.0 2. Cahaya Dializer Rack

Jadual 2 : Nama projek inovasi yang direplikasikan dan dibudayakan antara hospital

Nama Hospital	Nama Projek Yang Direplikasi	Hospital Yang Menghasilkan Inovasi
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Baju 'Easy Don'	Hospital Tuanku Ja'afar Seremban
Hospital Port Dickson		
Hospital Tampin		
Hospital Jelebu		
Hospital Jempol		
Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	CSAD- Cahaya Systematik Ampule *Dispenser*	Hospital Jelebu

4. PERSIJILAN MS ISO 9001:2015 HOSPITAL NEGERI SEMBILAN

Semua hospital kerajaan di Negeri Sembilan telah memperoleh persijilan MS ISO 9001:2015. Tempoh laku persijilan tersebut adalah seperti di **Jadual 3**


Jadual 3 : Tempoh laku persijilan MS ISO 9001:2015 mengikut hospital

Hospital	Status MS ISO	Versi	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
Hospital Tuanku Jaafar	Ada	9001:2015	11.07.2019	10.07.2022
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Ada	9001:2015	26.07.2017	20.07.2020
Hospital Port Dickson	Ada	9001:2015	13.10.2017	12.10.2020
Hospital Tampin	Ada	9001:2015	18.12.2016	04.12.2019
Hospital Jempol	Ada	9001:2015	10.10.2018	10.10.2020
Hospital Jelebu	Ada	9001:2015	01.03.2019	12.02.2022


5. KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA

Pelaporan kes-kes kekerasan dan keganasan terhadap anggota-anggota Hospital KKM di Negeri Sembilan pada tahun 2019 mencatatkan peningkatan dari tahun sebelumnya. Terdapat 35 kes yang dilaporkan melibatkan pelbagai jenis kekerasan dari segi fizikal, lisan, seksual, vandalisma, kerosakan harta benda, ancaman bertulis atau buli. Kes tertinggi direkodkan di Jabatan Perubatan di Hospital-hospital di Negeri Sembilan (**Rajah 4**) . Kes melibatkan kekerasan terhadap Pegawai Perubatan adalah yang tertinggi di Negeri Sembilan seperti di **Rajah 5**.

Rajah 4 : Kes Kekerasan terhadap anggota hospital KKM di Negeri Sembilan mengikut jabatan.



Rajah 5 : Kes Kekerasan terhadap anggota hospital KKM di Negeri Sembilan Tahun 2019



5. *PAIN FREE PROGRAME*

Pain Free Programe (Program Bebas Kesakitan) bukan sahaja dilaksanakan di peringkat hospital, malah ia mula diperkenalkan di klinik kesihatan mahupun di klinik kesihatan pergigian. Ini adalah wajar dalam memastikan penjagaan kesihatan yang *holistik* dan berterusan (*continuity of care*) bagi pesakit bukan hanya ketika berada di hospital malah di mana-mana fasiliti kesihatan. Sehubungan dengan itu Kursus *TOT Pain As 5th Vital Sign* Peringkat Negeri telah dilaksanakan di HTJ pada Julai 2019 dengan dihadiri oleh hampir 200 peserta dari pelbagai lapisan jawatan dan fasiliti kesihatan (klinik kesihatan, klinik pergigian dan hospital) Negeri Sembilan. Turut diadakan adalah Kursus Chronic Pain Management yang melibatkan allied health dan petugas kesihatan yang berkaitan dari klinik kesihatan dan hospital.


6. *LEAN HEALTHCARE*

Lean Healthcare di tahun 2019 menunjukkan pengukuhannya dengan perluasan ke klinik pakar di HTAN serta Hospital Tampin. Klinik Pakar Ortopedik dan Klinik Pakar Mata adalah yang telibat dalam usaha untuk melaksanakan lean healthcare di HTAN manakala Jabatan Kecemasan dan Trauma di Hospital Tampin. Sehubungan dengan itu Bengkel Lean Healthcare telah diadakan pada 10 hingga 12 September 2019 dengan kerjasama IHSR di Kolej Matrikulasi Kuala Pilah. Sesi bengkel tersebut melibatkan jabatan yang terpilih di HTAN serta hospital daerah iaitu Hospital Tampin, Hospital Jempol dan Hospital Jelebu. Selain itu, HTJ juga telah melaksanakan Bengkel Lean Healthcare dengan kerjasama UniKL pada 8-9 Oktober 2019 dan pelbagai jabatan. Menerusi aktiviti ini dapat memberi penambahbaikan servis secara berterusan dengan mengoptimakan sumber sedia ada termasuklah masa, sumber manusia, tenaga dan juga kewangan.

7. KONVENSYEN QA PERINGKAT NEGERI

Acara wajib tahunan Bahagian Perubatan iaitu Konvensyen QA Peringkat Negeri Sembilan yang telah diadakan pada 18 September 2019 mempertandingkan sebanyak 20 projek QA yang berjaya lulus saringan dan mara ke peringkat negeri. Terdapat penurunan penyertaan projek QA berbanding tahun sebelumnya seperti di **Rajah 6.**

Rajah 6 : Perbandingan bilangan penyertaan projek QA mengikut tahun



Jadual 4 : Senarai Pemenang Konvensyen QA Peringkat Negeri Mengikut Kategori

Pemenang	Kategori Oral	Kategori Poster
PERTAMA	Reducing Administration Error of Intravenous Drug at Medical Wards, Hospital Port Dickson (Lau Boon Tiang)	Reducing Ceftriaxone Usage In Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN) (Kong Lai San)
KEDUA	Reducing Percentage Of Medication Error In Patients With Enteral Feeding Tube At HTJS (Lydia Lim Sung Min)	Improving Percentage Of Wards With Good Performance Of Medication Stock Management In Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN) (Teo Kui Yuan)
KETIGA	Improving Percentage of Maintaining Orally-Fit Status Among Primary & Secondary School Children in Jempol 2019 (Dr Chan Wan Wan)	To Improve Serum Phosphate Level Among Dialysis Patient In HDU At Hospital Tampin (Musalmi Bt Mahmad)

SEKITAR MAJLIS KONVENSYEN QA PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2019

Gambar 1 : Pemenang Kategori Oral (kiri), Lau Boon Tiang dan pemenang kategori poster (kanan), Puan Kong Lai San menerima piala pusingan dari Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan, Dato' Dr. Zainudin Bin Mohd Ali.



Gambar 2 : Juri Profesional kategori oral, Pn Farizan (Pegawai Farmasi Hosp.Serdang) memberikan ulasan dan komen kepada peserta.



Gambar 3 : Pengarah Kesihatan Negeri Dato' Dr. Zainudin Bin Mohd Ali memberikan pendapat bernas kepada peserta kategori poster.



3.3. CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA (CKAPS)

PENGENALAN

Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (CKAPS JKNNS) dulu dikenali sebagai Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS JKNNS) telah ditubuhkan pada 23 Oktober 2003.

Nama CKAPS mulanya digunakan untuk Ibu Pejabat di Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Putrajaya yang ditubuhkan pada Februari 2003. Manakala nama Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS) digunakan di setiap Jabatan Kesihatan Negeri dan Wilayah Persekutuan.

Walau bagaimanapun, penjenamaan semula nama CKAPS di Bahagian Amalan Perubatan kepada CKAPS HQ dan UKAPS JKN/ JKWP kepada CKAPS JKN/ JKWP telah dikuatkuasakan bermula 02 Januari 2019. (Ruj KKM 87/A2/100-5/0/3 Jld 2 (27) bertarikh 17 Januari 2019).

CKAPS berperanan untuk memantau (*monitor*), mengawal (*control)* dan mengawal selia (*regulate*) Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) di Negeri Sembilan selaras dengan peruntukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-peraturannya.

Fungsi utama CKAPS adalah melaksana dan menguatkuasakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] yang mula dikuatkuasakan pada 1 Mei 2006 menggantikan Akta Hospital Persendirian 1971.

VISI

Ke Arah Perkhidmatan Kesihatan Swasta Yang Selamat Dan Berkualiti.

MISI

Mengawal Dan Mengawalselia Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta Melalui Penguatkuasaan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) Dan Peraturan-Peraturannya Serta Akta-Akta Yang Berkaitan.

MOTTO

“Keselamatan Pesakit Diutamakan, Penjagaan Kesihatan Berkualiti Dipastikan”

OBJEKTIF

- Memastikan semua Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta didaftarkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.
- Memastikan semua Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta selain dari Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta dilesenkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan lain-lain akta berkaitan yang akan diwartakan.
- Memastikan semua Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta mematuhi kehendak di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan peraturan-peraturannya.
- Menguatkuasakan undang-undang Akta 586 terhadap pemegang lesen, pemegang perakuan pendaftaran dan orang yang bertanggungjawab oleh anggota penguatkuasa yang berintegriti.

DIMENSI

Selaras dengan peruntukan Seksyen 3 dan Seksyen 4, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586], CKAPS perlu mengawal dan mengawalselia kemudahan dan perkhidmatan seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Senarai Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) yang perlu dilesenkan atau didaftarkan di bawah Akta 586

Seksyen 3 (Lesen)	Seksyen 4 (Daftar)
(a) Hospital Swasta	(i) Klinik Perubatan Swasta
(b) Hospital Psikiatri Swasta	(ii) Klinik Pergigian Swasta
(c) Pusat Jagaan Ambulatori Swasta	
(d) Rumah Jagaan Kejururawatan Swasta	
(e) Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta	
(f) Rumah Bersalin Swasta	
(g) Bank Darah Swasta	
(h) Pusat Hemodialisis Swasta	
(i) Hospis Swasta	
(j) Pusat Kesihatan Mental Masyarakat Swasta	
(k) Lain-lain yang ditentukan oleh Menteri melalui Warta	
(l) Gabungan dua atau lebih (a) hingga (k)	

STATISTIK

Pada tahun 2019, sebanyak 22 buah Klinik Perubatan Swasta dan 13 buah Klinik Pergigian Swasta telah didaftarkan pada 2019. Manakala sebanyak 11 buah Klinik Perubatan Swasta dan 02 buah Klinik Pergigian Swasta telah dilupuskan.

Tiada KPJKS baru yang dilesenkan kecuali Mawar Medical Centre (premis sedia ada) yang telah dibatalkan lesennya pada 14 Disember 2018 telah mendapat lesen baru pada 11 September 2019

Taburan KPJKS yang berdaftar dan berlesen mengikut daerah di Negeri Sembilan menunjukkan bahawa majoriti KPJKS terletak di daerah Seremban. Tiada kemudahan Hospital Swasta, Pusat Jagaan Ambulatori Swasta dan Rumah Bersalin Swasta yang dilesenkan di daerah selain Seremban. Semua KPJKS hanya dibenarkan menggunakan kapasiti yang didaftarkan atau dilesenkan seperti yang dinyatakan dalam Perakuan Pendaftaran atau Lesen untuk premis masing-masing.

Jadual berikut merupakan maklumat berkaitan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) yang berdaftar dan berlesen di Negeri Sembilan.

Jadual 2 : Statistik Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta Berdaftar di Negeri Sembilan, 2015 - 2019

Jenis Klinik	2015	2016	2017	2018	2019
Klinik Perubatan Swasta	267	272	276	284	295
Klinik Pergigian Swasta	52	56	65	70	74
Jumlah	**319**	**328**	**341**	**354**	**369**

Jadual 3 : Statistik Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) Berlesen di Negeri Sembilan, 2015 - 2019

Jenis KPJKS	2015	2016	2017	2018	2019
Hospital Swasta	8	8	8	7	8
Pusat Hemodialisis Swasta	28	28	29	29	29
Pusat Jagaan Ambulatori Swasta	1	1	1	1	1
Rumah Bersalin Swasta	0	0	1	1	1
Jumlah	**37**	**37**	**39**	**38**	**39**

Jadual 4 : Taburan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta Berdaftar / Berlesen Mengikut Daerah di Negeri Sembilan sehingga 31 Disember 2019

Jenis KPJKS	Seremban	Kuala Pilah	Port Dickson	Jempol	Tampin	Jelebu	Rembau	Jumlah
Klinik Perubatan Swasta	215	8	23	24	13	4	8	**295**
Klinik Pergigian Swasta	62	2	9	3	2	0	1	**79**
Hospital Swasta	8	0	0	0	0	0	0	**8**
Pusat Hemodialisis Swasta	16	3	3	3	3	0	1	**29**
Pusat Jagaan Ambulatori Swasta	1	0	0	0	0	0	0	**1**
Rumah Bersalin Swasta	1	0	0	0	0	0	0	**1**
Jumlah	**303**	**13**	**35**	**30**	**18**	**4**	**10**	**413**

Jadual 5 : Statistik Kapasiti KPJKS (Berlesen) Di Negeri Sembilan Mengikut Jenis Kemudahan Sehingga 31.12.2019

Jenis Kemudahan / Kapasiti	Katil	Kot	Bassinet	Kerusi Sandar	Kerusi dialisis			Jumlah
					Non Hep	Hep B	Hep C	
Hospital Swasta	597	4	44	4	92	5	6	**752**
Pusat Hemodialisis Swasta	0	0	0	0	252	1	5	**258**
Pusat Jagaan Ambulatori Swasta	2	0	0	0	0	0	0	**2**
Rumah Bersalin Swasta	2	0	0	0	0	0	0	**2**
Jumlah	**601**	**4**	**44**	**4**	**344**	**6**	**11**	**1,014**

Jadual 6 : Kapasiti Lesen Hospital Swasta Di Negeri Sembilan Mengikut Premis Sehingga 31.12.2019

Nama Hospital Swasta	Katil	Kot	Bassinet	Kerusi Sandar	Kerusi Dialisis
NSCMH Medical Centre	62		10		24
KPJ Seremban Specialist Hospital	199	1	9		34
Columbia Asia Hospital	116	3	9		1
Nilai Medical Centre	84		4	4	
Klinik Pakar Wanita & Rumah Bersalin Rekha Sdn. Bhd	2		2		
SALAM Senawang Specialist Hospital	100		6		
Hospital Bersalin Sukhilmi	4		4		
Mawar Medical Centre	30		0		44
Jumlah	**597**	**4**	**44**	**4**	**103**

Jadual 7 : Taburan Dan Kapasiti Kerusi Dialisis di Pusat Hemodialisis Swasta Berlesen Yang Dilesenkan Mengikut Daerah Di Negeri Sembilan Sehingga 31.12.2019

Perkara	Seremban	Kuala Pilah	Port Dickson	Jempol	Tampin	Jelebu	Rembau	Jumlah
Bilangan Kerusi Dialisis (Non-Hepatitis)	140	24	20	33	25	0	10	**252**
Bilangan Kerusi Dialisis (Hepatitis B)	0	0	0	1	0	0	0	**1**
Bilangan Kerusi Dialisis (Hepatitis C)	4	0	0	1	0	0	0	**5**
Jumlah Kerusi Dialisis di Pusat Hemodialisis Swasta	**144**	**24**	**20**	**35**	**25**	**0**	**10**	**258**

AKTIVITI CKAPS JKNNS

Aktiviti CKAPS boleh dibahagikan kepada aktiviti kawalan atau regulatori iaitu aktiviti yang melibatkan pendaftaran dan pelesenan KPJKS dan aktiviti kawalseliaan iaitu aktiviti berkaitan penguatkuasaan dan pengendalian aduan KPJKS. Aktiviti kawalan dilaksanakan oleh Sektor Pendaftaran dan Pelesenan (SDL) yang terdiri daripada seorang Pegawai Perubatan dan dua orang Paramedik. Manakala aktiviti kawalseliaan dilaksanakan oleh Sektor Aduan dan Penguatkuasaan (SAP) yang terdiri daripada seorang Pegawai Perubatan dan seorang Paramedik.

Namun, kedua-dua Sektor ini masih perlu membantu tugas antara satu sama lain terutama bagi aktiviti pembaharuan lesen, penguatkuasaan dan lain-lain yang memerlukan anggota yang lebih ramai. CKAPS JKNNS juga bekerjasama erat dengan Unit Amalan dan Perkembangan Pergigian JKNNS (Penguatkuasa Pergigian) bagi aktiviti kawalan dan kawalseliaan Klinik Pergigian Swasta dan perkhidmatan pergigian swasta yang lain.

PENCAPAIAN AKTIVITI KAWALAN

Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta

Sepanjang tahun 2019, CKAPS JKNNS telah menerima sebanyak 35 permohonan pendaftaran klinik di mana 22 adalah permohonan pendaftaran Klinik Perubatan Swasta dan 13 adalah permohonan Klinik Pergigian Swasta. Didapati permohonan Klinik Pergigian Swasta makin meningkat dari tahun ke tahun.


Selain itu, CKAPS juga perlu menjalankan lawatan pemeriksaan pra pendaftaran klinik. Lawatan ini bergantung kepada notifikasi siap ubahsuai/bina klinik yang diterima. Sebanyak 39 lawatan perlu dijalankan pada tahun ini berbanding 29 lawatan pada tahun sebelumnya.

Bagi lawatan pasca pendaftaran merupakan lawatan pemeriksaan ke atas Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta yang perlu dijalankan dalam tempoh 12 bulan selepas sesuatu klinik itu didaftarkan.

Lawatan verifikasi pula akan dilaksanakan sekiranya terdapat permohonan pindaan untuk mengubahsuai klinik atau permohonan pelupusan klinik.


Rajah 1 dan Rajah 2 di bawah menunjukkan pencapaian aktiviti kawalan bagi Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta di Negeri Sembilan bagi tempoh lima tahun.

Rajah 1 : Aktiviti Berkaitan Klinik Perubatan Swasta (PMC), 2015 - 2019



	2015	2016	2017	2018	2019
Bilangan Permohonan Pendaftaran PMC yang diterima	17	14	22	17	22
Bilangan Lawatan Pra-Pendaftaran PMC	17	17	19	23	28
Bilangan Lawatan Pasca Pendaftaran PMC	3	19	14	17	20
Bilangan Lawatan Verifikasi PMC	4	6	19	8	12

Rajah 2 : Aktiviti Berkaitan Klinik Pergigian Swasta (PDC), 2015 - 2019




	2015	2016	2017	2018	2019
Bilangan Permohonan Pendaftaran PDC yang diterima	6	5	8	11	13
Bilangan Lawatan Pra-Pendaftaran PDC	6	6	8	6	11
Bilangan Lawatan Pasca Pendaftaran PDC	5	4	7	8	6
Bilangan Lawatan Verifikasi PDC	0	0	0	6	3

Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (selain klinik)

Sebanyak 16 permohonan pembaharuan lesen yang telah diterima pada tahun 2019 di mana 14 permohonan pembaharuan lesen pusat hemodialisis swasta dan selebihnya masing-masing satu untuk hospital swasta dan satu rumah bersalin swasta. KPJKS berlesen dikehendaki memperbaharui lesen premis mereka setiap dua tahun. Permohonan pembaharuan lesen perlu dikemukakan oleh pihak premis kepada CKAPS JKNNS selewat-lewatnya enam bulan sebelum lesen premis mereka tamat. Lawatan pemeriksaan pembaharuan lesen akan dilakukan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas permohonan pembaharuan lesen diterima oleh CKAPS JKNNS.
Selain itu, apabila menerima surat daripada Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, pihak CKAPS JKNNS juga akan melakukan lawatan pra-pelesenan bagi permohonan lesen baru dan lawatan verifikasi bagi peluasan atau pengubahsuaian premis. Lawatan ini akan dilakukan bersama-sama CKAPS HQ atau dilakukan oleh CKAPS JKNNS sendiri.


Rajah 3 dan Rajah 4 di bawah merupakan pencapaian aktiviti kawalan KPJKS berlesen mengikut jenis kemudahan di Negeri Sembilan bagi tempoh 2015 - 2019.

Rajah 3 : Aktiviti Berkaitan Hospital Swasta, Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (ACC) dan Rumah Bersalin Swasta (MH), 2015 - 2019



	2015	2016	2017	2018	2019
Permohonan Pembaharuan Lesen Hospital Swasta	0	7	1	7	1
Permohonan Pembaharuan Lesen ACC / MH	0	1	0	1	1
Lawatan Pembaharuan Lesen Hospital Swasta	1	5	1	7	2
Lawatan Pembaharuan ACC / MH	0	1	0	1	1
Lawatan Verifikasi Hospital Swasta	3	2	1	2	4
Lawatan Verifikasi ACC / MH	0	1	0	0	0
Lawatan Verifikasi Bersama Hospital Swasta	0	1	0	0	1
Lawatan Verifikasi ACC / MH Bersama HQ	0	0	0	0	0

Rajah 4 : Aktiviti Berkaitan Pusat Hemodialisis Swasta (PHS), 2015 - 2019



	2015	2016	2017	2018	2019
Permohonan Pembaharuan Lesen PHS	10	9	13	13	14
Lawatan Pembaharuan PHS	13	12	14	10	15
Lawatan Verifikasi PHS	3	2	3	9	4
Lawatan Verifikasi PHS Bersama HQ	0	0	0	0	0

PENCAPAIAN AKTIVITI KAWALSELIAAN


Penguatkuasaan

Rajah 5 dan Rajah 6 di bawah merupakan pencapaian aktiviti kawalseliaan yang dilaksanakan oleh CKAPS JKNNS dalam tempoh 2015-2019. Pada tahun 2019, terdapat peningkatan aktiviti lawatan pemantauan KPJKS dan aktiviti intipan/risikan yang dilaksanakan berbanding tahun 2018.


Terdapat satu kes serbuan pada tahun 2019 berbanding tiga kes serbuan pada 2018. Namun, kes serbuan pada tahun 2019 merupakan aktiviti penguatkuasaan ke atas sebuah Hospital Swasta yang memerlukan tenaga kerja yang ramai dan sumber yang mencukupi sehingga melibatkan CKAPS HQ dan CKAPS negeri berhampiran iaitu JKN Selangor dan JKW Kuala Lumpur & Putrajaya.

Manakala kes pada tahun 2018 adalah satu kes berkaitan Klinik Pergigian Swasta tidak berdaftar dan dua kes kompaun terhadap dua buah Klinik Perubatan Swasta atas kesalahan berbeza. Kes serbuan pada tahun 2019 telah didakwa di mahkamah dalam tempoh lima minggu atas tuduhan beroperasi tanpa lesen dan dijatuhkan hukuman denda RM100,000 atau penjara tiga bulan jika gagal membayar denda. Tertuduh telah membayar denda.

Rajah 5 : Aktiviti Lawatan Pemantauan KPJKS, 2015 - 2019



Rajah 6 : Aktiviti Penguatkuasaan KPJKS, 2015 - 2019




Pengendalian Aduan


Pada tahun 2019 sebanyak 31 aduan diterima oleh CKAPS JKNNS iaitu terdapat peningkatan sekali ganda berbanding 15 aduan pada tahun 2018. Sejumlah 23 aduan yang diterima oleh CKAPS JKKNS adalah melalui CKAPS HQ berbanding 7 aduan pada tahun sebelumnya. Jenis kemudahan yang banyak diadu adalah Klinik Perubatan Swasta dan Hospital Swasta. Manakala kategori aduan tertinggi adalah aduan berkaitan perkhidmatan. Kira-kira 2/3 aduan menghendaki pihak premis menjalankan tatacara ketidakpuasan hati (*grievance mechanism*) bersama pengadu selaras dengan Akta 586 dan peruntukan peraturan yang berkenaan.

Rajah berikut merupakan maklumat berkaitan pengendalian aduan oleh CKAPS JKNNS bagi tempoh 2015 - 2019.


Rajah 7 : Bilangan Aduan Diterima oleh CKAPS JKNNS, 2015 - 2019




Rajah 8 : Cara Penerimaan Aduan oleh CKAPS JKNNS, 2015 - 2019




Rajah 9 : Bilangan Aduan Mengikut Jenis Kemudahan, 2015 - 2019



Rajah 10 : Kategori Aduan Yang Diterima, 2015 - 2019



Rajah 11 : Cara Pengendalian Aduan, 2015 - 2019




***KEY PERFORMANCE INDIKATOR* (KPI)**


Terdapat satu KPI Ketua Pengarah Kesihatan yang dilatakan kepada Pengarah Kesihatan Negeri dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Bahagian Perubatan untuk tindakan CKAPS JKNNS iaitu Peratus Klinik Perubatan Swasta berdaftar yang dipantau dalam tempoh dua belas bulan setelah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pada tahun 2019, sejumlah 17 buah Klinik Perubatan Swasta perlu dilakukan pemeriksaan pasca pendaftaran. Tiada Klinik Perubatan Swasta yang perlu dipantau pada bulan Mac, Mei dan Julai 2019. Pencapaian pemeriksaan tersebut ditunjukkan dalam Rajah 12 di bawah. Manakala Rajah 13 menunjukkan pencapaian dan sasaran KPI tersebut bagi tempoh lima tahun iaitu 2015-2019.

Rajah 12 : Pencapaian KPI - Pemeriksaan Pasca Pendaftaran Klinik Perubatan Swasta pada tahun 2019



Rajah 13 : Pencapaian KPI - Pemeriksaan Pasca Pendaftaran Klinik Perubatan Swasta, 2015 - 2019



LATIHAN

Pada tahun 2019, anggota CKAPS JKNNS telah dapat menghadiri beberapa latihan kategori generik (seperti senarai di bawah) yang dianjurkan kecuali latihan pada bulan Mac 2019. Pada bulan tersebut, semua anggota CKAPS JKNNS diperlukan untuk menangani kes dan isu berkaitan serbuan yang dilakukan. Oleh itu, latihan tersebut telah diwakili / diganti oleh anggota Penguatkuasa Pergigian JKNNS.

Bil.	PERKARA	TARIKH / TEMPOH	TEMPAT	PENGANJUR
1.	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan 2019	12-15 Mac 2019 (3 hari)	Flamingo Hotel By The Beach, Pulau Pinang	CKAPS, JKWP Kuala Lumpur & Putrajaya
2.	Bengkel Pendaftaran Klinik Perubatan Swasta bagi Anggota CKAPS	23-26 April 2019 (4 hari)	Avillion Legacy Melaka	CKAPS, JKN Selangor
3.	Kursus Asas Siasatan dan Pengendalian Perbicaraan Siri 1/2019	09 Ogos 2019 (1 hari)	Klana Resort, Seremban	Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Negeri Sembilan
4.	Bengkel Pengujian (User Acceptance Test) Bagi Sistem Aplikasi Medical Practice Control System (MedPCs) Modul Pendaftaran Klinik	15 Ogos 2019	Bilik Latihan, Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Pendidikan Malaysia	CKAPS HQ & Bahagian Pengurusan Maklumat
5.	Intelligence Gathering 2019	10-13 September 2019 (4 hari)	Avillion Hotel, Port Dickson	CKAPS, JKWP Kuala Lumpur & Putrajaya
6.	Taklimat Pencegahan Rasuah Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan	18 September 2019	Dewan Merbau, JKN Negeri Sembilan	Seksyen Sumber Manusia, JKN Negeri Sembilan
7.	Bengkel Pembaharuan Lesen Pusat Hemodialisis Swasta	01-03 Oktober 2019 (3 hari)	Klana Resort, Seremban	CKAPS HQ
8.	Bengkel Pembaharuan Lesen KPJKS (selain Pusat Hemodialisis)	21-24 Oktober 2019 (4 hari)	Grand Darul Makmur Hotel, Kuantan	CKAPS HQ

KESIMPULAN

Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan telah dapat melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan kerjasama berpasukan antara anggota di dalam unit khususnya dan di Bahagian Perubatan umumnya serta sokongan daripada pelbagai pihak di semua peringkat. Semoga pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi sepanjang tahun 2019 dapat menjadi pengajaran dan menambahkan lagi pengalaman. Adalah diharapkan pencapaian pada tahun 2020 dapat diperbaiki dan dipertingkatkan lagi.

3.4 UNIT REKOD PERUBATAN

PENGENALAN

Unit Rekod Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan bertanggungjawab memantau dan menyelia laporan dari semua hospital KKM di Negeri Sembilan menerusi Sistem Pengurusan Maklumat Kesihatan (HMIS) dan juga laporan dari hospital swasta melalui system e-Reporting.

Unit Rekod Perubatan merupakan salah satu perkhidmatan yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus perkara berhubung rekod perubatan pesakit dan statistik hospital bagi membantu dalam perawatan pesakit yang cekap, berkesan dan berkualiti.

Unit Rekod Perubatan sentiasa berusaha memastikan sistem pengurusan rekod perubatan pesakit berada di tahap yang terbaik dan sistematik dengan memberikan perkhidmatan yang memenuhi kepuasan pelanggan.

MISI

Kearah mewujudkan satu sistem pengurusan maklumat rawatan pesakit yang berkualiti dan efisien serta memenuhi keperluan seiring dengan perubahan teknologi dan persekitaran.

VISI

Menyediakan perkhidmatan rekod perubatan yang cekap dan cepat kepada masyarakat dengan menekankan kepada aspek berorientasikan pelanggan:

- Memastikan kerahsiaan pelanggan dilindungi, dipenuhi dan menghormati kemuliaan insan.
- Mewujudkan satu sistem yang unggul bagi memastikan rekod perubatan dipelihara dan disimpan dengan selamat dan teratur.
- Mengamalkan budaya kerja yang menekankan kepada komunikasi yang berkesan. Perkhidmatan secara professional yang cekap, cepat dan tepat serta semangat kerja berpasukan.
- Memelihara kebajikan anggota dan mewujudkan persekitaran dan suasana kerja yang selamat dan selesa.

OBJEKTIF

- Mengumpul, menyemak, menganalisa, menyimpan dan menjaga maklumat kesihatan yang dibekalkan melalui 6 buah hospital dan 7 buah Pejabat Kesihatan Daerah dan Klinik Komuniti Negeri Sembilan.
- Mengumpul, menyemak, menganalisa, menyimpan dan menjaga maklumat kesihatan daripada kemudahan dan perkhidmatan jagaan swasta bagi Negeri Sembilan.
- Mengumpul, menyemak, menyimpan dan menjaga maklumat tabung darah yang dibekalkan melalui 6 buah hospital bagi Negeri Sembilan.
- Mengurus permohonan penubuhan Lembaga Perubatan ke atas pegawai-pegawai kerajaan dan lain-lain kakitangan.
- Merancang dan mengendalikan kursus, seminar, bengkel bagi anggota Unit Rekod perubatan di Peringkat Jabatan, Hospital dan Negeri.

Jadual 1 : Jumlah Katil Mengikut Kelas Bagi Hospital-Hospital Di Negeri Sembilan, 2019

Hospital	Bilangan Katil	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas VIP / Diraja
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	1,143	59	84	1,000	0
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	314	48	36	230	0
Hospital Port Dickson	116	4	0	112	0
Hospital Tampin	108	0	24	84	0
Hospital Jelebu	76	0	12	64	0
Hospital Jempol	108	0	0	108	0
Jumlah	**1,865**	**111**	**156**	**1,598**	**0**

Prestasi Perkhidmatan Rawatan Pesakit Dalam

Jumlah kemasukan pesakit dalam pada tahun 2019 meningkat sebanyak 1.54% kepada 132,400 dari tahun sebelumnya iaitu 130,356.

Jadual 2 : Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam Di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2015 - 2019

Hospital	2015	2016	2017	2018	2019
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	66,904	71,359	74,507	75,046	77,034
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	22,655	23,271	24,277	25,227	24,496
Hospital Port Dickson	10,238	9,515	9,775	11,420	11,532
Hospital Tampin	6,501	6,972	7,283	8,576	8,942
Hospital Jempol	5,552	7,087	6,990	6,847	7,077
Hospital Jelebu	3,039	3,413	3,622	3,240	3,319
Jumlah	**114,889**	**121,617**	**126,454**	**130,356**	**132,400**

Jumlah kelahiran menampakkan penurunan pada tahun 2019 berbanding 2018. Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah mencatat penurunan tertinggi iaitu sebanyak 13.6% (433) diikuti oleh Hospital Tuanku Jaafar Seremban iaitu 2.8% (290). Jumlah kelahiran di hospital-hospital Negeri Sembilan tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti di **Jadual 3.**

Jadual 3 : Jumlah Kelahiran Di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2015 - 2019

Hospital	2015	2016	2017	2018	2019
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	9,409	10,675	11,102	10,543	10,253
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	3,927	3,792	3,628	3,624	3,191
Hospital Port Dickson	1,267	468	499	1,207	1,132
Hospital Tampin	128	130	159	133	82
Hospital Jempol	151	121	157	129	114
Hospital Jelebu	150	129	115	33	77
Jumlah	**15,032**	**15,315**	**15,660**	**15,669**	**14,549**

Jumlah kematian mencatat peningkatan sebanyak 3.2% (100 kematian) pada tahun 2019. Hospital Tuanku Jaafar Seremban juga mengalami peningkatan iaitu sebanyak 58% (116 orang), Hospital Port Dickson pula mencatat kenaikan jumlah kematian iaitu sebanyak 3.6% (6 orang) pada tahun 2019. Jumlah kematian di hospital-hospital Negeri Sembilan tahun 2015-2019 adalah seperti di **Jadual 4.**

Jadual 4 : Jumlah Kematian Di Hospital-hospital Negeri Sembilan, 2015 - 2019

Hospital	2015	2016	2017	2018	2019
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	1,944	1,902	2,007	1,881	1,997
HospitalTuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	553	624	684	670	656
Hospital Port Dickson	163	166	189	184	190
Hospital Tampin	66	92	112	117	110
Hospital Jempol	78	86	88	105	98
Hospital Jelebu	41	46	49	42	48
Jumlah	**2,845**	**2,916**	**3,129**	**2,999**	**3,099**

Jadual 5 : 10 Sebab Utama Kemasukan Pesakit Dalam Di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2019

Bil.	Kod Penyakit	Kumpulan Penyakit	Jumlah
1.	J00-J99	Disease of respiratory system	6,236
2.	O00-O99	Prengnancy, childbirth and the pueperium	5,887
3.	A00-B99	Certain infectious and parasitic disease	3,304
4.	I00-I99	Disease of circulatory system	3,036
5.	P00-P96	Certain condition originating in the perinatal period	2,937
6.	S00-T98	Injury,poisoning and certain other consequences of external causes	2,026
7.	K00-K93	Disease of digestive system	1,251
8.	E00-E90	Endocrine,nutritional and metabolic diseases	1,056
9.	N00-N99	Disease of genitourinary system	949
10.	R00-R99	Symtoms, signs and abnormal clinical and laboratory findings, not elsewhere classified	892

Jadual 6 : 10 Sebab Utama Kematian Pesakit Dalam di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2019

Bil.	Kod Penyakit	Kumpulan Penyakit	Jumlah
1.	I00-I99	Disease of circulatory system	107
2.	J00-J99	Disease of respiratory system	97
3.	E00-E90	Endocrine,nutritional and metabolic diseases	62
4.	A00-B99	Certain infectious and parasitic disease	41
5.	C00-D48	Neoplasms	38
6.	N00-N99	Disease of genitourinary system	35
7.	R00-R99	Symtoms, signs and abnormal clinical and laboratory findings, not elsewhere classified	21
8.	K00-K93	Disease of digestive system	17
9.	Chapter XII : L00-C99	Disease of the Skin and Subcutaneous Tissue	12
10.	G00-G99	Disease of nervous system	10

Perkhidmatan Rawatan Pesakit Luar

Kategori pesakit luar terdiri daripada pesakit:
- Klinik Pakar
- Jabatan Pesakit Luar
- Jabatan Kecemasan

Jadual 7 menunjukkan kedatangan pesakit ke Klinik Pakar, Jabatan Pesakit Luar dan Jabatan Kecemasan hospital-hospital di Negeri Sembilan. Hospital Tuanku Jaafar, Seremban dan Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah menawarkan perkhidmatan rawatan pesakit luar pakar manakala bagi lain-lain hospital adalah perkhidmatan pesakit luar pakar atas lawatan sahaja. Jumlah kedatangan pesakit luar ke hospital di Negeri Sembilan pada tahun 2018 meningkat sebanyak 2.1% (17,014 orang). Peningkatan tertinggi adalah di Klinik Pakar iaitu 1.47% (5,991 orang). Jumlah kedatangan pesakit luar ke hospital-hospital di Negeri Sembilan tahun 2018 sehingga 2019 seperti **Jadual 7.**

Jadual 7 : Jumlah Kedatangan Pesakit Luar di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2018 - 2019

Hospital	Klinik Pakar		Kecemasan		Jumlah	
	2018	2019	2018	2019	2018	2019
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	262,427	26,8301	146,954	146,111	409,381	422,698
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	78,188	75,4811	55,686	55,404	133,874	130,699
Hospital Port Dickson	32,787	31,892	71,945	72,967	104,732	104,859
Hospital Tampin	12,848	14,791	49,140	52,157	61,988	66,948
Hospital Jempol	11,154	12,418	43,483	42,289	54,637	54,701
Hospital Jelebu	3,053	3,565	30,143	31,350	33,196	34,917
Jumlah	**400,457**	**406,448**	**400,404**	**400,278**	**797,808**	**814,822**

Prestasi Perkhidmatan Sokongan Klinikal

Perkhidmatan Patologi

Jumlah ujian makmal pada tahun 2018 mencatat peningkatan sebanyak 10.2% (590,676 ujian) berbanding tahun 2018. Semua hospital mengalami kenaikan jumlah ujian Makmal. Jumlah ujian makmal di hospital Negeri Sembilan tahun 2015 sehingga 2019 **(Jadual 8).**

Jadual 8 : Jumlah Ujian Makmal Di Hospital-hospital Negeri Sembilan, 2015 - 2019

Hospital	2015	2016	2017	2018	2019
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	2,456,698	1,669,132	1,231,699	2,809,594	3,129,998
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	1,761,714	941,242	890,304	1,342,836	1,443,006
Hospital Port Dickson	773,757	271,772	168,727	404,126	506,239
Hospital Tampin	174,979	366,627	95,479	303,543	362,329
Hospital Jempol	139,494	61,418	55,206	194,553	201,581
Hospital Jelebu	173,626	87,649	40,143	159,942	161,969
Jumlah	**5,480,268**	**3,172,827**	**2,481,558**	**5,214,594**	**5,805,270**

Perkhidmatan Fisioterapi

Rawatan yang diberikan kepada pesakit sedikit menurun pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak 2.6% (8,185 rawatan). Kesemua Hospital di Negeri Sembilan kecuali Hospital Port Dickson sahaja ada sedikit peningkatan kes perawatan iaitu 3,074 kes perawatan. Jumlah rawatan fisioterapi di hospital-hospital Negeri Sembilan tahun 2018 sehingga 2019 seperti **Jadual 9.**

Jadual 9 : Jumlah Rawatan Fisioterapi di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2018 - 2019

Hospital	2018			2019		
	Pesakit Dalam	Pesakit Dalam	Pesakit Dalam	Pesakit Dalam	Pesakit Luar	Jumlah
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	103,852	103,852	103,852	98,804	74,533	173,337
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	21,761	21,761	21,761	19,573	24,002	43,575
Hospital Port Dickson	19,604	19,604	19,604	18,925	31,660	50,585
Hospital Tampin	6,415	6,415	6,415	6,470	12,410	18,880
Hospital Jempol	890	890	890	649	10,000	10,649
Hospital Jelebu	1,247	1,247	1,247	1,631	13,268	14,899
Jumlah	**153,769**	**153,769**	**153,769**	**146,052**	**165,873**	**311,925**

Perkhidmatan Tabung Darah

Pada tahun 2019, jumlah kutipan darah meningkat sedikit sebanyak 6.67% (1,802) berbanding tahun 2018. Bilangan Unit Darah juga meningkat iaitu sebanyak 25.1% (7,719). Jumlah kutipan dan penggunaan darah di hospital - hospital Negeri Sembilan tahun 2018 dan 2019 adalah seperti di dalam **Jadual 10.**

Jadual 10 : Jumlah Kutipan Dan Penggunaan Darah Di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2018 - 2019

Hospital	Kutipan Darah						Penggunaan Darah			
	Tabung Darah		Tabung darah Bergerak		Jumlah		Bil. Penerima		Bil. Unit Darah	
	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	4,681	5,193	12,372	13,349	17,053	18,542	59,42	9,521	15,878	22,778
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	395	637	4,110	4,323	4,505	4,960	1,899	2,209	3,833	4,375
Hospital Port Dickson	462	182	1,601	1,670	2,063	1,852	1,202	1,235	1,645	1,700
Hospital Tampin	130	123	1,432	1,439	1,562	1,562	486	520	652	680
Hospital Jempol	0	0	0	0	0	0	489	506	658	975
Hospital Jelebu	53	38	36	120	89	158	219	159	360	237
Jumlah	**5,721**	**6,173**	**19,550**	**20,901**	**25,272**	**27,074**	**10,237**	**14,150**	**23,026**	**30,745**

Penubuhan Lembaga Perubatan

Lembaga Perubatan ini ditubuhkan untuk tujuan Pemeriksaan Kesihatan bagi kemungkinan persaraan, pengesahan cuti sakit dan penilaian Ex-Gratia.

Statistik permohonan di bawah menunjukkan jabatan serta agensi yang memohon untuk penubuhan lembaga perubatan. Pada tahun 2019, sebanyak 84 permohonan dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu 6 minggu dari tarikh permohonan lengkap. Statistik penubuhan lembaga perubatan adalah seperti **Jadual 11.**

Jadual 11 : Statistik Penubuhan Lembaga Perubatan

Bilangan Penubuhan Mengikut Agensi	2016		2017		2018		2018	
	Kerajaan	Swasta	Kerajaan	Swasta	Kerajaan	Swasta	Kerajaan	Swasta
Jumlah	69	0	79	0	74	3	81	3

KESIMPULAN

Perkhidmatan Unit Rekod Perubatan di Negeri Sembilan telah dapat melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing di peringkat hospital dan juga Jabatan Kesihatan Negeri dengan sokongan daripada semua pihak. Pada tahun 2019 adalah diharapkan kualiti perkhidmatan Unit Rekod Perubatan dapat dipertingkatkan lagi dengan jalinan kerjasama yang baik di antara unit dan jabatan di hospital-hospital.

BAHAGIAN KEJURUTERAAN

4.1. BEKALAN AIR DAN KEBERSIHAN ALAM SEKELILING (BAKAS)

PENGENALAN

Program Bekalan Air Dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS) ditubuhkan dengan matlamat utama untuk mencegah kejadian penyakit berjangkit bawaan air dan najis melalui penyediaan bekalan air yang bersih dan sistem sanitasi yang sempurna seperti tandas di kawasan luar bandar dan pedalaman yang tidak mendapat perkhidmatan bekalan air selamat daripada pihak pembekal air dan pihak berkuasa tempatan.

Pelan perlaksanaan dalam program BAKAS adalah mencapai 100% liputan bagi kemudahan bekalan air bersih dan sistem sanitasi yang sempurna di kawasan luar bandar. Antara strategi yang dilaksanakan ialah meningkatkan penglibatan penduduk ke atas setiap projek yang dijalankan melalui kaedah gotong royong, penggunaan teknologi kos rendah yang efisien serta penggabungan elemen pendidikan kesihatan ketika perlaksanaan projek.

Perancangan dan pembinaan projek BAKAS dilaksanakan oleh pasukan daripada Unit Kejuruteraan Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, PPKP, Pembantu Kesihatan Awam, PKA, Pembantu Rendah Am PRA serta pemandu di setiap daerah bagi melancarkan perlaksanaan program.

Antara projek pembinaan di bawah Program BAKAS yang dilaksanakan pada tahun 2019 ialah 1 projek GFS, 20 projek tandas curah, 8 projek SPAL dan 19 projek SPSP dah telah siap sepenuhnya dengan jumlah peruntukan yang diterima sebanyak RM183,250.00.

Objektif

- Mencegah serta mengawal berlakunya kejadian penyakit berjangkit bawaan air dan najis di kalangan penduduk luar bandar melalui penyediaan kemudahan asas bekalan air bersih dan sistem sanitasi yang sempurna.
- Melaksanakan semua sasaran pembinaan projek yang telah ditetapkan mengikut jumlah peruntukan diterima.
- Menjalankan pendidikan kesihatan berkaitan dengan kebersihan diri dan persekitaran kepada masyarakat luarbandar terutamanya penerima projek ketika lawatan data asas dan pemantuan projek dilaksanakan.

Strategi Program

Projek Bekalan Air yang dibina pada tahun 2019 adalah projek naiktaraf sistem air graviti. Pembinaan projek ini dilaksanakan secara gotong royong di antara penduduk tempatan dan kakitangan Unit BAKAS Daerah. Selama 4 minggu tempoh masa yang perlu untuk menyiapkan projek yang bermula dari pembaikan empangan, pembinaan rumah tangki serta penyambungan paip air retikulasi dan akhir sekali pemasangan sistem rawatan air di kampung tersebut.

Liputan Pencapaian

Semenjak Program BAKAS diperkenalkan, pencapaian liputan bagi bekalan air dan sistem sanitasi sempurna di rumah kawasan luar bandar adalah seperti dalam **Jadual 1:-**

Jadual 1 : Pencapaian Liputan Bagi Bekalan Air Dan Sistem Sanitasi Sempurna Di Rumah Kawasan Luar Bandar


Bilangan Penduduk Luar Bandar	202,298
Bilangan Rumah Luar Bandar	60,728
Liputan Bekalan Air Selamat (%rumah)	99.51 %
Liputan Tandas Sempurna (%rumah)	98.91 %
Liputan Sistem Pelupusan Air Limbah SPAL (%rumah)	82.06 %
Liputan Sistem Pelupusan Sisa Pepejal SPSP (%rumah)	84.12 %

Pencapaian Program

Pada tahun 2019 semua sasaran projek telah berjaya dicapai mengikut peruntukan yang diterima. Ini meliputi pembinaan 1 buah projek naiktaraf bekalan air bagi sistem GFS yang telah berjaya dibina di Kampung OA Gebok Seremban untuk kemudahan di 32 buah rumah bagi kegunaan 100 orang penduduk.

Sasaran pembinaan tandas curah juga telah tercapai dengan terbinanya 20 buah tandas untuk kegunaan seramai 84 orang penduduk, sasaran SPAL ialah 8 buah sistem SPAL untuk kegunaan 36 isi rumah dan sasaran 19 buah projek SPSP 76 isi rumah berjaya dilaksanakan. Kesemua projek ini telah siap dilaksanakan dan telah memberi manfaat kepada 296 penduduk di luar Bandar dalam Negeri Sembilan pada tahun 2019.


Rajah 1 : Sasaran dan Pencapaian Pembinaan Projek BAKAS Bagi Tahun 2019



Pencapaian Kewangan

Pada tahun 2019, sebanyak RM183,250.00 peruntukan telah diterima dan berjaya dibelanjakan dalam tahun tersebut. Peratus perbelanjaan bagi peruntukan yang diterima pada tahun 2019 adalah 100%. Perbelanjaan peruntukan ini digunakan meliputi pembinaan projek naiktaraf GFS, projek sanitasi tandas curah, Projek SPSP dan sistem SPAL di seluruh daerah dalam Negeri Sembilan.

Rajah 2 : Peruntukan BAKAS mengikut pecahan projek yang telah diterima pada tahun 2019



Lain-Lain Aktiviti

Pemantauan Sanitasi Pusat Pelancongan (PSPP)

Aktiviti pemantauan sanitasi pusat pelancongan telah dijalankan sebanyak 2 kali dalam tahun 2019 bertujuan untuk memastikan kebersihan alam sekitar dan sanitasi pusat pelancongan adalah pada tahap yang baik dan mengenalpasti risiko kesihatan di kawasan tersebut melalui penggredan yang diberikan. Kriteria kawasan yang dipilih untuk melaksanakan pemantauan ini adalah seperti diluar tanggungjawab PBT, sumber air persendirian dan mempunyai masalah kesihatan. Skop pemantauan yang dijalankan adalah sistem pengurusan sisa pepejal, saliran air, pelupusan air kumbahan dan kebersihan bilik air/tandas. Pusat pelancongan yang telah dipantau pada tahun 2018 ialah:

- Jeram Toi, Jelebu
- Hutan Lipur Jeram Tengkek, Kuala Pilah
- Suka Bumi Resort, Rembau
- Hutan Rekreasi Jeram Lenggeng, Seremban
- Hutan Lipur, Serting Ulu, Jempol
- Hutan Lipur Ulu Bendul

Jadual 1 : Rumusan gred dan pemarkahan keseluruhan bagi pusat pelancongan yang dipantau bagi tahun 2019

Bil.	Nama Pusat Pelancongan	Status
1.	Jeram Toi, Jelebu	Sederhana
2.	Hutan Lipur Jeram Tengkek	Baik
3.	Suka Bumi Resort, Rembau	Sederhana
4.	Hutan Lipur Serting Ulu	Baik
5.	Hutan Rekreasi Jeram Lenggeng	Memuaskan
6.	Hutan Lipur Ulu Bendul	Baik

Pemantauan Kualiti Air Rekreasi Semulajadi

Aktiviti Perlaksanaan Pengumpulan Data Asas Kualiti Air Rekreasi (Air Marin Dan Air Tawar) Dan Kualiti Air Kolam Renang dilaksanakan pada setiap bulan bertujuan mewujudkan satu garispanduan diperingkat kebangsaan bagi pemantauan kualiti air rekreasi dan air kolam renang. Tujuan utamanya adalah memantau kualiti air rekreasi dan mengetahui risiko kesihatan yang mungkin dihadapi oleh pengguna. Selain itu, pemantauan dijalankan juga adalah untuk mengenalpasti potensi bahaya yang akan dihadapi di kawasan air rekreasi dan penilaian kesan terhadap kesihatan.

Pusat rekreasi yang telah dipilih adalah menjadi tumpuan orang ramai dalam melakukan aktiviti air. Terdapat satu penambahan lokasi bagi kolam renang awam yang dipantau berbanding tahun sebelumnya. Senarai lokasi adalah seperti berikut:

- Rekreasi Ulu Bendol, Kuala Pilah - Air Tawar
- Pantai Telok Kemang, Batu 4, Port Dickson - Air Marin
- Kolam Renang Tan Sri Dr Mohd Said, Seremban 2
- Kolam Renang Awam, Paroi, Seremban
- Kolam Renang di Corus Paradise Resort, Port Dickson

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pencapaian program BAKAS di Negeri Sembilan adalah baik dan memuaskan. Kesemua sasaran projek BAKAS yang ditetapkan pada awal tahun telah berjaya dilaksanakan dan pencapaian 100% pada tahun 2019. Liputan penduduk luarbandar di Negeri Sembilan yang telah mendapat bekalan air bersih adalah sebanyak 99.51% sehingga tahun 2019 manakala liputan tandas pula ialah 98.91%. Bagi penduduk yang belum mendapat bekalan air bersih adalah kerana pertambahan rumah baru yang berlaku setiap tahun mahupun perpindahan penduduk yang merupakan gaya hidup orang asli di kawasan pedalaman.

4.2. PROGRAM KAWALAN MUTU AIR MINUM (KMAM)

PENGENALAN

Tahap kualiti air terawat yang dibekalkan oleh Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) adalah dipantau oleh Program Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) yang terletak di bawah Unit Kejuruteraan (Kawalan Alam Sekitar), Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Program Kawalan Mutu Air Minum merupakan aktiviti pencegahan utama bagi Penyakit Bawaan Air Minum di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bermula pada tahun 1986. Pembangunan program ini berlandaskan Standard Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan terkini bagi peningkatan kualiti air minum secara berterusan dan ke arah **pelanggaran sifar**.

Terdapat beberapa agensi terlibat dalam pelaksanaan program ini di peringkat negeri seperti Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Operator pembekal air Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Badan Kawal Selia Air (BKSA), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kimia Malaysia (JKM).

Visi utama program ini adalah meningkatkan taraf kesihatan pengguna dengan memastikan keselamatan dan kualiti bekalan air minum awam yang dibekalkan adalah bersih dan mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Melalui Pelan Pengurusan Risiko Penyakit Bawaan Air, sebarang wabak berkaitan mampu dikawal dengan lebih efisen. Secara tidak langsung kerjasama antara agensi-agensi ini mampu meningkatkan kualiti air minum serta memastikan tindakan pencegahan lebih menyeluruh dapat diambil sebelum berlakunya pencemaran.

Standard Kualiti Air Minum Kebangsaan telah dibangunkan oleh KKM pada tahun 1983 dengan mengambil kira scenario di Malaysia. Ini sejajar dengan cadangan yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta amalan di negara-negara lain. Beberapa tambahan dalam garis panduan telah dikemaskini pada 2004 untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan program.

Peningkatan aktiviti-aktiviti perbandaran, perindustrian, perhutanan dan pertanian di negeri ini juga tidak selari dengan keadaan dan keupayaan sistem sumber saliran bekalan air yang digunakan. Situasi ini mengakibatkan pertambahan pencemaran dan sisa kumbahan ke dalam sungai dan terusan. Secara tidak langsung pengguna boleh terdedah kepada risiko Penyakit Bawaan Air. Oleh itu, Program Pengawasan Kualiti Air Minum Kebangsaan diberi perhatian khusus untuk memastikan bekalan air yang lebih selamat dan berkualiti kepada pengguna.

VISI

Untuk menjadi pasukan kerja profesional yang berpengetahuan, cekap dan berkemahiran tinggi dalam memberi perkhidmatan kesihatan persekitaran dan perkhidmatan kejuruteraan yang berkualiti dan berinovasi di Negeri Sembilan.

MISI

Untuk membekalkan perkhidmatan berkualiti, bermutu dan tepat kepada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti kesihatan persekitaran dan perkhidmatan kejuruteraan fasiliti-fasiliti kesihatan.

OBJEKTIF

Memastikan pelaksanaan dan pemantauan program kejuruteraan dalam aspek-aspek teknikal kejuruteraan kesihatan umum dan kejuruteraan penjagaan kesihatan yang efisien, efektif dan berkualiti.

ELEMENT UTAMA PROGRAM

Unsur utama program pengawasan air minum meliputi 5 elemen iaitu:

- Pemantauan
- Kajian kebersihan
- Pemprosesan dan penilaian data
- Tindakan pemulihan
- Pemeriksaan institusi dan tindakan susulan

Pemantauan

Di bawah aktiviti pemantauan, persampelan air di stesen percontohan dijalankan mengikut perancangan yang disediakan secara tahunan. Tujuan pemantauan adalah mengesan kehadiran bakteria, kimia (kumpulan organik dan bukan organik serta kandungan racun perosak) dan bahan radioaktif seperti di rajah 1. Sampel yang lengkap dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia (JKM). Jika berlaku sebarang pelanggaran Standard Kualiti Air Minum, pihak pembekal air perlu mengambil tindakan segera supaya kesihatan pengguna tidak terancam.

Rajah 1 : Parameter Ujian mengikut kumpulan



KUMPULAN I (Fizikal dan Mikrobiologikal)
Fizikal : pH, Baki Klorin, Warna, Kekeruhan, Jumlah Pepejal Terlarut – Penganalisaan dilakukan di tapak persampelan
Mirobiologikal: E.coli dan Total coliform – Dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia



KUMPULAN II (Kimia Inorganik)
Biological Oxygen Demand (BOD), Chemical Oxygen Demand (COD), Ammonia, Nitrat, Fluoride, Ferum, Manganese, Aluminium, Hardness ($CaCO_3$) dan Chloride.
Dianalisa di Jabatan Kimia Malaysia.



KUMPULAN III (Logam Berat)
Arsenik, Merkuri, Plumbum, Kadmium, Kromium, Argentum, Kuprum, Zink, Magnesium, Natrium, Selenium, Sulphate, Trihalomethana (Kloroform,Bromodikloromethana, Klorodibromomethana, Bromoform)
Dianalisa di Jabatan Kimia Malaysia.



KUMPULAN IV (Pesticide)
Aldrin / Dealdrin, DDT, Heptachlor / Heptachlor Epoxide, Methoxychlor, Lindane, Chlordane, Endosulfan Hexachlorobenzena
Dianalisa di Jabatan Kimia Malaysia.



KUMPULAN V (Radioaktif)
Gross α, gross β
Diuji hanya apabila perlu.
Dianalisa di Agensi Nuklear Malaysia.

Kajian Kebersihan

Selain pensampelan rutin, Kajian Kebersihan juga dijalankan setiap tahun di semua sistem bekalan air termasuk kawasan tadahan air, loji rawatan air dan sistem agihan. Dalam kajian ini, penilaian dan pemeriksaan lapangan dijalankan untuk memeriksa keadaan punca dan bekalan air. Selain itu sistem bekalan air dinilai supaya perkara-perkara yang boleh membahayakan kesihatan pengguna tidak wujud. Pasukan Kajian terdiri daripada pelbagai agensi seperti KKM, SPAN, SAINS, Jabatan Kimia Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Pemprosesan Dan Penilaian Data

Pengurusan data melalui perisian Water Quality Surveillance (WQS) digunakan di peringkat Daerah, Negeri dan Kementerian. Melalui perisian ini penyediaan laporan, penambahbaikan pengurusan, operasi dan mengenalpasti isu yang berlaku.

Tindakan Pemulihan

Pembekal Air perlu mengambil tindakan pemulihan dengan segera apabila terdapat isu yang dikenalpasti. Tindakan ini bertujuan memastikan bekalan air bersih yang diterima oleh pengguna terjamin selamat.

Pemeriksaan Institusi

Pemeriksaan institusi secara berkala dijalankan bagi memastikan tahap keberkesanan organisasi dalam pengurusan Pihak Pembekal Air.

MAKLUMAT ASAS SISTEM BEKALAN AIR

7

Daerah yang menjalankan program KMAM iaitu Seremban, Jelebu, Port Dickson, Kuala Pilah, Tampin, Rembau dan Jempol.



BILANGAN LRA



21

Loji Rawatan Air yang beroperasi di bawah Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS)

JUMLAH RANGKAIAN



35

Rangkaian air yang membekalkan air kepada lebih kurang 1.12 juta orang penduduk di negeri ini (*sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017*)

JENIS RAWATAN



20 Rawatan Penuh

1 Rawatan Separa (LRA Pantai)

STESEN PERSAMPELAN



287

Stesen Persampelan Air (SPA) yang dipantau dengan bilangan stesen air mentah sebanyak 21 dan 266 stesen air terawat.

RINGKASAN AKTIVITI TAHUN 2019

Indeks Kualiti Air Minum (*Drinking Water Quality Index*) *DWQI*

DWQI berfungsi sebagai pengukur skop, frekuensi, dan *amplitud* parameter-parameter yang dipantau yang tidak mematuhi standard kualiti air. Ketiga-tiga pengukuran ini digabungkan untuk menjadikan satu skor yang dapat mewakili keadaan bekalan air sesuatu rangkaian. Pengiraan skor bermula dari 0 sehingga 100, yang mana semakin tinggi nilai akan menunjukkan semakin baik kualiti air yang dibekalkan. Terdapat lima kategori skor yang menunjukkan indeks kualiti air iaitu *Excellent, Good, Fair, Marginal* dan *Poor.*

Melalui indeks ini, status kualiti air minuman secara lebih menyeluruh yang dibekalkan kepada pengguna boleh diketahui. Pelaporan *DWQI* mula digunapakai pada tahun 2016 sebagai percubaan dalam penentuan indeks kualiti air. Pada tahun 2017 laporan bulanan *DWQI* telah diedarkan kepada pihak pembekal air berdasarkan lima parameter (Baki Klorin & E.coli, E.coli, Kekeruhan, Baki Klorin dan Aluminium). Bagaimanapun pada tahun 2019 Indeks dijana berdasarkan 11 parameter (rujuk Jadual 1).

Jadual 1 : Parameter bagi Indeks DWQI 2019

Parameter bagi indeks DWQI 2019		Parameter bagi indeks DWQI 2016	
Parameter Kumpulan 1	**Parameter Kumpulan 2**	**Parameter Kumpulan 1**	**Parameter Kumpulan 2**
Total Coliform	Klorida	Total Coliform	Aluminium
E-Coli	Ammonia	E-Coli	
Kekeruhan	Nitrat	Kekeruhan	
Baki Klorin	Ferum	Baki Klorin	
	Keliatan		
	Aluminium		
	Mangan		

Sebanyak 35 rangkaian air yang beroperasi di Negeri Sembilan telah dipantau pada tahun 2019. Dari jumlah ini, 5,570 sampel air terawat telah dianalisa, dimana Indeks bagi Loji Air Minum di perolehi berdasarkan sebelas parameter tersebut. Pada tahun 2019, Januari adalah pencapaian terbaik bagi Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), sementara bulan Mac 2019 terdapat 1 loji bertaraf *Marginal* (Jadual 2). Berdasarkan pemerhatian ini, loji yang mendapatkan indeks *Marginal* perlulah meningkatkan keupayaan dalam proses merawat air yang dibekalkan kepada pengguna.

Jadual 2 : Indek bagi rangkaian loji air di Negeri Sembilan 2019

Indek bagi Rangkaian Loji-loji Air di Negeri Sembilan tahun 2019					
Bulan / Kategori	**Excellent**	**Good**	**Fair**	**Marginal**	**Poor**
	95 - 100	**80-94**	**65-79**	**45-64**	**0 - 44**
Januari	32	3	0	0	0
Februari	25	9	1	0	0
Mac	26	5	3	1	0
April	25	7	3	0	0
Mei	30	5	0	0	0
Jun	25	10	0	0	0
Julai	30	5	0	0	0
Ogos	28	6	1	0	0
September	31	4	0	0	0

Indek bagi Rangkaian Loji-loji Air di Negeri Sembilan tahun 2019					
Bulan / Kategori	Excellent	Good	Fair	Marginal	Poor
	95 - 100	80-94	65-79	45-64	0 - 44
Oktober	27	8	0	0	0
November	29	6	0	0	0
Disember	30	4	1	0	0

Audit Teknikal

Objektif utama audit teknikal adalah memperkemaskan lagi perancangan, pemantauan, pelaksanaan dan penilaian KMAM di peringkat daerah. Pada tahun 2019, antara daerah yang terlibat adalah Seremban, Kuala Pilah dan Tampin.

Kajian Kebersihan

Kajian kebersihan merupakan akiviti di mana loji rawatan air dinilai dari segi kemampuannya untuk merawat dan menghasilkan air yang berkualiti serta mematuhi piawaian Mutu Air Minum Kebangsaan. Pada tahun 2019 sebanyak enam (6) buah LRA telah dijalankan kajian kebersihan iaitu:

- LRA Lakai, Jelebu (1 Disember 2019)
- LRA Tengkek, Kuala Pilah (16 November 2019)
- LRA Gemas, Tampin (29 Ogos 2019)
- LRA Kuala Jelai, Jempol (5 & 6 November 2019)
- LRA Pedas Baru, Rembau (4 & 5 September 2019)
- LRA Linggi, Seremban (16 April 2019)

Penyiasatan Mutu Air Minum Ladang

Terdapat 11 buah ladang dengan bekalan air persendirian dan campuran yang telah disiasat oleh Program KMAM di Negeri Sembilan pada tahun 2019. Ladang-ladang tersebut adalah:

Jadual 3 : Ladang yang dijalankan penyiasatan tahun 2019

Daerah	Nama Ladang
Seremban	Ladang Kombok, Mantin
Jelebu	Ladang Felcra Kawasan Gagu Ladang Gunung Pertanian
Kuala Pilah	Ladang Jeram Padang Ladang Johol
Tampin	Ladang Bukit Kledek Ladang Tampin Ladang Nam Bee
Jempol	Ladang Risda Palong 1 Ladang Risda Palong 2 Ladang Jeram Padang

PENILAIAN PRESTASI KMAM 2019

Tahun 2019, sebanyak 9,076 sampel air telah dirancang dan sebanyak 8,990 sampel air yang berjaya diambil bagi tujuan pemantauan. Catatan peratus keseluruhan pencapaian persampelan bagi tahun 2019 adalah 99.05%. lanya termasuk air mentah dan terawat yang dianalisa dalam empat (4) kumpulan. Jadual berikut menunjukkan pencapaian persampelan air mengikut kumpulan I, II, III dan IV bagi seluruh daerah di Negeri Sembilan.

Jadual 4 : Pencapaian persampelan air program KMAM 2019

Daerah	Kumpulan I		Kumpulan II		Kumpulan III		Kumpulan IV	
	P	B	P	B	P	B	P	B
Jelebu	726	726	154	151	76	76	50	50
Kuala Pilah	1,088	1,088	250	250	100	100	70	70
Port Dickson	841	841	170	170	90	90	45	45
Rembau	716	716	166	165	68	68	46	46
Seremban	1,553	1,532	336	334	156	156	98	98
Tampin	840	834	194	191	80	80	56	56
Jempol	787	780	168	138	96	89	56	50
Jumlah	**6,551**	**6,517**	**1,438**	**1,399**	**666**	**659**	**421**	**415**

P= Jumlah sampel dirancang
B=Jumlah sampel diambil


TAHAP KUALITI AIR MENTAH DI NEGERI SEMBILAN

Kumpulan I

Bagi Kumpulan I, jumlah ketidakpatuhan bagi kesemua parameter iaitu Total Coliform dan E.coli didapati meningkat berbanding tahun 2018. Peningkatan peratusan ketidakpatuhan ini menunjukkan bahawa kualiti air mentah di loji-loji rawatan air di Negeri ini adalah merosot.

Sepanjang tahun 2019, air mentah di sungai-sungai di negeri ini mengalami penyusutan kualiti akibat dari keadaan cuaca yang panas, menyebabkan kuantiti air berkurangan dan ini seterusnya meningkatkan kepekatan bahan pencemar di dalam air. Secara keseluruhannya kualiti sumber air bagi air minum terus merosot setiap tahun dari aspek mikrobiologi.


Graf 1 : Peratus pelanggaran bagi *Total Coliform* dan *E.coli* (Melebihi 5000 MPN/100ml) 2015 - 2019 bagi Negeri Sembilan



	2015	2016	2017	2018	2019
Total Coliform	15.89%	20.45%	25.17%	27.95%	30.79%
E.coli	7.08%	8.78%	11.35%	11.40%	13.31%

Air mentah yang mengandungi *Total coliform* yang tinggi (>5,000 MPN dalam 100ml sampel air mentah) dianggap air tidak selamat kerana kandungan air yang tercemar berisiko kepada pengguna mengalami penyakit ekoran kehadiran bakteria *enteric waterborne pathogen*. Bakteria ini mudah dikesan sekitar sistem kumbahan dan perairan semulajadi berpunca daripada hasil buangan manusia, haiwan ladang atau haiwan liar dan burung (WHO,1996). Graf 1 menunjukkan dari tahun 2015 sehingga 2019 peratusan pelanggaran jumlah Coliform dan *E. coli* sentiasa berlaku. Bagi memastikan masalah ini tidak berterusan, tindakan penambaikan segera telah dan perlu diambil oleh pihak berkepentingan bagi menangani masalah tersebut.

Graf 2 : Peratus Pelanggaran *Total Coliform* Dan *E.coli* Mengikut Daerah, 2019




	Jelebu	Kuala Pilah	Rembau	Seremban	Tampin	Jempol
Total Coliform	15.28%	15.30%	18.00%	45.65%	39.78%	51.04%
E.coli	7.64%	6.56%	2.67%	29.57%	10.50%	17.71%

Kumpulan II


Kumpulan 2, pada tahun 2019 mempunyai 13 parameter air mentah yang dipantau. Daripada jumlah keseluruhan ini, tiga mengalami masalah peratusan pelanggaran tertinggi iaitu Aluminium (28.02%), Ferum (40.95%) dan *Chemical Oxygen Demand* (16.82%). Manakala bagi parameter lain peratusan pelanggaran adalah kurang daripada 7%. *Chemical Oxygen Demand* (COD) dan *Biological Oxygen Demand* (BOD) adalah merupakan keperluan oksigen terlarut dalam air yang diperlukan dalam proses penguraian bahan inorganik. Kehadiran COD dan BOD yang tinggi dalam sumber air mentah menunjukkan tahap oksigen terlarut dalam air adalah rendah, dimana ia bermaksud kualiti air mentah adalah rendah. Ia adalah indikator menunjukkan bahawa sungai mempunyai banyak aktiviti pencemaran.

Graf 3 : Peratus Ketidakpatuhan Parameter COD dan BOD dalam Air Mentah bagi tahun 2015 - 2019



	2015	2016	2017	2018	2019
COD	17.78	15.3	18.93	18.24	16.82
BOD	4.04	5.88	1.2	2.94	2.26

Graf 4 : *"Trend"* Ketidakpatuhan Parameter Ammonia, Ferum dan Aluminium dalam Air Mentah Bagi tahun 2015 - 2019



	2015	2016	2017	2018	2019
Ammonia	1.67	2.19	1.26	0	2.6
Ferum	36.99	35.4	48.98	47.5	40.95
Aluminium	33.05	41.24	43.21	31.65	28.02

Ferum dan Mangan sememangnya merupakan unsur surih yang diperlukan dalam badan manusia. Namun, penurunan unsur ini dalam air mentah di Negeri Sembilan pada tahun 2019 menjadi indikator yang menunjukkan terdapatnya pengawalan aktiviti guna tanah dalam sungai contohnya seperti pengorekan pasir. Maklumat yang didapati dari Badan Kawal Selia Air (BKSA) Negeri Sembilan, pihak mereka telah menjalankan pembekuan permit pemprosesan pasir di Negeri Sembilan bermula bulan April 2018 sehingga kini.
Julat yang dicadangkan bagi Ammonia dalam air mentah adalah 0.0 - 1.5 mg/L. Pada nilai bacaan 1.5 mg/L, Ammonia dikatakan mampu menghasilkan bau yang kurang enak namun ia tidaklah boleh menyebabkan mudarat kepada kesihatan. Walau bagaimanapun, tahap Ammonia yang tinggi dalam air boleh menyebabkan tindakbalas kimia berlaku di antara Ammonia dengan Klorin membentuk sebatian Kloramin. Ini mengakibatkan tahap baki klorin dalam air terawat menjadi rendah dan seterusnya merisikokan kehadiran bakteria dalam air terawat.

Kehadiran Ammonia dalam air mentah mungkin di sebabkan oleh pembuangan najis (aktiviti penternakan haiwan), aktiviti pertanian (baja) dan perindustrian. Biasanya, Ammonia wujud dalam keadaan semulajadi pada tahap kepekatan di bawah 0.2 mg/L. Keadaan cuaca kemarau memberi kesan kepada kuantiti air dalam sungai di mana kuantiti air sungai berkurangan dan ini akan menyebabkan kandungan mineral dalam sungai semakin tinggi kepekatannya.


Kajian-kajian epidemiologi menunjukkan hubungan yang positif antara parameter Aluminium dalam air minuman dengan penyakit Alzheimer. Alum (aluminium sulfat) dan polialuminium klorida adalah koagulan yang banyak digunakan dalam proses merawat air mentah kerana sangat berkesan, mudah didapati dan murah. Namun jika kedua-dua bahan ini tidak digunakan dengan betul boleh menyebabkan peningkatan tahap sisa Aluminium dalam air minuman. Bagaimanapun pencapaian bagi kumpulan 2 pada tahun 2019 ini lebih baik dibandingkan tahun-tahun sebelumnya.

Kumpulan III

Pada tahun 2019, 18 parameter Kumpulan 3 yang dianalisa tidak mendaftarkan pelanggaran dalam air mentah di seluruh Negeri Sembilan. Ringkasan untuk Kumpulan III bagi parameter air mentah dalam tempoh 5 tahun iaitu 2015 hingga 2019, Arsenik merekodkan ketidakpatuhan yang menurun dalam air mentah. Kehadirannya dalam tempoh 5 tahun dikesan dalam Sungai Linggi, Seremban.

Arsenik boleh membawa kesan akut dan kronik pada manusia. Simptom keracunan arsenik boleh terdiri daripada muntah, sakit di bahagian abdomen, diarrhea, dan "*dermal lesion*". Kesan pada sistem kardiovaskular juga dapat dilihat pada kanak-kanak dengan kadar pendedahan kepada arsenik sebanyak 0.6 mg/L selama tujuh (7) tahun. Selain itu, arsenik juga boleh menjadi faktor risiko kepada kanser kulit, paru-paru, ginjal dan buah pinggang. Banyak kajian telah membuktikan perkaitan di antara keracunan Arsenik dengan kanser.

Graf 5 : "Trend" Ketidakpatuhan Parameter Arsenik, Plumbum dan Merkuri dalam Air Mentah bagi tahun 2015 - 2019



Kumpulan IV


Sepanjang tahun 2019, tiada ketidakpatuhan bagi parameter-parameter yang dikelaskan dalam kumpulan IV dikesan.

TAHAP KUALITI AIR TERAWAT DI NEGERI SEMBILAN

Kumpulan I

Enam (6) parameter dipantau dalam Program KMAM untuk Kumpulan I iaitu Total coliform, E.coli, baki klorin, pH, kekeruhan dan juga warna.

Graf 6: Ketidakpatuhan Parameter Kumpulan I dalam Air Terawat bagi tahun 2015 - 2019



Parameter *E.coli, Total Coliform,* pH dan Warna menunjukkan peningkatan kepada ketidakpatuhan piawaian yang dicadangkan oleh Unit KMAM, BPK, KKM. Daerah yang merekodkan bacaan yang tidak mematuhi piawaian bagi parameter E.coli adalah daerah Jempol - LRA Jempol (2.75%) dan bagi parameter Total Coliform dari daerah yang sama iaitu Jempol - LRA Gemas (3.57%).


Agihan / rangkaian retikulasi di daerah Jempol adalah sangat jauh dan ia memerlukan proses pembasmian kuman kedua untuk memastikan klorin mampu bertindak untuk melindungi air dari bakteria hingga ke peti yang paling jauh. Masalah utama yang dihadapi di daerah ini adalah fungsi "*secondary dosing*" yang selalu gagal.

SAINS juga ada memaklumkan bahawa permintaan air yang kurang menyebabkan air "*stagnant*" dalam tangki dan ini akan menyebabkan kandungan baki klorin menurun dan keupayaan bakteria untuk membiak di dalam air yang dibekalkan adalah tinggi.

Kumpulan II

Mangan dan Aluminium adalah merupakan parameter dari kumpulan II yang merekodkan kemerosotan kualiti pada tahun 2019.

Graf 7: Ketidakpatuhan Parameter Kumpulan II dalam Air Terawat bagi tahun 2015 - 2019



	2015	2016	2017	2018	2019
Fluoride	33.27	33.05	54.15	42.86	38.82
Aluminium	15.78	8.43	12.3	7.1	8.78
Mangan	1.99	1.11	1.88	0.9	2.29
Ferum	1.8	0.68	1.03	1.35	0.86
Nitrat	0.11	0.09	0.5	0	0
Ammonia	0.0	0.09	0.47	0	0

Perlanggaran Mangan direkodkan tinggi di daerah Tampin (7.75%). Ketidakpatuhan Fluoride direkodkan di semua daerah manakala Aluminium berjaya mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh KKM(<10.0%) iaitu sebanyak 8.78%.

Kumpulan III

Kesemua parameter logam berat yang dipantau dalam Program KMAM adalah mematuhi piawaian yang dicadangkan oleh KKM pada tahun 2019.

Kumpulan IV


Kesemua parameter pestisid yang dipantau dalam Program KMAM adalah mematuhi piawaian yang dicadangkan oleh KKM pada tahun 2019.

PENCAPAIAN PROGRAM PENJAMINAN MUTU (*QUALITY ASSURANCE PROGRAMME*, QAP)

Pada tahun 2019, SAINS berjaya mematuhi empat (4) dari lima (5) parameter QAP iaitu E.coli, kekeruhan, baki klorin dan aluminium bagi Negeri Sembilan. Parameter bergabung E.coli dan baki klorin mencatatkan ketidakpatuhan 0.05%, iaitu melebihi <0.05%. Daerah Jempol adalah penyumbang kepada ketidakcapaian QAP ini.


Walaupun QAP secara keseluruhan adalah baik namun penyumbang terbesar kepada kemerosotan parameter QAP E.coli (0.59%), kekeruhan (1.63%) dan baki klorin (2.96%) adalah dari daerah Jempol, parameter Aluminium dari daerah Tampin (17.83%). Graf 8 hingga 11 memaparkan pencapaian QAP bagi tahun 2019 mengikut daerah.

Graf 8 : Peratus Pencapaian QAP bagi Parameter E.coli Tahun 2019




	Jelebu	Kuala Pilah	Port Dickson	Rembau	Seremban	Tampin	Jempol	N.Sembilan
E.coli	0.00	0.11	0.00	0.00	0.16	0.00	0.59	0.13
Piawaian QAP	0.15	0.15	0.15	0.15	0.15	0.15	0.15	0.15

Graf 9 : Peratus Pencapaian QAP bagi Parameter Baki Klorin Tahun 2019




	Jelebu	Kuala Pilah	Port Dickson	Rembau	Seremban	Tampin	Jempol	N.Sembilan
Baki Klorin	0	0.00	0.00	0.00	0.00	0.16	2.96	0.38
Piawaian QAP	1.85	1.85	1.85	1.85	1.85	1.85	1.85	1.85

Graf 10 : Peratus Pencapaian QAP bagi Parameter Kekeruhan Tahun 2019



	Jelebu	Kuala Pilah	Port Dickson	Rembau	Seremban	Tampin	Jempol	N.Sembilan
Kekeruhan	0.52	0.00	0.36	0.00	0.00	1.10	1.63	0.44
Piawaian QAP	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00

Graf 11 : Peratus Pencapaian QAP bagi Parameter Aluminium Tahun 2019



	Jelebu	Kuala Pilah	Port Dickson	Rembau	Seremban	Tampin	Jempol	N.Sembilan
Aluminium	10.34	5.52	9.41	11.40	2.21	17.83	11.61	8.78
Piawaian QAP	10	10	10	10	10	10	10	10

Daerah Jempol merekodkan ketidakpatuhan Parameter Baki Klorin dalam air terawat yang agak tinggi iaitu 2.96% berbanding piawaian yang dibenarkan <1.85%. Stesen yang dikenalpasti kerap berlakunya perlanggaran ini adalah di Felda Palong 7, Palong 9, Palong 12 dan Palong 14 (Rangkaian Air dari LRA Gemas).

Agihan / rangkaian retikulasi di daerah Jempol adalah sangat jauh dan ia memerlukan proses pembasmian kuman kedua untuk memastikan klorin mampu bertindak untuk melindungi air dari bakteria hingga ke peti yang paling jauh. Masalah utama yang dihadapi di daerah ini adalah fungsi "*secondary dosing*" yang selalu gagal. Justeru, jumlah baki klorin adalah kurang dari piawaian yang dicadangkan oleh KKM iaitu 0.2 mg/dl hingga 5.0 mg/dl.

Isu ini telah dibincangkan bersama SAINS dengan kehadiran SPAN Cawangan Wilayah Selatan. Lawatan ke lokasi "*secondary dosing*" juga telah dilakukan bersama SPAN dan kesihatan namun malangnya ia masih berterusan dari 2016 hingga ke tahun 2019. SAINS juga ada memaklumkan bahawa permintaan air yang kurang menyebabkan air "*stagnant*" dalam tangki dan ini akan menyebabkan kandungan baki klorin menurun.

Di daerah Tampin, pencapaian QAP bagi parameter Aluminium sangat tinggi iaitu 17.83%. Lokasi yang dikenalpasti sering melebihi piawaian bagi parameter ini adalah di stesen TPO Dangi dan SRO Dangi (Rangkaian LRA Dangi).

Semua maklumat berkaitan pencapaian pematuhan QAP dalam Program KMAM di Negeri Sembilan telah dimaklumkan kepada SAINS melalui medium – medium perbincangan bersama SPAN dan agensi-agensi lain.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kualiti air yang dibekalkan pada tahun 2019 oleh Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) di Negeri Sembilan di kesemua loji dan rangkaian air adalah semakin baik. Masih ada banyak ruang untuk penambahbaikan dari segi kualiti. Isu kualiti air di daerah Jempol juga sudah agak lama dan masih belum dapat diatasi dengan baik bagi parameter baki klorin terutamanya.

Air yang dibekalkan mestilah selamat untuk diminum. Objektif ini akan dapat dicapai melalui kerjasama yang baik diantara pelbagai agensi yang berkaitan bagi memastikan kelestarian sumber air yang bersih. Perbincangan berkaitan kualiti air di pelbagai peringkat haruslah sentiasa dilaksanakan bagi memastikan air yang bersih ini dapat dinikmati oleh rakyat.

4.3. SEKSYEN OPERASI HOSPITAL

Seksyen Operasi Hospital bertanggungjawab di dalam membuat pemantauan ke atas kontrak Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH). Kontrak PSH ini adalah kontrak penyelenggaraan selama sepuluh (10) tahun bermula 1 April 2015. Skop perkhidmatan yang terdapat di dalam kontrak PSH ini termasuklah:

- *Facility Engineering Maintenance Services* (FEMS)
- *Facilities Management Services* (FMS)
- *Biomedical Engineering Maintenance Services* (BEMS)
- *Cleansing Services* (CLS)
- *Healthcare Waste Management Services* (HWMS)
- *Linen and Laundry Services* (LLS)

Sebanyak enam (6) buah hospital di Negeri Sembilan yang terlibat di dalam kontrak PSH ini iaitu Hospital Tuanku Ja'afar, Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Hospital Port Dickson, Hospital Tampin, Hospital Jempol dan Hospital Jelebu. Syarikat yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti penyelenggaraan bagi semua hospital tersebut ialah Medivest Sdn Bhd.

VISI

Perkhidmatan kejuruteraan yang profesional, berpengetahuan, cekap dan berkemahiran tinggi di dalam memberi perkhidmatan kejuruteraan berkualiti dan berinovatif.

MISI

Memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada:

- Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti perkhidmatan kejuruteraan fasiliti dan peralatan biomedikal, perkhidmatan pembersihan, pembekalan linen dan pengurusan sisa klinikal serta perkhidmatan penyelenggaraan fasiliti kesihatan.
- Perancangan, pelaksanaan, penyeliaan projek-projek fizikal di fasiliti kesihatan.

OBJEKTIF


- Memastikan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) dilaksanakan mengikut kontrak dan sistem kejuruteraan hospital berfungsi dengan optimum.
- Memberikan khidmat nasihat teknikal mengikut "*best engineering practice*" serta lain-lain yang berkaitan.
- Memperkukuhkan dan memperkasakan pemantauan PSH melalui pembangunan modal insan dan kompetensi serta pemahaman terhadap kontrak PSH.

PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT

Objektif utama Unit Kejuruteraan (Operasi Hospital) ialah memastikan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) dilaksanakan mengikut kontrak dan sistem kejuruteraan hospital berfungsi dengan optimum. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan bagi mencapai objektif ini adalah dengan memantau pencapaian sasaran *uptime* bagi aset yang terdapat di semua hospital.


Aset-aset di hospital boleh dikategorikan kepada dua (2) iaitu aset FEMS dan aset BEMS. Jumlah aset FEMS dan BEMS yang terdapat di setiap hospital pada tahun 2019 adalah seperti berikut.

Carta 1: Jumlah Aset FEMS dan BEMS Berusia 15 Tahun ke Bawah




Sasaran *uptime* bagi setiap aset adalah berpandukan kepada usia dan kategori aset tersebut sepertimana yang dinyatakan di dalam dokumen kontrak Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH). Bagi tahun 2019, pemantauan *uptime* telah dilaksanakan ke atas 23,667 buah aset FEMS dan BEMS yang berusia 15 tahun dan ke bawah. Daripada jumlah itu, sebanyak 23,391 buah aset atau 98.83% telah mencapai sasaran *uptime* yang telah ditetapkan. Carta berikut menunjukkan peratusan aset BEMS dan FEMS yang mencapai sasaran *uptime* mengikut hospital bagi tahun 2019.

Carta 2 : Jumlah Peratusan Aset BEMS Dan FEMS yang Mencapai Sasaran *Uptime*



Jumlah peratusan aset FEMS dan BEMS yang mencapai sasaran *uptime* pada tahun 2019 didapati telah meningkat sebanyak sebanyak 0.16% menjadi 98.83% daripada tahun sebelumnya. Berikut ialah carta yang menunjukkan peningkatan bagi peratusan pencapaian sasaran *uptime* bermula dari tahun 2015 iaitu tahun kontrak Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital ditandatangani.

Carta 3 : Peratusan Pencapaian Sasaran *Uptime* Mengikut Tahun



KESIMPULAN

Secara umumnya, pencapaian sasaran *uptime* bagi setiap aset yang terdapat di semua hospital secara tidak langsung dapat memberi gambaran ke atas tahap Perkhidmatan Sokongan Hospital bagi skop perkhidmatan BEMS dan FEMS yang dilaksanakan di hospital. Peningkatan pencapaian sasaran *uptime* ini menunjukkan bahawa perkhidmatan ini telah dilaksanakan dengan lebih baik dan berkesan berbanding tahun sebelumnya.

4.4. SEKSYEN OPERASI KLINIK

Unit Fasiliti Klinik berperanan dalam memastikan pengurusan penyelenggaraan fasiliti kesihatan dan peralatan biomedikal dilaksanakan dengan mengikut amalan kejuruteraan yang baik serta terma kontrak.

- Pelaksanaan dan pemantauan Kontrak Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) bagi perkhidmatan penyelenggaraan kejuruteraan fasiliti, perkhidmatan pembersihan dan pengurusan sisa klinikal untuk 12 klinik kesihatan & 1 klinik pergigian.
- Pemantauan pelaksanaan penyelenggaraan perlatan perubatan serta pembekalan dan pemasangan peralatan perubatan baru berdasarkan penentuan GAP dibawah kontrak *Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET).
- Memberikan khidmat nasihat teknikal kejuruteraan berkaitan fasiliti klinik kesihatan dan peralatan biomedikal.

PENGENALAN PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIK (PSK)

Objektif PSK adalah untuk memastikan pembaikan dan selenggaraan dilaksanakan secara komprehensif dan sistematik terhadap aset dan fasiliti klinik kesihatan dan klinik pergigian bagi skop perkhidmatan FEMS, CLS dan CWMS. Syarikat yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah RND Resources Sdn Bhd dimana kontrak bermula pada 1 Jun 2019 hingga 31 Mei 2022 selama 3 tahun dengan nilai kontrak RM 27,953,980.00.

SKOP PERKHIDMATAN PSK

Skop perkhidmatan yang terlibat adalah:

- **Facility Engineering Maintenance Services (FEMS)**
  Melibatkan PPM dan CM ke atas bangunan, infrastruktur dan sistem-sistem kejuruteraan mekanikal dan elektrikal termasuk penyelenggaraan lanskap serta kawalan serangga perosak.

- **Cleansing Services (CLS)**
  Melibatkan pencucian, pembersihan ruangan dalaman dan luaran bangunan serta menyediakan peralatan, kelengkapan dan bahan-bahan pencucian / kebersihan diri.

- **Clinical Waste Management Services (CWMS)**
  Melibatkan proses pengutipan, penyimpanan, pengangkutan termasuk pengurusan pelupusan oleh Kualiti Alam dan juga pembekalan bahan guna habis.

SENARAI FASILITI KESIHATAN YANG TERLIBAT

1. Klinik Kesihatan Bahau
2. Klinik Kesihatan Gemas
3. Klinik Kesihatan Gemencheh
4. Klinik Kesihatan Johol
5. Klinik Kesihatan Juasseh
6. Klinik Kesihatan Kuala Pilah
7. Klinik Kesihatan Lukut
8. Klinik Kesihatan Port Dickson
9. Klinik Kesihatan Rembau
10. Klinik Kesihatan Senawang
11. Klinik Kesihatan Seremban
12. Klinik Kesihatan Seremban 2
13. Pusat Pergigian Pakar Seremban

PENCAPAIAN PSK

Pencapaian prestasi syarikat RND Resources Sdn. Bhd. adalah ditentukan berdasarkan CPA tahunan. CPA bagi penilaian dari Jun hingga Disember 2019 adalah seperti berikut :

Kriteria	Perkhidmatan	% PPM Jun 2019 – Disember 2019
Planned Preventive Maintenance (PPM)	Facility Engineering Maintenance Services (FEMS)	97.00%
	Cleansing Services (CLS)	99.00%
	Clinical Waste Management Services (CWMS)	100.00%

PENGENALAN *MEDICAL EQUIPMENT ENHANCEMENT TENURE* (MEET)

Program MEET ini adalah kontrak penyelenggaraan dan pembekalan peralatan biomedikal selama tiga belas (13) tahun bermula 17hb Disember 2014 sehingga 16hb Disember 2027. Semua klinik kesihatan, klinik pergigian dan klinik desa termasuklah klinik komuniti di Negeri Sembilan terlibat dalam kontrak MEET ini. Syarikat yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah Quantum Medical Solutions Sdn Bhd.

SKOP PERKHIDMATAN

Skop perkhidmatan yang utama kontrak MEET adalah:

i. Penyelenggaraan Peralatan Perubatan
   a. Penyelenggaran berjadual dan tidak berjadual bagi;
      i. *Existing Biomedical Equipment* (EBE)
      ii. *New Biomedical Equipment* (NBE) & *Purchase Biomedical Equipment* (PBE)

ii. Pembekalan & Pemasangan Peralatan Perubatan
   a. Perolehan peralatan NBE & PBE berdasarkan senarai *equipment gap*.

KATEGORI PERALATAN BIOMEDIKAL

Bilangan peralatan biomedikal mengikut kategori adalah seperti berikut:

Kategori Peralatan	Bilangan Peralatan Biomedikal			
	Kesihatan		Pergigian	
	2018	2019	2018	2019
Existing Biomedical Equipment (EBE)	3,572	3,951	1,678	2,031
New Biomedical Equipment (NBE)	668	1,341	131	652
Purchase Biomedical Equipment (PBE)	416	1,126	307	246
JUMLAH	**4,656**	**6,418**	**2,116**	**2,929**

Sumber daripada *Computerized Asset Maintenance Management System* (CAMMS)

Pertambahan peralatan biomedikal sebanyak 1843 adalah melalui perolehan peralatan dalam kontrak MEET iaitu PBE & NBE bagi tahun 2019. Manakala pertambahan sebanyak 732 bilangan peralatan EBE adalah peralatan sedia ada dimasukkan dalam kontrak MEET.

KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)

Pencapaian prestasi syarikat Quantum Medical Solutions Sdn. Bhd. adalah ditentukan berdasarkan KPI seperti berikut:

Bil.	*KEY PERFORMANCE INDICATORS*	2017	2018	2019
1.	*Response Time (Clinic's Operational Days)*	97.91%	99.56%	99.87%
2.	*Repair Time (Clinic's Operational Days)*	60.33%	79.59%	91.06%
3.	*Preventive Maintenance (To be completed within the scheduled month)*	58.06%	88.15%	98.16%

Sumber daripada *Computerized Asset Maintenance Management System* (CAMMS)

Berdasarkan kepada KPI yang telah ditetapkan syarikat menunjukan prestasi yang meningkat bagi semua KPI bagi tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018.

BAHAGIAN PERGIGIAN

PENGENALAN

Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Sembilan merupakan komponen Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan yang memberi perkhidmatan kesihatan pergigian secara holistik kepada masyarakat di Negeri Sembilan melalui kolaborasi dengan agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan. Pengurusan perkhidmatan diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) yang bertanggungjawab kepada Pengarah Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan.

Terdapat tujuh buah Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah di Negeri Sembilan iaitu Seremban, Kuala Pilah, Jempol, Tampin, Port Dickson, Jelebu dan Rembau di mana pentadbiran adalah dibawah Pegawai Pergigian Daerah.

Fungsi Bahagian Kesihatan Pergigian merangkumi perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian semua aktiviti-aktiviti utama perkhidmatan kesihatan pergigian, keperluan sumber kewangan, sumber manusia, infrastruktur dan pentadbiran am.

Fungsi utama adaah seperti berikut:

Fungsi 1 : Pengurusan
- Kewangan / Perolehan
- Perkhidmatan
- Pentadbiran

Fungsi 2 : Penjagaan Kesihatan Pergigian
- Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer
- Penjagaan Kesihatan Pergigian Kepakaran
- Penjagaan Kesihatan Pergigian Masyarakat
- Peningkatan Kualiti-*KPI/NIA/DSA*
- Kualiti MS ISO 9001:2015
- Epidemiologi dan Kajian

Fungsi 3 : Amalan Dan Perkembangan Kesihatan Pergigian
- Perundangan dan Penguatkuasaan
- Amalan Kesihatan Pergigian Profesional dan Auksiliari
- Pengendalian Kecederaan Akibat Alat Tajam
- Perkhidmatan sokongan - *QMS, MEET*, PSK
- Pembangunan Kemudahan Pergigian
- Kualiti- Inisiatif Inovasi, KIK, QA

Fungsi 4 : Pengurusan Teknikal Kesihatan Pergigian
- Perkembangan Profesion Kesihatan Pergigian
- Promosi Kesihatan Pergigian
- Latihan lapangan (*Accreditation & Globalisation/Elective Posting*)
- Teknologi Maklumat dan Pengurusan Maklumat - *TPC- OHCIS / HRMIS*
- Peningkatan Kualiti-EKSA, *QA*, Waktu Menunggu Rawatan Dan Kajian Kepuasan Pelanggan
- Pengendalian Aktiviti Pendidikan Kesihatan Pergigian

VISI DAN MISI

Adalah selaras dengan Visi dan Misi Kementerian Kesihatan Malaysia

VISI
Negara menggembeleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik

MISI

Misi Kementerian Kesihatan adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama:
Memberi perkhidmatan

i. untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:
- mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
- menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
- mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka

ii. untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi iaitu:
- mengutamakan pelanggan
- saksama
- tidak membebankan
- cekap
- wajar mengikut teknologi
- boleh disesuaikan mengikut persekitaran
- inovatif

iii. dengan menekankan:
- sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
- sifat menghormati maruah insan
- penglibatan masyarakat

OBJEKTIF

Mempertingkatkan taraf kesihatan pergigian penduduk melalui perkhidmatan pergigian, penggalakan, pencegahan, perawatan dan pemulihan dengan memberi keutamaan kepada kumpulan sasaran utama supaya taraf kesihatan masyarakat dikekalkan selaras dengan kemajuan sosio-ekonomi negara.

PENCAPAIAN PROGRAM

1.0 PENGURUSAN

1.1 Sumber Kewangan

Bagi tahun 2019, Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan telah menerima peruntukan sejumlah RM50,268,864.00 di bawah Belanja Mengurus dan sebanyak RM54,519,284.00 (108.5%) telah dibelanjakan. Bahagian ini juga telah menerima sejumlah RM2,560,540.50 di bawah peruntukan Pembangunan dan telah membelanjakan sebanyak RM2,560,460.80 (99.9%). Peruntukan dan perbelanjaan bagi tahun 2019 adalah seperti di Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Prestasi Perbelanjaan Tahun 2019

Kod Aktiviti	Emolumen		Perkhidmatan & Bekalan		Lain-lain		Jumlah	
	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan
040000	44,438,000.00	48,685,288.00	5,830,864.00	5,833,996.00	-	-	50,268,864.00	54,519,284.00
00105 (LDP)	-	-	-	-	89,000.00	88,998.50	89,000.00	88,998.50
006020 (*Aircond*)	-	-	-	-	41,000.00	41,000.00	41,000.00	41,000.00
01100 (Aset)	-	-	-	-	938,911.65	938,911.65	938,911.65	938,911.65
BP 06000	-	-	-	-	599,437.20	599,359.00	599,437.20	599,359.00
JUMLAH	**44,438,000.00**	**48,685,288.00**	**5,830,864.00**	**5,833,996.00**	**1,668,348.85**	**1,668,269.15**	**51,937,212.85**	**56,187,553.15**

1.2 Sumber Manusia

Perjawatan

Pada tahun 2019 sebanyak 881 daripada 918 perjawatan telah diisi (95.97%). Kedudukan perjawatan dari tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti di Jadual 2. Terdapat 163 orang Pegawai Pergigian menyandang jawatan kontrak di dalam program *New Dental Officer* (NDO).

Jadual 2 : Kedudukan Perjawatan Dari Tahun 2015 Hingga 2019

Perkara	2015	2016	2017	2018	2019
Bil. Perjawatan	908	916	912	922	918
Bil. & Peratus Pengisian	837 (92.2%)	841 (91.81%)	913 (100.1%)	858 (93.06%)	881 (95.97%)
Bil. & Peratus Kekosongan	71 (7.6%)	75(8.19%)	-1 (0.1%)	64 (6.94%)	37 (4.03%)

1.3 Kemudahan

Jumlah fasiliti adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3 : Kemudahan Fasiliti Pergigian

Bil	Jenis Klinik Pergigian	Jumlah
1	Klinik Pergigian 'Standalone'	7
2	Klinik Pergigian Pakar di Hospital	2
3	Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan	36
4	Klinik Pergigian UTC	1
5	Klinik Pergigian Sekolah Rendah	28
6	Klinik Pergigian Sekolah Menengah	9
7	Klinik Pergigian Bergerak	1
8	Makmal Pergigian Bergerak	1
9	Pasukan Pergigian Bergerak Sekolah Rendah	34
10	Pasukan Pergigian Bergerak Sekolah Menengah	
11	Pasukan Pergigian PraSekolah	
12	Lain-lain klinik / Klinik Pergigian di Institusi Lain	4
	JUMLAH	**123**

2.0 PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN

Bahagian Kesihatan Pergigian bertanggungjawab dalam menyediakan aksess kepada jagaan kesihatan pergigian yang mencukupi terutamanya kepada populasi yang kurang mendapat perkhidmatan dan memantau hasil akhir bagi memastikan penyampaian jagaan berkualiti.


2.1 Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer

Bahagian Kesihatan Pergigian bertanggungjawab dalam menyediakan akses kepada jagaan kesihatan pergigian yang mencukupi terutamanya kepada populasi yang kurang mendapat perkhidmatan dan memantau hasil akhir bagi memastikan penyampaian jagaan berkualiti. Perkhidmatan Pergigian diberikan mengikut kumpulan keutamaan iaitu:

- Toddler
- Kanak-kanak prasekolah
- Murid Sekolah Rendah dan Menengah
- Kanak-kanak Bekeperluan Khas
- Ibu Mengandung
- Orang Dewasa
- Warga Emas


Penggunaan fasiliti Kesihatan Pergigian KKM di Negeri Sembilan mengikut kumpulan keutamaan adalah seperti yang ditunjukkan di Graf 1. Pesakit dewasa merupakan kumpulan yang paling tinggi mendapat perkhidmatan pergigian bagi tahun 2019.

Graf 1 : Peratus Kedatangan Pesakit Baru di Fasiliti KKM Tahun 2019 Berdasarkan Kumpulan Sasaran



Terdapat peningkatan dari segi bilangan pesakit luar yang hadir ke Klinik Pergigian pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya seperti yang ditunjukkan dalam Graf 2. Peningkatan sebanyak 0.4 peratus pesakit baru yang telah menerima perkhidmatan pergigian pada tahun 2019 berbanding tahun 2018.


Graf 2 : Kedatangan Pesakit Baru Dan Jumlah Kedatangan Pesakit Ke Klinik Pergigian (2015 - 2019)



Program Toddler

Graf 3 menunjukkan sejumlah 25,462 toddler telah diperiksa pada tahun 2019 dan terdapat peningkatan berbanding tahun 2018. Di dalam program ini ibubapa / penjaga diberi *Anticipitory guidance* (AG) manakala toddler akan menerima aplikasi *Fluoride Varnish* (FV).


Graf 3 : Bilangan Toddler Yang Diperiksa Tahun 2015 - 2019



Program Pra Sekolah

Perkhidmatan kesihatan pergigian kepada murid-murid prasekolah diberi kepada kanak-kanak di tadika-tadika kerajaan / prasekolah dan tadika swasta. Program ini dijalankan untuk menanam minat serta kesedaran terhadap penjagaan kesihatan pergigian. Aktiviti-aktiviti bawah program ini merangkumi latihan memberus gigi (LMG), ceramah dan *'role play'* serta rawatan tampalan *ART* melalui sesi lawatan sebanyak dua kali setahun ke tadika / prasekolah oleh Juruterapi Pergigian. Pada tahun 2019, terdapat penurunan peratusan dari segi kes baru dan peningkatan liputan bagi kanak-kanak pra sekolah berbanding tahun 2018.

Graf 4 : Pencapaian Program Prasekolah Tahun 2015 - 2019




Program Sekolah Rendah dan Menengah

Terdapat 351 buah sekolah rendah dan 124 buah sekolah menengah telah mendapat perkhidmatan Pergigian pada tahun 2019. Pencapaian bagi sekolah rendah dan menengah adalah seperti di Jadual 4 dan Graf 5 & 6.


Jadual 4 : Peratus Pesakit Baru Sekolah Tahun 2015 - 2019

BIL	INDIKATOR	2015	2016	2017	2018	2019
1	Peratus murid sekolah rendah dirawat (kes baru)	99.1%	90%	99.6%	99.5%	**99.5 %**
2	Peratus murid sekolah menengah dirawat (kes baru)	99.2%	98.9%	99.1%	98.7%	**99.1 %**

Graf 5 : Petunjuk Impak bagi Program Sekolah Rendah Tahun 2015 - 2019



Graf 6 : Petunjuk Impak bagi Program Sekolah Menengah Tahun 2015 - 2019




Graf 5 menunjukkan pada tahun 2019 terdapat peningkatan peratusan TPR bagi murid sekolah rendah dan juga murid 6 tahun mulut bebas karies. Terdapat juga peningkatan kecil bagi peratusan murid 12 tahun bebas karies. Graf 6 menunjukkan peningkatan bagi peratusan murid sekolah menengah TPR & peratusan murid 16 tahun bebas karies.


Program Kanak-Kanak Berkeperluan Khas

Pada tahun 2019 hanya 3,407 kanak-kanak berkeperluan khas yang diperiksa dan ia menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2018. Bilangan ini merupakan 95.4 % dari keseluruhan KKI yang berada di PDK dan Kelas Pendidikan Khas Sekolah Rendah dan Menengah (dari Graf 7). Peratus tidak perlu rawatan (TPR) meningkat bagi sekolah rendah serta meningkat juga bagi sekolah menengah serta Pusat Dalam Komuniti (dari Graf 8). Usaha-usaha penerapan penjagaan kesihatan pergigian kendiri kepada pelatih dan penjaga perlu dipertingkatkan bagi pelatih di PDK memandangkan peratus tidak perlu rawatan mereka yang masih rendah iaitu hanya 39.1%.

Graf 7 : Pesakit Baru KKI Yang Diperiksa Di Institusi Dan Sekolah Tahun 2015 - 2019



Graf 8 : Peratus KKI yang Tidak Perlu Rawatan Tahun 2015 - 2019




Program Ibu Mengandung


Program ini dijalankan bagi memberi kesedaran tentang kepentingan kesihatan mulut bagi ibu dan anak. Aktiviti terdiri dari pemeriksaan mulut, rawatan serta ceramah pergigian.

Pada tahun 2019, didapati 72.8% pesakit yang mendaftar di Klinik Ibu dan Anak (KKIA) telah menjalani pemeriksaan pergigian dan 80.0% menerima pendidikan kesihatan pergigian. 53.1% ibu mengandung yang diperiksa telah menerima rawatan pergigian sehingga selesai kes.

Graf 9 : Bilangan Kes Baru Ibu Mengandung Tahun 2015 - 2019




Graf 10 : Pencapaian Indikator bagi Program Ibu Mengandung Tahun 2015-2019



Program Kesihatan Pergigian Warga Emas

Bagi golongan warga emas, mereka diberi laluan keutamaan untuk mendapatkan rawatan pergigian bagi pesakit yang hadir ke klinik pergigian. Selain itu pembangunan fasiliti juga dibuat selaras dengan keperluan mereka. Program khas juga dijalankan di institusi warga emas dibawah kelolaan kerajaan dan swasta yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bilangan Pesakit Baru Warga Emas di Klinik Pergigian dan Institusi hanya meliputi 19,448 daripada 148,500 (13.1%) keseluruhan warga emas di Negeri Sembilan. Pada tahun 2019 sebanyak 22 buah institusi telah dilawati.


Graf 11 : Bilangan Pesakit Baru Warga Emas di Klinik Pergigian Dan Institusi (2015 - 2019)



Program Kesihatan Pergigian Primer Untuk Orang Asli

Pada tahun 2019 sebanyak 46 daripada 68 (67.6%) buah kampung orang asli telah dilawati. Aktiviti yang dijalankan semasa program tersebut ialah pemeriksaan dan rawatan pergigian, ceramah kesihatan pergigian, latihan memberus gigi dan pameran. Secara keseluruhan bilangan orang asli yang diperiksa hanya 830 daripada 11,096 (7.5%) pada tahun 2019 berkurangan berbanding tahun 2018.

Graf 12 : Bilangan Orang Asli Menjalani Pemeriksaan Pergigian



Perkhidmatan Pergigian Bergerak - Makmal Pergigian Bergerak (MPB)

Pada tahun 2019, Makmal Pergigian Bergerak telah digunakan di 36 lokasi dan telah memberi perkhidmatan kepada 167 orang pesakit. Sejumlah 248 gigi telah dapat dihasilkan pada tahun ini.


2.2 Kesihatan Pergigian Kepakaran

Terdapat 5 Kepakaran Pergigian di Negeri Sembilan dimana ia dikategorikan sebagai kepakaran *Hospital Based* dan Kepakaran *Non Hospital Based*. Kepakaran *Hospital Based* terdiri dari Kepakaran Bedah Mulut & Maksilofasial dan Kepakaran Pergigian Pediatrik. Kepakaran *Non Hospital Based* terdiri dari Ortodontik, Periodontik dan Restoratif. Jadual 5 menunjukkan lokasi dan taburan klinik kepakaran di Negeri Sembilan. Graf 13 menunjukkan pertambahan bilangan pesakit yang menerima rawatan kepakaran pergigian sepanjang tahun 2019.

Jadual 5 : Lokasi dan Taburan Klinik Pergigian Pakar di Negeri Sembilan

Kepakaran Bedah Mulut dan Maksilofasial	Bertempat di Hospital Tuanku Jaafar Seremban dan Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah.
Kepakaran Pergigian Pediatrik	Bertempat di Hospital Tuanku Jaafar Seremban dan Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah.
Kepakaran Ortodontik	Bertempat di Pusat Pakar Pergigian Seremban, Klinik Pergigian Seremban 2, Klinik Pergigian Senawang,Klinik Pergigian Kuala Pilah, Klinik Pergigian Port Dickson dan Klinik Pergigian Tampin.
Kepakaran Pergigian Periodontik	Bertempat di Pusat Pakar Pergigian Seremban dan Klinik Pergigian Kuala Pilah.
Kepakaran Pergigian Restoratif	Bertempat di Pusat Pakar Pergigian Seremban dan Klinik Pergigian Kuala Pilah.

Graf 13 : Bilangan Pesakit Baru Yang Menerima Rawatan Kepakaran Tahun 2015 - 2019



2.3 Kesihatan Pergigian Masyarakat

Program Pemfloridaan Bekalan Air Minuman

Pemfloridaan bekalan air awam adalah salah satu cara untuk mencegah kejadian karies. Ia adalah selamat, efektif dan ekonomi dalam kaedah pencegahan dan kawalan karies. Bagi kawalan kejadian karies ini, paras optimum florida mesti berada dalam julat 0.4 ppm hingga 0.6 ppm. Pada tahun 2019 dianggarkan 97.45 % daripada penduduk Negeri Sembilan telah menerima bekalan air berfluorida. Jadual 6 menunjukkan paras optimal florida di tapak retikulasi.

Jadual 6 : Pencapaian Peratusan Paras Optima Florida Di Tapak Retikulasi

Tahun	Paras < 0.4 ppm (25%)	Paras < 0.6 ppm (7%)
2015	0.00	0.00
2016	0.00	0.00
2017	2.28	0.20
2018	1.79	0.00
2019	1.14	2.56

Pencegahan Klinikal

- Program Pengapan Fisur Berasaskan Sekolah - seramai 6,788 orang pelajar telah menerima pengapan fisur melibatkan 12,885 batang gigi.
- Program Sapuan Fluorida - seramai 11,527 orang kanak-kanak yang berisiko terhadap karies telah menerima sapuan fluorida manakala 346 orang telah selesai menerima 4 kali sapuan.

Program Pencegahan Dan Pengesanan Awal Prakanser Dan Kanser Mulut

Program ini meliputi pemeriksaan mulut, ceramah pergigian dan pameran pendidikan kesihatan pergigian. Kes akan dirujuk kepada Pakar Bedah Mulut sekiranya perlu. Saringan ini dijalankan ke atas pesakit yang berisiko di estet / ladang dan juga semasa program kemasyarakatan serta pesakit luar yang hadir ke klinik.

Dari Jadual 7 di bawah, didapati pada tahun 2019 terdapat peningkatan yang ketara dari segi bilangan pesakit yang dirujuk kepada Pakar Bedah Mulut.

Jadual 7 : Saringan Kanser Mulut Tahun 2015 - 2019

Bil.	Indikator	2015	2016	2017	2018	2019
1	Bilangan Komuniti Disaring	1,130	1,292	1,233	1,065	1,288
2	Bilangan Komuniti Dilawati	45	41	77	55	42
3	Bilangan Komuniti diberi ceramah	1,903	1,920	3,360	3,331	3,492
4	Bilangan Pesakit dirujuk ke Pakar Bedah Mulut	4	2	22	22	19

2.4 Pencapaian Peningkatan Kualiti - KPI / NIA / DSA

Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Jadual 8 menunjukkan pencapaian indikator Petunjuk Prestasi Utama tahun 2019 mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Terdapat 2 KPI yang tidak mencapai piawaian seperti berikut:

- Peratus warga emas berumur 60 tahun yang mempunyai 20 batang gigi atau lebih.
- Peratus aktiviti ikon gigi (iGG) sekurang-kurangnya 2 kali sebulan.

Jadual 8 : Pencapaian *Key Performance Indicator* 2019

KRA	KPI	Sasaran 2019	N	D	Pencapaian (%)
Akses kepada perkhidmatan kesihatan pergigian	1. Peratus klinik pergigian (KP yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar setiap hari	≥84.0%	37	41	90.24%
	2. Peratus Klinik Kesihatan (KK) yang mempunyai komponen fasiliti pergigian	≥75.0%	36	41	78.26%
	3. Peratus Liputan Ibu Mengandung	≥ 60%	12,547	17,238	72.79%
Taraf kesihatan pergigian murid sekolah	4. Peratus murid sekolah rendah mencapai status *orally-fit* (liputan)	≥ 96.5%	101,654	103,145	98.55%
	5. Peratus murid sekolah menengah mencapai status *orally-fit* (liputan)	≥ 85.0%	76,944	79,785	96.44%
Taraf kesihatan pergigian murid sekolah	6. Peratus murid sekolah rendah dengan status *maintaining orally-fit* **(KPI baharu 2019)**	≥ 65%	71,819	102,648	69.97%
	7. Peratus murid sekolah menengah dengan status *maintaining orally-fit*	≥ 70%	58,684	79,046	74.24%
	8. Peratus murid 6 tahun bebas penyakit karies gigi **(KPI baru untuk 2019)**	≥ 50%	9,556	17,498	54.61%
	9. Peratus murid 12 tahun bebas penyakit karies gigi	≥ 70%	13,818	16,655	82.97%
	10. Peratus murid 16 tahun bebas penyakit karies gigi **(KPI baru untuk 2019)**	≥ 50%	10,336	15,100	68.45%
	11. Peratus murid sekolah rendah yang perlu sealan fisur mendapat rawatan sealan fisur	≥ 96%	6,788	6,840	99.24%
Taraf kesihatan pergigian murid sekolah	12. Peratus murid sekolah yang dikenalpasti sebagai perokok semasa yang telah menjalani sekurang-kurangnya 3 kali sesi intervensi lanjutan melalui Program KOTAK -Murid sekolah rendah &sekolah menengah	≥ 51%	2,046	2,696	75.89%
Taraf kesihatan pergigian ibu mengandung	13. Peratus ibu mengandung mencapai status *orally fit* **(KPI baru 2019)**	≥ 45.0%	6,849	12,907	53.06%
Taraf kesihatan pergigian warga emas	14. Peratus warga emas berumur 60 tahun yang mempunyai ≥20 batang gigi yang berfungsi	≥ 60.0%	696	1,633	42.62%
	15. Peratus pesakit mendapat dentur dalam tempoh 3 bulan	≥ 64.0%	3,890	4,395	88.51%

KRA	KPI	Sasaran 2019	N	D	Pencapaian (%)
Pemberian Perkhidmatan Dentur	16. Peratus pesakit berumur 60 tahun ke atas mendapat dentur dalam tempoh 8 minggu	≥ 50.0%	1,464	2,171	67.43%
Kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan	17. Peratus ikon gigi (iGG) yang menjalankan aktiviti sekurang-kurangnya 1 kali sebulan **(penambahbaikan)**	≥ 61%	12	39	30.77%
	18. Peratus Peruntukan Tahunan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Program Kesihatan Pergigian, KKM Selesai Dibelanja Pada Minggu Pertama Disember Tahun Semasa	100%	RM 88,998.50	RM 89,000.00	100%
Perkhidmatan Pergigian Berkualiti dan Pensijilan MS ISO	19. Peratus klinik pergigian dengan persijilan MS ISO 9001:2015	≥ 85.0%	40	41	97.56%
	20. Peratus Fasiliti Pergigian KKM yang mencapai ≥ 80% pematuhan semasa Audit Keselamatan Dan Kesihatan	≥ 95.0%	42	42	100%
Pemantauan ke atas Klinik Pergigian Swasta	21. Peratus pemeriksaan pemantauan yang dijalankan ke atas Klinik Pergigian Swasta (KPS) yang dikenalpasti	100%	56	56	100%
Indeks Pematuhan Piagam Pelanggan	22. Peratus peakit luar yang mendapat rawatan dalam masa 60 minit **(penambahbaikan)**	≥ 86.0%	230,185	249,554	92.24%
Indeks Kepuasan Pelanggan	23. Peratus pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan/ rawatan yang diterima	≥ 95.0%	927	950	97.58%
Indeks Pembudayaan Inovasi KKM	24. Pembudayaan Inovasi-Replikasi/ Pengamalan Inovasi Klinik Pergigian - semua Klinik Pergigianmereplikasi/ mengamal inovasi (inovasi merujuk kepada pereplikasian inovasi dan pengamalan inovasi yang dibangunkan dalam tempoh 2 (dua) tahun.	≥ 80%	41	41	100.00%
Indeks Penyelesaian Aduan	25. Peratus aduan dalam kategori mudah dan sederhana yang diterima melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) yang diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan	≥ 85%	17	17	100.00%

***National Indicator Approach* (NIA)**

Indikator-indikator NIA diukur mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Indikator untuk NIA mempunyai 4 indikator.

Secara keseluruhannya, 1 daripada 4 indikator NIA tidak mencapai sasaran. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan dari segi pencapaian peratus murid sekolah menengah yang mengekalkan *status orally fit* (TPR) berbanding tahun 2018.

Jadual 9 : Pencapaian *National Indicator Approach* Tahun 2015 - 2019

Bil	Indikator NIA	2015	2016	2017	2018	2019	Piawai
1	% murid sek rendah mengekalkan status orally fit (TPR)	52.9%	57.9%	61.9%	65.7%	69.9%	**≥65%**
2	% murid sek menengah mengekalkan status orally fit (TPR)	60.9%	63.6%	69.6%	68.8%	74.2%	**≥80%**
3	% ketidakpatuhan paras optima florida di tapak retikulasi Paras < 0.4ppm	0.0%	0.0%	2.3%	1.8 %	1.1%	**≤25%**
4	% ketidakpatuhan paras optima florida di tapak retikulasi Paras > 0.6ppm	0.0%	0.0%	0.2%	0.0%	2.6%	**≤7%**

Pencapaian Indikator *District Specific Approach* (DSA)

Pada tahun 2019, 1 indikator DSA yang melibatkan ibu mengandung telah tercapai manakala 2 indikator baru bagi tahun 2019 melibatkan Min D bagi sekolah rendah & sekolah menengah dan kedua-dua indicator ini telah tercapai.

Jadual 10: Pencapaian *District Spesific Approach* Tahun 2015 - 2019

Indikator	2015	2016	2017	2018	2019	Piawai
1. Peratus ibu mengandung diberi PKP	56.9	62.2	67.8	68.43	80.03	≥ 75
2a. Min D murid sekolah rendah	-	-	-	-	0.05	≤ 0.07
2b. Min D murid sekolah menengah	-	-	-	-	0.14	≤ 0.18

2.5 EPIDEMIOLOGI DAN KAJIAN *(HEALTH SYSTEM RESEARCH)*

Terdapat sebanyak tujuh belas (17) kajian aktif pada tahun 2019 dimana lima (5) daripadanya telah selesai, lima (5) kajian sedang berjalan dan tujuh (7) adalah kajian baru untuk tahun 2019. Topik penyelidikan adalah seperti berikut:

1. *A Study To Asses Oral Hygiene And Caries Rate In New Orthodontic Patient Referred In Negeri Sembilan*
2. *Integrated Oral Health Networks Status Involving Restorative Unit Of Seremban Dental Specialist Centre (Pre & Post RDITN)*
3. *Use Of Rubber Dam And Endodontic Irrigation Selection In Public Health Services Ministry of Health Malaysia*
4. *Evaluation of Anak Angkat Sinar Mutiara Program for Toddlers in Negeri Sembilan*
5. *Blood Loss in Orthognathic Surgery: A Retrospective Study*

6. *Acute Facial Cellulitis of Odontogenic Origin in Children - Multicentre study*
7. *An Association Between Obesity And Chronic Periodontitis : A Case Control Study*
8. *The Clinical Performance Of Resin Bonded Bridgework After Observation Period Of 5 Years.*
9. *Cost Effectiveness of Mobile Dental Clinic: A Negeri Sembilan Study*
10. *Three Dimensial Imaging Of Preoperative Mandibular Canal Position: Can We Predict The Probability Of Post Operative Neurosensory Disturbance?*
11. *Oral Health Status And Practice Of Adult Orang Asli In Tampin District*
12. *Characteristic of Patient with Oral Cancer in Negeri Sembilan*
13. *The Prevalence Of Early Childhood Caries (ECC) And Comparison Between dmft Index And Significant Caries Index (SIC) Among Children 36-71 Month In Seremban, Negeri Sembilan*
14. *Oral Hygiene Awareness And Practice Of Fixed Appliance Patients In Orthodontic Unit, Seremban Dental Specialist Centre*
15. *A Cross Sectional Study On Direct Restorative Material Usage In Primary Care Dental Facilities Of Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Kuala Pilah*
16. *Survival Analysis Of Endocrowns: A Retrospective Follow-Up Of Documented Endocrown Cases*
17. *Prevalence Of Gingival Overgrowth Induced By Calcium Channel Blocker Of Periodontal Clinic Seremban*

3.0 AMALAN DAN PERKEMBANGAN KESIHATAN PERGIGIAN

Pendaftaran Klinik Pergigian Baru & Pemantauan Klinik Pergigian Swasta

Pada tahun 2019, sebanyak 13 permohonan yang mematuhi Akta Perkhidmatan & Jagaan Kesihatan Swasta 1998 telah diverifikasi. Pemeriksaan setelah pendaftaran untuk kepatuhan klinik-klinik berdaftar telah dilaksanakan. Sebanyak 56 buah klinik swasta sedia ada telah dipantau sepanjang tahun 2019.

Lain-Lain Inisiatif Kualiti

Selain pemantauan terhadap indikator kualiti yang dipantau di bawah penjagaan Kesihatan Pergigian terdapat juga beberapa inisiatif kualiti lain.

MS ISO 9001 : 2015

Bahagian Kesihatan Pergigian telah menerima persijilan MS ISO 9001:2015 dari SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 4 Disember 2017. Audit Surveillance telah diadakan pada 4, 5 dan 6 November 2019 dan telah memasukkan KP UTC di dalam skop audit menjadiakn pensijilan ini melibatkan 41 buah klinik pergigian di seluruh Negeri Sembilan. Skop pensijilan adalah Pengurusan Perancangan, Pemantauan dan Penilaian Aktiviti-aktiviti Utama Perkhidmatan Kesihatan Pergigian di Negeri Sembilan.

Inovasi

Projek inovasi di daerah Rembau telah dijalankan oleh kakitangan Bahagian Kesihatan Pergigian di daerah pada tahun 2018 dan telah selesai pada tahun 2019 iaitu *Golden Wheel.*

Projek inovasi telah dijalankan oleh kakitangan Bahagian Kesihatan Pergigian di daerah pada tahun 2019 dan dijangka selesai pada tahun 2020. Inovasi tersebut adalah seperti berikut:

- *Heat Wave*
- *D-wax heater*
- *Steady Stand*
- Sort@Ray
- Cermin MSE Sekolah

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Pada tahun 2019, Daerah Tampin telah meneruskan projek KIK bertajuk *Green Gun* dan telah mendapat tempat ketiga KIK Primer Inovasi Penyampaian Perkhidmatan di Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2019.

Projek KIK telah dijalankan oleh kakitangan Bahagian Kesihatan Pergigian di daerah pada tahun 2019 dan dijangka selesai pada tahun 2020. Inovasi tersebut adalah seperti berikut:

- *Interventions To Increase The Percentage Of Antenatal Mothers Visit To Dental Clinic In Jelebu DistrictX-Ray Splash Protector*
- *SMS Blast*
- *Smart LP6*

***Quality Assurance* (QA)**

Beberapa projek QA telah dimulakan pada tahun 2017 dan 2018 dan dua projek telah siap pada tahun 2019 seperti berikut:

- *Improving percentage of maintaining orally fit status among school students in* Jempol 2018 (Naib Johan kategori oral di Konvensyen QA Peringkat Negeri Sembilan).
- Meningkatkan Peratus Kedatangan Pesakit Baru Yang Diperiksa di Pusat Dalam Komuniti (PDK) Daerah Seremban

Manakala Projek QA Meningkatkan Peratus Kes Selesai Rawatan Ibu Mengandung Daerah Jempol telah menyertai *Market place poster* di Konvensyen QA Peringkat Kebangsaan tahun 2019.

4.0 PENGURUSAN TEKNIKAL KESIHATAN PERGIGIAN

Kolaborasi Kesihatan Pegigian dan Badan Agama (KOA)

Program dijalankan melalui penglibatan badan keagamaan bagi memperbaiki perspektif masyarakat terhadap kesihatan bahawa penjagaan kesihatan diri sendiri adalah sebahagian daripada kehidupan beragama. Majoriti masyarakat akan memberi sepenuh perhatian semasa ceramah yang diadakan dalam majlis keagamaan. Melalui program seperti ini, dapat membina satu jaringan (*networking*) promosi kesihatan pergigian bersama institusi keagamaan yang lebih sistematik. Pada tahun 2019, 23 aktiviti telah dijalankan melibatkan agama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian (seperti di Jadual 11).

Jadual 11 : Pencapaian Aktiviti Kolaborasi Kesihatan Pergigian dan Badan Agama 2019

Bil	Aktiviti	Bil Diadakan	Pemeriksaan		Ceramah		Pameran	
			Bil.	Peserta	Bil.	Peserta	Bil.	Peserta
1.	KOA Islam	8	8	282	5	212	8	392
2.	KOA Buddha	6	6	121	5	140	6	218
3.	KOA Hindu	4	4	150	4	192	4	219
4.	KOA Kristian	5	5	191	3	120	5	240
	Jumlah	**23**	**23**	**744**	**17**	**664**	**23**	**1,069**

Kolaborasi Program Kesihatan Pergigian Bersama Kolej Komuniti

Program ini dijalankan bagi memperkasakan pelajar terhadap peningkatan taraf kesihatan pergigian mereka dan seterusnya menjadi role model di dalam Kolej Komuniti itu sendiri. Dua (2) orang pelajar dari setiap Kolej Komuniti dilatih untuk menyampaikan maklumat kepada pelajar yang lain. Mereka ini digelar sebagai ikon gigi Remaja (iGGR) dengan setiap iGG mempunyai seorang fasilitator yang terdiri dari Pegawai Pergigian. Selain itu hari Kesihatan Pergigian dijalankan di Kolej Komuniti terbabit. Aktiviti dan pencapaian hari Kesihatan Pergigian adalah seperti di Jadual 12.

Jadual 12 : Pencapaian Aktiviti hari Kesihatan Pergigian Kolej Komuniti Tahun 2019

Bil.	Kolej Komuniti	Pemeriksaan		Ceramah		Pameran	
		Bil.	Peserta	Bil.	Peserta	Bil.	Peserta
1.	Kolej Komuniti Jelebu	1	154	1	140	1	59
2.	Kolej Komuniti Tampin	1	60	1	60	1	60
3.	Kolej Komuniti Rembau	1	75	1	75	1	75
4.	Kolej Komuniti Kuala Pilah	1	40	1	40	1	40
5.	Kolej Komuniti Jempol	1	56	1	56	1	62

Ikon Gigi

Program Ikon Gigi (iGG) dilaksanakan dengan penglibatan komuniti sebagai medium pengantara dalam penyampaian maklumat dengan lebih berkesan melalui konsep *community empowerment*. Dalam program ini, wakil komuniti yang dipilih akan bertindak sebagai pemudahcara untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan kesihatan pergigian. Sepanjang tahun 2019, 39 orang ikon gigi (iGG) baru telah dilantik. Mereka telah menjalankan sebanyak 412 aktiviti melibatkan penyampaian maklumat kesihatan pergigian kepada 3,748 orang.


Kolaborasi Program Kesihatan Pergigian Bersama Institut Perguruan

Program bersama Institut Perguruan dijalankan bagi memperkasakan guru-guru dalam memberi sumbangan yang berkesan terhadap peningkatan taraf kesihatan pergigian murid-murid. Di Negeri Sembilan dua institut perguruan terlibat iaitu :

- Institut Perguruan Raja Melewar, Seremban
- Institut Perguruan Teknik Kampus Bandar Enstek, Nilai

Graf 14 di bawah menunjukkan peningkatan bilangan bakal guru yang telah menjalani program ini bagi tahun 2019.


Graf 14 : Bilangan Guru Pelatih Menjalani Program (2015 - 2019)




Aktiviti Promosi Kesihatan Pergigian

Graf 15 dan 16 menunjukkan peningkatan aktiviti promosi kesihatan pergigian dari 2015 hingga 2019. Aktiviti-aktiviti ini melibatkan pelbagai peringkat umur masyarakat. Pada tahun 2019 terdapat peningkatan yang ketara bagi aktiviti latihan memberus gigi ,bilangan pameran dan projek komuniti. Walaubagaimanapun terdapat penurunan dari segi bilangan orang yang diberi ceramah.

Graf 15 : Bilangan Peserta Menjalani Latihan Memberus Gigi Dan Ceramah (2015 - 2019)



Graf 16 : Bilangan Pameran Dan Projek Komuniti Dijalankan (2015 - 2019)



Perkembangan Profesion Kesihatan Pergigian

Latihan Dalam Perkhidmatan diberikan kepada semua kakitangan bagi meningkatkan kompetensi mereka. Pada tahun 2019, semua kakitangan telah menghadiri kursus dengan 64.7% daripadanya hadir sekurang-kurangnya 7 hari. Terdapat penurunan peratusan tersebut bagi tahun 2019 berbanding tahun 2018.

Jadual 11 : Pencapaian Latihan Dalam Perkhidmatan (2015 - 2019)

Indikator	2015	2016	2017	2018	2019
Bilangan kakitangan yang menghadiri kursus	822 (100%)	842 (100%)	910 (100%)	989 (100%)	1,078 100%)
Bilangan kakitangan minima 7 hari berkursus	822 (100%)	753 (89.4%)	799 (87.8%)	833 (84.2%)	697 (64.7%)

Pengurusan Teknologi Maklumat

Teleprimary Care – Oral Health Clinical Information System (TPC-OHCIS) telah dimulakan sebagai projek rintis di 7 buah Klinik Pergigian di Daerah Seremban. Jadual 12 menunjukkan klinik-klinik yang terlibat. Projek perluasan TPC OHCIS telah dilaksanakan di 3 buah klinik pergigian diseremban mankala ke 28 klinik lain diseluruh Negeri Sembilan (seperti di Jadual 13) telah menerima peralatan dan pemasangan talian internet serta latihan sistem tersebut.

Jadual 12 : Senarai Klinik Projek Rintis TPC - OHCIS

Bil	Klinik Pergigian
1.	Pusat Pakar Pergigian Seremban
2.	Klinik Pergigian Seremban
3.	Klinik Pergigian Senawang
4.	Klinik Pergigian Seremban 2
5.	Klinik Pergigian Ampangan
6.	Klinik Pergigian Sikamat
7.	Klinik Pergigian Mantin

Jadual 13 : Senarai Klinik Projek Perluasan TPC - OHCIS

Daerah	Klinik Pergigian
Seremban (telah menggunakan TPC-OHCIS)	Pusat Pakar Pergigian Rantau
	Klinik Pergigian Kuarters KLIA
	Klinik Pergigian Sendayan
Kuala Pilah	Klinik Pergigian KK3 Kuala Pilah
	Klinik Pergigian Juasseh
	Klinik Pergigian Kuala Pilah
	Klinik Pergigian Johol
	Klinik Pergigian Padang Lebar
Port Dickson	Klinik Pergigian Bukit Pelandok
	Klinik Pergigian Linggi
	Klinik Pergigian Pasir Panjang
	Klinik Pergigian Port Dickson
	Klinik Pergigian Lukut
	Unit Pergigian Orthodontik Port Dickson
Tampin	Klinik Pergigian Air Kuning
	Klinik Pergigian Tampin
	Klinik Pergigian Gemencheh
	Klinik Pergigian Jelai
	Klinik Pergigian Gemas
Jempol	Klinik Pergigian Bandar Seri Jempol
	Klinik Pergigian Lui Muda
	Klinik Pergigian Palong 4,5,6
	Klinik Pergigian Palong 7,8
	Klinik Pergigian Bahau
Jelebu	Klinik Pergigian Jelebu
	Klinik Pergigian Petaling
	Klinik Pergigian Pertang
	Klinik Pergigian Simpang Durian
Rembau	Klinik Pergigian Rembau
	Klinik Pergigian Astana Raja
	Klinik Pergigian Pedas

ISU DAN CABARAN

Taraf kesihatan mulut bagi penduduk Negeri Sembilan masih berada ditahap sederhana. Seperti yang diketahui, kos bagi merawat penyakit pergigian adalah agak tinggi dan menyebabkan peningkatan beban kewangan. Oleh yang demikian, promosi kesihatan pergigian perlu dibuat dengan lebih meluas dan berkesan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai supaya mereka sedar tentang kepentingan menjaga kesihatan pergigian. Rawatan pencegahan juga perlu dipertingkatkan bagi kumpulan sasaran kerana ia lebih berkesan dari segi kos berbanding rawatan penyakit pergigian.

Prestasi peralatan dan kelengkapan pergigian yang lama dan sering rosak telah memberi kesan ke atas kelancaran penyampaian perkhidmatan. Begitu juga dengan perkembangan program dan fasiliti baharu yang tidak selari dengan bilangan jawatan kumpulan sokongan sedia ada. Tahun 2017 merupakan tahun pertama diperkenalkan Program *New Dental Officer (NDO)* lantikan kontrak di Kementerian Kesihatan Malaysia. Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Sembilan turut menerima pegawai ini dalam bilangan yang tinggi. Pertambahan bilangan Pegawai Pergigian ini tidak selari dengan kemudahan infrastruktur dan bilangan Pembantu Pembedahan Pergigian sedia ada. Oleh itu, terdapat kewajaran untuk Pegawai Pergigian terlibat dengan lebih meluas dalam aktiviti *outreach* seperti Projek Kampung Angkat (Inisiatif Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Sembilan) yang telah dijalankan pada pertengahan Tahun 2019.

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, pencapaian perkhidmatan Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Sembilan adalah semakin meningkat. Walau bagaimanapun, usaha perlu dipertingkatkan bagi mencapai dan mengekalkan pencapaian piawaian bagi indikator yang telah ditetapkan. Bahagian Kesihatan Pergigian juga bertanggungjawab untuk menyediakan akses jagaan kesihatan pergigian yang mencukupi, terutamanya kepada penduduk yang kurang mendapat perkhidmatan melalui program khidmat masyarakat menggunakan Klinik Pergigian Bergerak, Pasukan Pergigian Bergerak dan Makmal Pergigian Bergerak.

BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI

PENGENALAN

Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan terdiri daripada tiga cawangan iaitu Pengurusan Farmasi, Amalan dan Perkembangan Farmasi dan Penguatkuasaan Farmasi.

Aktiviti Pengurusan Farmasi bertanggungjawab untuk memastikan perancangan strategik dan dasar dilaksana mengikut sasaran yang ditetapkan, pengagihan sumber manusia mengikut keperluan dan kepentingan perkhidmatan, pembangunan modal insan yang relevan serta memastikan urusan pentadbiran dan kewangan mengikut peraturan.

Aktiviti Amalan dan Perkembangan Farmasi merupakan khidmat sokongan kepada Program Perubatan dan Kesihatan Awam. Berperanan mengoptimakan terapi ubat-ubatan dan pemberian penjagaan farmaseutikal dengan memastikan pengurusan pemilihan, pembelian dan pengedaran farmaseutikal yang berkesan serta penggunaan ubat yang rasional.

Aktiviti Penguatkuasaan Farmasi berperanan untuk memastikan semua produk farmaseutikal, tradisional dan kosmetik dalam pasaran adalah sah dari segi pendaftaran dan notifikasi. Penguatkuasaan farmasi juga berfungsi untuk memastikan bahawa pengendalian rangkaian bekalan dan pemasaran, iklan-iklan produk dan penggunaannya dikendalikan dengan mematuhi peruntukan akta-akta dan undang-undang yang berkaitan.

VISI

Menerajui pengurusan berkualiti ke atas ubat-ubatan melalui tenaga kerja yang berdaya saing, sains dan teknologi bersesuaian dan perkongsian dengan semua pihak yang berkepentingan.

MISI

Memastikan ubat-ubatan berkualiti untuk negara.

OBJEKTIF

Memastikan semua keluaran farmaseutikal dan produk penjagaan kesihatan yang berada di pasaran adalah berkualiti, selamat, berkesan dan dikawal mengikut undang-undang yang berkaitan serta digunakan secara rasional.

1. PENGURUSAN FARMASI

Pengurusan Farmasi bertanggungjawab untuk memastikan perancangan sumber manusia mengikut keperluan dan kepentingan perkhidmatan, pembangunan modal insan yang relevan serta memastikan urusan pentadbiran dan kewangan mengikut peraturan.

Sumber Manusia

Sumber manusia untuk Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Negeri Sembilan mengikut kategori dan bilangan jawatan adalah seperti Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1 : Perjawatan Anggota Farmasi di Negeri Sembilan bagi Tahun 2015 - 2019

Tahun	Pegawai Farmasi		Penolong Pegawai Farmasi	
	Bilangan Jawatan	Bilangan Pengisian (%)	Bilangan Jawatan	Bilangan Pengisian (%)
2015	348	323 (92.8%)	175	165 (94.3%)
2016	348	316 (90.8%)	175	166 (94.9%)
2017	348	317 (91.1%)	175	170 (97.1%)
2018	348	318 (91.4%)	175	167 (95.4%)
2019	348	332 (95.4%)	175	171 (97.7%)

Jadual 2 : Perjawatan Anggota Farmasi Mengikut Fasiliti di Negeri Sembilan bagi Tahun 2019

Jawatan	Bahagian Perkhidmatan Farmasi		Hospital		Kesihatan	
	Jawatan	Pengisian (%)	Jawatan	Pengisian (%)	Jawatan	Pengisian (%)
Pegawai Farmasi	27	27 (100%)	194	181 (93.3%)	127	124 (97.6%)
Penolong Pegawai Farmasi	0	0	63	60 (95.2%)	112	111 (99.1%)
Jumlah	**27**	**27 (100%)**	**257**	**223 (93.8%)**	**239**	**235 (98.3%)**

Latihan

Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Sembilan telah diperuntukkan sebanyak RM 60,000.00 bagi tujuan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) bagi tahun 2019. Pengagihan peruntukan LDP bagi tahun 2015 - 2019 adalah seperti Jadual 3.

Jadual 3 : Peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan bagi Tahun 2015 - 2019

Peruntukan LDP	2015	2016	2017	2018	2019
Peruntukan (RM)	60,000.00	55,000.00	27,500.00	18,334.00	60,000.00
Perbelanjaan (RM) / Peratus Perbelanjaan (%)	59,893.00 (99.8%)	54,927.40 (99.9%)	27,486.80 (99.95%)	18,331.00 (99.98%)	59,998.00 (100.0%)

Sebanyak 22 latihan telah dilaksanakan pada tahun 2019. Seramai 1,101 anggota telah menghadiri latihan pada tahun 2018 iaitu seramai 768 anggota kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 333 anggota kumpulan sokongan.

Senarai latihan yang dianjurkan pada tahun 2019 adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4 : Senarai Latihan Yang Dianjurkan Pada Tahun 2019

Bil.	Nama Kursus	Tarikh
1	*Training of Trainers* (TOT) Penggunaan Ubat Berkualiti	30-31 Jan 2019
2.	Hari Kualiti Farmasi Negeri Sembilan	27 Feb 2019
3	Kursus *Updates on Pharmacy* Siri 1/2019 untuk Penolong Pegawai Farmasi	9 Mac 2019
4	Bengkel Kajian R&D	14-15 Mac 2019
5	Kursus Pemantapan Methadone	20-21 Mac 2019
6	Bengkel Dokumentasi MTAC Klinikal Farmasi	25-26 Mac 2019
7	Bengkel Pemurnian Abstrak	28-29 Mac 2019
8	Bengkel Farmakoterapi Berhenti Merokok	10-11 April 2019
9	Kursus Antibiotik	19-Jun-19
10	Bengkel Penulisan Manuskrip	24-25 Jun 2019
11	Kursus Android Studio Apps	8-9 Julai 2019
12	Kursus Keselamatan Pengubatan	15-16 Julai 2019
13	Kursus Pemantapan Perkhidmatan Farmasi Logistik	21-22 Ogos 2019
14	Bengkel KIK Horizon Baru	26-27 Ogos 2019
15	*Updates in Clinical: Management of Diabetes and Hypertension*	29 Ogos 2019
16	Lawatan Sambil Belajar	3-5 Sept 2019
17	Kursus Penolong Pegawai Farmasi	11-13 Sept 2019
18	Kursus “Respiratory Updates”	30-Sep-19
19	Kursus Penguatkuasaan Farmasi	19-20 Okt 2019
20	Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Strategik Pegawai Farmasi	29-31 Okt 2019
21	Bengkel Latihan Susulan PhIS	5-Nov-19
22	Taklimat myPortfolio	7-Nov-19

2. AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

Amalan dan Perkembangan Farmasi mempunyai objektif utama memastikan keperolehan dan kepenggunaan ubat-ubatan yang berkualiti melalui amalan farmasi yang berkesan bagi meningkatkan perkhidmatan farmasi di hospital dan klinik kesihatan di Negeri Sembilan.

OBJEKTIF AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

- Mengoptimakan terapi ubat-ubatan melalui penyampaian perkhidmatan farmasi yang berkesan, dinamik dan progresif, amalan berkualiti terkini serta perkhidmatan yang professional.
- Memastikan perbelanjaan ubat-ubatan berada di tahap yang ekonomik.
- Mempromosikan kesedaran berkenaan penggunaan ubat secara rasional, keselamatan pengubatan dan pelaporan kesan advers ubat mahupun kesan sampingan ubat.
- Mengoptimakan penggunaan tenaga kerja bagi perkhidmatan penjagaan farmaseutikal di dalam negara.
- Memastikan pencapaian perkhidmatan berkualiti yang berterusan.

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

Bahagian ini juga menyelaras dan memantau semua aktiviti yang berkaitan peningkatan kualiti termasuk *Quality Assurance Programme (QAP), Key Performance Indicators (KPI)* dan lain-lain aktiviti-aktiviti inisiatif kualiti. Pencapaian indikator QAP untuk aktiviti Amalan & Perkembangan Farmasi adalah seperti di Jadual 5.

Jadual 5 : Pencapaian Indikator QAP untuk Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

Bil	Indikator QAP	2015	2016	2017	2018	2019
1.	*QAP 1: Percentage of prescriptions wrongly filled and detected before dispensing to the total number of prescriptions counterchecked* ***(Standard: 0%)***	0.166%	0.103%	0.076%	0.071%	0.071%
2.	*QAP 2: Percentage of toxicity cases interpreted and recommendations communicated within two hours to the requesting Doctor / Units to the total number of toxicity cases received* ***(Standard: 100%)***	96.15%	100%	100%	100%	100%
3.	*QAP 3: Percentage of Value of Stocks Disposed and written off to value of stocks handled annually* ***(Standard: 0%)***	0%	0%	0%	0%	0%

Pencapaian indikator KPI untuk aktiviti Amalan & Perkembangan Farmasi adalah seperti di Jadual 6.

Jadual 6 : Pencapaian Indikator KPI untuk Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

Bil	Indikator KPI	2015	2016	2017	2018	2019
1.	Bilangan preskripsi Ulangan Menggunakan Perkhidmatan Tambah Nilai *(VAS- Value Added Service)*	124,627/ 90,000 (138.5%)	128,000 / 98,000 (139.1%)			
2.	Peratus Preskripsi Didispens Dalam Tempoh 30 Minit. ***Sasaran: 95% Preskripsi***	98.64%	91.8%	85.86%	90.05%	
3.	Peratus Fasiliti Farmasi yang Menawarkan Perkhidmatan Klinik Kepatuhan Terhadap Ubat-ubatan (MTAC - *Medication Therapy Adherence Clinic*) **4 MTAC** ***Sasaran: 100% Hospital Utama***	100%	100%	100%	100%	
	2 MTAC ***Sasaran: 100% Hospital Berpakar***	100%	100%	100%	100%	
	1 MTAC **Sasaran:** ***100% Hospital Tidak Berpakar (mempunyai >4 Pegawai Farmasi)***	100%	100%	100%	100%	

Bil	Indikator KPI	2015	2016	2017	2018	2019
	1MTAC ***Sasaran 2013: 100%*** ***Klinik Kesihatan (dengan 2 atau lebih Pegawai Farmasi)*** ***Sasaran 2014: 100% Klinik Kesihatan dengan kriteria berikut:*** • ≥ 2 Pegawai Farmasi (tanpa Perkhidmatan Methadone • ≥ 3 Pegawai Farmasi (dengan Perkhidmatan Methadone)	100%	100%	100%	100%	
4.	Bilangan pesakit direkrut dalam perkhidmatan Diabetes MTAC (DMTAC)		746/850 87.8%	742/700 106%		
5.	Peratus pesakit Diabetes yang menghadiri DMTAC mematuhi terapi pengubatan. ***Sasaran: 80%***	245/ 281 87.19%	300/321 93.46%			
6.	Peratus Hospital Yang Mencapai Kadar Pusingan Stok Tahunan dalam **julat 4-6.** ***Sasaran: 75%*** Sasaran 2016: Peratus fasiliti KKM mencapai simpanan stok ubat yang optima dalam **julat 1-3 bulan.** ***Sasaran: 85%*** ***Sasaran 2019 : >90%***	100%	- 84.6%	- 84.62%	- 84.62%	 100%
7.	Peratus Pegawai Farmasi yang mencapai mata minimum CPD: Januari – Disember = 40 mata ***Sasaran: 100%***	100%	100%	100%	100%	100%
8.	Peratus Penolong Pegawai Farmasi yang mencapai mata minimum CPD: Januari – Disember = 30 mata ***Sasaran: 100%***	100%	100%	100%	100%	100%
9.	Peratus fasiliti farmasi yang diaudit oleh Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) Peratus fasiliti farmasi yang diaudit oleh Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) mendapat tahap pematuhan baik ***Sasaran: ≥60%***		27/27 (100%)	26/26 (100%)	53/53 (100% dalam tempoh 2 tahun)	 88.46% (23/26)
10.	Bilangan aktiviti pendidikan & kesedaran pengguna yang dilaksanakan		233/230 (101.3%)	203/230 (88.3%)	286/230 (124.4%)	
11.	Bilangan sesi penglibatan komuniti yang dijalankan melalui kolaborasi dengan Duta Kenali Ubat Anda			48/40 (120%)	78/40 (195%)	

Bil	Indikator KPI	2015	2016	2017	2018	2019
12.	Peratus preskripsi susulan yang didispens melalui Perkhidmatan Tambah Nilai (VAS) berbanding preskripsi susulan diterima. ***Sasaran: ≥20%***					23.38% (225,616/ 965,134)
13.	Peratus pencapaian aktiviti kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit seperti yang ditetapkan ***Sasaran: 100%(89,200)***					102 % (90,976/89, 200)
14.	Peratus klinik kesihatan yang mencapai kepatuhan penuh bagi kriteria amalan keselamatan pengubatan yang ditetapkan. ***Sasaran: ≥80%***					84.6% (11/13)
15.	Peratus pencapaian pengambilan sejarah pengubatan pesakit semasa kemasukan ke wad seperti yang ditetapkan ***Sasaran : 100% (16,100)***					107.4% (17,285/16,1 00)
16.	Peratus Fasiliti Farmasi KKM Menjalankan Penyelidikan Farmasi atau Inisiatif Kualiti & Inovasi Farmasi ***Sasaran: ≥90%***					100% (14/14)
17.	Bilangan Pembentangan Hasil Penyelidikan dan Inisiatif Kualiti & Inovasi Farmasi di Peringkat Tempatan dan Antarabangsa ***Sasaran: 18***					64
18.	Peratus fasiliti mencapai sasaran penggunaan PhIS yang ditetapkan Sasaran:100%					70% (44/63)

PENCAPAIAN AKTIVITI AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI SEPANJANG TAHUN 2019

Perkhidmatan Perolehan Ubat-ubatan

Pembekalan ubat kepada pesakit adalah aktiviti utama di dalam perkhidmatan farmasi. Untuk melaksanakan aktiviti ini peruntukan kewangan yang mencukupi diperlukan. Jadual berikut menunjukkan jumlah peruntukan ubat bagi tahun 2015 - 2019.

Jadual 7 : Peruntukan Ubat bagi Tahun 2015 - 2019

Tahun	Peruntukan Ubat (RM)	Perbelanjaan Ubat (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
2015	72,902,526.06	72,852,522.52	99.93
2016	77,742,924.11	77,667,998.35	99.90
2017	93,705,111.78	93,574,678.98	99.86
2018	96,638,387.23	96,503,720.06	99.86
2019	168,797,349.75	168,014,989.71	99.54

Perkhidmatan Farmasi Klinikal dan Teknikal

Matlamat perkhidmatan farmasi di hospital dan kesihatan adalah untuk menyediakan penjagaan farmaseutikal yang berorientasikan pesakit. Perkhidmatan Farmasi Ambulatori menekankan kualiti penggunaan ubat, promosi cara hidup yang sihat dan pemberian perkhidmatan yang inovatif untuk memberi impak positif kepada pesakit.

Perkhidmatan Farmasi Klinikal menyediakan perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan, *Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)*, Kaunseling Methadone, Farmasi Wad, Pusat Maklumat Ubat, Farmakokinetik Klinikal, Nutrisi Parenteral dan Farmasi Onkologi.

Pencapaian bagi aktiviti farmasi klinikal dan teknikal bagi tahun 2019 seperti berikut:

Jadual 8 : Pencapaian Perkhidmatan Farmasi Klinikal (Hospital) bagi Tahun 2019

Bil	Aktiviti	HTJ	HTAN	HPD	HTAM	HJEL	HJEM	Jumlah
1.	Perkhidmatan Pendispensan Ubat : Bilangan Preskripsi yang diterima							
	a) Pesakit Luar	372,245	130,566	98,726	54,900	26,446	38,550	721,433
	b) Pesakit Dalam (termasuk discaj)	264,615	129,527	23,822	43,255	14,236	37,716	513,171
2.	Perkhidmatan Kaunseling Ubat							
	a) Pesakit Luar	7,141	4,336	3,673	2,559	993	833	19,535
	b) Pesakit Dalam	9,554	2,881	1,595	1,371	235	720	16,356
	c) Pesakit Discaj	13,919	1,460	2,487	632	449	135	19,082
3.	Perkhidmatan Nutrisi Parenteral: Bilangan kes/ sediaan							
	a) Dewasa	84/768	28/130	4/11				116/909
	b) Kanak-Kanak	245/4,314	39/0	3/0				287/4,314
4.	Perkhidmatan Admikstur Intravena							
	a) Jenis sediaan/Bil. Sediaan	4/1,738						4/1,738
5.	Perkhidmatan Ubat Titis							
	a) Bil. Sediaan	8,044	4,603	0	663			13,310
6.	Farmakokinetik Klinikal							
	a) Bilangan Kes	1,239	163	90	5	18	2	1,517
	b) Bilangan Analisa	2,229	319	150	8	18	7	2,731
7.	Perkhidmatan Rekonstitusi Ubat Sitotoksik Bilangan kes/ sediaan							
	a) Dewasa	1,513/ 6,401	94/0	1/0				1,608/6,401
	b) Kanak-Kanak	12/54	23/0					35/54
8.	Maklumat Ubat							
	a) Laporan ADR	491	128	54	56	22	9	760
	b) Bil. Pertanyaan	5,871	3,714	2,181	394	111	274	12,649
9.	*Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)*							
	a) Bil. Kaunseling	4,419	6,479	3,384	1,403	47	36	15,768
10	Bilangan Jenis Intervensi							
	a) Pesakit Luar	3,047	8,483	553	232	210	452	12,977
	b) Pesakit Dalam	14,225	4,729	2,358	1,545	214	373	23,444


Jadual 9 : Pencapaian Perkhidmatan Farmasi Klinikal (Kesihatan) bagi Tahun 2019

Bil	Aktiviti	PKD Seremban	PKD Kuala Pilah	PKD Port Dickson	PKD Tampin	PKD Jelebu	PKD Jempol	PKD Rembau	Jumlah
1.	Perkhidmatan Pendispensan Ubat: Bil. Preskripsi yang diterima	1,232,070	214,507	258,706	236,301	107,007	258,750	130,243	2,437,584
2.	Perkhidmatan Kaunseling Ubat	14,147	3,831	3,666	4,060	3,043	3,859	1,893	35,999
3.	Maklumat Ubat-Ubatan a) Laporan ADR b) Bil. Pertanyaan	 280 1,041	 67 420	 47 237	 35 586	 9 780	 40 750	 4 105	 482 3,921
4.	*Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)* Bil. Kaunseling	1,444	168	216	211	43	65	76	2,223
5.	Bilangan Jenis Intervensi	39,315	951	945	2,584	2,445	4,493	585	51,318

i. Kaunseling Ubat-ubatan

Kaunseling individu di Hospital meliputi pesakit dalam, pesakit luar dan pesakit discaj. Pada tahun 2019, seramai 19,535 pesakit diberi kaunseling pesakit luar dan 35,459 kaunseling pesakit dalam di hospital manakala 35,528 pesakit diberi kaunseling di klinik kesihatan. Rajah 1 menunjukkan bilangan pesakit yang diberi kaunseling oleh Pegawai Farmasi pada tahun 2015 - 2019.

Rajah 1 : Bilangan Kaunseling bagi Tahun 2015 - 2019




	2015	2016	2017	2018	2019
Pesakit Luar (Hospital)	15,290	13,462	16,200	14,381	19,535
Pesakit Dalam (Hospital)	21,989	23,197	26,608	27,371	35,459
Pesakit Luar (Kesihatan)	24,858	25,785	24,931	27,358	35,528

ii. *Medication Therapy Adherence Clinic* (MTAC)

Aktiviti MTAC adalah untuk mengoptimakan terapi ubat penyakit kronik seperti penyakit diabetes mellitus, penyakit retroviral (RVD), warfarin, nefrologi, respiratori, hipertensi, epilepsi, psoriasis dan hemofilia. Rajah 2 menunjukkan bilangan kaunseling oleh Pegawai Farmasi melalui aktiviti MTAC. Bagi aktiviti kaunseling MTAC hospital sebanyak 15,768 kaunseling dilakukan oleh pegawai farmasi manakala di kesihatan sebanyak 2,223.

Rajah 2 : Bilangan Kaunseling MTAC bagi Tahun 2015 – 2019




	2015	2016	2017	2018	2019
Klinik Kesihatan	1,438	1,768	1,854	2,218	2,223
Hospital	9,324	9,768	10,730	17,656	15,768

iii. Pendispensan dan Kaunseling Methadone


Aktiviti pendispensan Methadone dilakukan oleh pegawai farmasi. Pendispensan Methadone kepada pesakit adalah melalui *Direct Observe Therapy* (DOT) dan juga melalui Dos Bawa Balik (DBB) seperti di Rajah 3. Pada tahun 2019, sebanyak 2,217 kaunseling Methadone secara individu telah diberikan manakala bagi kaunseling berkumpulan sebanyak 15 sesi dijalankan dengan 273 pesakit diberi kaunseling (Rajah 4).

Rajah 3 : Bilangan Pendispensan Methadone bagi Tahun 2015 - 2019



	2015	2016	2017	2018	2019
Directly Observed Theraphy (DOT)	272,254	248,759	226,063	221,230	206,213
Dos Bawa Balik (DBB)	229,443	254,824	251,124	235,106	229,160

Rajah 4 : Bilangan Kaunseling Methadone bagi Tahun 2015 - 2019



	2015	2016	2017	2018	2019
Individu	9,586	4,922	3,208	2,274	2,217
Sesi Berkumpulan	68	69	52	19	15
Bil. Pesakit (kumpulan)	838	623	499	359	273

Perkhidmatan Farmasi Wad

Pegawai Farmasi Klinikal telah ditempatkan di wad dengan pelbagai disiplin. Mereka melibatkan diri secara aktif dalam rondaan wad dengan pakar perubatan dan anggota kesihatan ke arah mengoptimakan terapi ubat pesakit demi meningkatkan taraf kesihatan pesakit.


Perkhidmatan Farmasi Wad meliputi disiplin perubatan, pembedahan, pediatrik, rawatan rapi dan ortopedik. Perkhidmatan Farmasi Wad terdapat di Hospital Tuanku Ja'afar, Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Hospital Port Dickson, Hospital Tampin dan Hospital Jelebu.

Perkhidmatan Maklumat Ubat-ubatan

Pegawai-pegawai Farmasi juga memberikan maklumat tentang ubat-ubatan serta maklumbalas terhadap isu-isu berkaitan dengan penggunaan ubat-ubatan. Pertanyaan maklumat ubat bukan saja diterima dari anggota kesihatan malah daripada orang awam.

Maklumat pertanyaan maklumat ubat-ubatan dan laporan ADR (2015 - 2019) adalah seperti Rajah 5.

Rajah 5 : Bilangan Pertanyaan Ubat-ubatan dan ADR bagi Tahun 2015 - 2019




	2015	2016	2017	2018	2019
Pertanyaan Hospital	12,393	12,013	19,658	18,112	12,649
Pertanyaan KK	7,211	6,867	6,822	7,361	3,921
ADR Hospital	425	367	590	832	760
ADR KK	203	150	173	500	482

Perkhidmatan Farmasi Pesakit Luar dan Dalam


Pendispensan ubat untuk pesakit luar adalah aktiviti utama yang dijalankan di farmasi hospital dan klinik kesihatan. Pembekalan ubat kepada pesakit dalam dilakukan menggunakan *Unit Dose System* (UDS). Rajah 6 dan 7 menunjukkan jumlah preskripsi yang diterima di hospital dan kesihatan bagi tahun 2015 - 2019.

Rajah 6 : Jumlah Preskripsi Diterima di Hospital bagi Tahun 2015 - 2019



	2015	2016	2017	2018	2019
Preskripsi Pesakit Luar	635,969	653,281	700,935	730,527	721,433
Preskripsi Pesakit Dalam & Discaj	1,325,7	1,343,7	779,968	491,546	513,171
Jumlah Item (Pesakit Luar)	2,222,9	2,330,7	2,691,6	2,541,5	2,698,3
Jumlah Item (Pesakit Dalam & Discaj)	2,883,0	2,893,1	3,099,1	3,191,3	3,389,7

Rajah 7 : Jumlah Preskripsi Diterima di Kesihatan bagi Tahun 2015 - 2019




	2015	2016	2017	2018	2019
Jumlah Preskripsi	2,049,807	2,153,817	2,383,326	2,452,000	2,437,584
Jumlah Item	6,819,077	7,188,306	8,111,326	8,554,605	8,142,821

Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal

Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal terdapat di Hospital Tuanku Ja'afar. Rajah 8 menunjukkan pencapaian perkhidmatan farmakokinetik klinikal bagi tahun 2015 – 2019.

Rajah 8 : Pencapaian Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal bagi Tahun 2015 - 2019




	2015	2016	2017	2018	2019
Bilangan Kes	1,187	1,241	1,195	1,442	1,572
Bilangan Analisa	3,337	2,907	2,747	3,013	2,832

Perkhidmatan Sediaan Steril


Perkhidmatan sediaan steril meliputi perkhidmatan nutrisi parenteral, rekonstitusi ubat sitotoksik dan admikstur intravena serta penyediaan ubat titis mata / hidung dan telinga.

Rajah 9 : Pencapaian Perkhidmatan Rekonstitusi Ubat Sitotoksik bagi Tahun 2015 - 2019



	2015	2016	2017	2018	2019
Bil. Pesakit	1,326	901	800	915	1,643
Bil. Sediaan	3,475	3,095	2,910	3,297	6,455

Rajah 10 : Pencapaian Perkhidmatan Sediaan Steril bagi Tahun 2015 – 2019



	2015	2016	2017	2018	2019
Bil. Sediaan TPN	9,879	7,827	9,355	9,938	7,807
Bil. Sediaan Ubat Titis Mata & Lain-lain	9,983	10,299	11,209	13,497	13,766
Bil. Sediaan IV Ad	862	1,247	1,300	1,155	1,738

Penggunaan Ubat Secara Berkualiti - Pengguna (PUB-P) dan Aktivititi Pendidikan Dan Pelindungan Pengguna

Bahagian ini dengan kerjasama Persatuan Farmasi Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan telah menganjurkan sambutan Hari Farmasi Sedunia dan Kempen Kenali Ubat Anda 2019 peringkat Negeri Sembilan di Mydin Mall Seremban 2 pada 28 September 2019. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Veerapan a/l Superamaniam, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan, EXCO & ADUN Repah yang mewakili Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan.

Turut hadir adalah Yang Berbahagia Datin Dr. Faridah Aryani Bt. Md.Yusof mewakili Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia, Yang Berbahagia Datin Dr Harlina Abdul Rashid, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) mewakili Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, Yang Berusaha Puan Basariah Naina, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi), Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, Encik Amrahi bin Buang, Presiden Persatuan Farmasi Malaysia dan Puan Lim En Ni Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan.

Berikut merupakan gambar-gambar aktiviti semasa sambutan tersebut:










SAMBUTAN
HARI FARMASI SEDUNIA 201
RI SEMBILAN
AN OLEH :
TO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
I BESAR NEGERI SEMBILAN

3. PENGUATKUASAAN FARMASI

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) adalah sebuah unit di bawah Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Sembilan yang menjalankan penguatkuasaan undang-undang. Antara undang-undang yang dikuatkuasakan adalah:

- Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturannya
- Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturannya
- Akta Pendaftaran Farmasi 1951 dan Peraturan-peraturannya
- Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan Peraturan-peraturannya
- Akta Dadah Berbahaya 1952

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri Sembilan terbahagi kepada empat (4) buah seksyen iaitu:

- Seksyen Pelesenan, Pemeriksaan Premis dan Pintu Masuk
- Seksyen Risikan dan Operasi
- Seksyen Perundangan
- Seksyen Kawalan Iklan dan Perkembangan Penguatkuasaan Farmasi

PENCAPAIAN KUALITI CAWANGAN PENGUATKUASAAN FARMASI NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2015 - 2019

Berikut adalah pencapaian QAP Cawangan Penguatkuasaan Farmasi untuk 2015 - 2019

Jadual 10 : Pencapaian QAP Penguatkuasa Farmasi 2015 - 2019

Bil.	*QAP Indicator*	Tahun				
		2015	2016	2017	2018	2019
1.	*Complaint related to infringement of pharmacy laws verified and responded within 2 weeks*	Pencapaian (%)				
		100	100	100	100	100
		Sasaran (%)				
		100	100	100	100	100
2.	*Tactical Intelligence Completed With Operation Order Within 2 Months*	Pencapaian (%)				
		100	98.4	100	100	100
		Sasaran (%)				
		95	95	95	95	95
3.	*Completion of investigation papers within 4 months*	Pencapaian (%)				
		92.1	92	94.9	98.1	91.9
		Sasaran (%)				
		85	85	85	85	85
4.	*Follow-up actions taken after inspection of premises within 3 months*	Pencapaian (%)				
		100	100	100	98.5	98.8
		Sasaran (%)				
		95	95	98	98	98

Pencapaian KPI

Berikut adalah pencapaian KPI Cawangan Penguatkuasaan Farmasi untuk 2015 - 2019:

Jadual 11 : Pencapaian KPI Penguatkuasaan Farmasi 2015 - 2019

Bil	KPI	Tahun				
		2015	2016	2017	2018	2019
1.	Peratus pengeluaran lesen/permit baru yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 dalam tempoh 7 hari berkerja	Pencapaian (%)				
		99	99	99	99	99
		Sasaran (%)				
		90	90	90	90	90
2.	Peratus serbuan yang berjaya untuk diambil tindakan undang-undang daripada jumlah serbuan yang dijalankan	Pencapaian (%)				
		98.4	98.4	98.4	98.4	98.4
		Sasaran (%)				
		98	98	98	98	98
3.	Peratus kes yang berjaya dalam perbicaraan mahkamah daripada jumlah kes yang didakwa di mahkamah	Pencapaian (%)				
		89.8	89.8	89.8	89.8	89.8
		Sasaran (%)				
		80	80	80	80	80
4.	Peratus kertas siasatan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya (TPR) Selepas Menerima Laporan Analisa Dalam Tempoh 1 bulan.	Pencapaian (%)				
		TB	88	88.5	92.6	97.1
		Sasaran (%)				
		TB	85	85	90	90
5.	Peratus iklan ubat-ubatan di dalam media cetak yang dipantau mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan.	Pencapaian (%)				
		TB	TB	100	96	92.3
		Sasaran (%)				
		TB	TB	90	90	70
6.	Peratusan Laporan Pemprofilan yang diambil tindakan dalam tempoh 14 hari bekerja	Pencapaian (%)				
		TB	TB	TB	TB	87.5
		Sasaran (%)				
		TB	TB	TB	TB	70


PENCAPAIAN AKTIVITI DI CAWANGAN PENGUATKUASAAN FARMASI NEGERI SEMBILAN

Aktiviti Pelesenan, Pemeriksaan dan Pintu Masuk

a) Pelesenan

Aktiviti ini meliputi pengeluaran Lesen Jenis A, B, E, Permit NaOH (Natrium Hidroksida) dan Permit Psikotropik (Methadone & Burprenorphine) kepada pemohon yang dipertimbangkan layak oleh Pegawai Pelesenan Negeri (lantikan diberikan kepada Pengarah Kesihatan Negeri) di bawah peruntukan Akta Racun 1952 untuk mengendalikan ubat-ubatan dan bahan kimia yang mengandungi bahan-bahan terkawal dalam aktiviti perniagaannya. Mulai tahun 2017, permohonan lesen A, B, E, Permit NaOH (Natrium Hidroksida) telah dijalankan secara atas talian melalui sistem My.Pharma-C. Manakala permohonan Permit Psikotropik (Methadone & Burprenorphine) dan Permit Psikotropik (Industri) masih melalui sistem atas talian MySpikes sejak permit diperkenalkan pada 1 Julai 2011.


Rajah 11 : Aktiviti Pengeluaran Lesen Racun & Permit



Pada tahun 2019, sebanyak 396 lesen racun dikeluarkan oleh Pegawai Pelesenan Negeri Sembilan. Lesen Racun Jenis A paling banyak dikeluarkan iaitu 215 diikuti oleh 110 Permit Sodium Hydroxide, 55 Lesen Racun Jenis B, 14 Permit Psikotropik (Methadone & Buprenorphine) dan 2 Permit Psikotropik untuk kegunaan industri.

Lesen Racun Jenis A dikeluarkan kepada ahli farmasi swasta yang berdaftar di bawah Lembaga Farmasi Malaysia. Lesen ini dikeluarkan kepada ahli farmasi yang ingin menjalankan perniagaan farmasi secara runcit, borong atau borong dan runcit. Lesen Racun Jenis B pula dikeluarkan kepada mana-mana yang layak untuk mengimport, menyimpan dan menjual secara borong 'racun' (bahan kimia yang disenaraikan di bawah Akta Racun 1952) seperti syarat-syarat yang dinyatakan sewaktu permohonan lesen tersebut. Permit Membeli, Menyimpan dan Mengguna Natrium Hidroksida dikeluarkan kepada mana-mana individu untuk membeli, menyimpan dan mengguna Natrium Hidroksida yang kepekatannya tidak kurang daripada 12%. Permit Psikotropik (Methadone & Burprenorphine) dikeluarkan untuk mengawal pembelian dan penggunaan Methadone dan Buprenorphine bagi tujuan rawatan terapi gantian dadah jenis opiod oleh pengamal perubatan swasta.

Rajah 12 : Bilangan Pemegang Lesen dan Permit



b) Pemeriksaan

Aktiviti pemeriksaan dijalankan ke atas premis-premis yang mengendalikan ubat-ubatan atau bahan-bahan kimia seperti yang disenaraikan di dalam Senarai Racun, Akta Racun 1952. Selain itu, aktiviti pemeriksaan juga dilakukan bagi menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturannya, Akta Pendaftaran Farmasi 1951 dan Peraturan-peraturannya, serta Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan Peraturan-peraturannya.

Jadual di bawah memperincikan bilangan pemeriksaan premis yang dilakukan mengikut kategori premis dari tahun 2015 hingga 2019.

Jadual 12 : Aktiviti Pemeriksaan Premis Berlesen / Berdaftar / Tidak Berlesen

JENIS PREMIS	Tahun				
	2015	2016	2017	2018	2019
Premis Berlesen	**313**	**319**	**323**	**300**	**331**
Farmasi (Runcit sahaja/ Borong sahaja/ Runcit & Borong/ Pengilang/ Veterinar)	108	125	134	134	154
Lesen Racun Jenis B	57	56	54	53	56
Lesen Racun Jenis E	0	0	0	0	0
Permit NaOH	129	122	118	99	106
Permit Psikotropik (Methadone & Buprenorphine)	18	14	16	12	13
Permit Psikotropik (Industri)	1	2	1	2	2
Premis Berdaftar	**146**	**172**	**157**	**166**	**166**
Klinik Perubatan	123	143	120	115	188
Klinik Pergigian	18	22	24	31	30
Klinik Haiwan	4	3	8	14	9
Hospital Swasta	1	4	5	6	9
Premis Tidak Berlesen	**390**	**487**	**371**	**381**	**362**
Kedai Runcit/ Kedai Ubat/ Pasar Mini/ Supermarket	296	421	274	327	212
Pengamal TCM	10	6	13	7	1
Premis Lain	59	55	69	36	148
Salun Kecantikan/ SPA/ Aromatherapy/ Pusat Rawatan Rambut	25	5	15	11	1
Lesen Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) (Lesen Borong / Lesen Pengimport / Lesen Pengilang)	**33**	**35**	**30**	**22**	**19**


Secara keseluruhannya, sejumlah 878 pemeriksaan telah dilakukan pada tahun 2019. Pemeriksaan yang paling banyak dilakukan adalah pada premis tidak berlesen seperti kedai runcit / kedai ubat, pengamal perubatan tradisional dan salun kecantikan, berbanding kategori premis lain.

Terdapat peningkatan pemeriksaan ke atas premis berlesen dan berdaftar dari tahun 2015 hingga 2019. Tumpuan diberikan kepada golongan professional ini bagi memastikan tiada pemesongan ubat-ubatan berlaku di dalam urusan perniagaan mereka. Bagi pemeriksaan premis yang dilesenkan di bawah Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Sembilan menjalankan pemeriksaan berdasarkan senarai yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah setiap tahun.

c) Pintu Masuk

Terdapat satu pintu masuk yang ada di dalam Negeri Sembilan iaitu Jeti CIQ Port Dickson. Jeti ini menerima kemasukan penumpang feri dari Dumai, Indonesia. Segala proses keluar masuk di dalam Negeri Sembilan berlaku di jeti ini. Cawangan Penguatkuasaan Farmasi membantu pihak Kastam Di Raja Malaysia dalam membuat saringan bagasi penumpang bagi memastikan tiada kemasukan ubat atau produk kesihatan yang tidak berdaftar di Malaysia. Jeti ini mula beroperasi pada tahun 2016. Rajah 13 menunjukkan bilangan bagasi penumpang yang dirujuk oleh Pihak Kastam Di Raja Malaysia mengikut tahun.

Rajah 13: Bilangan Penumpang yang Dirujuk oleh Pihak Kastam Di Raja Malaysia



Aktiviti Risikan dan Operasi

Seksyen Risikan & Operasi terdiri daripada Unit Aduan, Unit Risikan Unit Serbuan dan Unit Siber Forensik.

a) Perisikan

Pengesahan aduan / maklumat adalah antara aktiviti utama dalam menjalankan fungsi risikan. Aktiviti ini penting bagi mengesahkan sama ada sesuatu aduan itu berasas atau tidak untuk tindakan penguatkuasaan. Sumber aduan yang diterima terdiri daripada pelbagai pihak termasuk Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM, CPF Negeri, aduan awam dan lain-lain sumber. Perisikan yang baik menjamin aktiviti penguatkuasaan yang berkesan.

b) Serbuan

Serbuan melibatkan premis dan sasaran di dalam Negeri Sembilan. Serbuan dijalankan dengan kekuatan anggota di Negeri Sembilan atau dengan melibatkan bantuan daripada anggota penguatkuasa daripada Cawangan Penguatkuasa Farmasi negeri-negeri berdekatan.

Jadual 13 : Aktiviti Serbuan dari Tahun 2015 - 2019

Bil	Jenis Aktiviti	2015	2016	2017	2018	2019
1.	Bilangan Serbuan	61	73	64	60	60
2.	Bilangan perkara dirampas	646	1209	851	906	1,685
3.	Nilai Rampasan Keseluruhan (RM)	1,239,587	311,268	1,824,837	1,240,839	5,014,306


Operasi serbuan dijalankan berdasarkan aduan atau maklumat yang telah disahkan. Pada tahun 2019, nilai serbuan melebihi tiga kali ganda berbanding nilai serbuan tahun-tahun yang lepas kerana serbuan pada tahun tersebut melibatkan premis yang besar seperti kilang dan premis pengedar produk. Berikut adalah pecahan nilai rampasan mengikut kategori produk yang telah dilakukan.

Jadual 14 : Jumlah Nilai Rampasan Mengikut Produk Tahun 2015 - 2019

Bil.	Kategori Produk	Nilai Rampasan (RM)				
		2015	2016	2017	2018	2019
1.	Produk Racun	25,145.00	146,053.00	27,236.00	209,414.00	4,280,823.00
2.	Produk OTC	10,812.00	44,156.00	1,524,201.00	77,460.00	42,018.00
3.	Produk Tradisional	162,129.00	95,721.00	184,784.00	98,103.00	269,094.00
4.	Produk Kosmetik	460,431.00	25,578.00	87,922.00	654,729.00	31,978.00
5.	Minuman / Makanan / Bahan Mentah	60.00	60.00	2,864.00	200,433.00	331,822.00
6.	Lain-lain	0.00	0.00	0.00	700.00	0

Nilai tertinggi di dalam rampasan kategori produk racun dalam tahun 2019 adalah melibatkan produk cecair *vape* yang disyaki mengandungi nikotin yang dirampas daripada kilang membuat cecair *vape* yang terbesar di dalam Negeri Sembilan.

Rajah 14 : Jumlah Nilai Rampasan



Jumlah nilai rampasan aktiviti serbuan bagi tahun 2019 menunjukkan peningkatan lebih tiga kali ganda berbanding tahun-tahun yang sebelumnya. Manakala terdapat penurunan nilai rampasan / serahan di dalam aktiviti pemeriksaan pada tahun 2019. Ini disumbangkan oleh aktiviti pendidikan dan pencegahan kepada orang awam yang dilakukan semasa pemeriksaan premis dan penyaringan penumpang di pintu masuk pada tahun-tahun yang lepas.


Siasatan dan Pendakwaan

Cawangan ini menjalankan siasatan kes-kes berkaitan keluaran farmaseutikal / kosmetik, racun dan bahan kimia yang dikawal di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan serta mengendalikan pendakwaan dan perbicaraan kes-kes di mahkamah setelah mendapat sanksi/ izin mendakwa daripada Timbalan Pendakwa Raya.

a) Siasatan


Siasatan kes dilakukan bagi membuktikan kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh sewaktu operasi serbuan atau penguatkuasaan dilakukan. Rajah 15 menunjukkan bilangan kertas siasatan baru yang dibuka mengikut tahun.

Rajah 15 : Kes Siasatan Baharu Dibuka 2015 - 2019



Sebanyak 59 kes siasatan baru dibuka pada tahun 2019. Siasatan pada tahun 2019 melibatkan 4 kes siasatan iklan dan 55 kes serbuan premis. Pada tahun 2019, sebanyak 40 kes siasatan telah diselesaikan manakala 49 kes siasatan masih dalam proses siasatan yang akan diselesaikan pada tahun berikutnya.

Rajah 16 : Bilangan Kesalahan Mengikut Akta Farmasi Tahun 2015 - 2019



Kesalahan di bawah Akta Jualan Dadah 1952 masih lagi menjadi kesalahan utama yang disiasat oleh Bahagian ini. Kesalahan ini melibatkan penjualan produk-produk tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada tahun 2019, terdapat 4 kes kesalahan iklan yang disiasat di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

b) Pendakwaan

Tindakan pendakwaan dijalankan setelah siasatan lengkap dilakukan dan mendapat persetujuan daripada Timbalan Pendakwa Raya. Berikut adalah perincian berkaitan aktiviti pendakwaan yang dijalankan.

Jadual 15 : Aktiviti Pendakwaan 2015 - 2019


Jenis Aktiviti		2015	2016	2017	2018	2019
1)	Bilangan kehadiran ke mahkamah	118	107	133	99	103
2)	Bilangan Kes Sebutan Pertama di Mahkamah	58	64	76	50	45
3)	Bilangan Kes Mengaku Salah	50	60	69	44	36
Jumlah Denda (RM)		**196,000**	**176,030**	**253,550**	**159,700**	**144,600**

Pada tahun 2019 jumlah keseluruhan kehadiran ke mahkamah untuk kes pendakwaan adalah sebanyak 103 kali. Sebanyak 45 kes merupakan kes sebutan pertama. Sebanyak 7 kes telah memohon untuk dibicarakan di dalam tahun 2019 tetapi 3 daripada 7 kes berkenaan telah menukar pengakuan kepada pengakuan bersalah. Selebihnya 4 kes masih berjalan sehingga tahun 2020.

Kawalan Iklan

Cawangan ini memantau iklan-iklan ubat, makanan, perkhidmatan, kosmetik, peranti perubatan yang disiarkan bagi memastikan tiada iklan melanggar undang-undang di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

Rajah 17: Taburan Pemonitoran Iklan



	2015	2016	2017	2018	2019
Pelbagai	23	8	6	18	165
Pemeriksaan	86	94	141	228	153
Media Cetak	277	198	239	136	125
Media Elektronik	3	10	1	9	0

Pada tahun 2019, sejumlah 443 iklan telah disaring. Pecahan saringan terdiri daripada 153 saringan iklan semasa pemeriksaan, diikuti 125 iklan di media cetak (majalah dan akhbar), dan 165 iklan pelbagai (lebuh raya dan laman sesawang internet) telah dilakukan.

Aktiviti Kesedaran *Stakeholder*

Cawangan ini melaksanakan aktiviti kesedaran yang mengkhususkan kepada, *stakeholder* (pihak berkepentingan) di Negeri Sembilan. Aktiviti kesedaran yang ditumpukan adalah berkaitan kepatuhan kepada undang-undang dan polisi-polisi terkini daripada ibupejabat Bahagian Penguatkuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia. Antara isu-isu yang diketengahkan adalah seperti berikut:

- Kepatuhan kepada rekod-rekod yang dikehendaki di dalam undang-undang
- Tatacara pelupusan mengikut undang-undang dan tatacara yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar : kerjasama bersama Jabatan Alam Sekitar, Negeri Sembilan
- Kawalan iklan produk / ubat dan perkhidmatan perubatan : kerjasama bersama Lembaga Iklan Ubat
- Kod Etika Ahli Farmasi : kerjasama dengan Lembaga Farmasi Malaysia

Berikut adalah aktiviti-aktiviti kesedaran stakeholder (Jadual 16) dan jenis dialog (Jadual 17) yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019 .

Jadual 16 : Aktiviti Kesedaran Pembekal Tahun 2019

Bil.	Aktiviti	Pencapaian
1	Aktiviti ceramah kepada stakeholders	10
2	Aktiviti dialog dengan stakeholders	4
3	Aktivti pameran kepada stakeholders	2
4	Sesi Rundingcara bersama-sama stakeholders	32
5	Penceramah Jemputan oleh agensi lain	9

Jadual 17 : Aktiviti Dialog Dengan *Stakeholder* 2019

Tarikh	Tajuk / Tema
20.04.2019	Dialog Bersama Pemegang Lesen Racun Jenis A
22.07.2019	Dialog Pemegang Permit NaOH di Negeri Sembilan
14.11.2019	Dialog Label Keselamatan Hologram Farma Tag Diantara CPFNS dan Syarikat Techno Secure Print Sdn Bhd
20.12.2019	Dialog Label Keselamatan Farma Tag Bersama Pegawai Farmasi di Negeri Sembilan

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Negeri Sembilan telah mencapai kejayaan bagi sasaran yang telah ditetapkan pada tahun 2019. Berdasarkan perbandingan pencapaian atau beban kerja sejak 5 tahun sebelum ini, peningkatan dapat dilihat bagi aktiviti sedia ada dan penambahan aktiviti baru yang memerlukan juga penambahan sumber manusia dan peruntukan kewangan. Aspek-aspek ini akan diberi perhatian serius bagi memastikan perkhidmatan diberikan berjalan lancar sejajar dengan misi dan visi Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

PENGENALAN

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan bertanggungjawab dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai aktiviti keselamatan dan kualiti makanan bagi melindungi masyarakat daripada bahaya-bahaya kesihatan yang berpunca daripada pencemaran makanan dan penipuan dalam penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan.

Program ini merangkumi aktiviti-aktiviti utama seperti Pensijilan, Pelesenan dan Pembangunan Industri Makanan, Komunikasi dan Kepenggunaan, Survelan Makanan, Pematuhan dan Kawalan Makanan Domestik, Import dan Eksport, Penguatkuasaan Akta Makanan 1983, Akta Juruanalisis Makanan 2011 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Terdapat empat (4) unit di bawah Bahagian ini iaitu:

- Unit Industri Makanan, Komunikasi dan Kepenggunaan
- Unit Survelan Makanan
- Unit Pematuhan Makanan
- Unit Pengurusan

VISI

Memastikan keselamatan makanan dan meningkatkan integriti negara dalam keselamatan dan kualiti makanan melalui tanggungjawab dan akauntabiliti bersama berasaskan sistem pengurusan *tripartite* yang berkesan ke arah Wawasan 2020.

MISI

Misi Kementerian Kesihatan ialah mewujudkan penglibatan dan penyertaan masyarakat untuk kesihatan bagi merangsang dan memudahkan rakyat untuk:

- Mencapai sepenuhnya kemampuan kesihatan mereka;
- Menghargai kesihatan sebagai aset yang bernilai; dan
- Mengambil langkah positif meningkatkan lagi dan mengekalkan status kesihatan bagi menikmati kehidupan yang lebih bermutu.

OBJEKTIF AM

Bertujuan untuk melindungi orang ramai daripada bahaya-bahaya kesihatan daripada makanan dan penipuan dalam penyelidikan, penjualan dan penggunaan makanan.

OBJEKTIF KHUSUS

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan adalah seperti berikut:

- Menentukan agar penyediaan, penjualan dan penyimpanan semua bahan makanan adalah selamat dan bersih.
- Menentukan supaya semua bahan makanan yang dijual adalah:
  - Bebas daripada pencemaran dan penambahan aditif makanan yang tidak diperlukan dan penipuan;
  - Mematuhi peraturan–peraturan dan undang–undang yang ditetapkan; dan
  - Dilabel dan diiklan dengan jelas dan tidak mengelirukan dan memberikan gambaran sebenar mengenai kandungan makanan tersebut.

- Menentukan supaya semua bahan makanan yang diimport ke negara ini adalah selamat dan mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan - Peraturan di bawahnya.
- Menentukan konsainmen makanan yang dieksport ke luar negara mematuhi perundangan makanan negara–negara pengimport.
- Menentukan orang ramai mendapat akses maklumat yang tepat, cepat dan jelas mengenai isu-isu keselamatan makanan semasa.

PENCAPAIAN AKTIVITI

PENSAMPELAN MAKANAN

Pensampelan makanan adalah satu aktiviti penting dalam program Keselamatan dan Kualiti Makanan. Sampel makanan boleh diambil secara formal atau informal. Pensampelan formal adalah untuk tujuan penguatkuasaan dan pensampelan informal adalah untuk tujuan pengawasan. Aktiviti pensampelan makanan boleh dibahagikan kepada;

- Mikrobiologi
- Kimia
- Fizikal
- Radioaktif
- Bioteknologi

Jadual 1 menunjukkan jumlah pencapaian pensampelan dari tahun 2015 hingga 2019. **Rajah 1** menunjukkan bilangan sampel yang diambil dari tahun 2015 hingga 2019. Pada tahun 2019, jumlah keseluruhan sampel yang telah diambil telah melebihi sasaran yang ditetapkan (rujuk **Jadual 4**) dan ini adalah berkaitan dengan keperluan pensampelan berdasarkan *Food Alert,* sampel untuk tujuan pemantauan, sampel untuk tujuan pengeluaran sijil kesihatan, krisis dan juga keperluan untuk mengambil sampel-sampel baru.

Jadual 1 : Kategori Pembahagian Sampel Tahun 2015 - 2019

Tahun	Mikrobiologi	Non Mikro	Jumlah
2015	247	460	707
2016	238	486	724
2017	140	409	549
2018	106	291	397
2019	122	408	530

Jadual 2 menunjukkan pencapaian parameter sampel berdasarkan spesifikasi output perjanjian program tahun 2019. Jumlah sasaran sampel yang diambil dalam satu-satu jenis parameter bergantung kepada maklumat sampel yang melanggar pada tahun-tahun lepas dan pemantauan berkala.

Jadual 2 : Persampelan Makanan Mengikut Parameter Analisis Tahun 2015 - 2019

Parameter	Tahun				
	2015	2016	2017	2018	2019
Mikrobiologi	247	238	140	106	122
Kimia	410	448	237	232	389
Fizikal	8	22	30	18	6
Radioaktif	10	6	1	34	0
Bioteknologi	32	10	1	7	13
Jumlah	**707**	**724**	**409**	**397**	**530**


Jadual 3 menunjukkan pencapaian bilangan sampel pemantauan residu dadah veterinar yang diambil dan bilangan sampel yang positif. Sebanyak 35 sampel bagi analisis residu dadah veterinar telah diambil dan tiada

Jadual 3 : Bilangan Sampel Pemantauan Residu Dadah Veterinar

Jenis Analisis Residu	2015		2016		2017		2018		2019	
	A	B	A	B	A	B	A	B	A	B
Beta Agonist	7	0	5	1	2	0	3	0	4	0
Tetracycline	6	0	3	0	12	0	9	0	2	0
Chloramphenicol	0	0	24	0	5	0	0	0	1	0
Kumpulan Antibakteria	16	0	2	0	0	0	0	0	0	0
Anthelminthics	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	**29**	**0**	**34**	**1**	**19**	**0**	**12**	**0**	**7**	**0**

Nota : *A – Bilangan Sampel Diambil ; B – Bilangan Sampel Positif*

Rajah 1 : Bilangan Sampel yang Diambil dari Tahun 2015 - 2019



Jadual 4 : Pencapaian Persampelan Makanan Mengikut Daerah


Daerah	2015			2016			2017			2018			2019		
	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%
Seremban	147	724	492.5	93	940	1010.8	98	864	881.7	96	810	843.6	140	836	597
K.Pilah	104	130	125	60	142	236.7	53	79	149.1	46	173	376.1	79	163	206
Tampin	88	131	148.9	55	85	154.5	43	85	197.7	44	68	154.5	83	112	142
P.Dickson	111	206	185.6	67	299	446.3	29	180	620.7	48	159	331.3	86	215	250
Jempol	114	141	123.7	73	191	261.6	77	114	148.1	67	105	156.8	83	140	169
Jelebu	77	82	106.5	57	69	121.1	65	69	106.2	55	58	105.5	63	80	127
Rembau	66	167	253	34	167	491.2	44	97	220.5	41	66	160.8	58	79	136
Jumlah	**707**	**1,581**	**223.6**	**439**	**1,893**	**431.2**	**409**	**1,488**	**363.8**	**397**	**1,439**	**362.5**	**592**	**1,625**	**275**

Jadual 5 di bawah menunjukkan peratus pelanggaran sampel makanan yang diambil mengikut daerah di Negeri Sembilan. **Rajah 2** pula menunjukkan peratusan pelanggaran sampel makanan bagi tahun 2018. Sampel makanan diambil untuk tujuan pemantauan dan juga untuk tujuan penguatkuasaan. Sebanyak 1,625 sampel yang telah diambil dari setiap daerah untuk tujuan pemantauan dan ini termasuk sampel untuk pengeluaran sijil kesihatan. Sebanyak 70 sampel yang positif iaitu hanya 4.3% dari sampel keseluruhan termasuk sampel pemantauan dan penguatkuasaan yang didapati melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985. Daerah Kuala Pilah mencatatkan peratusan pelanggaran yang tinggi iaitu sebanyak 23%.

Jadual 5 : Peratusan Pelanggaran Sampel

Daerah	2015			2016			2017			2018			2019		
	Bil Keputusan Diterima	Keputusan Melanggar	% Melanggar	Bil Keputusan Diterima	Keputusan Melanggar	% Melanggar	Bil Keputusan Diterima	Keputusan Melanggar	% Melanggar	Bil Keputusan Diterima	Keputusan Melanggar	% Melanggar	Bil Keputusan Diterima	Keputusan Melanggar	% Melanggar
Seremban	395	17	4.30	364	9	2.47	864	4	0.46	215	3	1.4	784	9	1.2
K.Pilah	213	1	0.47	300	6	2.00	79	4	5.06	148	31	20.94	139	32	23
Tampin	110	2	2.72	77	0	0.00	84	2	2.38	68	6	8.82	112	0	0
P.Dickson	200	1	0.5	181	0	0.00	180	17	9.4	159	6	3.77	216	16	7.4
Jempol	110	8	7.27	138	8	5.80	114	13	11.4	78	1	1.3	140	5	3.6
Jelebu	75	0	1.33	63	2	3.17	69	1	1.45	58	4	6.9	80	5	6.25
Rembau	162	8	5.12	117	1	0.85	97	1	1.03	49	0	0	79	3	3.8
Jumlah	**1,265**	**37**	**3.10**	**1,240**	**26**	**2.10**	**1,488**	**42**	**2.82**	**775**	**51**	**6.58**	**1,574**	**70**	**4.5**


Rajah 2 : Peratus Pelanggaran Sampel Makanan 2019



Jadual 6 : Pencapaian Tindakan Mahkamah dari Tahun 2015 - 2019

Perkara	2015	2016	2017	2018	2019
Bil sampel diambil	1,581	1,893	1,488	1,439	1,625
Bil perlanggaran	37	26	42	51	70
Bil denda (mahkamah)	7	16	11	4	11
Jumlah Kutipan (RM)	**9,200**	**26,950**	**22,800**	**11,100**	**31,400**

Rajah 3 : Bilangan Sampel yang Diambil dan Bilangan Perlanggaran dari Tahun 2015 hingga 2019



Jadual 6 dan **Rajah 3** menunjukkan pencapaian tindakan mahkamah bagi tahun 2015 hingga 2019 di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Bagi tahun 2019, sebanyak 70 kes telah melanggar termasuk sampel pemantauan dan penguatkuasaan dan kes telah didakwa di Mahkamah dan dikenakan denda sebanyak RM31,400 yang meliputi pelbagai kesalahan.

AKTIVITI PEMERIKSAAN DAN PENILAIAN PREMIS MAKANAN

Salah satu aktiviti dalam Program Keselamatan dan Kualiti Makanan adalah pemeriksaan kebersihan premis makanan. Premis makanan yang diperiksa termasuk restoran, gerai, penjaja, kantin, dapur asrama dan kilang. Aktiviti penguatkuasaan dan operasi bersepadu sering dilaksanakan bersama pihak berkuasa tempatan bagi memantau kebersihan premis-premis ini. Ringkasan aktiviti pemeriksaan premis makanan adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 7**, **Jadual 8** dan **Rajah 4.**

Jumlah premis yang terdapat di Negeri Sembilan adalah sebanyak 6,631 premis penjualan makanan. Daripada Jadual 8, bagi tahun 2019 sebanyak 14 premis makanan yang mendapat penilaian di bawah 50%. Manakala sebanyak 85 buah premis telah diambil tindakan tutup sementara.

Jadual 7 : Perbandingan Pemeriksaan dan Penutupan Premis Makanan 2015 - 2019

Daerah	2015			2016			2017			2018			2019		
	Periksa	< 50%	Tutup	Periksa	< 50%	Tutup	Periksa	<50%	Tutup	Periksa	<50%	Tutup	Periksa	<50%	Tutup
Seremban	1,793	29	86	2,234	17	56	2,080	23	87	1,847	12	74	1,968	12	51
Kuala Pilah	737	0	5	774	2	12	660	0	1	843	0	3	1,012	0	5
Tampin	974	0	13	971	1	5	711	0	9	850	1	3	714	0	7
Port Dickson	806	4	19	471	2	21	866	2	28	984	4	16	1,223	2	15
Jempol	658	5	8	607	2	9	575	1	11	748	0	7	972	1	2
Jelebu	593	2	15	758	0	7	635	1	2	693	0	0	405	0	3
Rembau	495	0	4	668	1	15	652	1	2	681	0	1	619	0	2
Jumlah	**6,056**	**40**	**150**	**6,483**	**25**	**125**	**6,179**	**28**	**140**	**6,646**	**17**	**104**	**6,631**	**15**	**85**

Jadual 8 : Pencapaian Pemeriksaan Tahap Kebersihan Premis Makanan 2019

(1) Daerah	(2) Bil Premis Ada [a]	(3) Bil. diperiksa	BIL. PREMIS TERLIBAT [b]			(7) Bil. Premis ditutup [c]
			(4) < 50%	(5) 51-75%	(6) 76-100%	
Seremban	4,401	1,968	12	279	1,677	51
Kuala Pilah	1,012	1,007	0	66	941	5
Tampin	714	817	0	54	763	7
Port Dickson	1223	829	2	124	703	15
Jempol	972	654	1	97	556	2
Jelebu	405	590	0	22	568	3
Rembau	619	766	0	79	687	2
JUMLAH	**9,346**	**6,631**	**15**	**721**	**5,894**	**85**

Nota :

1. [a] : Data Bancian pada Dis' 2015 (HMIS.KMM 219)

2. [b] : % Pencapaian Penilaian

26 - 50 % : Tidak Memuaskan (C)


51 - 75 % : Memuaskan (B)

76 -100% : Sangat Memuaskan (A)

Penilaian berdasarkan Jadual Penilaian Kebersihan, Kem.Kesihatan Malaysia.

3. [c] : Penutupan Sementara Premis Makanan di bawah Akta Makanan 1983 (Sek.11)

Rajah 4 : Tahap Kebersihan Premis Makanan dari Tahun 2015 hingga 2019



15	41	721	5292
16	25	1106	5352
17	28	840	5311
18	17	888	5741
19	15	721	5894

AKTIVITI RAMPASAN MAKANAN

Aktiviti rampasan dan penyitaan makanan juga dilakukan bagi sampel makanan yang tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 9** berikut:

Jadual 9 : Aktiviti Rampasan Makanan

Perkara	Tahun				
	2015	2016	2017	2018	2019
Bilangan operasi	65	96	75	73	133
Nilai rampasan (RM)	**25, 742.61**	**30,787.56**	**48,375.86**	**26,665.45**	**33,206.75**

PEMERIKSAAN KANTIN SEKOLAH DAN DAPUR ASRAMA

Pemeriksaan premis makanan iaitu kantin dan dapur asrama sekolah telah dijalankan sepanjang tahun bagi memastikan kebersihan dan keselamatan makanan di kantin dan dapur asrama sekolah adalah baik dan memuaskan. Pencapaian bagi pemeriksaan bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 10** berikut:

Jadual 10 : Pengredan Kantin Sekolah dan Dapur Asrama

Kategori Premis	2015	2016	2017	2018	2019
Kantin Sekolah					
Gred A	180	183	193	191	194
Gred B	231	218	216	224	229
Gred C	37	49	36	35	26
Tiada Gred	0	0	0	0	0
Dapur Asrama					
Gred A	31	40	56	49	40
Gred B	27	26	15	17	29
Gred C	8	6	1	5	3
Tiada Gred	0	0	0	0	0

KRISIS MAKANAN (*FOOD ALERT*) DAN ARAHAN PEMANTAUAN KESELAMATAN MAKANAN

Pada tahun 2019, sebanyak 6 *Food Alert* telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Berikut adalah senarai *Food Alert* seperti ditunjukan di dalam **Jadual 11.**

Jadual 11 : Senarai Food Alert

Perkara	2019
Food Alert	1. *Miludeer (Extra Strong Beer)* kadar methanol tidak mematuhi paras yang dibenarkan
	2. Serbuk Instan jenama *Pop Drink* kesalahan label
	3. *Royal Club 99 Whisky 300 ml, The Original Club 99 170 ml dan The Original Club 99 700 ml* kadar methanol tidak mematuhi paras yang dibenarkan
	4.Pre. Red Peach, Preserved Fruits 200 gram paras sakarin melebihi had yang dibenarkan

PENGURUSAN ADUAN

Selain aktiviti pemeriksaan premis dan persampelan makanan, aktiviti di dalam Program Keselamatan dan Kualiti Makanan merangkumi juga siasatan aduan dari segi keselamatan makanan atau premis makanan. Siasatan aduan merangkumi dari semua aspek keselamatan makanan daripada penerimaan bahan mentah makanan sehingga makanan siap dimakan. Siasatan aduan perlu dilaksanakan bagi memastikan aduan yang diterima adalah berasas dan memastikan makanan yang dibekalkan kepada pengguna adalah selamat dan bebas daripada ancaman kesihatan.


Pada tahun 2019, sebanyak 182 aduan diterima di mana 155 daripada aduan tersebut adalah aduan mengenai kebersihan premis makanan. Jadual 12 menunjukkan pecahan aduan yang diterima dan Rajah 5 menunjukkan bilangan aduan yang diterima mengikut kategori.

Jadual 12 : Bilangan Pecahan Aduan Mengikut Kategori

Kategori Aduan	Bilangan Aduan		
	2017	2018	2019
Benda Asing	10	9	4
Kebersihan Premis Makanan	22	113	155
Keracunan Makanan	0	1	2
Makanan Rosak	7	6	8
Pencemaran Makanan	0	0	4
Pelabelan Makanan	1	0	1
Makanan Tamat Tempoh	3	3	3
Lain-Lain	6	8	5
Jumlah	**49**	**140**	**182**

Pada tahun 2018, sebanyak 140 aduan diterima di mana 113 daripada aduan tersebut adalah aduan mengenai kebersihan premis makanan. Jadual 11 menunjukkan pecahan aduan yang diterima dan Rajah 5 menunjukkan bilangan aduan yang diterima mengikut kategori.

Rajah 5 : Bilangan Aduan yang Diterima Mengikut Kategori bagi Tahun 2017 Hingga 2019



	Benda Asing	Kebersihan Premis Makanan	Makanan Rosak	Pelabelan Makanan	Pencemaran Makanan	Makanan Tamat Tempoh	Keracunan Makanan	Lain-lain
2017	10	22	7	1	0	3	0	6
2018	9	113	6	0	0	3	1	8
2019	4	155	8	1	4	3	2	5

PROGRAM PENGIKTIRAFAN BERSIH, SELAMAT DAN SIHAT (BeSS)

Pengiktirafan "Bersih, Selamat dan Sihat" atau BeSS adalah satu pengiktirafan yang diberikan kepada pengusaha premis makanan bagi menggalakkan pengusaha premis makanan menyediakan makanan yang selamat dan sihat kepada pelanggan sekaligus dapat meningkatkan pendapatan mereka dan tahap kebersihan serta keselamatan makanan di premis.

Pengiktirafan ini diberikan secara percuma dan pengusaha makanan perlu memenuhi empat (4) kriteria seperti berikut bagi mendapat pengiktirafan BeSS:

- Premis makanan adalah bersih dan mendapat markah pemeriksaan premis makanan melebihi 86%.
- Menyediakan makanan yang selamat.
- Menyediakan makanan yang sihat.
- Menyediakan makanan dalam saiz hidangan yang betul mengikut keperluan individu.

Pengiktirafan BeSS diberikan kepada premis makanan yang telah mematuhi kedua-dua komponen iaitu komponen keselamatan makanan dan komponen pemakanan seperti yang dinyatakan di dalam garis panduan Pengiktirafan "Bersih,Selamat dan Sihat".

Sebanyak 50 premis makanan yang merangkumi premis gerai makanan Fasiliti Kerajaan, Kantin Sekolah, Dewan Makan Asrama Sekolah dan Gerai Makan telah berjaya mendapat pengiktirafan premis makanan BeSS sehingga Disember 2019.

Jadual 13 menunjukkan bilangan pemegang sijil BeSS mengikut jenis premis makanan dan daerah yang mendapat pengiktirafan BeSS pada tahun 2019.

Jadual 13 : Pemegang Sijil BeSS Mengikut Jenis Premis di Negeri Sembilan Tahun 2019

Bil.	Jenis Premis	Bilangan Premis
1.	Kantin Sekolah	19
2.	Fasiliti Kerajaan - Kafeteria - Dapur - Kantin	 17 5 3
3.	Dewan Makan Asrama	5
4.	Gerai Makan	1
Jumlah		**50**

PENSIJILAN

i. Pensijilan *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP)

Pengiktirafan bagi pensijilan *Hazard Analysis and Critical Control Points* (HACCP) diwujudkan bagi memberi pengiktirafan rasmi kepada industri yang berjaya melaksanakan elemen-elemen HACCP sekaligus memenuhi kehendak keselamatan makanan dn kehendak pengguna. Bermula pada 19 April 2001, Skim Penjisilan HACCP telah dilancarkan secara rasmi dan objektif skim ini adalah untuk memberikan pengiktirafan rasmi kepada premis makanan yang berjaya mengamalkan dan mengekalkan sisten HACCP bagi produk makanan mereka.

Premis pemegang sijil HACCP KKM akan mendapat manfaat iaitu pengeluaran sijil kesihatan bagi tujuan pengeksportan ke luar negara dalam masa 3 hari dari tarikh permohonan berbanding bagi premis yang tiada HACCP KKM dalam masa 19 hari dari tarikh permohonan. Jumlah pemegang sijil HACCP sehingga tahun 2019 adalah sebanyak 20 premis. Senarai pemegang sijil HACCP pada tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 14.**

Jadual 14 : Pemegang Sijil HACCP di Negeri Sembilan Tahun 2019

Bil.	Syarikat		Sijil	
	Nama	Alamat	Bermula	Tamat
1	Cereal Partners (Malaysia) Sdn. Bhd.	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan	22.01.2019	21.01.2022
2	Danone Dumex (M) Sdn. Bhd	Lot 759 (B3),Nilai Industrial Estate, 71800 Nilai, Negeri Sembilan	23.01.2018	22.01.2021
3	Far East Import-Export (Serdang) Sdn. Bhd.	Lot No 9&10, Jalan Tiara Sentra 1, Nilai Utama, 71800 Nilai, Negeri Sembilan	24.08.2016	23.08.219
4	Greenlife Harvest (M) Sdn. Bhd.	No 23 & 25, Jalan Ps 2/2, Taman Pinggiran Senawang, 71450 Seremban, Negeri Sembilan	19.07.2016	18.07.2019
5	Kian Joo Canpack Sdn. Bhd.	No. 107, Jalan Permata 1, Kawasan Industri Arab-Malaysian, 71800 Nilai, Negeri Sembilan	19.06.2016	18.07.2019
6	Nestle Asean (Malaysia) Sdn. Bhd.	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan	12.04.2017	11.04.2020
7	Nestle Asean (Malaysia) Sdn. Bhd.	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan	12.04.2017	11.04.2020
8	Nestle Manufacturing (Malaysia) Sdn Bhd	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan	12.04.2017	11.04.2020
9	Pure Circle Sdn Bhd	Pt.23419, Lengkuk Teknologi, Techpark @ Enstek, 71760 Negeri Sembilan	17.08.2018	16.08.2021
10	Titi Eco Organic Food Industry Sdn Bhd	Pt 5111, Jln Sungai Rotan, Mukim Glami Lemi, Daerah Jelebu, 71650 Negeri Sembilan	21.09.2017	20.09.2020
11	Unit Dietetik & Sajian, Hospital Tampin	Jalan Tampin-Gemas, 73000 Tampin, Negeri Sembilan	22.08.2017	21.8.2020
12	Vitaton (M) Sdn. Bhd.	Lot 5043, Kg. Sompo, Jalan Setul- Lenggeng, 71750 Lenggeng, Negeri Sembilan	29.10.2019	28.10.2022
13	Mission Foods Malaysia Sdn Bhd	Pt 29516, Lengkok Teknologi 2 Techpark@Enstek, 71760 Bandar Enstek Negeri Sembilan	30.03.2018	29.03.2021
14	Jitar Sdn Bhd	No.26, Jalan Lombong Emas 5, Seremban Light Industrial Park, Jalan Tun Dr. Ismail, 70200 Negeri Sembilan	28.08.2018	20.08.2021
15	Yuen Chun Industries Sdn Bhd	18, Lengkuk Teknologi 4, Taman Teknologi Enstek (Fasa 1), 71760, Bandar Enstek Negeri Sembilan	28.08.2018	20.08.2021
16	Greenlife Harvest (M) Sdn. Bhd.	No 23 & 25, Jalan Ps 2/2, Taman Pinggiran Senawang, 71450 Seremban, Negeri Sembilan	03.09.2019	02.09.2022

Bil.	Syarikat		Sijil	
	Nama	Alamat	Bermula	Tamat
17	Kellogg Asia Products Sdn. Bhd.	Lot 1-5, Jalan Teknologi 5, Taman Teknologi Enstek Techpark @ Enstek, Phase 2A, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan	17.01.2019	16.01.2022
18	QL Poultry Farms Sdn. Bhd.	Lot 1338/5, Pajam, 71700 Mantin, Negeri Sembilan	27.03.2019	26.03.2022
19	Hokto Malaysia Sdn. Bhd.	No.19 Lengkuk Teknologi Enstek 4, Taman Teknologi Enstek (Fasa 1), Techpark @ Enstek, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan	09.12.2019	08.12.2022
20	Perniagaan Wafada Sdn. Bhd.	Lot 31, Jalan Tiara Sentral 1, Nilai Impian, 71800 Nilai, Negeri Sembilan	13.03.2019	20.11.2021

ii. Pensijilan Amalan Pengilangan Yang Baik / *Good Manufacturing Practise* (GMP)

Pengiktirafan bagi pensijilan *Good Manufacturing Practce (GMP)* diwujudkan bagi memberi pengiktirafan rasmi kepada industri yang berjaya mengamalkan elemen-elemen GMP sekaligus memenuhi kehendak-kehendak keselamatan makanan dan kehendak pengguna. Skim Pensijilan GMP telah dilancarkan untuk memberikan pengiktirafan rasmi kepada premis makanan yang berjaya mengamalkan dan mengekalkan sistem GMP di premis makanan.

Pengiktirafan ini akan meningkatkan keyakinan pengguna ke atas produk yang dikeluarkan dan membantu dalam meluaskan pasaran produk ke peringkat antarabangsa dan juga bagi mematuhi Perundangan dan Peraturan Makanan serta standard semasa.

Jumlah pemegang sijil GMP sehingga tahun 2019 adalah sebanyak 24 premis. Senarai pemegang sijil GMP pada tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 15.**

Jadual 15 : Senarai Pemegang Sijil GMP di Negeri Sembilan Tahun 2019

Bil.	Syarikat		Sijil	
	Nama	Alamat	Bermula	Tamat
1	Cereal Partners (Malaysia) Sdn. Bhd.	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan	22.01.2019	21.01.2022
2	Danone Dumex (M) Sdn. Bhd	Lot 759 (B3),Nilai Industrial Estate, 71800 Nilai, Negeri Sembilan	23.01.2018	22.01.2021
3	Far East Import-Export (Serdang) Sdn. Bhd.	Lot No 9&10, Jalan Tiara Sentra 1, Nilai Utama, 71800 Nilai, Negeri Sembilan	24.08.2016	23.08.2019
4	Greenlife Harvest (M) Sdn. Bhd.	No 23 & 25, Jalan Ps 2/2, Taman Pinggiran Senawang, 71450 Seremban, Negeri Sembilan	19.07.2016	18.07.2019
5	Kian Joo Canpack Sdn. Bhd.	No. 107, Jalan Permata 1, Kawasan Industri Arab-Malaysian, 71800 Nilai, Negeri Sembilan	19.06.2016	18.07.2019
6	Nestle Asean (Malaysia) Sdn. Bhd.	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan	12.04.2017	11.04.2020

Bil.	Syarikat		Sijil	
	Nama	Alamat	Bermula	Tamat
7	Nestle Asean (Malaysia) Sdn. Bhd.	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan	12.04.2017	11.04.2020
8	Nestle Manufacturing (Malaysia) Sdn Bhd	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan	12.04.2017	11.04.2020
9	Pure Circle Sdn Bhd	Pt23419, Lengkuk Teknologi, Techpark@Enstek, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan	17.08.2018	16.08.2021
10	Titi Eco Organic Food Industry Sdn Bhd	Pt 5111, Jln Sungai Rotan, Mukim Glami Lemi, Daerah Jelebu, 71650 Negeri Sembilan	21.09.2017	20.09.2020
11	Unit Dietetik & Sajian, H. Tampin	Jalan Tampin - Gemas, 73000 Tampin, Negeri Sembilan	22.08.2017	21.8.2020
12	Vitaton (M) Sdn. Bhd.	Lot 5043, Kg. Sompo, Jalan Setul - Lenggeng, 71750 Lenggeng, Negeri Sembilan	26 .09.2016	25.09.2019
13	Mission Foods Malaysia Sdn Bhd	PT 29516, Lengkok Teknologi 2, Techpark@ Enstek, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan	30.03.2018	29.03.2021
14	Jitar Sdn Bhd	No. 26, Jalan Lombong Emas 5, Seremban Light Industrial Park, Jalan Tun Dr. Ismail, 70200 Negeri Sembilan	28.08.2018	20.08.2021
15	Yuen Chun Industries Sdn Bhd	18, Lengkuk Teknologi 4, Taman Teknologi Enstek (Fasa), 71760, Bandar Enstek, Negeri Sembilan	28.08.2018	20.08.2021
16	Hospital Jempol	Unit Dietetik Dan Sajian, 72120 Bdr Sri Jempol, Negeri Sembilan	07.02.2017	06.02.2020
17	Hospital Tampin	Dapur Unit Dietetik Dan Sajian, Hospital Tampin, 73009 Tampin, Negeri Sembilan	12.06.2016	11.02.2019
18	Mega Prestima	91, Jalan Nilai 3/25, Kawasan Perindustrian Nilai 3, 71800 Nilai, Negeri Sembilan	27.09.2015	26.09.2018
19	Thoyyib Pharma Industries Sdn Bhd	No 83 & 84, Jalan Nilai 3/23, Nilai 3 Industrial Park, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.	27.11.2015	26.2.2018
20	Darul Khusus Venture Sdn Bhd	Lot 517, Kampung Mungkal, 71350 Kota, Rembau, Negeri Sembilan	07.03.2016	06.03.2019
21	Bioton Corporation Sdn Bhd	Lot. 113 & 114, Jalan Nilai 3/12, Kawasan Perindustrian Nilai 3, Nilai, 71800, Seremban, Negeri Sembilan	06.12.2018	05.12.2021
22	Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Hospital Tuanku Ampuan Najihah, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan	25.06.2019	24.06.2022
23	Hospital Port Dickson	KM 11, Jalan Pantai, 71050 Port Dickson, Negeri Sembilan	29.01.2019	28.01.2022
24	Hospital Jelebu	Kuala Klawang, 76100 Jelebu, Negeri Sembilan	01.11.2019	31.10.2022

iii. Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI)

Skim Pensijilan MeSTI adalah satu skim yang dijenamakan semula bagi menggantikan Skim Keselamatan Makanan 1 Malaysia (SK1M). Skim Pensijilan MeSTI adalah merupakan hasil penambahbaikan dari SK1M bagi memudahkan premis makanan terutamanya pihak Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk memenuhi keperluan-keperluan yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Premis yang mendapat pensijilan MeSTI pada tahun 2019 adalah sebanyak 48 premis. Senarai pemegang sijil MeSTI di Negeri Sembilan bagi tahun 2019 adalah seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual 16**.

Jadual 16 : Pemegang Sijil MeSTI di Negeri Sembilan Tahun 2019

Bil.	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
1	Port Dickson	Uyir Inspired Sdn. Bhd.	No.2G Jalan PD-Seremban, Lukut Prima, Lukut, 71010 Port Dickson, Negeri Sembilan
2	Seremban	Rehan Global Food Sdn. Bhd.	No.44 Jalan Bunga Raya 9, Pusat Perniagaan Senawang, Taman Tasik Jaya, 70400 Seremban, Negeri Sembilan
3	Seremban	Magic Foods Sdn. Bhd.	459-460 Jalan 7/17, Kawan Industri Nilai 7, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
4	Seremban	Sciensterra Sdn. Bhd.	Bangunan Serbaguna, Kompleks Al-Ammar, Kampung Kanchong, 71800 Rantau, Negeri Sembilan
5	Seremban	Hinoki Beverages Sdn. Bhd.	Lot 17225, Jalan Harun 6, Oakland Industrial Park, 70300 Seremban, Negeri Sembilan
6	Seremban	Hokto Malaysia Sdn. Bhd.	No.19, Lemgkuk Teknologi Enstek 4, Taman Teknologi Enstek (Fasa 1), Techpark @ Enstek, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan
7	Port Dickson	Guan Chong Yan Trading	No.169, Jalan DS ½ Bandar Dataran Segar, Lukut, 71010 Port Dickson, Negeri Sembilan
8	Seremban	Kilan Kicap Tuck Hing (Wai Kee) Sdn. Bhd.	No.20, Jalan Nilam 2, Taman Industri Ringan Nilam, 71200 Rantau, Negeri Sembilan
9	Port Dickson	NS Agriculture Sdn. Bhd.	P.T 4159, Sua Grensing Estate, Jalan Sua Betong, 71200 Port Dickson, Negeri Sembilan
10	Seremban	Ayamria Enterprise	No.59, Lorong SJ 8/8-A, Seremban Jaya, 70450 Seremban, Negeri Sembilan
11	Port Dickson	SP Tube Ice Enterprise	No.138, Jalan Bukit Palong, Taman Perindustrian Perdana, 71010 Port Dickson, Negeri Sembilan
12	Rembau	Cereal Partners (Malaysia) Sdn. Bhd.	Lot 691, Jalan Perusahaan Utama, Kawasan Perindustrian Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan
13	Seremban	Avocado Import & Eksport (M) Sdn. Bhd.	610, Taman Yoon Chan, Jalan Tok Ungku, 70100 Seremban, Negeri Sembilan
14	Seremban	CMBN Group Sdn. Bhd.	No.9-1, Jalan PKL, Pusat Komersial Lobak, 70200 Seremban, Negeri Sembilan

Bil.	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
15	Seremban	RHF Marketing Sdn. Bhd.	No.43, Jalan SJ 6/7 , Business Avenue, Seremban Jaya, 70450 Seremban, Negeri Sembilan
16	Seremban	Perniagaan Wafada Sdn. Bhd.	Lot 31, Jalan Tiara Sentral 1, Nilai Impian, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
17	Seremban	PK Agro-Industrial Products (M) Sdn. Bhd. (Lot 10)	Lot 10, MIEL Building, Senawang Industrial Estate, 70450 Seremban, Negeri Sembilan
18	Seremban	PK Agro-Industrial Products (M) Sdn. Bhd. (Lot 98)	PT 98, Jalan Senawang 4, Senawang Industrial Estate, 70450 Seremban, Negeri Sembilan
19	Seremban	D'era Pouch Industries Sdn. Bhd.	No.549 Jalan Nilai 3/15, KawasanPerindustrian Nilai 3, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
20	Seremban	Mam Industries Sdn. Bhd.	No. 3997, Jalan SJ 8/6, Taman Seremban Jaya, 70450 Seremban, Negeri Sembilan
21	Seremban	Mayralab (Malaysia) Sdn. Bhd.	No.85 & 86, Jalan S2 C3, Green Technology Park, Seremban 2, 70300 Seremban, Negeri Sembilan
22	Tampin	Nicko Jeep Manufacture Sdn. Bhd.	Lot 7041-7042-7043, Kawasan Industri Kecil, Taman Gunung Mas, 73000 Tampin, Negeri Sembilan
23	Seremban	PPS Food Industries Sdn. Bhd.	No. 1840, Taman Ujong, Jalan Tok Ungku, 70100 Seremban, Negeri Sembilan
24	Seremban	Era Plantations Tech Sdn. Bhd.	No.1 Jalan TJ 1/4D, Kawasan Industri Tuanku Jaafar, 71450 Sungai Gadut, Negeri Sembilan
25	Seremban	HFS Food Processing Sdn. Bhd.	Lot 23136, Jalan BSS 1/2A, Bandar Seremban Selatan, 71450 Sungai Gadut, Negeri Sembilan
26	Seremban	Sazida Global (M) Sdn. Bhd.	No.129, Jalan S2 G2, Garden Avenue, Seremban 2, 70300 Seremban, N. Sembilan
27	Port Dickson	Hallmark Beverages Industry Sdn. Bhd.	No.67, Jalan Perdana 3, Taman Peridustrian Perdana Lukut, 71010 Port Dickson, Negeri Sembilan
28	Seremban	Apple Green Water Supply	PT 8036, Jalan BBN 5//3B, Jasmine Avenue, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
29	Seremban	Deqyoung Vision Enterprise	No.82, Jalan TJ 3/2B, Kawasan Perindustrian Tuanku Jaafar 3, Senawang Link, 70450 Seremban, Negeri Sembilan
30	Seremban	Sinaran Rempah Asli Sdn. Bhd.	No.311, Jalan Industri Galla 15, Galla Industri Park, 70200 Seremban, Negeri Sembilan
31	Tampin	Katonah Klasik Enterprise	No.301, Blok 13, Jelai 2, 73480 Gemas, Negeri Sembilan

Bil.	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
32	Seremban	Al Sahhia Natural Biotech Sdn. Bhd.	PT 1216, Jalan Terai 1, Taman Marida, Senawang, 70450 Seremban, Negeri Sembilan
33	Seremban	Greenlife Harvest (M) Sdn. Bhd.	No.23 & 25, Jalan PS 2/2, Taman Pinggiran Senawang, 70450 Seremban, Negeri Sembilan
34	Seremban	Flytechno Biz Perkongsian Liabiliti Terhad	No.4G, Jalan Kuala Pilah, Batu 3, Bandar Baru Ampangan, 70400 Seremban, Negeri Sembilan
35	Port Dickson	Cheok Cheng Loon Enterprise Sdn. Bhd.	No.28, Taman Perindustrian Palong Lukut, Jalan Lukut-Sepang, 71010 Lukut, N.Sembilan
36	Seremban	Prestige Herbs Manufacturing Sdn. Bhd.	No.215, Jalan Nilai 7/15, Kawasan Perindustrian Nilai 7, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
37	Seremban	Mastura Food Enterprise	No.60 GF/ 62 GF, Jalan Orkid 2, Taman Senawang Indah, 70450 Seremban, Negeri Sembilan
38	Port Dickson	Hospital Port Dickson	Unit Dietetik & Sajian Hospital Port Dickson, KM 11, Jalan Pantai, 71050 Port Dickson, Negeri Sembilan
39	Jempol	Atlas Edible Ice Sdn. Bhd.	No.2008, Taman Industri Bahau, 72100 Bahau, Negeri Sembilan
40	Seremban	Asia One Food Industries Sdn. Bhd.	No.160 & 161, Lorong PIAM 1/1, Kawasan Perindustrian Arab, Malaysia Industrial Park, (Phase II) Nilai 3, Negeri Sembilan
41	Kuala Pilah	Jabatan Dietetik dan Sajian Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Hospital Tuanku Ampuan Najihah, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan
42	Rembau	DNR Maju	Lot 988 & 989, Jalan Durian Daun Kampung Pulau Bukit, Rembau, Negeri Sembilan
43	Seremban	SGK Food Industry Sdn. Bhd.	PT 28100, Kawasan Perindustrian Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
44	Seremban	Vitaton (M) Sdn. Bhd.	Lot 5043, Kampung Sompo, Jalan Sentul-Lenggeng, 71750 Seremban, Negeri Sembilan
45	Seremban	Far East Import-Eksport (Serdang) Sdn. Bhd.	No.9 & 10, Jalan Tiara Sentral 1, Kawasan Perindustrian Nilai Utama, Negeri Sembilan
46	Jelebu	Unit Dietetik dan Sajian Hospital Jelebu	Kuala Klawang, 76100 Jelebu, Negeri Sembilan
47	Seremban	Green Island Sdn. Bhd	Lot 1, Batu 6, Jalan Pantai, 71700 Seremban, Negeri Sembilan
48	Seremban	Sri Melur Foods Sdn. Bhd.	No.70, Jalan TJ 3/2B, Senawang Link, Kawasan Industri Tuanku Jaafar 3, 71450 Sungai Gadut, Negeri Sembilan

EKSPORT

Pengeluaran sijil eksport bagi produk makanan perlu mematuhi keperluan negara pengimport dan mematuhi kehendak-kehendak Akta Makanan serta Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Sijil eksport terbahagi kepada dua (2) iaitu:

i. Sijil Kesihatan Bagi Produk Makanan dan Bahan Bersentuhan Makanan
- Permohonan sijil ini dikeluarkan di peringkat Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)
- Fi bagi Sijil Kesihatan adalah seperti berikut:

a. Pemegang sijil HACCP KKM : RM 100.00 / sijil
b. Tiada HACCP KKM : RM 300.00 / sijil

ii. Sijil Penjualan Bebas bagi Produk Makanan
- Permohonan sijil ini dikeluarkan di peringkat Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM), Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS)
- Fi bagi Sijil Penjualan Bebas adalah RM100.00 / sijil

Jadual 17 menunjukkan bilangan pengeluaran Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas mengikut bulan pada tahun 2019. Jumlah pengeluaran Sijil Eksport bagi Tahun 2019 adalah **1,066 sijil** dengan jumlah kutipan fi sebanyak **RM139,800.00.**

Jadual 17: Bilangan Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas Mengikut Bulan Pada Tahun 2019

Bil.	Bulan	Jumlah Sijil Yang Dikeluarkan		
		Sijil Kesihatan		Sijil Penjualan Bebas
		Pemegang Sijil HACCP KKM (3 hari)	Tiada HACCP KKM (19 hari)	
1	Januari	63	12	8
2	Febuari	58	16	10
3	Mac	102	14	16
4	April	72	30	20
5	May	64	21	19
6	Jun	43	10	14
7	Julai	75	16	18
8	Ogos	93	23	19
9	September	83	4	8
10	Oktober	81	4	15
11	November	79	11	12
12	Disember	87	5	23
JUMLAH PENGELUARAN SIJIL		**900**	**166**	**182**
JUMLAH KUTIPAN FI		**RM90,000**	**RM49,800**	**RM18,200**

PELESENAN


i. Pelesenan Mesin Jual Air (MJA)

Pelesenan Mesin Jual Air (MJA) merupakan permohonan lesen pengendalian Mesin Jual Air daripada sumber air terawat atau bekalan air awam yang perlu melalui beberapa proses seperti penurasan, osmosis songsang, penyulingan, pengionan atau proses yang setara dan diikuti proses penyahjangkitan.


Bagi tujuan pengoperasian, Mesin Jual Air (MJA) mestilah mematuhi standard yang ditetapkan di bawah Peraturan 360C di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Manakala peruntukan di bawah Peraturan 53 dan 55, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan pula menetapkan beberapa spesifikasi yang perlu ada dan perlu dipatuhi oleh setiap pemohon.

Sehingga tahun 2019 sebanyak 94 MJA telah dilesenkan iaitu 14.0% daripada jumlah 697 Mesin jual Air yang direkodkan bagi seluruh Negeri Sembilan bagi tahun semasa. **Rajah 6** menunjukkan bilangan mesin jual air yang mendapat lesen mengikut daerah di Negeri Sembilan sehingga tahun 2019 manakala **Rajah 7** menunjukkan data keseluruhan mesin jual air mengikut status permohonan lesen bagi tahun 2019.

Rajah 6 : Bilangan Mesin Jual Air (MJA) Yang Mendapat Lesen Mengikut Daerah Di Negeri Sembilan Sehingga Tahun 2018



Rajah 7 : Data Keseluruhan Mesin Jual Air Mengikut Status Permohonan Lesen Bagi Tahun 2019



ii. Pelesenan Air Mineral Semulajadi (AMS)

Pelesenan Air Mineral Semulajadi (AMS) bagi air mineral semulajadi daripada sumber air yang diperolehi daripada strata kandungan air bawah tanah melalui mata air, telaga, lain-lain jalan keluar, dengan atau tanpa tambahan karbon dioksida.

Semua produk AMS yang dijual atau diperdagangkan untuk orang awam, sama ada sumber air tempatan atau diimport mestilah mempunyai kelulusan lesen daripada KKM dan tertakluk kepada pematuhan Peraturan 360A di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Senarai pemegang lesen AMS di Negeri Sembilan bagi tahun 2019 adalah seperti yang dinyatakan di **Jadual 18**.

Jadual 18 : Senarai Pemegang Lesen AMS di Negeri Sembilan Tahun 2019

Bil	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
1.	Seremban	Vitaton (M) Sdn Bhd.	Lot 5043, Kg. Sompo, Jalan Setul – Lenggeng, Lenggeng, Negeri Sembilan
2.		Sciensterra Sdn Bhd	Telaga Al Asr, Lot 18308, Kompleks Al Ammar, Kg Kanchong, 71200 Rantau, Negeri Sembilan
3.	Rembau	Darul Khusus Venture Sdn. Bhd.	No. 517, Kampung Mungkal, 71350 Kota, Rembau, Negeri Sembilan
4.		JW Glory Holding Sdn Bhd	Lot 1390, Jalan Fajar Harapan 3, Ampung Chenong, Mukim Chengkau, 71300 Rembau, Negeri Sembilan

Pelesenan Air Minuman Berbungkus (AMB)

Pelesenan Air Minuman Berbungkus (AMB) adalah merupakan permohonan lesen air minuman diperlakukan selain daripada AMS yang terkedap di dalam botol atau bungkusan-bungkusan lain dan dicadangkan bagi kegunaan manusia.

Sumber AMB adalah daripada air dari sistem bekalan awam, air permukaan (tasik, sungai dan kolam) dan air tanah (telaga, tiub dan mata air). Senarai pemegang lesen AMB di Negeri Sembilan bagi tahun 2019 adalah seperti yang dinyatakan di **Jadual 19**.

Jadual 19 : Pemegang Lesen AMB di Negeri Sembilan Tahun 2019

Bil.	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
1	Seremban	Pro Network Sdn. Bhd	22, Jalan Lombong Emas 12, Seremban Light Industries Park, Jalan Tun Dr. Ismail, 70200 Seremban
2		Apple Green Water Supply	PT 8036, Jalan BBN 5/3B, Jasmine Avenue 71800 Nilai, Negeri Sembilan
3		Gemspring Sdn.Bhd	No.25899, Jalan S2C6, Green Technology Park , Seremban 2, 70300 Seremban Negeri Sembilan

Bil.	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
4		RO Water Sdn Bhd	Lot 3430,Batu 8,Jalan Lenggeng, Kawasan Industri Kecil Mantin, Mukim Setul, Seremban, Negeri Sembilan
5		Coca-Cola Bottlers (M) Sdn Bhd	PT 486, Persiaran Teknologi 4, Techpark @ Enstek, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan
6		Bioton Corporation Sdn Bhd	Lot 113&114, Jalan Nilai 3/12, Kawasan Perindustrian Nilai 3, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
7		Efficient RE Sdn Bhd	Lot 34650, Lengkuk Teknologi 4, Taman Teknologi Enstek, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan
8		Vitaton (M) Sdn Bhd.	Lot 5043, Kg. Sompo, Jalan Setul – Lenggeng, Lenggeng Negeri Sembilan
9	Port Dickson	Cheok Cheng Loon Enterprise Sdn. Bhd.	28, Taman Perindustrian Palong Lukut, Jalan Lukut-Sepang, 71010 Lukut, Port Dickson
10	Rembau	Aquario Beverages Sdn Bhd	Kawasan Perindustrian Halal MIEL Pedas, 71400 Pedas, Negeri Sembilan
11		DNR Maju Resources	Lot 988&989 Jalan Durian Daun, Kampung Pulau Bukit, 71300 Rembau, N. Sembilan

iii. Pelesenan Ais

Pelesenan ais ialah permohonan lesen bagi produk dari air minuman yang boleh diminum dan diproses sejukbeku. Semua ais yang disediakan untuk perdagangan / jualan mestilah dilesenkan dan mematuhi standard peraturan di bawah Peraturan 394A di bawah Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) 2009 berkuatkuasa pada 1 September 2009.

Terdapat 3 jenis ais iaitu Ais Kiub/ Tiub, Ais Blok dan Ais *Flake.* Tempoh sah bagi Lesen ais adalah (1) satu tahun dari tempoh kelulusan lesen dan perlu diperbaharui setiap tahun. Pemantauan kilang dan pensampelan juga dijalankan setiap tahun bagi memastikan kilang ais yang berlesen sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Senarai pemegang lesen ais di Negeri Sembilan adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20 : Pemegang Lesen Ais di Negeri Sembilan Tahun 2018

Bil.	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
1	Seremban	Atlas Edible Ice Sdn. Bhd (Senawang)	Lot 2105, Jalan Tampin, Kawasan Perindustrian Sri Senawang, 71450 Seremban, Negeri Sembilan
2		Atlas Edible Ice Sdn. Bhd (Nilai)	Pt 2192, Jalan TS 2/8C, Taman Semarak II, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
3		Seremban Ice Cube Sdn Bhd	Lot 38079 Jln Industri Galla 14, Galla Industrial Park, 70200 Seremban, Negeri Sembilan
4	Jempol	Atlas Edible Ice Sdn. Bhd (Bahau)	2008, Taman Industri Bahau, 72100 Bahau, Negeri Sembilan
5	Port Dickson	SP Tube Ice Enterprise Sdn Bhd	No.138,Jalan Bukit Palong, Taman Perindustrian Perdana, 71010 Lukut, Port Dickson, N. Sembilan

AKTIVITI PROMOSI

i. Program *GermBuster* Peringkat Daerah

Program *GermBuster* merupakan satu inisiatif pelaksanaan aktiviti promosi yang diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi menangani isu kebersihan dan keselamatan makanan khususnya keracunan makanan. Dengan tagline "Lihat, Hidu dan Rasa" program ini difokuskan kepada pelajar-pelajar sekolah untuk memberi kesedaran dan pengetahuan berkaitan kebersihan dan keselamatan makanan melalui kaedah pencegahan.

Program ini dilaksanakan menggunakan Modul Program *GermBuster* melalui aktiviti interaktif dan menarik untuk pelajar sekolah. Pada tahun 2019, program ini telah dijalankan di peringkat negeri bersempena "*Karnival Moh Waghih Sihat*" bertempat di Pantai Bagan Pinang, Port Dickson. Program ini telah melibatkan penyertaan daripada sekolah-sekolah dari semua daerah melalui program Doktor Muda dengan penyertaan sebanyak 34 buah sekolah dan seramai 250 peserta iaitu pelajar dan guru pengiring.

Rajah 8 : Aktiviti Program *GermBuster*





Program *Walkabout* Ramadhan

Program *Walkabout* Ramadhan 2019 telah diadakan pada 14 Mei 2019 bertempat di Bazar Ramadhan Stadium Paroi bersama Exco Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Pengguna dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN HEP). Turut hadir ialah YB Tuan Haji Mohamad Taufek Bin Abd Ghani, ADUN Paroi, Negeri Sembilan.

Program ramah mesra ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada pengusaha mengenai kepentingan pengendalian makanan yang baik dan penjagaan kebersihan semasa bulan ramadhan di samping mempromosikan konsep "Perhati dan Pilih" di kalangan pengguna agar dalam membeli juadah berbuka puasa.

Objektif Aktiviti:

- Memberi penekanan kepada aspek kebersihan dan pengendalian makanan yang selamat kepada pengendali makanan dan pengusaha bazar Ramadan.
- Untuk mempromosi keselamatan makanan kepada orang ramai semasa bulan Ramadan dalam pemilihan gerai yang bersih,pengendali yang bersih dan penggunaan peralatan yang bersih.
- Amalan keselamatan makanan seperti perhati dan pilih, serta gunakan deria anda seperti lihat dan bau untuk memilih makanan yang selamat dan baik untuk dimakan.

Rajah 9 : Aktiviti Program *Walkabout* Ramadhan





iii. Pertandingan Poster dan Video Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Rembau

Pertandingan yang pertama kali dianjurkan dengan kerjasama KKTM Rembau hasil daripada Pensijilan BeSS di kafe KKTM Rembau. Kolaborasi dengan Jabatan Filem dan Animasi Digital kepada semua pelajar untuk menghasilkan video dan poster bertemakan keselamatan makanan.

Objektif adalah bagi memanfaatkan kepakaran bidang bagi kedua-dua program antara keselamatan makanan dan filem digital di samping memberi pendedahan dan informasi berkaitan keselamatan makanan kepada tenaga pengajar dan pelajar. Sebanyak tujuh (7) video dan 22 poster telah dipertandingkan dengan tema Keselamatan Makanan.

Majlis penyampaian hadiah telah diadakan pada 21 Mei 2019 dan disampaikan oleh Pengarah KKTM Rembau dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri BKKM bertempat di Dewan Sinan, KKTM Rembau.

Rajah 10 : Pertandingan Poster dan Video Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Rembau







KESIMPULAN

Secara keseluruhannya pencapaian Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan bagi tahun 2019 adalah baik dan memuaskan. Bahagian ini telah menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan baik dan dengan bertambahnya anggota yang terlibat dalam aktiviti pengurusan dan pemantauan akan dapat memberikan satu aras perkhidmatan yang terbaik serta mengukuhkan lagi aktiviti pemantauan keselamatan makanan yang lebih sistematik. Usaha berterusan juga sedang dan akan dijalankan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa dipertingkatkan dan berjalan lancar sejajar dengan misi dan visi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia.